

Siri Rujukan Pengajian Am

# KENEGARAAN MALAYSIA

Ranjit Singh Malhi



**FEDERAL PUBLICATIONS**

Kuala Lumpur • Singapore • Hong Kong

© 1988 Federal Publications Sdn. Bhd.  
8238 Jalan 222  
46100 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Cetakan Pertama 1988

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian juga tidak dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (*retrieval system*), ataupun dipancar walau melalui sebarang cara pun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain, tanpa kebenaran pihak penerbit terlebih dahulu.

038801

ISBN: 967-914-261-2  
010032021-X

Dicetak oleh Percetakan P.K.S. Sdn. Bhd., 23, Jalan Tandang, P.J.

M  
320 - 4595  
MPL

515448  
[APP

12 DEC 1989  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## **NOTA PENGARANG**

Ranjit Singh Malhi memperolehi ijazah Sarjana Muda Sastera (Sejarah) dari Universiti Malaya pada tahun 1977. Pada tahun 1986, beliau mendapat ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari The Maxwell School of Citizenship and Public Affairs (Syracuse University), Amerika Syarikat. Ranjit merupakan seorang pentadbir awam yang telah berkhidmat selama 10 tahun. Pada masa ini, beliau bertugas sebagai Penolong Pengarah Kanan di Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU).

Ranjit merupakan seorang pengarang yang bertanggungjawab, gigih dan produktif. Bidang-bidang pengkhususannya ialah sejarah dan pentadbiran awam. Buku-buku yang telah dihasilkan oleh beliau setakat ini adalah seperti berikut:

- |       |   |      |
|-------|---|------|
| (i)   | Panduan Jawapan STPM Sejarah Kertas 2                     | 1984 |
| (ii)  | Sejarah Kertas 2 STPM                                     | 1985 |
| (iii) | Panduan Jawapan Peperiksaan Am Kerajaan                   | 1985 |
| (iv)  | Panduan Jawapan SPM Sejarah Malaysia<br>dan Asia Tenggara | 1986 |
| (v)   | Kenegaraan Malaysia                                       | 1988 |

12.5.67 { 2

## **DEDIKASI**

*Untuk negara Malaysia,  
Semoga kekal bersatu  
padu dan aman makmur.*

## PRAKATA

Buku ini ditulis khas bagi memenuhi kehendak para pelajar yang mengambil Kertas 1 Pengajian Am (900/1) dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Ia adalah selaras dengan Sukatan Pelajaran Pengajian Am. Tumpuan buku ini ialah kepada bahagian Pengetahuan Kenegaraan Malaysia (yang meliputi aspek-aspek sistem pentadbiran, perundangan, kehakiman dan isu-isu penting mengenai Malaysia dan dunia dari segi ekonomi dan kerjasama serantau).

Bab 1 menghuraikan konsep-konsep asas (seperti negara, perlembagaan, kerajaan, pentadbiran awam, organisasi dan struktur) dalam pengetahuan kenegaraan. Bab 2 membincangkan sejarah dan kandungan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri. Bab 3 pula menghuraikan sistem kerajaan dan pentadbiran Malaysia secara menyeluruh. Bab 4-6 menghuraikan struktur pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Bab 7-8 membincangkan sumber undang-undang dan sistem perundangan Malaysia. Bab 9 menghuraikan sistem kehakiman. Bab 10-14 merangkumi topik-topik perpaduan negara, keselamatan negara, dasar luar dan kerjasama serantau, Malaysia dan isu-isu ekonomi antarabangsa dan dasar-dasar kerajaan yang penting.

Buku ini merupakan hasil rujukan yang meluas dan kemaskini. Setiap topik dipersembahkan secara sistematik dan analitik. Kaedah penyampaian fakta-fakta yang digunakan adalah amat sesuai bagi bacaan dan pemahaman yang mudah. Setiap bab mempunyai objektif pembelajaran, ringkasan, soalan objektif, soalan untuk perbincangan, gerakerja dan

cadangan bacaan tambahan. Justeru itu, ia sesuai untuk digunakan sebagai buku teks. Saya berharap buku ini dapat membantu para pelajar mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan.

Buku ini tidak dapat saya hasilkan tanpa bantuan daripada pihak-pihak tertentu. Pertama, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Pustakawan Institut Tadbiran Awam Negara, Puan Noraini bt. Mohd Nor dan Pegawai Penyelidik ISIS, Encik Lim Siang Jin atas bantuan dan kerjasama mereka. Kedua, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Cik Eileen Yap (Federal Publications) yang telah menyunting buku ini dengan baik dalam masa yang singkat.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa kasih sayang kepada isteri saya, Abtar, yang telah memberi inspirasi dan dorongan dalam penulisan buku ini. Tanpa pengorbanannya, buku ini sudah pasti tidak dapat dihasilkan dalam masa empat bulan.

Kuala Lumpur  
Februari 1988

Ranjit Singh Malhi

# KANDUNGAN

---

## Sukatan Pelajaran Kertas Pengajian Am STPM (900)

xvi

### Bahagian I Pengenalan

#### Bab 1 KENEGARAAN SECARA UMUM

2

- ✓ Konsep Negara ✓
- ✓ Malaysia Sebagai Sebuah Negara ✓
- ✓ Apakah Perlembagaan ✓
- ✓ Mengapa Perlu Ada Perlembagaan ✓
- ✓ Klasifikasi Perlembagaan ✓
- ✓ Takrif Kerajaan ✓
- ✗ Sistem Kerajaan ✓
- ✓ Kerajaan Demokratik ✓
- ✗ Doktrin Perasingan Kuasa ✓
- ✗ Pentadbiran Awam ✓
- ✗ Konsep Organisasi dan Struktur ✓

### Bahagian II Perlembagaan dan Struktur Kerajaan

#### BAB 2 PERLEMBAGAAN-PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

26

- ✓ Sejarah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ✓
- ✓ Sabah dan Sarawak ✓
- ✓ Penubuhan Malaysia ✓
- ✓ Konsep Ketertinggian Perlembagaan Malaysia ✓
- ✗ Isi Kandungan Perlembagaan Persekutuan Secara Keseluruhan ✓
- ✓ Beberapa Perkara Penting Dalam Perlembagaan Persekutuan ✓
- ✓ Perlembagaan Negeri ✓

- ✓ Sistem Kerajaan Persekutuan
- ✓ Yang di-Pertuan Agong ✓
- ✓ Pemilihan
- ✓ Kuasa Eksekutif
- ✓ Hubungan dengan Parlimen
- ✓ Hubungan dengan Kehakiman ✓
- ✓ Tugas-tugas Lain
- ✓ Kuasa Budi Bicara
- ✓ Larangan
- ✓ Majlis Raja-Raja
- ✓ Ketua Audit Negara
- ✓ Sistem Kerajaan Negeri
- Raja dan Yang Dipertua Negeri
- Bertindak Mengikut Nasihat
- Kuasa Mengikut Budi Bicara
- Kedaulatan dan Imuniti Di Sisi Undang-undang
- Pembahagian Kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
- Kuasa Perundangan
- Kuasa Eksekutif
- Hal-Ehwal Tanah
- Kuasa Kewangan
- Sistem Pentadbiran Malaysia

### **Bahagian III Struktur Pentadbiran Awam**

- Kabinet
- Organisasi Eksekutif Tertinggi
- ✓ Perdana Menteri
- ✓ Timbalan Perdana Menteri
- Pembentukan Dasar Negara
- Tanggungjawab Secara Kolektif
- Mesyuarat Kabinet
- Kementerian
- Agensi Tertinggi Kerajaan
- Struktur Kementerian

74  
50  
27

- Peranan Kementerian
- Peranan Pentadbir Utama dan Kakitangan
- Jabatan Perdana Menteri
- Jabatan
  - Peranan Jabatan
  - Pegawai Pentadbir Utama dan Kakitangan
- Suruhanjaya
  - Jenis Suruhanjaya
  - Tujuan Penubuhan Suruhanjaya
  - Perlantikan Ahli Suruhanjaya
  - Pentadbiran Suruhanjaya
- Perbadanan Awam
  - Jenis Perbadanan Awam
  - Tujuan Penubuhan Perbadanan Awam
  - Badan-badan Berkanun Persekutuan
  - Badan-badan Tidak Berkanun Persekutuan
  - Susunan Organisasi dan Kakitangan
  - Kawalan Kementerian dan Agensi Pusat
  - Penyelarasaran Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
  - Cara-cara Penyelarasaran antara Kementerian
  - Penyelarasaran Dalam Kementerian

**BAB 5 STRUKTUR DAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN TEMPATAN 100**

- Majlis Mesyuarat Kerajaan
- Jabatan
- Jabatan Negeri
- Cawangan Jabatan Persekutuan
- Pejabat Setiausaha Persekutuan dan Pejabat Kewangan Persekutuan
- ✓ Suruhanjaya
  - Perbadanan Awam
  - Peringkat Pentadbiran Negeri Semenanjung Malaysia
  - Daerah
  - Mukim
  - Kampung
  - Sabah
  - Sarawak
  - Kerajaan Tempatan
  - Peringkat Kerajaan yang Berasingan

Tujuan Penubuhan	
Jenis Kerajaan Tempatan	
Susunan Organisasi dan Kakitangan	
Tugas-tugas Pihak Berkuasa Tempatan	
Hubungan Kerajaan Tempatan - Kerajaan Negeri	
Hubungan Kerajaan Tempatan - Kerajaan Persekutuan	
Penyelarasian Pentadbiran Kerajaan Negeri	
Penyelarasian Pentadbiran antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan	
Cara-cara Penyelarasian	
Majlis-majlis yang Ditubuhkan di Bawah Kuasa Perlembagaan Persekutuan	
Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri	
Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri	
Majlis dan Jawatankuasa yang Ditubuhkan oleh Kerajaan Lain-lain Jawatankuasa di Peringkat Negeri	

<b>BAB 6</b>	<b>AGENSI-AGENSI PUSAT</b>	<b>122</b>
Perbendaharaan		
Jabatan Perkhidmatan Awam		
Unit Perancang Ekonomi		
Penyediaan Rancangan Pembangunan Kebangsaan Lima Tahun		
Unit Penyelarasian Pelaksanaan		
Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi		
Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia		

## Bahagian IV Perundangan

<b>BAB 7</b>	<b>SEJARAH DAN SUMBER UNDANG-UNDANG MALAYSIA</b>	<b>138</b>
Definisi dan Keperluan Undang-undang		
Perkembangan Undang-undang di Semenanjung Malaysia		
Undang-undang Masyarakat Melayu Tradisional		
Undang-undang Adat		
Undang-undang Islam		
Undang-undang Adat Cina dan Hindu		
Pengenalan Undang-undang Inggeris		
Perkembangan Undang-undang di Sabah dan Sarawak		

Undang-undang Adat Bumiputera  
Pengenalan Undang-undang Inggeris  
Sumber Undang-undang Malaysia  
Undang-undang Adat  
Undang-undang Islam  
Undang-undang Inggeris  
Keputusan-keputusan Mahkamah

**BAB 8 . BADAN-BADAN PERUNDANGAN  
PERSEKUTUAN DAN NEGERI**

154

- ✓ Perundangan
- ✓ Parlimen
- ✓ Yang di-Pertuan Agong
- ✓ Dewan Negara
- ✓ Dewan Rakyat
- ✓ Mesyuarat Parlimen
- ✓ Keistimewaan Parlimen
- ✓ Cara Membuat Undang-undang
- ✓ Persetujuan Yang di-Pertuan Agong
- ✓ Badan Perundangan Negeri
- ✓ Raja atau Yang Dipertua Negeri
- ✓ Dewan Negeri
- ✓ Mesyuarat Dewan Negeri
- ✓ Pilihanraya
- ✓ Suruhanjaya Pilihanraya
- ✓ Bahagian Pilihanraya dan Calon
- ✓ Pemilih
- ✓ Daftar Pemilih

**Bahagian V Kehakiman**

**BAB 9 . SISTEM KEHAKIMAN**

176

Fungsi-fungsi Kehakiman  
Sistem Kehakiman Malaysia  
Perlantikan Hakim  
Kebebasan Kehakiman  
Hierarki Mahkamah-mahkamah Awam

- Mahkamah Agung
- Mahkamah Tinggi
- Mahkamah Sesyen
- Mahkamah Majistret
- Mahkamah Penghulu
- Mahkamah-mahkamah Khas
- Mahkamah Juvenil
- Mahkamah Syariah
- Mahkamah Bumiputera
- Mahkamah Tentera

## Bahagian VI Pengetahuan Am

<b>X</b>	<b>BAB 10 PERPADUAN NEGARA</b>	198
/	Consep Perpaduan	
/	Masalah Perpaduan	
/	Usaha-usaha Kerajaan untuk Memupuk Perpaduan Nasional	
/	Rukunegara	
/	Maksud Prinsip-prinsip Rukunegara	
/	Dasar-Ekonomi Baru	
/	Strategi dan Program-program Pembasmian Kemiskinan	
/	Penyusunan Semula Masyarakat	
/	Program-program Penyusunan Semula Masyarakat	
/	Dasar Pendidikan Kebangsaan	
/	Bagaimana Dasar Pendidikan Kebangsaan Dapat	
/	Memupuk Perpaduan Negara	
/	Dasar Kebudayaan Kebangsaan	
/	Bahasa Kebangsaan	
/	Jabatan Perpaduan Negara	
/	Barisan Nasional	
/	Integrasi antara Wilayah	
<b>BAB 11</b>	<b>KESELAMATAN NEGARA</b>	222
/	Ancaman Komunis	
/	Sebab-sebab Pergerakan Komunis Mengancam	
/	Keselamatan Negara	
/	Langkah-langkah Kerajaan bagi Mengatasi Ancaman Komunis	
/	Penyalahgunaan Dadah	
/	Sebab-sebab Dadah Mengancam Keselamatan Negara	

Langkah-langkah Kerajaan Bagi Mengatasi Ancaman Dadah  
Memperketatkan Undang-undang Mengenai Dadah  
Penubuhan Pasukan Petugas Anti-Dadah  
Mengadakan Pusat-pusat Pemulihan Dadah  
Kempen Anti-Dadah  
Mengalakkan Kegiatan-kegiatan Sosial  
Memperketatkan Pemeriksaan Kastam  
Mengadakan Kerjasama Antarabangsa

## BAB 12

### DASAR LUAR MALAYSIA DAN KERJASAMA SERANTAU

234

Definisi Dasar Luar Negeri  
Dasar Luar Malaysia  
Paktor-faktor Yang Diambil Kira dalam Penentuan  
Dasar Luar Malaysia  
Kepentingan Nasional  
Piagam Penubuhan Bangsa-bangsa Bersatu  
Kedudukan Geografi  
Islam  
Bekas Jajahan British  
Dasar Berkecuali  
Prinsip Hidup Bersama  
Perkembangan Dasar Luar Malaysia 1957 - 1980-an  
Pendirian Malaysia dalam Masalah Kampuchea  
Hubungan Malaysia dengan Negara-negara Islam  
Pendirian Malaysia dalam Isu Antartika.  
Malaysia dan Isu Apartheid  
Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif  
Malaysia dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali  
Kerjasama Serantau  
ASEAN  
Matlamat-matlamat ASEAN  
Struktur ASEAN  
Kerjasama ASEAN dalam Bidang Politik  
ZOPFAN  
Pendirian Bersama atas Isu Politik  
Kerjasama Ekonomi  
Projek-projek Perindustrian ASEAN  
Usahasama Perindustrian ASEAN  
Skim Pelengkap Perindustrian ASEAN

- Peraturan Perdagangan Istimewa
- Pendirian Bersama atas Isu-isu Ekonomi Antarabangsa
- Sektor Pengangkutan dan Komunikasi
- Sektor Kewangan
- Sektor Makanan dan Pertanian
- Dialog dengan Negara-negara Ketiga
- Kerjasama ASEAN dalam Bidang Sosial dan Kebudayaan
- Pendidikan dan Kesihatan
- Kerjasama dalam Kawalan Dadah
- Masa Depan ASEAN
- Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia

### BAB 13

## MALAYSIA DAN ISU-ISU EKONOMI ANTARABANGSA

264

- Ekonomi Terbuka Malaysia
- Isu-isu Komoditi Utama Semasa
- Harga Komoditi Utama yang Rendah dan Tidak Stabil
- Pengeluaran Lebihan
- Sekatan Tarif dan Bukan Tarif
- Dialog Utara - Selatan
- Order Baru Ekonomi Dunia
- Beban Hutang Luar Negara Dunia Ketiga
- Penentuan Semula Syarat-syarat Perdagangan
- Perluasan Pasaran bagi Eksport Dunia Ketiga
- Pemindahan Teknologi
- Penglibatan dalam Proses Membuat Keputusan IMF
- Bantuan Pembangunan
- Hasil Dialog Utara - Selatan
- Dialog Selatan - Selatan
- Hasil Dialog Selatan - Selatan
- Masa Depan Dialog Selatan - Selatan

### Bab 14

## DASAR-DASAR KERAJAAN

280

- Definisi Dasar Awam
- Dasar Pandang Ke Timur
- Persyarikatan Malaysia
- Dasar Penswastaan
- Kepimpinan Melalui Teladan
- Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran
- Dasar Pertanian Negara

Dasar Perindustrian Berat  
Pelan Induk Perindustrian  
Dasar Kependudukan

<b>GLOSARI</b>	<b>296</b>
<b>JAWAPAN BAGI SOALAN OBJEKTIF</b>	<b>310</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>312</b>

## **SUKATAN PELAJARAN KERTAS PENGAJIAN AM STPM (900)**

### **BENTUK PEPERIKSAAN**

Peperiksaan bagi mata pelajaran ini terdiri daripada dua kertas iaitu Kertas 1 (900/1) dan Kertas 2 (900/2).

#### ***Kertas 1 (1 jam 30 minit) - Aneka Pilihan***

Kertas ini terdiri daripada 60 soalan aneka pilihan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Markah tidak akan ditolak bagi jawapan yang salah.

Kertas ini mengandungi soalan-soalan seperti berikut:

- Soalan yang berdasarkan Petikan Karangan yang bertemakan Sains Sosial, Kemanusiaan, Sains dan Teknologi dan Sastera Kreatif (Karya Kreatif).
- Soalan yang berdasarkan Penyelesaian Masalah.
- Soalan yang berdasarkan Pengetahuan Kenegaraan yang merangkumi sistem pentadbiran Malaysia, sistem perundangan Malaysia dan kenegaraan Malaysia.

#### ***Kertas 2 (2 jam 40 minit) - Esei***

Kertas ini terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Calon dikehendaki menjawab empat soalan iaitu satu daripada tiap-tiap bahagian.

#### **Bahagian A**

Dua tajuk karangan yang berorientasikan sastera akan dikemukakan. Calon dikehendak menulis karangan yang panjangnya di antara 300 - 350 perkataan berdasarkan satu daripada tajuk yang diberi.

### **Bahagian B**

Dua tajuk karangan yang berorientasikan sains akan dikemukakan. Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya di antara 300 - 350 perkataan berdasarkan satu daripada tajuk yang diberi.

### **Bahagian C**

Bahagian ini mengemukakan dua soalan yang terdiri daripada petikan. Calon dikehendaki mempersebahkan fakta dan maklumat yang terdapat dalam satu daripada petikan yang diberi dalam bentuk graf, carta dan/atau lain-lain bentuk alih komunikasi yang seumpamanya.

### **Bahagian D**

Bahagian ini mengemukakan dua soalan yang terdiri daripada graf dan/atau carta dan lain-lain yang seumpamanya. Calon dikehendaki mempersebahkan fakta dan maklumat yang terdapat dalam satu daripada graf dan/atau carta itu dalam bentuk karangan atau rencana.

---

## Pengenalan

**BAB****1**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	istilah-istilah perlembagaan, pentadbiran awam, organisasi dan struktur.
<b>Mengenalpasti</b>	tiga komponen kerajaan dan menyatakan fungsi-fungsi umum tiap-tiap komponen berkenaan.
<b>Membandingkan</b>	Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan kerajaan Kesatuan dan Konfederasi.
<b>Membincangkan</b>	idea terpenting dan matlamat Doktrin Perasingan Kuasa.
<b>Menghuraikan</b>	mengapa perlembagaan amat penting bagi sesebuah negara.

## KENEGARAAN SECARA UMUM

*Teras sebarang sistem kerajaan ialah perlembagaan atau undang-undang asasi.*

- C.C. Rodee et al.

Bab pertama ini akan menghuraikan fakta-fakta dan konsep-konsep asas dalam pengetahuan kenegaraan. Mula-mula sekali kita akan mengkaji konsep negara. Seterusnya perbincangan akan menyentuh tentang perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi yang menentukan corak pemerintahan negara. Takrif dan sistem-sistem kerajaan yang terdapat di dunia pada hari ini juga dihuraikan. Akhir sekali, bab ini akan meninjau konsep-konsep pentadbiran awam, organisasi dan struktur.

### Konsep Negara

Dalam undang-undang antarabangsa, sesualu masyarakat politik atau negeri layak dianggap sebagai sebuah "negara" sekiranya ia mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) Sempadan yang tertentu;
- (ii) Penduduk;
- (iii) Sebuah kerajaan teratur yang dapat mengawal hal ehwal dalam negeri; dan
- (iv) Kedaulatan (*sovereignty*), iaitu mempunyai keupayaan untuk mengawal hal ehwal dalam negeri dan kebebasan untuk mengadakan hubungan dengan negara-negara lain.<sup>1</sup>

### Malaysia Sebagai Sebuah Negara

Malaysia mempunyai kesemua *ciri kenegaraan yang asas* yang disebutkan tadi. Ia mempunyai sempadan yang tertentu; penduduk yang berbilang kaum; sistem kerajaan demokrasi berparlimen yang berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan bebas daripada pemerintahan asing. Malaysia menjalin hubungan dengan negara-negara lain bagi menjamin

keselamatan dan memajukan kesejahteraan ekonominya.

Malaysia juga mempunyai *ciri-ciri kerengaraan yang lain* seperti perlembagaan, agama rasmi (Islam); ideologi kebangsaan (Rukunegara); dan bahasa kebangsaan (bahasa Malaysia). *Simbol-simbol kerengarannya* pula ialah bendera dan lagu kebangsaan (NegaraKu). Namun demikian, Malaysia masih lagi dalam proses "membina atau membangunkan negara" (*nation-building*). Kita perlu mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu dan mencurahkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Malaysia. Kita juga masih dalam proses mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan.

### Apakah Perlembagaan?

Bagi hampir kesemua negara di dunia (kecuali Britain), perlembagaan merupakan sebuah dokumen atau dokumen-dokumen yang mengandungi undang-undang tertinggi untuk mewujudkan suatu sistem kerajaan yang teratur dan moden. Undang-undang tertinggi tersebut merupakan punca segala perundangan lain yang wujud dalam sesebuah negara. Semua undang-undang yang lain tidak boleh bertentangan dengan perlembagaan; sekiranya ini berlaku, terbatallah undang-undang berkenaan.

R. N. Gilchrist mentakrifkan perlembagaan sebagai "kumpulan peraturan-peraturan atau undang-undang sama ada bertulis atau tidak bertulis] yang menentukan organisasi kerajaan, pembahagian kuasa antara berbagai-bagai badan kerajaan dan prinsip-prinsip umum yang menentukan bagaimana kuasa-kuasa tersebut dilaksanakan".<sup>2</sup>

Perlembagaan mengandungi peruntukan-peruntukan umum mengenai corak pemerintahan negara, hak-hak asasi rakyat, kewarganegaraan, agama, bahasa, pilihanraya dan perkara-perkara lain. Lazimnya, perlembagaan mengandungi undang-undang yang selaras dengan kehendak rakyat dan keadaan semasa.

### Mengapa perlu ada Perlembagaan?

Sesebuah negara perlu mempunyai perlembagaan bagi menjamin ketabilan politik serta sistem pemerintahan yang cekap lagi adil. Tanpa perlembagaan, sudah tentu akan berlaku huru-hara. Perlembagaan juga menentukan hak asasi dan tanggungjawab rakyat. Keperluan suatu perlembagaan menjadi lebih ketara dalam sebuah negara yang berbilang bangsa seperti Malaysia. Perlembagaan diperlukan untuk mewujudkan

suatu rangka politik, ekonomi dan sosial yang dapat memudahkan perpaduan nasional dan pembangunan negara. Perlembagaan juga perlu bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak pemerintah dan melindungi kepentingan semua kaum.

### Klasifikasi Perlembagaan

Terdapat beberapa jenis perlembagaan di dunia. Secara umum, sesebuah perlembagaan boleh dibahagikan mengikut:

- » Sama ada ia bertulis atau tidak;
- » Sama ada ia dapat dipinda dengan mudah atau tidak; dan
- » Sistem kerajaan yang diamalkan.<sup>3</sup>

Hampir kesemua negara moden pada hari ini mempunyai *perlembagaan yang bertulis*, iaitu semua prinsip mengenai perlembagaan telah dimaktubkan dalam satu dokumen atau beberapa dokumen yang berkaitan. Sebaliknya, Britain tidak mempunyai perlembagaan yang bertulis akibat perkembangan sejarahnya. Prinsip-prinsip perlembagaan Britain terdapat dalam beberapa Akta Parliment, keputusan-keputusan mahkamah dan konvensyen perlembagaan.


Sesebuah perlembagaan dianggap sebagai *mudah dipinda* sekiranya ia tidak melibatkan proses yang khas untuk berbuat demikian. Perlembagaan negara-negara seperti Australia, Amerika Syarikat, Denmark dan Switzerland adalah lebih kukuh (sukar untuk dipinda) berbanding dengan negara-negara lain seperti New Zealand, Rusia dan Malaysia.<sup>4</sup> Di Australia, sebarang pindaan perlembagaan perlu diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parliment dengan kelebihan undi dua-pertiga dan disahkan oleh kesemua negerinya. Pindaan tersebut seterusnya perlu diluluskan oleh rakyat melalui satu *referendum*. Sebaliknya, pindaan perlembagaan di Malaysia hanya memerlukan kelebihan undi dua-pertiga dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

*Pengelasan perlembagaan* mengikut sistem kerajaan yang diamalkan adalah berdasarkan (a) pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri atau kerajaan tempatan (sama ada ia bersifat perlembagaan persekutuan, kesatuan, atau konfederasi); (b) kewujudan atau ketidakwujudan raja (sama ada perlembagaan merangkumi sistem kerajaan beraja atau republik) dan (c) setakat mana kuasa dibahagikan di antara berbagai badan kerajaan (sama ada perlembagaan memperuntukkan perasingan kuasa). Pengelasan tersebut akan diuraikan apabila kita membincangkan sistem kerajaan dalam bab ini.

### Takrif Kerajaan

Dalam erti kata yang sebenar, perkataan "kerajaan" merujuk kepada fungsi-fungsi yang terlibat dalam pengurusan dan perjalanan hal-ehwal sesebuah negara. [Dalam konteks ini, terdapat tiga badan kerajaan iaitu (a) *perundangan* (b) *eksekutif* dan (c) *kehakiman* seperti digambarkan dalam Rajah 1.<sup>5</sup>

Fungsi-fungsi perundangan melibatkan proses penggubalan undang-undang. Fungsi-fungsi eksekutif melibatkan penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaan dasar-dasar awam serta pentadbiran hal-ehwal negara. Fungsi-fungsi kehakiman pula melibatkan pemutusan perselisihan sesama rakyat dan antara rakyat dengan pihak berkuasa, selaras dengan undang-undang negara. Namun demikian, adalah menjadi kebiasaan untuk merujuk kepada badan eksekutif sebagai "kerajaan" memandangkan ia bertanggungjawab bagi "*pemerintahan*" negara. Ini adalah juga kerana "Ketua Negara" merupakan ketua eksekutif nominal dalam perlembagaan-perlembagaan moden.]



Rajah 1 : Komponen Kerajaan

### Sistem Kerajaan

Sistem-sistem kerajaan dapat dibahagikan mengikut (a) pembahagian kuasa kerajaan antara kerajaan pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri atau tempatan (sama ada kerajaan persekutuan, kesatuan atau kon-

federasi); dan (b) kewujudan atau ketidakwujudan raja serta fungsi-fungsinya (sama ada kerajaan republik atau kerajaan beraja).

• **Kerajaan Persekutuan, Kesatuan dan Konfederasi**

**Kerajaan Persekutuan** : Sistem kerajaan persekutuan (federation) merupakan satu penyusunan politik di mana kewibawaan perlombagaan atau kuasa kerajaan dibahagikan antara sebuah kerajaan-pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri atau tempatan (lihat Rajah 2). Seperti dinyatakan oleh K.C. Wheare, setiap peringkat kerajaan mempunyai *autonomi* perundangan bagi perkara-perkara tertentu serta mempunyai kedudukan yang seimbang.<sup>6</sup> Contoh-contoh kerajaan persekutuan ialah Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Switzerland, Brazil, India dan Malaysia.



Rajah 2 : Sistem Kerajaan Persekutuan

**Kerajaan Kesatuan :** Kerajaan kesatuan atau unitari (*unitary*) merupakan satu penyusunan politik di mana kerajaan pusat mempunyai segala kuasa kerajaan. Peringkat-peringkat kerajaan yang lain mempunyai taraf yang lebih rendah.<sup>7</sup> Contoh-contoh kerajaan kesatuan ialah Britain, New Zealand, Perancis, Sweden, Norway dan Denmark.

**Kerajaan Konfederasi :** Dalam sistem kerajaan *konfederasi* atau gabungan (*confederation*), kebanyakan kuasa kerajaan dikenalkan oleh negeri-negeri. Hanya kuasa yang terhad diberikan kepada kerajaan pusat untuk mengawal hal-hal kepentingan bersama.<sup>8</sup> Pada hakikatnya, kerajaan konfederasi seringkali tidak mempunyai kuasa yang mencukupi untuk dianggap sebagai kerajaan. Dalam kes-kes tersebut, dokumen yang mewujudkan pertubuhan bersama ini mungkin lebih tepat dianggap sebagai satu perjanjian atau permuaafakatan (*covenant*) dan bukan perlembagaan. Contoh-contoh kerajaan gabungan yang terdapat pada masa lampau ialah Konfederasi Jerman Utara 1867-71 dan Perlembagaan Empayar Jerman 1871-1918.

- **Perbezaan antara Kerajaan Persekutuan, Kesatuan dan Konfederasi**

Perbezaan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan-kerajaan kesatuan dan konfederasi jelas terlihat dalam Rajah 3. Dalam sistem kerajaan *persekutuan*, kuasa kerajaan dibahagikan antara kerajaan pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri atau tempatan. Setiap peringkat kerajaan mempunyai autonomi perundangan dalam bidang-bidang tertentu. Sebaliknya, dalam sesuatu kerajaan kesatuan segala kuasa kerajaan berada di tangan kerajaan pusat yang boleh membatalkan perundangan yang diluluskan oleh peringkat-peringkat lain dalam kerajaan. Bagi kerajaan *konfederasi* pula, kerajaan pusat hanya mempunyai kuasa yang amat terhad; kebanyakan kuasa terletak di tangan kerajaan-kerajaan negeri.

- **Kerajaan Republik dan Kerajaan Beraja**

**Kerajaan Republik :** Sesebuah republik merupakan negara di mana ketua negara lazimnya ialah seorang *presiden* walaupun terdapat beberapa republik yang tiada mempunyai presiden (seperti Republik

<i>Kerajaan Persekutuan</i>	<i>Kerajaan Kesatuan</i>	<i>Kerajaan Konfederasi</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuasa kerajaan dibahagikan antara kerajaan pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri atau tempatan.</li> <li>• Setiap peringkat kerajaan mempunyai autonomi perundangan dalam bidang-bidang tertentu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan pusat mempunyai segala kuasa pemerintahan.</li> <li>• Kerajaan pusat boleh membatalkan perundangan yang diluluskan oleh lain-lain peringkat kerajaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan pusat mempunyai kuasa pemerintahan yang amat terhad.</li> <li>• Kebanyakan kuasa terletak di tangan kerajaan-kerajaan negeri.</li> </ul>

Rajah 3 : Perbezaan antara Kerajaan Persekutuan, Kesatuan dan Konfederasi

Rakyat China yang mempunyai Pengerusi). Contoh kerajaan-kerajaan republik ialah Amerika Syarikat, Filipina, India, Perancis dan Portugal. Pada hari ini jumlah negara-negara republik adalah lebih besar daripada negara-negara beraja.

**Kerajaan Beraja :** Dalam sistem kerajaan beraja, ketua negara ialah seorang raja atau ratu. Pada masa dahulu terdapat banyak negara yang mempunyai *sistem monarki mutlak*, yakni raja mempunyai kuasa sepenuhnya untuk memerintah negara. Namun demikian bagi hampir kesemua negara yang mempunyai sistem kerajaan beraja pada hari ini, kuasa raja atau ratu adalah dihadkan oleh perlembagaan. Dalam kes-kes sedemikian, seperti di Malaysia dan Britain, sistem kerajaan dikenali sebagai *sistem raja berperlumbagaan*. Ini bererti raja menjalankan kuasa pemerintahannya mengikut perlumbagaan dan undang-undang.

### Kerajaan Demokratik

Malaysia dan hampir semua negara barat mempunyai kerajaan yang bersifat demokratik. Istilah "demokrasi" berasal daripada dua perkataan

Yunani, *damos* (rakyat) dan *kratos* (kuasa). Secara umum, demokrasi ber-makna rakyat mempunyai suara mutlak dalam menentukan kerajaan yang memerintah sesebuah negara melalui pilihanraya umum. Dengan lain perkataan, sistem demokrasi berteraskan konsep "kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat". Sebuah negara demokrasi mempunyai ciri-ciri berikut:

- (i) Semua warganegara yang mempunyai kelayakan umur yang tertentu boleh mengundi;
- (ii) Setiap warganegara dibenarkan bertanding dalam pilihanraya;
- (ii) Pengundian pilihanraya dibuat secara sulit;
- (iv) Keputusan-keputusan adalah dibuat berdasarkan bilangan undi terbanyak (pengundian majoriti);
- (v) Badan perundangan (parlimen) yang terdiri daripada wakil-wakil yang dipilih; dan
- (vi) Mengutarakan kebebasan, persamaan dan hak-hak rakyat.

### Doktrin Perasingan Kuasa

Perasingan kuasa merupakan konsep asas dalam kerajaan-kerajaan moden terutamanya bagi negara-negara demokratik. Doktrin perasingan kuasa dimajukan oleh Montesquieu, seorang ahli falsafah terkemuka Perancis. Idea terpenting mengenai *perasingan kuasa* ialah orang atau badan yang sama tidak harus bertanggungjawab bagi membuat undang-undang, menguatkuasakannya dan menghukum orang-orang yang melanggarinya. Dalam erti kata yang ekstrim, doktrin tersebut melibatkan *pembahagian kuasa pemerintahan yang jelas* antara badan-badan perundangan, eksekutif dan kehakiman tanpa sebarang pertindihan. Sebagai contoh, pihak eksekutif tidak harus mempunyai kuasa dalam hal-hal perundangan atau kehakiman.

Matiamat doktrin perasingan kuasa ialah untuk *mengelakkan pemusatkan kuasa* di dalam tangan mana-mana pihak. Dari segi amalan, tidak ada negara yang mematuhi doktrin tersebut dengan sepenuhnya, walaupun Amerika Syarikat hampir-hampir berbuat demikian. Di Malaysia, doktrin perasingan kuasa telah diubahsuai mengikut keperluan kita dan perkara ini akan diuraikan dalam Bab 3.

### Pentadbiran Awam

Bagi setiap negara moden, pentadbiran awam memainkan peranan yang

*(b) Jawai:*

penting dalam mengawal ketenteraman dan memajukan kedudukan sosio-ekonomi rakyat. Fungsi dan saiz pentadbiran awam moden telah bertambah dengan banyak dan adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kita hidup dalam zaman pentadbiran. Malahan pentadbiran awam seringkali dianggap sebagai "cabang keempat" kerajaan. Ini adalah kerana pentadbir-pentadbir awam terlibat dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar awam; memegang jawatan yang tetap dan mempunyai kemahiran yang tidak dapat ditandingi oleh pihak-pihak lain.

Pentadbiran awam merupakan sebahagian daripada satu konsep yang lebih luas, iaitu pentadbiran. Pentadbiran boleh didefinisikan sebagai kerjasama manusia untuk mencapai objektif-objektif tertentu. Ia ada kaitan dengan cara-cara untuk mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan dengan kos yang minimum. Pentadbiran wujud dalam berbagai-bagai institusi seperti firma swasta, institusi pendidikan, kesatuan sekerja dan agensi kerajaan.

Pentadbiran awam pula wujud dalam persekitaran yang bersifat politik. Pentadbiran awam boleh ditakrifkan sebagai segala proses dan aktiviti (termasuk personel) yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar awam. Dasar-dasar awam merupakan matlamat-matlamat yang telah ditentukan melalui proses politik. Namun demikian, harus diambil perhatian bahawa pegawai-pegawai awam juga terlibat dalam proses penggubalan dasar-dasar awam melalui pemberian nasihat kepada ahli-ahli politik. Pentadbiran awam merupakan sebahagian daripada badan eksekutif kerajaan dan bertanggungjawab bagi perjalanan kerajaan sehari-hari.

John A. Vieg mentakrifkan pentadbiran awam sebagai "organisasi, personel, amalan-amalan dan prosedur-prosedur yang adalah sangat perlu bagi pelaksanaan fungsi-fungsi sivil yang dipertanggungjawabkan kepada badan eksekutif kerajaan dengan cara yang efektif".<sup>9</sup> Setengah penulis lain seperti W.F. Willoughby dan L.D. White pula berpendapat bahawa pentadbiran awam meliputi segala aktiviti kerajaan berkaitan dengan badan-badan perundangan, eksekutif dan kehakiman.<sup>10</sup> Bagi tujuan penulisan ini, skop pentadbiran awam adalah terhad kepada aktiviti-aktiviti kerajaan yang berkaitan dengan badan eksekutif.

Perlu diambil perhatian bahawa perlembagaanlah yang menetapkan suasana dalam mana pentadbiran awam beroperasi. Lazimnya, perlembagaan menetapkan corak kerajaan, kawalan-kawalan badan perundangan, eksekutif dan kehakiman ke atas pentadbiran awam, penubuhan suruhanjaya-suruhanjaya serta hak-hak asasi pentadbir-pentadbir awam.

Pentadbiran kerajaan sehari-hari dijalankan oleh pegawai-pegawai awam (perkhidmatan awam) yang bekerja dalam berbagai-bagai or-

ganisasi seperti kementerian, jabatan, suruhanjaya-suruhanjaya dan perbadanan-perbadanan awam. Organisasi-organisasi berkenaan mempunyai struktur tertentu bagi memudahkan penyelarasan dan kawalan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

### Konsep Organisasasi dan Struktur

Organisasi pentadbiran sesebuah kerajaan mempunyai dua tujuan utama: pertama, membahagikan tugas-tugas kerajaan supaya dapat dijalankan dengan cara yang paling cekap dan berkesan serta memastikan pertindihan kerja yang minimum; kedua, menentukan bidang kuasa dan tanggungjawab unit-unit pentadbiran bagi memudahkan kawalan oleh badan-badan eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Secara umum, *organisasi* merupakan unit sosial yang dibentuk sebegini rupa untuk mencapai matlamat-matlamat khusus. Menurut Edgar H. Schein, organisasi merupakan "penyelarasan aktiviti-aktiviti sebilangan orang yang dirancang bagi mencapai beberapa matlamat atau tujuan yang jelas serta dipersetujui bersama, melalui pembahagian fungsi, kerja, kuasa dan tanggungjawab."<sup>11</sup> Chris Argyris pula mentakrifkan organisasi sebagai "satu strategi manusia yang seringkali diguna bagi memenuhi keperluan-keperluan dan mencapai matlamat-matlamat."<sup>12</sup> Contoh-contoh organisasi termasuklah sekolah, hospital, penjara, firma, kementerian, jabatan dan kabinet.

*Struktur* pula meliputi unsur-unsur fungsi, kuasa, penyelarasan, perhubungan, kawalan dan tanggungjawab yang merupakan rangka asas bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti organisasi. Kast dan Rosenzweig mentakrifkan struktur sebagai "corak perhubungan yang ditetapkan antara komponen-komponen atau bahagian-bahagian organisasi".<sup>13</sup> Struktur adalah penting bagi menyelaraskan berbagai-bagai aktiviti organisasi serta memastikan bahawa individu-individu mematuhi kehendak-kehendak organisasi. Struktur lazimnya digambarkan melalui *carta organisasi*.

Kebanyakan organisasi besar (terutamanya organisasi-organisasi kerajaan) adalah bersifat birokratik. Malahan pegawai-pegawai awam seringkali dirujuk sebagai birokrat. Model birokratik yang menitikberatkan unsur-unsur struktur dan prosedur telah diperkenalkan oleh Max Weber (1864 - 1920), seorang ahli sosiologi berbangsa Jerman. Ciri-ciri utama *birokrasi* adalah seperti berikut:

- (i) Pembahagian dan pengkhususan kerja;
- (ii) Hierarki, iaitu susunan kuasa dengan taraf yang bertingkat-tingkat;

- (iii) Peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur rasmi;
- (iv) Penyelarasan fail-fail dan rekod-rekod; dan
- (v) Pekerja-pekerja yang dilantik sepenuh masa berasaskan kemahiran kerja dan mempunyai tempoh perkhidmatan yang kekal serta berpencen.<sup>14</sup>

*Teori Sistem* pula menganggap organisasi sebagai satu sistem terbuka yang saling bertindak dengan alam sekitarnya. Sistem merupakan satu set komponen-komponen yang saling berkait dan berfungsi bersama-sama untuk mencapai matlamat tertentu. Komponen merupakan sama ada suatu unsur individu atau pengumpulan unsur-unsur individu yang dikenali sebagai *subsistem*.<sup>15</sup> Bagi memastikan kewujudannya yang berterusan, suatu sistem perlu memperolehi *input* dari alam sekitar dan memprosesnya untuk dijadikan *output*.<sup>16</sup>

Rajah 4 menggambarkan organisasi kerajaan sebagai satu sistem. Organisasi-organisasi kerajaan beroperasi dalam alam sekeliling yang boleh dibahagikan kepada empat komponen utama iaitu: (a) politik-perundangan; (b) sosial; (c) ekonomi; dan (d) teknologi. Setiap komponen tersebut mempengaruhi perjalanan hampir kesemua organisasi kerajaan. Tahap pengaruh ini berbeza-beza dan bergantung kepada jenis barang-barang atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesuatu agensi kerajaan. Bagi menjalankan pentadbiran harian, organisasi-organisasi kerajaan memerlukan *input* (seperti tenaga manusia, modal dan peralatan) untuk menghasilkan *output* (barang-barang atau perkhidmatan). Terdapat juga unsur maklum balas yang bertujuan membanding pencapaian sebenar dengan apa yang dirancang serta mengambil tindakan untuk mengatasi sebarang kelemahan.

### Suasana

Ekonomi

Keadaan ekonomi kerajaan yang mempengaruhi bekalan sumber-sumber (tenaga manusia, modal)

Politik - Perundangan


Ahli-ahli politik, orang awam, kumpulan sekepentingan, akhbar dan undang-undang

Sosial

Hubungan ras, urbanisasi dan nilai-nilai masyarakat

Teknologi

Komputerisasi dan automasi pejabat



Rajah 4: Organisasi Kerajaan Sebagai Satu Sistem

## RINGKASAN

1. Sesebuah negara mempunyai empat ciri asas iaitu: (a) sempadan, (b) penduduk, (c) kerajaan, dan (d) kedaulatan.
2. Malaysia sebagai sebuah negara mempunyai keempat-empat ciri tersebut. Ciri-ciri kenegaraannya yang lain ialah: (a) Perlembagaan Persekutuan, (b) agama rasmi (Islam), (c) bahasa kebangsaan (bahasa Malaysia), dan (d) ideologi kebangsaan (Rukunegara).
3. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang menentukan corak pemerintahan sesebuah negara serta hak-hak asasi rakyatnya. Semua undang-undang yang lain tidak boleh bertentangan dengan perlembagaan.
4. Hampir semua negara di dunia mempunyai perlembagaan bertulis. Britain mempunyai perlembagaan yang tidak bertulis.
5. Perlembagaan adalah perlu bagi menjamin kestabilan politik serta sistem pemerintahan yang cekap dan adil.
6. Dalam erti kata yang sebenar, perkataan "kerajaan" merujuk kepada sistem pemerintahan sesebuah negara. Terdapat tiga komponen kerajaan iaitu: (a) perundangan, (b) eksekutif, dan (c) kehakiman.
7. Namun demikian, adalah menjadi kebiasaan untuk merujuk kepada badan eksekutif sebagai "kerajaan" ("*the Government*").
8. Sistem kerajaan persekutuan merupakan satu penyusunan politik di mana kewibawaan perlembagaan atau kuasa kerajaan dibahagikan antara sebuah kerajaan pusat dengan kerajaan-kerajaan-negeri atau tempatan.
9. Kerajaan kesatuan atau unitari merupakan satu penyusunan politik di mana kerajaan pusat mempunyai segala kuasa kerajaan.
10. Kerajaan konfederasi pula merupakan satu gabungan dalam mana kebanyakannya kuasa kerajaan dikelaskan oleh negeri-negeri yang menjadi ahli.

11. Sesebuah republik merupakan negara di mana ketua negara lazimnya ialah seorang presiden. Contoh-contoh kerajaan republik ialah Amerika Syarikat, India dan Filipina.
12. Secara umum, demokrasi bermakna raykat mempunyai suara mutlak di dalam menentukan kerajaan yang memerintah sesebuah negara melalui pilihanraya umum.
13. Doktrin perasingan kuasa melibatkan pembahagian kuasa pemerintahan sesebuah negara antara badan-badan perundangan, eksekutif dan kehakiman. Ia bertujuan mengelakkan pemusatan kuasa di dalam tangan sesuatu pihak yang mungkin akan mengakibatkan penyalahgunaan kuasa.
14. Pentadbiran awam memainkan peranan yang amat penting dalam mengawal ketenteraman dan memajukan kedudukan sosioekonomi sesebuah negara. Ia boleh ditakrifkan sebagai segala proses dan aktiviti (termasuk personel) yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar awam.
15. Pentadbiran kerajaan sehari-hari dijalankan oleh pegawai-pegawai awam yang bekerja dalam berbagai-bagai organisasi seperti kementerian, jabatan dan perbadanan-perbadanan awam.
16. Organisasi merupakan unit sosial yang dibentuk sebegini rupa untuk mencapai matlamat-matlamat khusus.
17. Struktur meliputi unsur-unsur fungsi, kuasa, penyelaras, perhubungan, kawalan dan tanggungjawab yang merupakan rangka asas bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti organisasi.
18. Organisasi-organisasi kerajaan adalah bersifat birokratik. Ciri-ciri utama birokrasi ialah: (a) pembahagian dan pengkhususan kerja, (b) hierarki, (c) peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur rasmi, (d) penyelenggaraan fail-fail dan rekod-rekod, dan (e) pekerja-pekerja yang dilantik berdasarkan kemahiran kerja dan mempunyai tempoh perkhidmatan yang kekal serta berpencen.
19. Teori Sistem menganggap organisasi (termasuk organisasi-organisasi kerajaan) sebagai satu sistem terbuka yang saling bertindak dengan alam sekitarnya. Sistem merupakan satu set komponen-kom-

ponen yang saling berkait dan berfungsi bersama-sama untuk mencapai matlamat tertentu.

20. Bagi memastikan kewujudannya yang berterusan, sesuatu sistem perlu memperolehi *input* dari alam sekitar dan memprosesnya untuk dijadikan *output*.

### NOTA KAKI

1. Lihat C.C. Rodee et. al., *Introduction to Political Science*, McGraw-Hill Book Co., New York, 1967, m.s. 29-39; D.G. Hitchner dan W.H. Harbold, *Modern Government*, Dodd, Mead and Co., New York, 1972, m.s. 376-379; dan A.C. Kapoor, *Principles of Political Science*, S. Chand and Co., New Delhi, 1979, m.s. 45-52.
2. Lihat A.C. Kapoor, op. cit., m.s. 380.
3. I.N. Stevens, *Constitutional and Administrative Law*, Macdonald and Evans, London, 1984, m.s. 2.
4. Lihat K.C. Wheare, *Modern Constitutions*, Oxford University Press, New York, 1966, m.s. 16.
5. Lihat I.N. Stevens, op. cit., m.s. 5.
6. K.C. Wheare, op. cit., m.s. 19.
7. A.C. Kapoor, op. cit., m.s. 308.
8. Lihat ibid., m.s. 313 dan K.C. Wheare, op. cit., m.s. 23.
9. Lihat Amreshwar Avasthi dan Shriram Maheshwari, *Public Administration*, Lakshmi Narain Agarwal, Agra, 1974, m.s. 6.

10. Ibid., m.s. 5-6.
11. Edgar H. Schein, *Organizational Psychology*, Englewood Cliffs, Prentice-Hall Inc., 1980, m.s. 15.
12. Chris Argyris, *Understanding Organizational Behavior*, Dorsey Press, Homewood (Illinois), 1960, m.s. 1.
13. Fremont E. Kast dan James E. Rosenzweig, *Organizations and Management: A Systems Approach*, McGraw-Hill Book Co., New York, 1970, m.s. 170.
14. Lihat George J. Gordon, *Public Administration in America*, St Martin's Press, New York, 1986, m.s. 184-187 dan David H. Rosenbloom, *Public Administration: Understanding Management, Politics, and Law in the Public Sector*, Random House, New York, 1986, m.s. 120-125.
15. Bagi keterangan lanjut mengenai Teori Sistem, lihat Daniel Katz dan Robert L. Khan, *The Social Psychology of Organizations*, John Wiley and Sons, New York, 1978.
16. Contoh-contoh sistem yang lain ialah sekolah, universiti, enjin kereta, hospital dan badan kita sendiri.

### CADANGAN BACAAN TAMBAHAN

- Corson, John J. dan Harris, Joseph P., *Public Administration in Modern Society*, McGraw-Hill Book Co. Inc., New York, 1963.
- Etzioni, Amitai, *Modern Organizations*, Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs (New Jersey), 1964.
- Kapoor, A.C., *Principles of Political Science*, S. Chand and Co. Ltd., New Delhi, 1979.
- Wheare, K.C., *Modern Constitutions*, Oxford University Press, New York, 1966.

**SOALAN-SOALAN OBJEKTIF**

1. Semua yang berikut adalah ciri-ciri sesebuah negara kecuali  
A. sempadan yang tertentu  
B. penduduk  
C. kewibawaan  
 D. perlembagaan bertulis  
E. kerajaan yang teratur

(I) ia menetukan corak pemerintahan negara.  
(II) ia merupakan kuasa tertinggi.  
(III) ia menentukan hak-hak asasi rakyat.  
(IV) ia merupakan punca segala perundangan lain.
2. Perkara-perkara yang tersebut di atas adalah mengenai  
A. Sistem Kehakiman  
B. Sistem Perundangan  
C. Raja  
 D. Perlembagaan  
E. Peguam Negara
3. Terdapat tiga badan kerajaan iaitu  
 A. Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman  
B. Raja, Peguam Negara dan Perdana Menteri  
C. Raja, Parlimen dan Perdana Menteri  
D. Raja, Mahkamah dan Perdana Menteri  
E. Eksekutif, Perundangan dan Ketua Hakim Negara
4. Yang manakah di antara berikut yang benar mengenai Kerajaan Persekutuan?  
 A. Kuasa kerajaan dibahagikan antara sebuah kerajaan pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri atau tempatan  
B. Kerajaan Pusat mempunyai segala kuasa pemerintahan  
C. Kebanyakan kuasa terletak di tangan kerajaan-kerajaan negeri  
D. Ketua Negara sesebuah Kerajaan Persekutuan ialah seorang raja

- E. Ketua Negara sesebuah kerajaan Persekutuan ialah seorang presiden
5. Semua pernyataan berikut mengenai sistem kerajaan adalah benar kecuali
- Kerajaan kesatuan merupakan satu penyusunan politik di mana kerajaan pusat mempunyai segala kuasa pemerintahan
  - Dalam sistem kerajaan konfederasi kebanyakan kuasa pemerintahan dikekalkan oleh negeri-negeri
  - Dalam sistem kerajaan persekutuan setiap peringkat kerajaan mempunyai autonomi perundangan bagi perkara-perkara tertentu
  - Malaysia mengamalkan sistem kerajaan persekutuan
  - Ketua Negara sesebuah kerajaan konfederasi ialah seorang raja
6. Sesebuah negara berdemokrasi mempunyai ciri-ciri berikut:
- keputusan adalah berasaskan pengundian majoriti ✓
  - pengundian pilihanraya dibuat secara sulit ✓
  - ketua kerajaan ialah presiden ✗
  - semua ahli badan perundangan dilantik oleh presiden ✗
  - mengutarakan kebebasan, persamaan dan hak asasi rakyat ✓
- I, II dan IV
  - II dan IV
  - I, II dan V
  - I, IV dan V
  - I, III dan IV
7. Matlamat doktrin perasingan kuasa ialah untuk
- menjamin kestabilan negara
  - mengelakkan pemusatan kuasa di dalam tangan mana-mana pihak
  - menjamin hak asasi rakyat
  - mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh Peguam Negara
  - mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh presiden
8. Semua pernyataan berikut mengenai pentadbiran awam adalah benar kecuali
- pentadbiran awam dianggap sebagai "cabang keempat" kerajaan
  - fungsi dan saiz pentadbiran awam telah bertambah dengan banyak

- C. pentadbir-pentadbir awam tidak terlibat dalam proses pengubalan dasar-dasar awam
- D. pentadbir awam merupakan sebahagian daripada badan eksekutif kerajaan
- E. pentadbir awam wujud dalam persekitaran yang bersifat politik
- (i) ia merupakan unit sosial yang dibentuk sebegini rupa untuk mencapai matlamat khusus.
- (ii) ia menentukan bidang kuasa dan tanggungjawab unit-unit pentadbiran.
9. Perkara-perkara yang tersebut di atas adalah mengenai
- A. Perlembagaan
- B. Organisasi
- C. Struktur
- D. Kabinet
- E. Badan Kehakiman
10. Kebanyakan organisasi besar (terutamanya organisasi-organisasi kerajaan) adalah bersifat
- A. autokratik
- B. demokratik
- C. birokratik
- D. laissez-faire
- E. monopolistik
11. Ciri-ciri utama birokrasi adalah seperti berikut
- I. hierarki
- II. pembahagian dan pengkhususan kerja
- III. pekerja-pekerja sambilan
- IV. peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur rasmi
- V. penyelenggaraan fail-fail
- A. I dan II
- B. I, II, IV dan V
- C. II, III dan V
- D. III dan IV
- E. I dan V

12. Semua pernyataan berikut mengenai Teori Sistem adalah benar kecuali
- ia menganggap organisasi sebagai satu sistem tertutup yang tidak berinteraksi dengan alam sekitarnya
  - sistem merupakan satu set komponen-komponen yang saling berkait dan sama-sama berfungsi untuk mencapai matlamat tertentu
  - suatu sistem perlu memperolehi input daripada alam sekitar dan memprosesnya untuk dijadikan output bagi memastikan kewujudannya yang berterusan
  - sesuatu sistem mempunyai subsistem
  - maklum balas adalah unsur penting dalam perjalanan sesuatu sistem

### **SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

- Jelaskan mengapa perlombagaan adalah perlu bagi menjamin ketablian politik dan kemakmuran sesebuah negara.
- Apakah yang dimaksudkan dengan "perlombagaan sebagai undang-undang tertinggi"?
- Apakah yang dertiakan dengan "kerajaan" sesebuah negara?
- Bagaimanakah doktrin perasingan kuasa dapat mengelakkan pemusatkan kuasa di dalam tangan mana-mana pihak?
- Mengapakah pentadbiran awam dianggap sebagai "cabang keempat" kerajaan?
- "Birokrasi merupakan jenis organisasi yang paling cekap." Apakah pendapat anda mengenai pernyataan ini?
- Huraikan mengapa organisasi kerajaan dianggap sebagai satu sistem.

## **GERAKERJA**

1. Dapatkan maklumat tambahan mengenai perkara-perkara berikut:
  - (i) kebaikan dan keburukan sistem kerajaan demokratik;
  - (ii) kebaikan dan keburukan sistem kerajaan kesatuan; dan
  - (iii) kebaikan dan keburukan sistem kerajaan persekutuan.
2. Aturkan satu perbahasan tentang tajuk yang berikut: "Perlembagaan perlu dikaji dari semasa ke semasa untuk menyesuaikannya dengan perkembangan atau keperluan baru."

---

**Perlembagaan dan Sistem Kerajaan**

**BAB****2**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	perkhidmatan awam seperti yang terdapat di Malaysia.
<b>Mengenalpasti</b>	perkembangan-perkembangan penting dalam sejarah Perlembagaan Malaysia.
<b>Membandingkan</b>	perolehan kewarganegaraan melalui cara kuatkuasa undang-undang, pendaftaran, naturalisasi dan percantuman wilayah.
<b>Membincangkan</b>	mengapa Perlembagaan kita dianggap sebagai hasil tolak ansur antara kaum Melayu dan bukan Melayu.
<b>Menghuraikan</b>	konsep ketertinggian Perlembagaan Malaysia.

## PERLEMBAGAAN-PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

*Perlembagaan kita merupakan hasil persefahaman dan kebijaksanaan antara kaum.*

- Tunku Abdul Rahman

Malaysia merupakan sebuah persekutuan yang berlandaskan perlembagaan bertulis sebagai undang-undang tertinggi. Negara kita mengandungi Kerajaan Persekutuan dan 13 buah Kerajaan Negeri serta Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Labuan). Negeri-negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

Perlembagaan Persekutuan yang didapati hari ini adalah berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Ia telah dipinda pada tahun 1963 untuk membolehkan penyertaan Singapura, Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia. Singapura seterusnya menarik diri dari Persekutuan pada tahun 1965. Setiap negeri pula mempunyai perlembagaan masing-masing yang menentukan corak pemerintahan negeri berkenaan.

### Sejarah Perlembagaan Persekutuan Negeri-negeri Melayu

Sejarah perkembangan Perlembagaan Persekutuan Malaysia berkait rapat dengan perluasan pengaruh British. Mengikut Perjanjian Pangkor 1874, Sultan Perak bersetuju menerima seorang Residen British yang akan menasihati baginda dalam semua perkara kecuali yang menyentuh agama dan adat istiadat Melayu. Menjelang tahun 1895, Sistem Residen ini telah diasaskan dengan kukuhnya di Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

Melalui Perjanjian Persekutuan 1895 yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 1896, keempat-empat negeri di atas telah disatukan di bawah satu pemerintahan pusat dan mula dikenali sebagai *Negeri-negeri Melayu Bersekutu* (*Federated Malay States - FMS*). FMS bukan merupakan

sebuah persekutuan tetapi sebuah kesatuan. Kuasa pentadbiran dipusatkan di tangan Residen-Jeneral di Kuala Lumpur. Tidak ada pembahagian kuasa antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Sultan-sultan dikehendaki menurut nasihat Residen-Jeneral dalam semua hal mengenai pentadbiran kecuali yang menyentuh agama Islam.

Pada tahun 1909 Kerajaan British menubuhkan Majlis Mesyuarat Persekutuan yang telah mengurangkan lagi kuasa sultan-sultan dan Majlis-majlis Mesyuarat Negeri. Segala dasar dan undang-undang penting diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan. Pemusatan kuasa pusat menerima bantahan daripada sultan-sultan Melayu. Perkara pengagihan kuasa pusat merupakan isu politik yang terpenting dalam sejarah FMS hingga tahun 1941.<sup>1</sup> Pengagihan kuasa pusat dijalankan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1934.

Dalam pada itu, Britain telah memperluaskan pengaruh rasminya ke atas Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu melalui Perjanjian Bangkok 1909 dengan Siam. Seorang Penasihat British dilantik bagi tiap-tiap negeri berkenaan. Johor pula menerima seorang Penasihat British pada tahun 1914. Kelima-lima negeri ini (yang dikenali sebagai *Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu*) enggan menyertai Persekutuan oleh kerana bimbang akan kehilangan kuasa mereka kepada Kerajaan British. Maka pentadbiran British sebelum Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu mengandungi tiga unit, iaitu Negeri-negeri Selat (Melaka, Pulau Pinang dan Singapura), Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Pada tahun 1946 Kerajaan British telah memperkenalkan sebuah kerajaan baru (kesatuan) iaitu *Malayan Union* yang bertujuan melicinkan dan menyeragamkan pentadbiran serta menyediakan penduduk Tanah Melayu ke arah pemerintahan sendiri. Semua negeri Melayu berserta Pulau Pinang dan Melaka disatukan di bawah satu pemerintahan pusat. Singapura tidak dimasukkan ke dalam kesatuan ini. Ia kekal sebagai tanah jajahan. Malayan Union mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu kerana ia memberi hak kerakyatan yang sama kepada orang bukan Melayu dan perlaksanaannya akan menghapuskan kedaulatan dan kuasa sultan-sultan. Akibat tentangan tersebut, Kerajaan British terpaksa memansuhkan Malayan Union dan menggantikannya dengan *Persekutuan Tanah Melayu* pada tahun 1948. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah menubuhkan sebuah kerajaan pusat yang kuat dan ahli-ahlinya adalah sama seperti mana yang diperuntukkan dalam Malayan Union. Ia telah juga mengembalikan kuasa sultan-sultan, memperketatkan syarat-syarat kewarganegaraan serta menjamin hak istimewa orang Melayu.<sup>2</sup>

Pada tahun 1948 juga, perlembagaan-perlembagaan bertulis telah diperkenalkan di semua negeri Melayu (kecuali Johor dan Terengganu), Pulau Pinang dan Melaka. Perlembagaan Johor dibuat dalam tahun 1895 manakala Perlembagaan Terengganu pada tahun 1911. Perjanjian Negeri telah dimeteri antara tiap-tiap sultan dengan Kerajaan British di mana sultan-sultan telah bersetuju untuk memerintah mengikut Perlembagaan Negeri dan juga mematuhi peruntukan Perjanjian Persekutuan 1948.

Mukadimah Perjanjian Persekutuan telah menyatakan hasrat Kerajaan British dan sultan-sultan untuk bekerjasama ke arah pencapaian *pemerintahan sendiri* bagi Tanah Melayu. Selaras dengan ini, pilihanraya umum yang pertama telah dijalankan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada 27hb. Julai 1955. Dalam pilihanraya tersebut, Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) berjaya memenangi 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan dan Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri.

Kemenangan Parti Perikatan telah memberikannya mandat untuk memulakan rundingan dengan Kerajaan British mengenai *kemerdekaan* Tanah Melayu. Pada bulan Januari 1956 Tunku Abdul Rahman mengetuai satu rombongan ke London untuk merundingkan perkara kemerdekaan. Kerajaan British bersetuju mengisyiharkan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31hb. Ogos 1957. Persidangan di London juga mempersetujui tentang pembentukan sebuah suruhanjaya untuk menggubal perlembagaan baru bagi Tanah Melayu yang berdaulat dan merdeka. Suruhanjaya tersebut (*Suruhanjaya Reid*) yang diketuai oleh Lord Reid telah mengemukakan satu rang Perlembagaan pada bulan Februari 1957. Ia dikaji semula oleh sebuah Jawatankuasa Kerja yang, antara lain, terdiri daripada empat orang wakil raja-raja, dan empat orang wakil Kerajaan Perikatan. Rang Perlembagaan yang dipinda itu telah diluluskan oleh Majlis Perundungan pada 15hb. Ogos 1957. Perlembagaan tersebut merupakan hasil tolak ansur antara kaum-kaum Melayu dan bukan Melayu tentang beberapa perkara seperti kerakyatan, kedudukan istimewa orang Melayu, agama Islam dan kedaulatan raja-raja Melayu.

### Sabah dan Sarawak

Dari tahun 1881 hingga 1946, Borneo Utara (Sabah) diperintah oleh Syarikat Borneo Utara British. Pada bulan Julai 1946, syarikat tersebut menyerahkan segala haknya ke atas Sabah kepada Kerajaan British. Pada tahun 1950 Kerajaan British memperkenalkan sebuah perlem-

bagaan baru bagi Sabah. Struktur kerajaan terdiri daripada seorang *Gabenor British*, *Majlis Eksekutif* dan *Majlis Perundangan*. Sabah dibahagikan kepada empat Residensi yang seterusnya dibahagikan kepada daerah. Pilihanraya yang pertama (peringkat daerah sahaja) telah diadakan pada tahun 1962. Ahli Majlis Daerah melantik ahli Majlis Residensi dan mereka pula melantik ahli ke Majlis Perundangan Sabah. Pilihanraya tersebut dimenangi oleh Parti Perikatan Sabah dengan majoriti yang besar. Donald Stephens dilantik sebagai Ketua Menteri yang pertama dalam bulan Ogos 1963.

Sarawak pula diperintah oleh Keluarga Brooke antara tahun-tahun 1841 - 1946. Kerajaan British mengambil alih pemerintahan Sarawak dalam bulan Julai 1946. Sarawak mendapat sebuah perlembagaan baru pada tahun 1956. Struktur kerajaan terdiri daripada *Gabenor British*, *Majlis Negeri* (badan perundangan) dan *Majlis Tertinggi* (badan eksekutif). Dari segi pentadbiran, Sarawak dibahagikan kepada lima bahagian dan setiap bahagian pula dibahagikan kepada daerah. Pilihanraya pertama (untuk Majlis Daerah sahaja) telah diadakan pada tahun 1959. Ahli-ahli Majlis Daerah memilih wakil-wakil ke Majlis Bahagian dan mereka pula memilih wakil-wakil ke Majlis Negeri. Pilihanraya 1963 telah dimenangi oleh Parti Perikatan Sarawak dan Stephen Kalong Ningkan dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak yang pertama.

### Penubuhan Malaysia

Pada 27 Mei 1961 Tunku Abdul Rahman mengemukakan idea penubuhan Malaysia yang akan terdiri daripada Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei. Cadangan ini disokong oleh Kerajaan British memandangkan ia akan menyekat perkembangan pengaruh komunis di Singapura dan wilayah-wilayah Borneo serta dapat melindungi pelaburan British di kawasan-kawasan berkenaan.

Laporan *Suruhanjaya Cobbold* yang diterbitkan pada 1 Ogos 1962 mengesahkan bahawa kira-kira 80% rakyat Sabah dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia. Kerajaan Singapura pula telah mengadakan satu referendum pada 1 September 1962. Lebih 70% pengundi menyokong penyertaan Singapura ke dalam Malaysia. Malaysia ditubuhkan secara rasmi pada 16hb. September 1963 tanpa penyertaan Brunei. Singapura kemudiannya menarik diri dari Malaysia pada 9hb Ogos 1965.

## Konsep Ketertinggian Perlembagaan Malaysia

Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi di negara kita. Parlimen memperolehi kuasanya daripada Perlembagaan. Parlimen hanya mempunyai *kuasa terhad* memandangkan ia tidak boleh membuat undang-undang bagi perkara-perkara yang berada di luar bidang kuasanya. Meskipun Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Negara, baginda juga menjalankan kuasa-kuasanya mengikut kehendak-kehendak Perlembagaan Persekutuan.

Mahkamah mempunyai kuasa untuk membatalkan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen sekiranya undang-undang berkenaan berada di luar bidang kuasanya atau bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Ini juga bererti bahawa kuasa kehakiman mahkamah adalah tertakluk kepada kehendak-kehendak Perlembagaan. Justeru itu, tiada terdapat sebarang institusi di Malaysia (melaikkan Perlembagaan Persekutuan) yang mempunyai *kuasa tertinggi*. Inilah yang diertikan dengan konsep ketertinggian Perlembagaan.

### Isi Kandungan Perlembagaan Persekutuan Secara Keseluruhan

Seperti ditunjukkan dalam Rajah 5, Perlembagaan Persekutuan mempunyai 181 Perkara yang dibahagikan kepada 14 Bahagian. Perlembagaan Persekutuan mempunyai peruntukan-peruntukan mengenai berbagai-bagai perkara seperti kebebasan asasi rakyat, kewarganegaraan, badan perundangan, badan pemerintah, badan kehakiman, kewangan, pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, kedudukan istimewa orang Melayu, tanah, pembangunan negara, perkhidmatan awam dan pilihanraya.

### Beberapa Perkara Penting Dalam Perlembagaan Persekutuan

#### ● Kebebasan Asasi

*Kebebasan asasi* seseorang individu adalah diperuntukkan dalam Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan. Kebebasan asasi boleh digolongkan ke dalam dua kategori yang berlainan iaitu : (a) *kebebasan mutlak*, dan (b) *kebebasan terhad atau bersyarat*. Hak-hak asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan hanya boleh diubah dengan majoriti

<i>Bilangan</i>	<i>Tajuk Bahagian</i>	<i>Perkara</i>
1	Negeri-negeri, Agama dan Undang-undang	1 - 4
2	Kebebasan Asasi	5 - 13
3	Kewarganegaraan	14 - 31
4	Persekutuan	32 - 69
5	Negeri-negeri	70 - 72
6	Perhubungan antara Persekutuan dengan Negeri-negeri	73 - 95E
7	Peruntukan-peruntukan Kewangan	96 - 112
8	Pilihanraya	113 - 120
9	Perhakiman	121 - 131A
10	Perkhidmatan Awam	132 - 148
11	Kuasa-kuasa Khas Menentang Perbuatan Subversif, dan Kuasa-kuasa Darurat	149 - 151
12	Am dan Pelbagai	152 - 160
13	Peruntukan Sementara dan Peralihan	161 - 161H
14	Perkecualian bagi Kedaulatan Raja-raja dsb.	188

Rajah 5 : Isi Kandungan Perlembagaan Secara Keseluruhan

dua pertiga daripada jumlah kesemua ahli Dewan Perundangan. Berikut adalah kebebasan-kebebasan utama yang diperuntukkan dalam Perlembagaan:

(i) ***Kebebasan Diri***

Tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang. Seseorang yang ditangkap perlu diberitahu dengan seberapa segera yang boleh sebab-sebab dia ditangkap. Dia juga harus *dibenarkan berunding* atau dibela oleh peguam pilihannya sendiri. Akhir sekali, seseorang yang ditangkap dan tidak dilepaskan hendaklah dibawa ke hadapan seorang majistret dalam *masa 24 jam* (tidak termasuk masa perjalanan yang perlu). Fasal ini tidak dipakai untuk sesiapa yang ditangkap atau ditahan di bawah undang-undang yang berkaitan dengan kediaman terhad. *Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960* membolehkan penahanan seseorang yang mengancam keselamatan negara *tanpa perbicaraan*.

(ii) ***Pengabdian dan Kerja Paksa***

Tiada sesiapa pun yang boleh ditahan sebagai abdi. Segala jenis kerja paksa adalah dilarang tetapi Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan bagi *perkhidmatan kerahan* untuk maksud-maksud negara. Kerja yang berkaitan dengan menjalankan hukum penjara tidaklah dianggap sebagai kerja paksa.

(iii) ***Perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuat-kuasa kebelakangan dan pembicaraan berulang***

Tiada sesiapa pun yang boleh dihukum kerana sesuatu kesalahan atau kekhilafan yang tidak menjadi kesalahan di sisi undang-undang pada masa kesalahan atau kekhilafan itu dilakukan. Perlembagaan juga melarang pembicaraan berulang. Ini bermakna bahawa jika seseorang itu telah dibebaskan daripada sesuatu kesalahan, ia *tidak boleh didakwa lagi atas kesalahan yang sama*.

(iv) ***Kesamarataan***

Semua orang sama ada kaya atau miskin adalah *sama rata* di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Melainkan dibenarkan dengan jelas oleh Perlembagaan, *tidak boleh ada diskriminasi* terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir, dalam mana-mana undang-undang atau dalam perlantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah suatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang berkenaan dengan memperolehi, memegang atau melepaskan harta atau berkenaan dengan menujuhkan atau menjalankan apa-apa per-

niagaan, profesion atau pekerjaan. Pengecualian yang terdapat ialah Perkara 153 yang membuat peruntukan layanan istimewa bagi orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain di Sabah dan Sarawak dalam beberapa lapangan seperti pemegangan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam, pemberian biasiswa-biasiswa dan pengeluaran permit serta lesen.

(v) ***Pembuangan negeri dan kebebasan bergerak***

Tiada seorang warganegara pun yang boleh dibuang negeri atau dilarang masuk ke dalam Persekutuan. Setiap warganegara *berhak bergerak dengan bebasnya dan bermastautin* di mana-mana bahagian Persekutuan. Namun demikian, hak ini adalah tertakluk kepada undang-undang berkaitan dengan keselamatan negara, ketenteraman awam, kesihatan awam atau hukuman bagi pesalah-pesalah.

(vi) ***Kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan***

Setiap warganegara berhak *bebas bercakap, berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan*. Namun demikian, Parlimen boleh mengenakan sekatan tertentu bagi kepentingan keselamatan, ketenteraman awam atau moral. Misalnya, adalah menjadi satu kesalahan untuk menyatakan perkara-perkara sensitif seperti hak istimewa orang Melayu dan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi.

(vii) ***Kebebasan agama***

Setiap orang berhak *menganuti dan mengamalkan agamanya*. Tetapi ada terdapat undang-undang yang menyekat penyebaran agama atau kepercayaan di kalangan orang Islam. Islam merupakan agama rasmi negara kita.

(viii) ***Pemilikan harta***

Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang. Sekiranya terdapat pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa, maka *pampasan* yang mencukupi hendaklah diberikan.

● **Corak Kerajaan**

Malaysia mengamalkan *sistem kerajaan demokrasi berparlimen* di mana

kuasa pemerintahan dibahagikan antara tiga komponen iaitu badan perundangan, eksekutif dan kehakiman. *Ketua Negara* ialah Yang di-Pertuan Agong. Negara kita merupakan sebuah persekutuan di mana kewibawaan perlembagaan atau kuasa dibahagikan antara sebuah Kerajaan Pusat (Persekutuan) dengan 13 buah Kerajaan Negeri. Sistem Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan diuraikan selanjutnya dalam Bab 3.

### ● Perkhidmatan Awam

Mengikut *Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan*, perkhidmatan awam terdiri daripada :

- » Angkatan Tentera;
- » Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan;
- » Perkhidmatan Awam Am Persekutuan;
- » Angkatan Polis;
- » Perkhidmatan Keretapi;
- » Perkhidmatan Awam Bersama seperti yang tersebut dalam Perkara 133;
- » Perkhidmatan Awam setiap negeri; dan
- » Perkhidmatan Pelajaran.

Setiap anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan memegang jawatannya selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan anggota Perkhidmatan Awam Negeri pula selama diperkenankan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri. Menurut Perkara 135, tidak seorang pun anggota dalam mana-mana perkhidmatan awam boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sesuatu pihak berkuasa yang rendah daripada pihak berkuasa yang telah melantiknya. Juga, seseorang anggota dalam mana-mana perkhidmatan awam tidak boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkatnya tanpa diberi peluang yang munasabah untuk didengar. Cara-cara bagaimana anggota perkhidmatan awam boleh dikenakan tindakan tatatertib atau dibuang kerja adalah diuraikan secara terperinci dalam Perintah Am. Beberapa suruhanjaya telah ditubuhkan bagi memastikan layanan yang adil terhadap anggota perkhidmatan awam dalam bidang-bidang perlantikan kenaikan pangkat dan tatatertib.

### ● Kewarganegaraan

Perlembagaan Persekutuan (Bahagian 3) ada memperuntukkan dengan

jelas mengenai hal perolehan kewarganegaraan dan penamatan kewarganegaraan. Kewarganegaraan boleh diperolehi melalui empat cara iaitu:-

- » Kuatkuasa undang-undang;
- » Pendaftaran;
- » Cara masukan; dan
- » Percantuman wilayah

(i) ***Melalui Kuatkuasa Undang-undang***

Warganegara dengan cara kuatkuasa undang-undang (secara automatik) terdiri daripada dua golongan iaitu: (a) orang yang dilahirkan sebelum Hari Malaysia iaitu 16 September 1963 dan adalah seorang warganegara Persekutuan menurut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian 1, Jadual Kedua; dan (b) orang yang dilahirkan pada atau selepas Hari Malaysia dan mempunyai mana-mana daripada kelayakan yang ditentukan dalam Bahagian 2, Jadual Kedua.

(ii) ***Melalui Pendaftaran***

Orang-orang berikut boleh menjadi warganegara dengan cara pendaftaran :

- » isteri dan anak warganegara;
- » sesiapa yang berumur di bawah 21 tahun, dan salah seorang daripada ibu atau bapanya (atau pada masa kematiannya) ialah seorang warganegara;
- » orang yang dilahirkan dalam Persekutuan sebelum Hari Merdeka; dan
- » Orang yang bermastautin di mana-mana negeri Malaysia Timur pada Hari Malaysia.

*Isteri dan Anak Kepada Warganegara*

Seorang perempuan yang telah berkahwin dan suaminya seorang warganegara berhak melalui permohonan kepada Kerajaan Persekutuan didaftarkan sebagai warganegara jika dia masih bersuami dan suaminya itu seorang warganegara pada permulaan bulan Oktober 1962 atau jika dia membuktikan dan Persekutuan berpuas hati : (a) bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan sepanjang tempoh dua tahun sebelum tarikh permohonan itu, dan (b) bahawa dia adalah berkelakuan baik. Satu lagi syarat ialah perkahwinan perempuan itu hendaklah didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Persekutuan.

Di bawah Fasal (2) Perkara 15, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh ibu bapa atau penjaga seseorang yang berumur kurang daripada 21 tahun, maka Kerajaan Persekutuan boleh mengarahkan orang itu didaftarkan sebagai warganegara jika sekurang-kurangnya ibu atau bapanya (atau pada masa kematiannya) adalah seorang warganegara.

#### *Orang-orang Di Bawah Umur 21 Tahun*

Di bawah Perkara 15A, Kerajaan Persekutuan boleh dalam sesuatu keadaan khas yang difikirkan patut mengarahkan supaya seorang yang berumur kurang daripada 21 tahun didaftarkan sebagai warganegara. Ibu bapanya tidak semestinya warganegara Malaysia.

#### *Orang-orang Yang Dilahirkan Dalam Persekutuan Sebelum Hari Merdeka*

Di bawah Perkara 16, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh seseorang yang berumur 18 tahun atau lebih dan dia dilahirkan di Persekutuan sebelum Hari Merdeka, orang itu berhak didaftarkan sebagai warganegara jika dia membuktikan kelayakannya dan Kerajaan Persekutuan pula berpuas hati:

- (a) bahawa dia telah bermastautin sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang terkandung dalam negeri-negeri tersebut dan selepas Hari Malaysia bermastautin di Persekutuan bagi tempoh berjumlah tidak kurang daripada tujuh tahun dalam masa sepuluh tahun sebelum tarikh permohonan itu, dan tempoh itu termasuk dua belas bulan sebelum tarikh permohonan itu;
- (b) bahawa dia berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan;
- (c) bahawa dia berkelakuan baik; dan
- (d) kecuali jika permohonan itu dibuat sebelum bulan September 1965, oleh seorang pemohon yang telah mencapai umur 45 tahun, dia hendaklah mempunyai pengetahuan bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris yang memadai.

#### *Peruntukan-peruntukan Am Mengenai Pendaftaran*

Tiada seorang pun yang berumur 18 tahun atau lebih boleh didaftarkan sebagai warganegara sehingga dia telah mengangkat sumpah dengan sesungguhnya dan sepenuhnya menolak serta meluputkan segala

kesetiaan kepada mana-mana negeri atau negara di luar Persekutuan dan bersumpah bahawa dia akan jujur serta menumpahkan segala taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan akan menjadi seorang warganegara Persekutuan yang sebenar, setia lagi jujur.

Kecuali setelah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, tiada seorang pun yang menolak atau yang telah dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Perlembagaan atau yang menolak atau yang dilucutkan kewarganegaraan Persekutuan sebelum Hari Merdeka mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 boleh didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan.

Seseorang yang didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan menjadi warganegara dengan cara pendaftaran mulai dari hari dia didaftarkan.

**(iii) *Melalui Cara Masukan***

Perkara 19 menghuraikan perolehan kewarganegaraan dengan cara masukan (naturalisasi). Kerajaan Persekutuan atas permohonan yang dibuat oleh seseorang yang berumur 21 tahun atau lebih dan bukan seorang warganegara, boleh memberi orang itu suatu sijil kewarganegaraan, jika Kerajaan berpuas hati :

- » bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan bagi tempoh yang dikehendaki dan berniat hendak bermastautin tetap di Persekutuan;
- » bahawa dia berkelakuan baik; dan
- » bahawa dia mempunyai pengetahuan bahasa Malaysia yang memadai.

Perakuan masukan tidak boleh diberi kepada sesiapa jua sehingga dia mengangkat sumpah taat setia yang sama seperti yang dikehendaki bagi mendapatkan kewarganegaraan dengan cara pendaftaran.

**(iv) *Melalui Percantuman Wilayah***

Perkara 22 memperuntukkan bahawa jika sesuatu wilayah baharu diterima masuk ke dalam Persekutuan, Parlimen boleh melalui undang-undang menentukan golongan orang yang akan menjadi warganegara dengan sebab perkaitan mereka dengan wilayah itu dan tarikh mula mereka menjadi warganegara.

*Penamatan Kewarganegaraan*

Seseorang warganegara boleh dengan cara sukarela menolak kewarganegaraan Persekutuan atau boleh dilucutkan kewar-

ganegaraanya oleh Kerajaan. Sebelum berbuat demikian, Kerajaan mesti mengikuti prosedur yang ditetapkan dalam Perlembagaan.

(a) *Melalui Penolakan*

Seseorang warganegara yang berumur 21 tahun atau lebih dan yang sempurna akal serta menjadi warganegara sebuah negara yang lain boleh *menolak kewarganegaraannya dengan suatu akuan* yang didaftarkan oleh Kerajaan Persekutuan. Apabila penolakan ini berlaku, seseorang itu tidak lagi menjadi warganegara. Dalam peperangan yang melibatkan Persekutuan, akuan berkenaan tidak boleh didaftarkan kecuali dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan.

(b) *Melalui Pelucutan*

Perkara 24 memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh dengan *perintah melucutkan kewarganegaraan* seseorang warganegara yang telah memperolehi kewarganegaraan mana-mana negara lain ataupun telah menggunakan hak-hak kewarganegaraan sesebuah negara asing (termasuk mengundi dalam pilihanraya politik dan menggunakan paspot negara asing sebagai dokumen perjalanan).

Perkara 25 memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan seseorang yang menjadi warganegara dengan cara pendaftaran atau cara masukan jika, antara lain, berpuas hati:

- » bahawa warganegara itu telah membuktikan dirinya sebagai tidak setia atau tidak suka pada Persekutuan;
- » bahawa dia, dalam masa sesuatu peperangan di mana Persekutuan sedang atau telah mengambil bahagian, telah berniaga atau membuat perhubungan dengan musuh dengan menyalahi undang-undang;
- » bahawa dia, dalam tempoh lima tahun bermula dari tarikh pendaftaran atau pemberian perakuan itu, telah dihukum penjara di mana-mana negara selama tempoh lebih daripada setahun atau denda lebih daripada \$5,000; dan
- » bahawa dia telah membuat kenyataan palsu semasa memohon kewarganegaraan.

● **Kedudukan Istimewa Orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak**

Perlembagaan kita merupakan hasil tolak ansur antara kaum-kaum

Melayu, Cina dan India demi untuk menjamin kestabilan dan perpaduan negara. Pemimpin-pemimpin Melayu (yang diwakili oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu - UMNO) telah mempersetujui syarat-syarat kerakyatan yang longgar bagi orang bukan Melayu. Melalui prinsip *jus soli*, kerakyatan secara automatik diberi kepada semua orang yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu pada atau selepas Hari Merdeka. Sebagai membalaik sesensi tersebut, orang Cina dan India yang diwakili oleh Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Malaya (MIC) telah mengakui *kedudukan istimewa orang Melayu* yang ketinggalan dalam bidang-bidang ekonomi dan pendidikan.

Hak-hak istimewa orang Melayu diperuntukkan dalam *Perkara 153*, Perlembagaan Persekutuan. Semenjak Hari Malaysia, taraf kedudukan istimewa telah diperluaskan kepada kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Orang Melayu dan kaum bumiputera lain diberi hak-hak istimewa dalam beberapa lapangan seperti pemegangan jawatan dalam perkhidmatan awam, pemberian biasiswa dan pengeluaran permit serta lesen. Adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk menjamin kedudukan istimewa golongan-golongan berkenaan mengikut nasihat Jemaah Menteri.

### ● Bahasa Kebangsaan

*Perkara 152* memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Malaysia (dahulunya bahasa Melayu). Namun demikian, tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (selain daripada maksud-maksud rasmi) atau daripada mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain. Maksud "rasmi" telah ditafsirkan sebagai apa-apa jua maksud Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam (merangkumi badan berkanun dan kerajaan tempatan). Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1971 telah memperuntukkan bahawa status bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan tidak boleh dipersoalkan. Sesiapa yang menyatakan tentang perkara ini boleh dituduh melakukan kesalahan di bawah *Akta Hasutan, 1984*.<sup>4</sup> Perkara 152 tidak boleh dipinda tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

Perlu diambil perhatian bahawa bahasa Inggeris boleh digunakan bagi maksud-maksud rasmi tertentu seperti dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Maksud-maksud tersebut, di antara lain, ialah :

- (a) perutusan dengan kerajaan-kerajaan luar negeri atau badan-badan antarabangsa;

- (b) latihan yang dijalankan oleh pakar-pakar luar negeri;
- (c) bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri, kerja yang berkaitan dengan penaksiran, komputer, perakaunan, pungutan dan penyiasatan; dan
- (d) nasihat atau pendapat undang-undang berhubung dengan mana-mana undang-undang yang naskhah sahihnya ialah dalam bahasa Inggeris.

### Perlembagaan Negeri

Setiap negeri dalam Persekutuan Malaysia mempunyai hak, kuasa dan tanggungjawab tersendiri mengikut perlembagaannya. Segala hak dan kuasa tersebut adalah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, perlembagaan negeri *tidak boleh bercanggah* dan bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Menurut Perkara 71(4), semua perlembagaan negeri dikehendaki mempunyai "*peruntukan-peruntukan perlu*" seperti terkandung dalam Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan yang menentukan kedudukan Raja, Yang Dipertua Negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan, Dewan Negeri, peruntukan kewangan, layanan sama rata bagi pekerja-pekerja negeri dan pindaan perlembagaan negeri. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan Kerajaan Negeri serta memastikan supaya perlembagaan-perlembagaan negeri mematuhi Perlembagaan Persekutuan.<sup>5</sup>

Perlembagaan negeri, antara lain, menentukan corak pemerintahan. Kuasa eksekutif di peringkat negeri terletak pada Raja atau Yang Dipertua Negeri mengikut perlembagaan masing-masing. Kuasa eksekutif ini dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (*Exco*) yang diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri atas nama Raja atau Yang Dipertua Negeri. Tiap-tiap negeri mempunyai dewan sekamar (*Dewan Negeri*) yang terdiri daripada Raja atau Yang Dipertua Negeri dan sebilangan ahli yang dipilih secara langsung oleh rakyat negeri yang berkenaan. Corak pemerintahan negeri akan diuraikan dengan mendalam dalam bab-bab yang berikut.

Kerajaan Negeri mempunyai autonomi yang luas dalam mentadbir perkhidmatan awamnya. Semua negeri melainkan Negeri Sembilan, Perlis, Melaka dan Pulau Pinang mempunyai suruhanjaya perkhidmatannya sendiri.<sup>6</sup> Namun demikian, menurut Perkara 112 Kerajaan Negeri tidak boleh, tanpa persetujuan Kerajaan Persekutuan, menambah perjawatan negeri atau gaji dan emolumen yang sedia ada, sekiranya tindakan berkenaan akan menambah tanggungan Kerajaan Persekutuan dalam

hal penceن, ganjaran dan elaun-elaun lain.<sup>7</sup> Agama rasmi semua negeri Melayu ialah agama Islam.

Perlembagaan Negeri (tertakluk kepada pengecualian tertentu) boleh dipinda oleh Dewan Negeri dengan syarat ia disokong dengan undi sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli pada bacaan kedua dan ketiga rang undang-undang pindaan itu. Di negeri-negeri Melayu (negeri-negeri beraja), pindaan tidak dapat dibuat tentang kenaikan takhta dan kedudukan pembesar-pembesar negeri yang memerintah.<sup>8</sup>

3/3

### RINGKASAN

1. Malaysia merupakan sebuah Persekutuan yang berlandaskan perlembagaan bertulis sebagai undang-undang tertinggi. Ia mengandungi Kerajaan Persekutuan dan 13 buah Kerajaan Negeri serta Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Labuan).
2. Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang didapati hari ini adalah berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
3. Perlembagaan Persekutuan mempunyai 181 Perkara yang dibahagikan kepada 14 Bahagian.
4. Bahagian 2 Perlembagaan memperuntukkan kebebasan asasi yang boleh digolongkan dalam dua kategori iaitu:  
(a) kebebasan yang mutlak; dan (b) kebebasan yang terhad.
5. Pengabdian adalah dilarang. Terdapat kebebasan beragama. Semua orang adalah sama di sisi undang-undang. Seseorang yang ditangkap dan tidak dilepaskan hendaklah dibawa ke hadapan seseorang majistret dalam masa 24 jam. Tiada seorang warganegara pun yang boleh dibuang negeri. Rakyat mempunyai kebebasan bercakap, berhimpun, menubuh persatuan dan memiliki harta.
6. Malaysia mengamalkan sistem kerajaan demokrasi berparlimen dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.
7. Setiap anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan memegang

jawatannya selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Seseorang anggota perkhidmatan awam tidak boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat tanpa diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

8. Kewarganeraan boleh diperolehi melalui empat cara iaitu:  
(a) kuatkuasa undang-undang; (b) pendaftaran; (c) cara masukan; dan (d) percantuman wilayah.
9. Kerajaan Persekutuan boleh melucutkan kewarganegaraan seseorang warganegara yang telah memperolehi kewarganegaraan ataupun menggunakan hak-hak kewarganegaraan sesebuah negara asing.
10. Perkara 153 memperuntukkan hak-hak istimewa orang Melayu dan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak.
11. Perkara 152 memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Malaysia (dahulunya bahasa Melayu).
12. Setiap negeri mempunyai hak, kuasa dan tanggungjawab tersendiri mengikut perlombagannya. Namun demikian, perlombagaan negeri tidak boleh bercanggah dengan peruntukan Perlombagaan Persekutuan.

### **NOTA KAKI**

1. Bagi keterangan lanjut mengenai isu pengagihan kuasa pusat, sila lihat Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur 1964.
2. Bagi keterangan lanjut mengenai *Malayan Union* dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, sila lihat Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.
3. Harry E. Groves, "Kebebasan Asasi dalam Perlombagaan Persekutuan Malaysia", dalam *Perlombagaan Malaysia - Perkembangannya : 1957 - 1977*, (ed.) Tun Mohamed Suffian, H.P. Lee dan F.

- A. Trindade, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1984, m.s. 33.
4. Tun Mohamed Suffian bin Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, m.s. 443.
5. Lihat Wu Min Aun, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, m.s. 100.
6. Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, m.s. 235.
7. *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 112.
8. Lihat Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, op. cit., m.s. 220.

### CADANGAN BACAAN TAMBAHAN

Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986.

Wu Min Ann, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986.

### SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Semua pernyataan berikut mengenai sejarah perkembangan Perlembagaan Malaysia adalah benar kecuali
- A. Perlembagaan Malaysia yang terdapat pada hari ini adalah berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 ✓
- B. Majlis Mesyuarat Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1909
- C. Malayan Union diperkenalkan pada tahun 1945

- D. Pilihanraya umum yang pertama diadakan di seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955  
E. Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948
2. Kerajaan terpilih yang pertama di Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk oleh  
A. Parti Perikatan ✓  
B. Barisan Nasional  
C. UMNO  
D. UMNO dan MCA  
E. Parti Negara
3. Tujuan pembentukan Suruhanjaya Reid pada tahun 1956 ialah untuk  
A. mengkaji soal kemerdekaan Singapura  
B. mengkaji semula sistem pilihanraya di Tanah Melayu  
C. merangka perlembagaan baru bagi Tanah Melayu  
D. mendapat pandangan penduduk Tanah Melayu mengenai pemerintahan British  
E. menyiasat kegiatan komunis di Tanah Melayu
4. Perkara-perkara yang menjadi tolak ansur antara kaum bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu ialah  
I. Kedudukan istimewa orang Melayu ✓  
II. jawatan Perdana Menteri  
III. kerakyatan ✓  
IV. bahasa Melayu (kini bahasa Malaysia) ✓  
V. hak mengundi dalam pilihanraya umum ✓  
  
A. ✓ I, III dan V  
B. I dan III  
C. ✓ I, II dan IV ✓  
D. II, III dan V ✗  
E. III dan V ✗
5. Yang manakah di antara pernyataan berikut mengenai kebebasan asasi yang tidak benar?  
A. Hak-hak yang diperuntukkan dalam Perlembagaan hanya boleh diubah dengan majoriti dua pertiga daripada jumlah kesemua ahli Dewan Perundangan ✓

- B. Setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya ✓  
 ✓ Seseorang yang ditangkap dan tidak dilepaskan hendaklah dibawa ke hadapan seorang majistret dalam masa 36 jam ✗
- D. Tiada seseapa pun yang boleh ditahan sebagai abdi ✓
- E. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 membolehkan penahanan seseorang yang mengancam keselamatan negara tanpa perbicaraan
6. Perkara 153 Perlembagaan Malaysia memperuntukkan
- A. bahasa Melayu (bahasa Malaysia ) sebagai bahasa rasmi negara ✓
- ✗ layanan istimewa bagi orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak dalam pemegangan jawatan- jawatan perkhidmatan awan dan pemberian biasiswa
- C. Islam sebagai agama rasmi negara
- D. Kebebasan bercakap, berhimpuun secara aman dan menuhukan persatuan
- E. kesamarataan semua orang di sisi undang-undang
7. Ketua Negara Malaysia ialah
- A. Perdana Menteri ✓
- ✗ Yang di-Pertuan Agong
- C. Pesuruhjaya Tinggi
- D. Ketua Setiausaha Negara
- E. Residen - Jeneral
8. Kuasa tertinggi di Malaysia ialah
- A. Yang di-Pertuan Agong ✓
- ✗ Perlembagaan Malaysia
- C. Majlis Raja-Raja
- D. Mahkamah Persekutuan
- E. Perdana Menteri
9. Cara-cara bagaimana anggota perkhidmatan awam boleh dikenakan tindakan tatatertib diuraikan secara terperinci dalam
- A. Perlembagaan ✓
- B. Perintah Am
- C. Akta Parlimen
- D. ✓ Warta Kerajaan
- E. Arahan Kabinet

10. Semua pernyataan berikut mengenai kewarganegaraan adalah benar **kecuali**
- A. kewarganegaraan boleh diperolehi melalui empat cara ✓
  - B. isteri dan anak warganegara Malaysia boleh memohon kewarganegaraan melalui cara pendaftaran ✓
  - C. Kerajaan Persekutuan boleh melucutkan kewarganegaraan seseorang warganegara yang telah memperolehi kewarganegaraan mana-mana negara lain
  - D. seseorang bukan warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas boleh memohon kewarganegaraan melalui cara masukan (naturalisasi)
  - E. semua warganegara melalui cara masukan mestilah mempunyai pengetahuan bahasa Malaysia yang memadai
11. Perkara manakah yang memperuntukkan bahasa Malaysia sebagai bahasa negara?
- A. 153
  - B. ✓152
  - C. 154
  - D. 112
  - E. 174
12. Semua pernyataan berikut mengenai perlembagaan negeri adalah benar **kecuali**
- A. ✓perlembagaan negeri tidak boleh bercanggah dengan peruntukkan Perlembagaan Persekutuan
  - B. ✓perlembagaan negeri boleh dipinda oleh Dewan Negeri dengan undi sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah bilangan ahlinya
  - C. ✓kuasa eksekutif di peringkat negeri terletak pada Menteri Besar
  - D. ✓semua perlembagaan negeri dikehendaki mempunyai "peruntukan-peruntukan perlu"
  - E. kerajaan negeri mempunyai autonomi yang luas dalam mendirikan perkhidmatan awamnya

### SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Mengapakah kita perlu mengkaji sejarah perkembangan perlembagaan negara?

2. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep "ketertinggian Perlembagaan Persekutuan"?
3. Setakat manakah Perlembagaan Persekutuan melindungi hak-hak asasi seseorang warganegara?
4. Mengapakah perlembagaan kita dianggap sebagai hasil tolak ansur antara kaum? Sila beri contoh-contoh.
5. "Kerakyatan bukan merupakan suatu hak tetapi suatu keistimewaan." Bincangkan.
6. Apakah yang dertiakan dengan istilah "perkhidmatan awam" dalam konteks negara kita?

### **GERAKERJA**

1. Aturkan satu perbahasaan mengenai tajuk berikut ini:  
"Pihak akhbar tidak harus diberi kebebasan mutlak dalam penyiaran berita demi menjamin keharmonian negara."
2. Buat satu kajian mengenai tolak ansur antara kaum-kaum Melayu dan bukan Melayu atas beberapa perkara seperti kerakyatan, kedudukan istimewa orang Melayu, agama Islam dan kedaulatan raja-raja Melayu.

**BAB****3**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama.
<b>Mengenalpasti</b>	cara pemilihan, tugas-tugas dan kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong
<b>Membandingkan</b>	kuasa-kuasa perundangan, eksekutif dan kewangan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.
<b>Membincangkan</b>	tugas-tugas Majlis Raja-Raja.
<b>Menghuraikan</b>	sistem pentadbiran kerajaan yang terdapat di Malaysia.

## **SISTEM KERAJAAN DAN PENTADBIRAN MALAYSIA**

*Keburukan yang paling teruk ialah kerajaan yang lemah.*

- Benjamin Disraeli


Malaysia kini mengamalkan sistem kerajaan demokrasi berparlimen yang berlandaskan Perlembagaan Persekutuan. Negara kita merupakan sebuah persekutuan di mana kuasa pemerintahan dibahagikan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Perimbangan kuasa adalah berat ke sebelah Kerajaan Persekutuan. Terdapat tiga peringkat pentadbiran iaitu: (a) persekutuan, (b) negeri, dan (c) kerajaan tempatan.

### **Sistem Kerajaan Persekutuan**

Seperti digambarkan dalam Rajah 6, Sistem Kerajaan Persekutuan merangkumi Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja, tiga komponen kuasa pemerintahan (iaitu *perundangan*, *eksekutif* dan *kehakiman*). Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara dan Raja Berperlembagaan. Baginda berada di kemuncak ketiga-tiga bidang kuasa perundangan, eksekutif dan kehakiman. Majlis Raja-Raja terdiri daripada raja kesembilan buah negeri Melayu dan Yang Dipertua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Fungsi-fungsi Majlis tersebut yang utama ialah pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan pertimbangan perkara-perkara berkaitan dengan dasar-dasar negara. Ketua Audit Negara pula bertanggungjawab untuk mengaudit dan membentangkan dalam Dewan Rakyat laporan-laporan mengenai akaun Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri serta badan-badan lain yang mentadbirkan wang awam. Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja dan Ketua Audit Negara akan dibincangkan secara lebih terperinci dalam bab ini.

Kuasa eksekutif dilaksanakan oleh *Kabinet* (Jemaah Menteri) yang diketuai oleh Perdana Menteri atas nama Yang di-Pertuan Agong. Kabinet mengandungi menteri-menteri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan

## Perlembagaan dan Sistem Kerajaan



Rajah 6 : Sistem Kerajaan Persekutuan

Agong atas nasihat Perdana Menteri dan ia merupakan badan pembentukan dasar negara yang tertinggi. *Tugas-tugas pemerintahan dan pentadbiran harian* dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan. Terdapat juga perbadanan-perbadanan awam yang umumnya melaksanakan rancangan pembangunan sosioekonomi negara.

Badan perundangan persekutuan atau *Parlimen* mempunyai tiga komponen iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Kuasa kehakiman pula terletak pada Mahkamah Agung, dua buah Mahkamah Tinggi iaitu Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Borneo serta Mahkamah-mahkamah Rendah. Ketua Kehakiman ialah Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung.

Perlu diambil perhatian bahawa doktrin perasingan kuasa tidak diamalkan sepenuhnya di Malaysia. Umpamanya, Parliment Malaysia sebagai badan perundangan mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang. Namun demikian, Parliment juga memberi kuasa kepada badan eksekutif (Kabinet atau pihak-pihak lain) untuk membuat undang-undang yang disebut sebagai *perundangan perwakilan (delegated legislation)*. Malahan, menteri-menteri yang menjalankan kuasa eksekutif juga merupakan ahli Parliment dan bertanggungjawab kepada institusi tersebut. Yang di-Pertuan Agong yang mempunyai kuasa eksekutif juga merupakan salah satu komponen Parliment.

Beberapa *suruhanjaya* telah ditubuhkan bagi memastikan pemberian layanan yang adil dan saksama kepada para anggota perkhidmatan awam. Suruhanjaya-suruhanjaya berkenaan bertanggungjawab bagi perkara-perkara perlantikan, kenaikan pangkat dan tatatertib. Terdapat enam suruhanjaya iaitu:

- » Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- » Suruhanjaya Perkhidmatan Polis;
- » Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi;
- » Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang;
- » Majlis Angkatan Tentera; dan
- » Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Ketiga-tiga badan eksekutif, perundangan dan kehakiman serta suruhanjaya-suruhanjaya akan diuraikan dengan lebih terperinci dalam bab-bab yang berikut.

### **Yang di-Pertuan Agong**

Jawatan Yang di-Pertuan Agong telah diwujudkan oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Yang di-Pertuan Agong

merupakan seorang raja berperlembagaan yang memerintah mengikut kuasa yang diberikan kepada baginda oleh Perlembagaan. Sebagai Ketua Negara Malaysia, Yang di-Pertuan Agong berada di kemuncak ketiga-tiga bidang kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman. Yang di-Pertuan Agong mempunyai *keutamaan yang melebihi* semua orang di Malaysia dan *tidak boleh didakwa* dalam perbicaraan mana-mana mahkamah. Baginda merupakan lambang kedaulatan dan perpaduan negara.

### Pemilihan

Yang di-Pertuan Agong dipilih dari kalangan sembilan orang raja Melayu oleh Majlis Raja-Raja mengikut aturan yang terkandung dalam Jadual Ketiga, Perlembagaan Malaysia. Yang Dipertua Negeri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Melaka adalah tidak berkelayakan untuk berbuat demikian. Setiap raja boleh dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong, kecuali baginda belum cukup umur, atau sengaja tidak mahu dipilih, atau difikirkan tidak layak oleh Majlis Raja-Raja dengan undi sulit atas sebab-sebab kelemahan akal atau tubuhnya atau oleh kerana apa-apa sebab lain. Raja yang pertama dalam senarai pemilihan dan mendapat sokongan daripada sekurang-kurangnya empat orang raja akan ditawarkan jawatan ini selama lima tahun melainkan baginda meletakan jawatan sebelum tempoh berkenaan atau dilucutkan jawatan oleh Majlis Raja-Raja. Isteri Yang di-Pertuan Agong digelar Raja Permaisuri Agong dan mempunyai keutamaan selepas Yang di-Pertuan Agong.

### Kuasa Eksekutif

Kuasa eksekutif adalah terletak pada Yang di-Pertuan Agong. Namun demikian, baginda harus *bertindak atas nasihat Kabinet* atau *nasihat seorang menteri* yang bertindak di bawah kuasa am Kabinet (biasanya Perdana Menteri). Yang di-Pertuan Agong berhak mendapat apa-apa maklumat mengenai Kerajaan Persekutuan yang boleh diperolehi oleh Kabinet. Semasa Majlis Raja-Raja membincangkan perkara-perkara mengenai dasar negara, baginda diiringi oleh Perdana Menteri.

### Hubungan Dengan Parlimen

Yang di-Pertuan Agong merupakan satu daripada tiga komponen Par-

limen (di samping Dewan Rakyat dan Dewan Negara). Baginda boleh memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen. Yang di-Pertuan Agong boleh juga memberi ucapan dalam mana-mana Majlis Parlimen atau dalam kedua-dua Majlis Parlimen bersesama. Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara perlu mendapat persetujuan (kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam perkara 66) Yang di-Pertuan Agong sebelum dijadikan undang-undang. Perkara ini akan dibincangkan secara lebih terperinci dalam Bab 8.

### **Hubungan Dengan Kehakiman**

Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung, Hakim-hakim Besar Mahkamah Tinggi dan hakim-hakim lain Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Yang di-Pertuan Agong mempunyal kuasa mengampun segala kesalahan yang dibicarakan dalam mahkamah tentera, segala kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Labuan) dan segala hukuman yang dijatuhkan dalam Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

### **Tugas-tugas Lain**

Yang di-Pertuan Agong merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata dan Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak dan negeri baginda sendiri. Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum bumiputra di Sabah dan Sarawak.

### **Kuasa Budi Bicara**

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicaranya sendiri dalam tiga perkara, iaitu :

- » Perlantikan Perdana Menteri;
- » Memperkenan atau menolak permintaan pembubaran Parlimen; dan
- » Meminta supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-raja mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran raja-raja.

## Larangan

Terdapat beberapa perkara yang tidak boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Di antara perkara-perkara ini ialah:

- (i) Tidak boleh dengan giatnya melibatkan diri dalam perniagaan;
- (ii) Tidak boleh memegang jawatan bergaji;
- (iii) Tidak boleh meninggalkan Malaysia selama tempoh yang melebihi lima belas hari kecuali dengan persetujuan Majlis Raja-Raja atau kerana membuat lawatan rasmi ke sebuah negara lain;
- iv) Tidak boleh menerima apa-apa jua jenis emolumen dari negeri yang baginda menjadi raja; dan
- (v) Tidak boleh menjalankan tugas-tugas sebagai raja negerinya kecuali tugas-tugas sebagai Ketua Agama Islam, pindaan perlembagaan dan perlantikan Pemangku Raja atau ahli Jemaah Pemangku Raja.

## Majlis Raja-Raja ➔

Majlis Raja-Raja yang mula-mula ditubuhkan pada tahun 1948 terdiri daripada semua raja Melayu dan Yang Dipertua Negeri. Tugas-tugas Majlis Raja-Raja, di antara lain, adalah seperti berikut:

- (i) memilih atau memecat Yang di-Pertuan Agong dan melantik Timbalan Yang di-Pertuan Agong;
- (ii) menimbangkan perkara-perkara berkaitan dengan dasar negara (misalnya perubahan-perubahan tentang dasar imigresen) dan apa jua perkara lain yang difikirkannya patut;
- (iii) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan; dan
- (iv) mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang atau perlantikan yang menurut perlembagaan memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja atau perundingan dengannya.

Dalam hal perlantikan atau pemecatan Yang di-Pertuan Agong dan perlantikan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, hanya raja-raja yang berhak mengundi.

Semasa Majlis Raja-Raja membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan dasar negara, Yang di-Pertuan Agong diiringi oleh Perdana Menteri manakala raja-raja dan Yang Dipertua Negeri pula diiringi

oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing. Dalam konteks ini, Majlis Raja-Raja merupakan satu landasan tertinggi di mana segala kerumitan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dapat diputuskan secara mesra.

Persetujuan Majlis Raja-Raja harus diperolehi bagi sesuatu undang-undang yang mengubah sempadan sesebuah negeri atau berkaitan dengan kedudukan raja-raja, perlembagaan dan kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak. Majlis Raja-Raja harus dirundingi bagi perkara-perkara perlantikan hakim-hakim, Ketua Audit Negara, ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pilihanraya, Pendidikan dan Keretapi.

Majlis Raja-Raja lazimnya bersidang tiga atau empat kali setahun. Setiausaha Majlis Raja-Raja ialah Penyimpan Mohor Besar Raja-raja yang dilantik sendiri oleh Majlis tersebut.

### Ketua Audit Negara

Ketua Audit Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja. Tugas utama Ketua Audit Negara ialah untuk *mengaudit* dan *membuat laporan* mengenai akaun Persekutuan, akaun negeri dan akaun pihak-pihak berkuasa awam dan badan-badan lain yang mentadbirkan wang negara. Akaun-akaun berkenaan perlu diaudit untuk memastikan bahawa *perbelanjaan awam* dibuat bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh Parlimen dan dengan cara yang cekap dan berkesan.

### Sistem Kerajaan Negeri

Kuasa eksekutif di peringkat negeri terletak pada Raja atau Yang Dipertua Negeri mengikut perlombagaan masing-masing. Kuasa eksekutif ini dilaksanakan oleh *Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco)* atas nama Raja atau Yang Dipertua Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan diketuai oleh *Menteri Besar* atau *Ketua Menteri* dan mengandungi beberapa orang anggota ahli Dewan Negeri. Ia juga mengandungi tiga orang ahli pegawai (*ex-officio*) yang terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri. Di Sabah, Majlis Mesyuarat Kerajaan dipanggil Kabinet manakala di Sarawak badan ini dipanggil Majlis Tertinggi. Tugas-tugas pentadbiran harian negeri dilaksanakan oleh jabatan-jabatan, pejabat-pejabat daerah, majlis-majlis tem-

patan dan perbadanan-perbadanan awam. Struktur dan fungsi jentera pentadbiran negeri ini dibincangkan secara terperinci dalam Bab 5.

Bagi setiap negeri, badan perundangan mengandungi Raja atau Yang Dipertua Negeri dan dewan sekamar, iaitu Dewan Negeri. Raja atau Yang Dipertua Negeri hadir di *Dewan Negeri* hanya pada masa-masa yang khas seperti upacara pembukaannya. Tugas baginda yang lain ialah untuk mempersetujui undang-undang (*enakmen*) negeri yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri. Ahli-ahli Dewan Negeri adalah dipilih oleh rakyat menerusi pilihanraya negeri.

### Raja dan Yang Dipertua Negeri

Sembilan buah negeri Melayu mempunyai seorang Raja yang turun-turun. Hak mewarisi takhta ditentukan oleh adat yang berbeza dari negeri ke negeri. Di semua negeri, Raja dikenali sebagai Sultan kecuali di negeri Perlis baginda dikenali sebagai Raja dan di Negeri Sembilan sebagai Yang Dipertuan Besar. Keempat-empat buah negeri yang bukan negeri Melayu (iaitu Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak) pula mempunyai seorang Yang Dipertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Tertakluk kepada keutamaan Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri baginda, semua Raja dan Yang Dipertua Negeri mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain.

### Bertindak Mengikut Nasihat

Seseorang Raja atau Yang Dipertua Negeri hendaklah bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau seorang ahlinya (biasanya Menteri Besar atau Ketua Menteri) yang bertindak di bawah kuasa am Majlis itu, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan Persekutuan atau perlembagaan negeri.

Raja atau Yang Dipertua Negeri merupakan sebahagian daripada badan perundangan negeri. Semua *enakmen* yang diluluskan oleh Dewan Negeri hendaklah diperkenan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri sebelum dikuatkuasakan sebagai *undang-undang*. Raja atau Yang Dipertua Negeri tidak menghadiri mesyuarat Dewan Negeri kecuali apabila memberi titah atau ucapan kepada ahli-ahlinya semasa istiadat rasmi.

### Kuasa Mengikut Budi Bicara

Seseorang Raja boleh bertindak mengikut budi bicara baginda dalam menjalankan tugas-tugas berikut:

- (i) melantik seorang Menteri Besar;
- (ii) tidak mempersetujui permintaan membubarkan Dewan Negeri;
- (iii) meminta supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja atau mengenai perbuatan, amalan atau upacara agama Islam;
- (iv) apa-apa tugas sebagai Ketua Agama Islam atau mengenai adat istiadat orang Melayu;
- (v) melantik waris atau waris-waris, permaisuri, Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja;
- (vi) melantik orang memegang pangkat, gelaran, kemuliaan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan tugas-tugas yang berkenaan dengannya; dan
- (vii) membuat peraturan mengenai balai-balai diraja dan istana.

Yang Dipertua Negeri boleh bertindak mengikut budi bicaranya dalam hal perlantikan Ketua Menteri dan apabila tidak mempersetujui permintaan untuk membubarkan Dewan Negeri.

### Kedaulatan dan Imuniti di sisi Undang-undang

Menurut Perkara 181 (2), tidak ada pembicaraan yang boleh dilakukan oleh mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu negeri atas sifat peribadi baginda. Ini bererti seseorang Raja boleh didakwa atas sifat rasmi baginda.

### Pembahagian Kuasa Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan Negeri

Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Ini bertujuan untuk menjamin kelincinan perjalanan sistem persekutuan dan juga mengelakkan atau menyelesaikan sebarang pertelingkahan yang mungkin timbul. *Pembahagian kuasa* berkenaan meliputi bidang-bidang perundangan, eksekutif, hal-ehwal tanah dan kewangan.

## Kuasa Perundangan

Sebagai peraturan umum, Parlimen berkuasa untuk membuat undang-undang bagi seluruh Persekutuan atau mana-mana bahagiannya. Dewan Negeri pula boleh membuat undang-undang bagi seluruh atau mana-mana bahagian negeri itu sahaja.<sup>6</sup>

Sepertimana dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, kuasa perundangan dibahagikan kepada Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi mana-mana perkara yang disebutkan dalam *Senarai Persekutuan* dan *Senarai Bersama*. Dewan Negeri pula mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi perkara-perkara yang disebutkan dalam *Senarai Negeri* dan Senarai Bersama.

Seperti ditunjukkan dalam Rajah 7, Senarai Persekutuan meliputi hal-ehwal luar negeri, pertahanan, keselamatan dalam negeri, kewarganegaraan, kewangan, perdagangan dan perusahaan, undang-undang sivil dan jenayah, perkapalan, pengangkutan, kesihatan, perikanan, perhubungan, syarikat kerjasama dan lain-lain.

Senarai Negeri pula meliputi pertanian, perhutanan, tanah, kerajaan tempatan, hal-ehwal agama Islam, adat istiadat orang Melayu, jentera pentadbiran Kerajaan Negeri, kerja-kerja air, hari-hari kelepasan am negeri, penyu dan penangkapan ikan di sungai dan lain-lain.

Perlu diambil perhatian bahawa Parlimen boleh meluluskan undang-undang mengenai perkara-perkara dalam Senarai Negeri bagi tiga tujuan yang berikut:

- » untuk melaksanakan sebarang perjanjian antara Persekutuan dengan mana-mana negara lain atau keputusan sebarang badan antarabangsa yang dianggotai oleh Persekutuan;
- » Untuk memastikan keseragaman dalam undang-undang antara dua buah negeri atau lebih; dan
- » Jika diminta sedemikian oleh mana-mana Dewan Negeri.<sup>7</sup>

Senarai Bersama meliputi kebijakan masyarakat, biasiswa, perlindungan binatang liar, pemaritan dan pengairan, kesihatan awam, ternakan binatang, perancangan bandar dan desa dan lain-lain. Walau bagaimanapun sayugia diingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai "keistimewaan" dalam Senarai Bersama. Sekiranya terdapat undang-undang Negeri yang berlawanan dengan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan itu hendaklah dipakai dan undang-undang negeri itu hendaklah terbatal setakat mana yang berlawanan sahaja.

Menurut Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan, Dewan Negeri mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang ke atas sebarang perkara yang tidak disebutkan dalam Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Kuasa berkenaan dipanggil *kuasa baki perundangan*.

Selain dari kuasa-kuasa di atas, Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak telah diberi *kuasa-kuasa tambahan* bagi menyesuaikan kemasukan mereka ke dalam Persekutuan. Kuasa tambahan kepada Senarai Negeri meliputi undang-undang dan adat istiadat bumiputera, mahkamah bumiputera dan di Sabah, Keretapi Sabah<sup>8</sup>. Tambahan kepada Senarai Bersama meliputi penyelidikan pertanian dan perhutanan, undang-undang perkahwinan dan keluarga, khairat di dalam negeri dan lain-lain. Melalui Akta Imigresen 1959/1963, Sabah dan Sarawak telah mengekalkan kuasa kawalan, kemasukan dan kediaman dalam negeri-negeri itu. Ini bertujuan untuk mengelakkan penghijrahan penduduk Semenanjung Malaysia secara beramai-ramai ke Sabah dan Sarawak.

Maka adalah jelas bahawa kuasa perundangan Parlimen Persekutuan adalah lebih luas berbanding dengan Dewan Undangan Negeri. Kuasa perundangan penting yang dikenakan oleh Dewan Negeri adalah terhad kepada kemajuan sumber alam seperti tanah (termasuk melombong), pertanian dan perhutanan.

### Kuasa Eksekutif

Pembahagian kuasa eksekutif antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah selari dengan bidang kuasa perundangan. Pada umumnya, kuasa eksekutif Persekutuan tertumpu kepada Senarai Persekutuan. Sebaliknya, kuasa eksekutif Kerajaan Negeri meliputi Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Namun demikian, Perlembagaan Persekutuan memberarkan Kerajaan Persekutuan memperluaskan kuasa eksekutifnya bagi meliputi perkara-perkara dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama untuk maksud-maksud yang tertentu. Maksud-maksud tersebut, di antara lain, ialah menjalankan penyiasatan dan kajian, mengumpul perangkaan, memberi nasihat dan bantuan teknik, mengadakan kemudahan pelajaran dan menjalankan pemeriksaan ke atas aktiviti mana-mana jabatan Kerajaan Negeri dengan tujuan membuat laporan kepada Kerajaan Persekutuan.

Dalam menjalankan kuasa pemerintahan, Kerajaan Negeri hendaklah mematuhi undang-undang Persekutuan yang berkuatkuasa di dalam

<i>Senarai Persekutuan</i>	<i>Senarai Negeri</i>	<i>Senarai Bersama</i>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hal ehwal luar negeri</li> <li>2. Pertahanan</li> <li>3. Keselamatan dalam negeri</li> <li>4. Undang-undang sivil dan jenayah serta pentadbiran keadilan</li> <li>5. Kewarganegaraan Persekutuan</li> <li>6. Jentera kerajaan (tertakluk kepada Senarai Negeri)</li> <li>7. Kewangan</li> <li>8. Perdagangan dan perusahaan</li> <li>9. Perkapalan</li> <li>10. Perhubungan dan pengangkutan</li> <li>11. Pendidikan</li> <li>12. Kesihatan</li> <li>13. Buruh</li> <li>14. Akhbar dan penapisan</li> <li>15. Syarikat kerjasama</li> <li>16. Siasatan dan penyelidikan</li> <li>17. Perikanan</li> <li>18. Kerjaya</li> <li>19. Kebajikan Orang Asli</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hal ehwal agama Islam (termasuk hukum syarak)</li> <li>2. Tanah</li> <li>3. Pertanian dan perhutanan</li> <li>4. Kerajaan Tempatan</li> <li>5. Jentera pentadbiran Kerajaan Negeri</li> <li>6. Kerja-kerja Negeri dan kerja-kerja air</li> <li>7. Hari Kelepasan Negeri</li> <li>8. Penyu dan menangkap ikan di sungai</li> <li>9. Siasatan bagi maksud-maksud Negeri</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kebajikan masyarakat</li> <li>2. Biasiswa</li> <li>3. Ternakan binatang</li> <li>4. Perlindungan bagi binatang dan burung liar</li> <li>5. Perancangan bandar dan kampung</li> <li>6. Pemaritan dan pengairan</li> <li>7. Pemulihan tanah lombong</li> <li>8. Kutu rayau dan penjaja-penjaja beredar</li> <li>9. Kesihatan awam, kebersihan dan mencegah penyakit</li> </ol>

Rajah 7: Pembahagian Kuasa Perundangan Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan-kerajaan Negeri

negeri berkenaan serta menentukan bahawa kuasa eksekutif Persekutuan tidak disekat atau dihalang. Peruntukan-peruntukan ini bertujuan untuk memastikan pengluasan kuasa eksekutif Persekutuan di peringkat negeri tidak terjejas oleh sebarang tindakan Kerajaan Negeri.

### Hal-Ehwal Tanah

Hal-ehwal tanah berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Namun demikian, Kerajaan Persekutuan boleh, selepas berunding dengan Kerajaan Negeri, menghendaki kerajaan berkenaan memberi tanah (bukan tanah milik) kepadanya yang diperlukan bagi maksud-maksud persekutuan. Kerajaan Persekutuan tidak boleh mengambil mana-mana tanah yang dikhaskan bagi sesuatu maksud negeri kecuali untuk kepentingan negara. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam hal-ehwal tanah adalah diperolehi melalui *Majlis Tanah Negara* yang terdiri daripada seorang menteri sebagai pengurus, seorang wakil bagi setiap negeri dan wakil-wakil Kerajaan Persekutuan. Tugas utama Majlis ini ialah untuk menyediakan dari masa ke semasa satu dasar negara bagi memperbaiki dan mengawal penggunaan tanah di seluruh persekutuan untuk maksud perlombongan, pertanian, perhutanan dan lain-lain.

### Kuasa Kewangan

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sumber-sumber hasil yang terpenting kepada Kerajaan Persekutuan. Secara umum, Kerajaan Negeri bergantung kepada sumber kewangan Kerajaan Persekutuan kerana sumber-sumber pendapatannya daripada hasil tanah, hutan, galian, kedai-kedai todi, zakat fitrah, cukai hiburan dan lain-lain adalah terhad. Kerajaan Persekutuan juga merupakan *pihak berkuasa pencukai* yang utama.

Secara purata, kira-kira satu perempat daripada hasil Kerajaan Negeri datang daripada *pemberian* (*grant*) Kerajaan Persekutuan. Dua jenis pemberian yang wajib diberi kepada semua Kerajaan Negeri pada tiap-tiap tahun ialah *pemberian mengikut bilangan orang* (*capitation grant*) dan *pemberian jalan raya* berdasarkan berapa batu panjangnya jalan raya negeri berkenaan. Bantuan-bantuan lain yang boleh diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri ialah *bantuan bagi maksud khas*, *bantuan pembangunan* dan *bantuan menambah hasil negeri*.

Negeri-negeri Sabah dan Sarawak diberi pemberian-pemberian khas tambahan yang tertentu.

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak boleh mengekalkan apa-apa cukai kecuali dengan atau menurut kuasa undang-undang. Segala wang dan hasil yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah dimasukkan ke dalam *Kumpulan Wang Disatukan* masing-masing dan dibelanjakan mengikut undang-undang perbekalan yang diluluskan setiap tahun. Kerajaan Negeri tidak boleh membuat pinjaman kecuali daripada Persekutuan atau bagi tempoh tidak melebihi lima tahun daripada sesebuah bank yang diluluskan bagi maksud itu oleh Kerajaan Persekutuan. Penyelarasan hal-hal kewangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dilaksanakan melalui Majlis Kewangan Negara. Ia terdiri daripada Perdana Menteri, seorang menteri lain yang ditetapkan oleh Perdana Menteri dan seorang wakil dari tiap-tiap negeri. Majlis Kewangan Negara dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tahun.

### Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia

Setiap negara moden memerlukan satu sistem pentadbiran kerajaan yang cekap dan berkesan untuk memelihara keamanan serta melaksanakan usaha-usaha pembangunan sosioekonomi. Pentadbir-pentadbir awam memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara memandangkan mereka bertanggungjawab terhadap perjalanan pentadbir harian serta terlibat dalam proses pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar awam. Malahan pentadbir-pentadbir awam tidak bertukar mengikut kerajaan yang memerintah. Dengan lain perkataan, masa depan sesebuah negara amat bergantung kepada sistem pentadbiran yang sedia wujud.

Seperti ditunjukkan dalam Rajah 8, terdapat tiga peringkat pentadbiran kerajaan di Malaysia iaitu: (a) *pentadbiran peringkat persekutuan*; (b) *pentadbiran peringkat negeri*; dan (c) *pentadbiran peringkat kerajaan tempatan*. Di Semenanjung Malaysia, pentadbiran negeri pula boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu: (a) Daerah; (b) Mukim dan (c) Kampung. Pentadbiran negeri Sarawak di bahagikan kepada empat peringkat iaitu: (a) Bahagian; (b) Daerah; (c) Daerah Kecil; dan (d) Kampung. Pentadbiran negeri Sabah pula dibahagikan kepada dua peringkat iaitu: (a) Daerah; dan (b) Kampung. Kerajaan Tempatan merupakan suatu perkara di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Namun demikian, ia merupakan sebuah peringkat Kerajaan yang berasingan meman-

dangkan ia mempunyai kuasa dan autonomi dalam berbagai-bagai perkara. Di peringkat tersebut, badan yang memegang kuasa eksekutif ialah Pihak Berkuasa Tempatan iaitu sama ada Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah. Ketiga-tiga peringkat pentadbiran kerajaan berkenaan akan dibincangkan dalam bab-bab yang berikut.



Rajah 8: Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia

## RINGKASAN

1. Malaysia merupakan sebuah persekutuan dengan kerajaan ber-corak demokrasi berparlimen.
2. Sistem Kerajaan Persekutuan merangkumi Yang di-Pertuan Agong, Majlis Raja-Raja, badan-badan perundangan, eksekutif dan kehakiman, Ketua Audit Negara dan suruhanjaya-suruhanjaya.
3. Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Negara dan berada di kemuncak ketiga-tiga bidang kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman. Baginda dilantik selama lima tahun oleh Majlis Raja-Raja.
4. (Kuasa eksekutif) terletak pada Yang di-Pertuan Agong. Namun demikian, baginda harus bertindak atas nasihat Perdana Menteri atau Kabinet.
5. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara dalam hal-hal tertentu seperti perlantikan Perdana Menteri dan pembubaran Parlimen. Baginda juga mempunyai larangan-larangan tertentu.
6. Majlis Raja-Raja terdiri daripada semua raja Melayu dan Yang Dipertua Negeri. Fungsi-fungsi Majlis tersebut yang utama ialah pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan pertimbangan perkara-perkara berkaitan dengan dasar negara.
7. Ketua Audit Negara bertanggungjawab untuk mengaudit dan membentangkan dalam Dewan Rakyat laporan-laporan mengenai akaun Kerajaan-Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta lain-lain badan yang mentadbirkan wang awam.
8. Kerajaan telah menubuhkan beberapa suruhanjaya bagi memastikan pemberian layanan yang adil dan saksama kepada para anggota perkhidmatan awam. Suruhanjaya-suruhanjaya berkenaan adalah bertanggungjawab bagi perkara-perkara perlantikan, kenaikan pangkat dan tatatertib.

9. Kuasa eksekutif di peringkat negeri terletak pada Raja atau Yang Dipertua Negeri. Kuasa tersebut dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (*Exco*) atas nama Raja atau Yang Dipertua Negeri.
10. Badan perundangan setiap negeri mengandungi Raja atau Yang Dipertua Negeri dan Dewan Negeri (dewan sekamar).
11. Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri meliputi bidang-bidang perundangan, eksekutif, hal-ehwal tanah dan kewangan.
12. Kuasa perundangan adalah dibahagikan kepada Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi perkara-perkara yang disebutkan dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama. Dewan Negeri pula mempunyai kuasa untuk berbuat demikian bagi perkara-perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama.
13. Pembahagian kuasa eksekutif adalah selari dengan bidang kuasa perundangan. Pada umumnya, kuasa eksekutif Persekutuan tertumpu kepada Senarai Persekutuan manakala kuasa eksekutif Kerajaan Negeri meliputi Senarai Negeri dan Senarai Bersama.
14. Hal-ehwal tanah berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Terdapat Majlis Tanah Negara bagi memudahkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam hal-ehwal tanah.
15. Kerajaan-kerajaan Negeri bergantung kepada sumber kewangan Kerajaan Persekutuan. Dua jenis pemberian (*grant*) yang wajib diberi kepada semua Kerajaan Negeri ialah pemberian mengikut bilangan orang (*capitation grant*) dan pemberian jalan raya.
16. Penyelarasian hal-hal kewangan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dilaksanakan melalui Majlis Kewangan Negara.
17. Terdapat tiga peringkat pentadbiran kerajaan di Malaysia iaitu:
  - » Pentadbiran peringkat persekutuan,
  - » Pentadbiran peringkat negeri, dan
  - » Pentadbiran peringkat kerajaan tempatan.

**NOTA KAKI**

1. Yang di-Pertuan Agong boleh didakwa atas sifat rasmi baginda (iaitu Kerajaan Persekutuan sebagai defendant). Sila lihat Tun Mohamed Suffian bin Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, m. s. 36.
2. *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 40.
3. Ibid, Perkara 42.
4. Tun Mohamed Suffian bin Hashim, op.cit., m. s. 71.
5. Lihat Jadual Kelapan (Bahagian 1), *Perlembagaan Persekutuan*.
6. Ibid, Perkara 73 (a).
7. Lihat Wu Min Aun, *Pengenalan kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur 1986, m. s. 102-103.
8. Tun Mohamed Suffian bin Hashim, op.cit., m. s. 225.
9. Lihat *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 80 (1).
10. Lihat R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983, m. s. 137.

**SOALAN-SOALAN OBJEKTIF**

1. Yang di-Pertuan Agong dipilih oleh
  - A. Majlis Raja-Raja
  - B. Dewan Negara
  - C. Dewan Rakyat
  - D. Majlis Tertinggi Raja-Raja
  - E. Perdana Menteri

2. Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicaranya sendiri dalam tiga perkara iaitu
- ✓ perlantikan Perdana Menteri ✓
  - ✓ tidak mempersetujui permintaan pembubaran Parlimen ✓
  - ✓ meminta supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja mengenai keistimewaan dan kedudukan raja-raja ✓
  - ✓ perlantikan menteri-menteri Kabinet ✓
  - ✓ perlantikan ahli-ahli Dewan Rakyat ✓
- A. II dan III ✗  
 B. III, IV dan V ✗  
 C. I, II dan III  
 D. I, III dan IV ✗  
 E. III dan IV ✗
3. Yang manakah di antara yang berikut merupakan tugas-tugas Majlis Raja-Raja?
- ✓ Memilih dan memecat Yang di-Pertuan Agong ✓
  - ✓ Melantik ahli-ahli Kabinet ✓
  - ✓ Menimbangkan perkara-perkara berkaitan dengan dasar negara ✓
  - ✓ Mengisyiharkan darurat ✓
  - ✓ Menpersetujui atau tidak mempersetujui perluasan amalan agama Islam ke seluruh Persekutuan ✓
- A. I, IV dan V ✗  
 B. II, III dan IV ✗  
 C. ✓ I, III dan V  
 D. I, II dan III  
 E. II, III dan V ✗
4. Semua pernyataan berikut mengenai Majlis Raja-Raja adalah benar kecuali
- A. ia terdiri daripada raja-raja Melayu saja ✓  
 B. ia lazimnya bersidang tiga atau empat kali setahun ✓  
 C. Setiausahaannya ialah Penyimpan Mohor Besar Raja-raja ✓  
 D. ia harus dirundingi bagi perkara-perkara perlantikan hakim-hakim, Ketua Audit Negara dan ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ✓  
 E. persetujuan harus diperolehi bagi apa-apa undang-undang yang mengubah sempadan sesebuah negeri

5. Semua pernyataan berikut mengenai Raja atau Yang Dipertua Negeri adalah benar kecuali
- Raja atau Yang Dipertua Negeri merupakan sebahagian daripada badan perundangan negeri
  - Semua enakmen yang diluluskan oleh Dewan Negeri hendaklah diperkenan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri sebelum dikuatkuasa sebagai undang-undang
  - Yang Dipertua Negeri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong
  - Seseorang Raja boleh didakwa atas sifat peribadi baginda
  - Di semua negeri (kecuali Perlis dan Negeri Sembilan), Raja dikenali sebagai Sultan
6. Semua perkara berikut termasuk dalam Senarai Persekutuan kecuali
- hal-ehwal luar negeri
  - pertanian
  - perkapalan
  - perhutanan
  - pengangkutan
7. Semua perkara berikut termasuk dalam Senarai Negeri kecuali
- hal-ehwal agama
  - tanah
  - hal-ehwal buruh
  - pertanian
  - kerajaan tempatan
8. Semua perkara termasuk dalam Senarai Bersama kecuali
- biasiswa
  - kebajikan masyarakat
  - ternakan binatang
  - perikanan
  - pemaritan dan pengairan
9. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam hal-ehwal tanah adalah diperolehi melalui
- Majlis Penyelarasian Hal-Ehwal Tanah
  - Majlis Tertinggi Tanah Negara
  - Majlis Tanah Negara
  - Kabinet
  - Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri

10. Dua jenis pemberian (*grant*) yang wajib diberi kepada semua Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan pada tiap-tiap tahun ialah
  - A. pemberian pembangunan dan pemberian pertanian
  - B. pemberian mengikut bilangan orang dan pemberian pembangunan
  - C. pemberian jalan raya dan pemberian pertanian
  - D. pemberian pembangunan dan pemberian pembangunan
  - E. pemberian mengikut bilangan orang dan pemberian jalan raya
11. Pentadbir-pentadbir awam memainkan peranan penting dalam pembangunan negara memandangkan
  - A. mereka mempunyai kata pemutus dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar awam
  - B. mereka memegang jawatan yang tetap
  - C. mereka bertanggungjawab terhadap perjalanan pentadbiran harian serta terlibat dalam proses pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar awam
  - D. mereka mentafsirkan undang-undang yang digubal oleh Parlimen
  - E. mereka meluluskan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi negara
12. Semua pernyataan berikut mengenai sistem pentadbiran Kerajaan Malaysia adalah benar **kecuali**
  - A. Terdapat tiga peringkat pentadbiran kerajaan
  - B. Kerajaan Tempatan merupakan sebuah peringkat kerajaan yang berasingan
  - C. Pentadbiran negeri Sabah dibahagikan kepada dua peringkat
  - D. Pentadbiran negeri Sarawak dibahagikan kepada tiga peringkat
  - E. Kerajaan Tempatan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri

### **SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong dipilih?
2. Apakah perkara-perkara yang tidak boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong?

3. Apakah tugas-tugas Majlis Raja-Raja?
4. Apakah yang dertiakan dengan Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama?
5. Huraikan keadaan-keadaan di mana Kerajaan Persekutuan boleh meluluskan undang-undang mengenai perkara-perkara dalam Senarai Negeri.
6. Jelaskan sistem pentadbiran kerajaan yang terdapat di negara kita.

### **GERAKERJA**

1. "Kerajaan Persekutuan mempunyai terlalu banyak kuasa berbanding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri." Bincangkan pernyataan ini dalam kelas.
2. Buat satu kajian mengenai kepentingan dan peranan Majlis Raja-Raja dalam Sistem Kerajaan Malaysia.

---

## Struktur Pentadbiran Awam

**BAB****4**

- Objektif Pembelajaran** Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
- Mentakrifkan** kementerian, jabatan dan badan berkanun.
- Mengenalpasti** fungsi utama Kabinet dan Jabatan Perdana Menteri.
- Membandingkan** peranan kementerian dengan jabatan dan badan berkanun.
- Membandingkan** tujuan penubuhan dan keahlian suruhanjaya-suruhanjaya.
- Menghuralkan** cara-cara penyelarasaran pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

## **STRUKTUR PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

*Pentadbiran merupakan kunci kejayaan sesebuah organisasi.*

*-Stephen P. Robbins*


Seperi yang telah dihuraikan dalam Bab 3, kuasa eksekutif merupakan satu daripada tiga kuasa kerajaan yang terdapat di negara kita. Kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan adalah terletak pada Yang di-Pertuan Agong. Organisasi tertinggi yang menjalankan kuasa eksekutif ialah Kabinet atau Jemaah Menteri. Segala dasar dan arahan Kabinet dilaksanakan oleh pegawai-pegawai awam yang berkhidmat dalam berbagai-bagi organisasi kerajaan. Secara umum, terdapat dua jenis organisasi kerajaan iaitu: (a) organisasi-organisasi yang ditubuhkan di bawah kuasa Perlembagaan Persekutuan seperti Majlis Tanah Negara dan Suruhanjaya Pilihanraya; dan (b) organisasi-organisasi yang ditubuhkan di bawah kuasa atau budi bicara kerajaan dan pihak pentadbiran seperti kementerian, jabatan dan perbadanan-perbadanan awam. Penyelarasaran dalam sesebuah organisasi dan di antara berbagai-bagi organisasi kerajaan adalah amat penting bagi memastikan kewujudan satu jentera pentadbiran yang cekap dan berkesan.

### **Kabinet Organisasi Eksekutif Tertinggi**

Seperi digambarkan dalam Rajah 9, Kabinet merupakan organisasi tertinggi yang menjalankan kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan atas nama Yang di-Pertuan Agong. Kabinet dikeluai oleh Perdana Menteri dengan menteri-menteri sebagai ahlinya. Kabinet dibentuk oleh parti yang mendapat majoriti dalam Parlimen.

#### **● Perdana Menteri**

Perdana Menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada orang yang menjadi *ahli Dewan Rakyat* dan mendapat *kepercayaan majoriti ahli*



Nota:

- Menunjukkan Kawalan
- Menunjukkan Pertalian

Rajah 9: Struktur Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

Dewan tersebut. Orang yang menjadi warganegara Persekutuan melalui pendaftaran atau permohonan tidak boleh dilantik menjadi Perdana Menteri. Sebagai *Ketua Eksekutif* sebenar, Perdana Menteri bertanggungjawab untuk memberitahu Yang di-Pertuan Agong tentang pentadbiran umum negara<sup>1</sup>. Tugas-tugasnya yang utama ialah untuk *mempengerusikan Kabinet* serta memimpin Kerajaan dalam hal-hal berkaitan dengan dasar negara.

#### ● Timbalan Perdana Menteri

Di bawah Perdana Menteri terdapat seorang Timbalan Perdana Menteri. Jawatan tersebut merupakan satu jawatan yang biasa (iaitu ia tidak terkandung dalam Perlembagaan atau sebarang undang-undang). Timbalan Perdana Menteri akan menjalankan tugas-tugas Perdana Menteri semasa ketiadaan atau keuzuran Perdana Menteri.

#### Pembentukan Dasar Negara

Kabinet merupakan *organisasi pembentukan dasar negara* yang tertinggi. Kertas Kabinet perlu dibentangkan oleh seorang menteri bagi mendapatkan keputusan Kabinet mengenai sesuatu dasar atau perkara yang penting. Terdapat beberapa Jawatankuasa Tetap Kabinet dan Jawatankuasa Kabinet Khas atau sementara untuk membantu Kabinet dalam membentuk dasar-dasar. Contoh-contoh jawatankuasa tetap ialah Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan, Perjawatan dan Kewarganegaraan.

#### Tanggungjawab Secara Kolektif

Kabinet adalah bertanggungjawab secara kolektif kepada Parlimen.<sup>3</sup> Semua menteri dalam Kabinet adalah *bersama-sama bertanggungjawab* (*collectively responsible*) atas segala keputusan yang dibuat oleh Kabinet. Sekiranya seorang menteri tidak bersetuju dengan keputusan Kabinet, dia harus meletakkan jawatan. Seseorang menteri juga bertanggungjawab kepada Parlimen secara individu dalam hal-hal perjalanan kementerian atau jabatannya.

### Mesyuarat Kabinet

Mesyuarat Kabinet adalah tidak formal dalam erti kata *undian jarang dibuat*. Segala perbincangan adalah *rahsia* dan rekod perbincangan tidak disimpan. *Minit Kabinet* hanya merupakan pertanyaan mengenai keputusan yang dibuat serta arahan kepada menteri yang berkenaan untuk melaksanakan keputusan tersebut. Lazimnya, Kabinet bermesyuarat sekali seminggu, iaitu pada tiap-tiap hari Rabu. Setiausaha Kabinet ialah Ketua Setiausaha Negara.

### Kementerian Agensi Tertinggi Kerajaan

Kementerian yang diketuai oleh seorang menteri merupakan *agensi tertinggi* dalam struktur pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kementerian boleh ditakrifkan sebagai organisasi kerajaan yang menggubal dasar, merancang program-program dan melaksanakannya di bawah arahan polisi seorang menteri. Dengan lain perkataan, Kementerian merupakan agensi kerajaan yang melaksanakan portfolio seseorang menteri. Pada masa ini terdapat 24 buah kementerian.

Dari segi penyimpanan akaun, terdapat dua jenis kementerian iaitu: (a) kementerian yang mengakaun sendiri (*self-accounting*) seperti Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan; dan (b) kementerian yang tidak mengakaun sendiri seperti kebanyakan kementerian pada masa ini. Akaun kementerian-kementerian yang tidak mengakaun sendiri diuruskan oleh Jabatan Akauntan Negara.

### Struktur Kementerian

Sesebuah kementerian terdiri daripada Ibu Pejabat Kementerian dan semua agensi pelaksana (jabatan-jabatan dan perbadanan-perbadanan awam) yang terletak di bawah jagaannya. Ibu Pejabat Kementerian mengandungi Pejabat Menteri serta Ketua Setiausaha dan personel awam di bawahnya. Ia lazimnya dipecahkan kepada beberapa bahagian di mana bahagian-bahagian yang umum ialah Bahagian Pentadbiran serta Bahagian Perancangan dan Pembangunan. Bergantung kepada besarnya sesebuah kementerian, sesuatu bahagian boleh diketuai oleh seorang Timbalan Ketua Setiausaha, Setiausaha Bahagian atau Penolong Setiausaha.

Menteri-menteri yang memegang portfolio yang penting dan berat dibantu oleh Timbalan Menteri dan/atau Setiausaha Parlimen. Timbalan Menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Perdana Menteri, daripada orang yang menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen. Setiausaha Parlimen pula dilantik oleh Perdana Menteri daripada orang yang menjadi ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara.


Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai struktur atau susunan organisasi sesebuah kementerian, sila lihat Rajah 10 iaitu Carta Organisasi Kementerian Penerangan Malaysia. Kementerian tersebut diketuai oleh Menteri yang dibantu oleh seorang Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Pegawai pentadbir utama ialah Ketua Setiausaha yang dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Setiausaha. Terdapat dua badan berkanun iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) serta tiga buah jabatan iaitu Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan dan Filem Negara Malaysia di bawah jagaan Kementerian Penerangan. Terdapat juga empat buah bahagian (tiap-tiap satu diketuai oleh Setiausaha Bahagian) dan dua unit (Unit Antarabangsa dan Unit Audit Dalam).

### **Peranan Kementerian**

Setiap kementerian berperanan menggubal dasar-dasar serta merancang, mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan program-program yang terletak di bawah portfolio Menteri.<sup>6</sup> Bagi kebanyakan kementerian, program-program dilaksanakan oleh jabatan-jabatan dan perbadanan-perbadanan awam. Justeru itu, adalah menjadi fungsi penting kementerian untuk mengesan dan mengawas pelaksanaan program-program oleh agensi-agensi pelaksana.

### **Pegawai Pentadbir Utama dan Kakitangan**

Pegawai pentadbir utama di sesebuah kementerian ialah Ketua Setiausaha. Beliau merupakan penasihat utama kepada menteri dan bertangungjawab kepada menteri bagi perjalanan kementerian. Dalam melaksanakan tugas-tugas dan arahan-arahan menteri, Ketua Setiausaha dibantu oleh personel awam yang boleh dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu: (a) Kumpulan A - Pengurusan dan Iktisias (seperti pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir and Diplomatik, guru siswazah,



**Nota :**

- Menunjukkan Kawalan
- Menunjukkan Pertalian

Rajah 10: Carta Organisasi Kementerian Penerangan  
Malaysia

doktor dan jurutera); (b) Kumpulan B - Kerja dan Separa Ikhtisas (seperti pegawai kerja, pembantu teknik dan pengatur program komputer); (c) Kumpulan C - Perkeranian dan Teknik (seperti pegawai kerani am, jurutrengkas dan operator komputer); dan (d) Kumpulan D - Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar (seperti pelayan pejabat, drebar dan jurutaip). Kebanyakan jawatan bagi Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas di Kementerian dipenuhi oleh pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD).

### Jabatan Perdana Menteri

Jabatan Perdana Menteri (JPM) merupakan kementerian yang amat penting. Fungsi utamanya ialah untuk merancang, merumus dan menyelaras segala dasar negara di samping menentukan pelaksanaan dasar-dasar tersebut oleh kementerian-kementerian lain secara cekap dan berkesan. JPM juga menguruskan kerja majlis-majlis tertinggi seperti Majlis Perancang Negara, Majlis Tindakan Negara dan Majlis Keselamatan Negara.

JPM diketuai oleh Perdana Menteri yang dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri. Pegawai pentadbir utama ialah Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang bertugas sebagai penasihat dan pentadbir utama kepada Perdana Menteri. KSN juga merupakan Setiausaha Jemaah Menteri dan ketua bagi seluruh perkhidmatan awam.

Bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, JPM mempunyai beberapa unit atau bahagian yang penting seperti: (a) Bahagian Kabinet; (b) Unit Perancang Ekonomi (*Economic Planning Unit - EPU*); (c) Unit Penyelarasan Pelaksanaan (*Implementation Coordination Unit - ICU*); (d) Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (*Socio-Economic Planning Unit - SERU*); dan (e) Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (*Malaysian Administrative Modernization Unit - MAMPU*).

Tugas utama Bahagian Kabinet ialah untuk memberi *khidmat urusetia* kepada Kabinet, Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet dan Persidangan Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri. Ia juga menjalankan *kajian dan analisa terhadap isu-isu semasa* yang mempunyai implikasi dasar. Fungsi-fungsi EPU, ICU, SERU dan MAMPU akan dihuraikan kemudian dalam Bab 6 di bawah tajuk Agensi-agensi Pusat.

Agensi-agensi dan perbadanan-perbadanan awam kerajaan yang bertanggungjawab secara langsung kepada Jabatan Perdana Menteri ialah: (a) Jabatan Perkhidmatan Awam; (b) Jabatan Perpaduan Negara;

(c) Jabatan Perangkaan; (d) Jabatan Audit Negara; (e) Jabatan Peguam Negara; (f) Badan Pencegah Rasuah; (g) Lembaga Urusan Tabung Haji; (h) Dewan Bandaraya dan (i) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

### **Jabatan**

Jabatan merupakan sebuah agensi kerajaan yang terletak di bawah sesebuah kementerian. Sebagai contoh, terdapat Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Penerbangan Awam di bawah Kementerian Pengangkutan serta Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah Kementerian Kewangan. Secara am, jabatan-jabatan mempunyai cawangan-cawangan di peringkat negeri dan daerah.

### **Peranan Jabatan**

Peranan jabatan ialah untuk *melaksanakan* kebanyakan daripada perkara yang terletak di bawah sesebuah kementerian. Misalnya, Kementerian Dalam Negeri mempunyai Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Polis yang masing-masing bertanggungjawab bagi perkara-perkara tertentu. Sesebuah jabatan juga bertanggungjawab untuk mengawas dan menyelaras perjalanan cawangan-cawangan di peringkat negeri daripada daerah.

### **Pegawai Pentadbir Utama dan Kakitangan**

Pegawai pentadbir utama bagi kebanyakan jabatan ialah Ketua Pengarah menakala pegawai-pegawai pentadbir yang lain mempunyai gelaran yang berbeza-beza. Sebagai contoh, Jabatan Audit diketuai oleh Ketua Audit Negara, Jabatan Polis Diraja Malaysia oleh Ketua Polis Negara dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia oleh Akauntan Negara.

Kebanyakan jabatan kerajaan bertanggungjawab bagi perkara-perkara ikhtisas dan teknikal. Justeru itu, kebanyakan jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas di jabatan-jabatan dipenuhi oleh pegawai-pegawai daripada berbagai-bagai perkhidmatan ikhtisas seperti Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Perkhidmatan Pelajaran dan sebagainya.

## **Suruhanjaya**

### **Jenis Suruhanjaya**

Terdapat dua jenis *suruhanjaya yang tetap* dalam Kerajaan Persekutuan iaitu: (a) Suruhanjaya Pilihanraya; dan (b) Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan. Kerajaan juga boleh menubuhkan suruhanjaya-suruhanjaya khas yang lazimnya berbentuk sementara untuk mengkaji sesuatu perkara atau masalah dan membuat perakuan-perakuan kepada Kerajaan bagi menyelesaikannya.

### **Tujuan Penubuhan Suruhanjaya**

Tujuan penubuhan sesebuah suruhanjaya ialah untuk membolehkan pentadbiran hal-ehwal awam tertentu dengan cara yang adil, saksama dan tanpa pengaruh politik. Kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya yang bertanggungjawab untuk mengadakan pilihanraya adalah penting bagi memastikan penerimaan keputusan pilihanraya dengan penuh keyakinan oleh parti-parti politik dan para pengundi. Suruhanjaya Pilihanraya akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab 8. Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan pula menjamin pemberian layanan yang adil dan saksama kepada para anggota perkhidmatan awam dalam hal-hal perlantikan, kenaikan pangkat dan tataatirib. Terdapat enam suruhanjaya perkhidmatan di peringkat Kerajaan Persekutuan iaitu: (a) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; (b) Suruhanjaya Pasukan Polis; (c) Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi; (d) Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran; (e) Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang; dan (f) Majlis Angkatan Tentera.

### **Perlantikan Ahli Suruhanjaya**

Sesebuah suruhanjaya merupakan *badan yang bebas*. Bagi menjamin kebebasan suruhanjaya-suruhanjaya, ahli-ahli dilantik secara khas. Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya (seorang Pengurus, seorang Timbalan Pengurus dan tiga orang ahli) dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja. Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan pula dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong setelah mempertimbangkan nasihat Perdana Menteri dan setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja.

### Pentadbiran Suruhanjaya

Pentadbiran sesebuah suruhanjaya dijalankan oleh urusetia yang diketuai oleh seorang Setiausaha. Setiausaha merupakan pegawai pentadbir utama dan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar dan arahan-arahan suruhanjaya.

### Perbadanan Awam

#### Jenis Perbadanan Awam

Perbadanan-perbadanan awam (*public corporations*) merupakan pertubuhan-pertubuhan perbadanan (*corporate bodies*) yang diperbadankan oleh kerajaan melalui undang-undang atau di bawah Akta Syarikat untuk maksud-maksud tertentu. Terdapat dua jenis perbadanan awam di Malaysia iaitu: (a) *badan-badan berkanun*; dan (b) *badan-badan tidak berkanun*. Badan-badan berkanun merupakan organisasi-organisasi yang ditubuhkan di bawah *Akta Parlimen* atau *Enakmen Negeri*. Badan-badan tidak berkanun pula merupakan organisasi-organisasi yang ditubuhkan di bawah *Akta Syarikat* di mana Kerajaan mempunyai *kepentingan ekuiti*.<sup>8</sup> Badan-badan berkanun dan tidak berkanun boleh menubuhkan anak-anak syarikat.

#### Tujuan Penubuhan Perbadanan Awam

Tujuan penubuhan perbadanan-perbadanan awam boleh dilihat dari dua sudut. Pertama, ialah untuk membolehkan *penglibatan* Kerajaan secara terus dan lebih berkesan dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi negara serta kegiatan-kegiatan yang tidak diceburi oleh sektor swasta kerana *kurang menguntungkan* atau memerlukan *modal besar*. Penglibatan kerajaan adalah perlu bagi memastikan pembangunan yang pesat, teratur dan adil. Kedua, tujuan yang hendak dicapai itu lebih sesuai dilaksanakan oleh sebuah perbadanan awam daripada sebuah jabatan memandangkan perbadanan awam *lebih bebas* dan *tidak terikat kepada peraturan-peraturan pentadbiran kerajaan yang biasa*. Perbadanan awam juga mempunyai *autonomi* yang lebih dalam hal-hal pengurusan dan kewangan. Justeru itu, sesebuah perbadanan awam dapat bergerak dengan lebih pantas, cekap dan berkesan.

### **Badan-badan Berkanun Persekutuan**

Di antara badan-badan berkanun yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan ialah:

- (i) Badan-badan berkanun yang berkaitan dengan pembangunan tanah dan wilayah seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Getah (RISDA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (JENGKA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA);
- (ii) Badan-badan berkanun yang berkaitan dengan *pertanian* dan *pembangunan luar bandar* seperti Lembaga Kemajuan Ter-nakan Negara (MAJUTERNAK), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRI), dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM);
- (iii) Badan-badan berkanun yang berkaitan dengan *penyertaan bumiputera* dalam bidang *perdagangan* dan *perindustrian* seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), dan Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN);
- (iv) Badan-badan berkanun berkaitan dengan *pendidikan* seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Teknologi MARA;
- (v) Badan-badan berkanun berkaitan dengan *perkhidmatan pengangkutan* dan *kemudahan awam* seperti Keretapi Tanah Melayu (KTM), Lembaga Letrik Negara (LLN), Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr. Ismail (PUSPATI), dan Lembaga-lembaga Pelabuhan Bintulu, Johor, Kelang, Kuantan dan Pulau Pinang; dan
- (vi) Badan-badan berkanun berkaitan dengan *kewangan* seperti Bank Negara Malaysia, Bank Simpanan Nasional dan

Nama Badan Berkanun	Objektif-objektif Utama
1. Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menambah hak milik harta Bumiputera yang berkekalan di bandar-bandar dari segi bilangan dan nilai; dan</li> <li>● Menyediakan ruang niaga untuk Bumiputera di kawasan-kawasan yang strategik dari segi pembiagaan di bandar-bandar.</li> </ul>
2. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Membuka dan memajukan kawasan-kawasan tanah baru untuk dijadikan kawasan pertanian; dan</li> <li>● Memberi perkhidmatan pengurusan dan latihan berkaitan dengan pertanian.</li> </ul>
3. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memperbaiki sistem pemasaran hasil-hasil pertanian supaya petani-petani mendapat pulangan pendapatan yang berpatutan.</li> </ul>
4. Majlis Amanah Rakyat (MARA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meningkatkan bilang pengusaha Bumiputera; dan</li> <li>● Meningkatkan jumlah tenaga Bumiputera yang terlatih dalam berbagai-bagai bidang perdagangan dan perindustrian.</li> </ul>
5. Lembaga Padi dan Beras Negara(LPN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memastikan harga padi dan beras yang berpatutan serta stabil bagi petani dan pengguna; dan</li> <li>● Memastikan bekalan beras adalah mencukupi bagi mengatasi segala kecemasan.</li> </ul>
6. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memaju dan memperkayakan bahasa Malaysia;</li> <li>● Memajukan bakat kesusastraan terutamanya dalam bahasa Malaysia; dan</li> <li>● Mencetak atau menerbitkan buku, majalah dan risalah lain dalam bahasa Malaysia.</li> </ul>

Rajah 11 : Senarai Objektif Beberapa Badan Berkanun Yang Penting

### Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Badan-badan berkanun memainkan peranan yang penting dalam pencapaian matlamat-matlamat sosioekonomi tertentu seperti pembasiran kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Objektif-objektif utama beberapa badan berkanun yang penting adalah disenaraikan dalam Rajah 11.

### Badan-badan Tidak Berkanun Persekutuan

Badan-badan tidak berkanun Persekutuan juga terlibat dalam berbagai-bagi bidang seperti kewangan, pengangkutan, telekomunikasi, perniagaan dan perindustrian. Contoh-contoh badan-badan tidak berkanun ini termasuklah Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC), Kumpulan Fima Berhad dan Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM). Sila lihat Rajah 12 bagi senarai lengkap badan-badan tidak berkanun (Syarikat-syarikat Kerajaan).


### Susunan Organisasi dan Kakitangan

Setiap perbadanan awam mempunyai *Lembaga Pengarah* masing-masing. Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi pembentukan dasar dan pengawasan perjalanan sesebuah perbadanan awam. Ahli-ahli Lembaga dilantik oleh menteri yang berkenaan. Ketua eksekutif sesebuah perbadanan awam lazimnya digelar Pengurus Besar. Dari segi struktur, sesebuah perbadanan awam dipecahkan kepada beberapa bahagian di mana Bahagian Pentadbiran dan Kewangan serta Bahagian Perancangan dan Penyelidikan merupakan bahagian-bahagian yang umum. Sebagai contoh, sila lihat Rajah 13 iaitu Carta Organisasi Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). Kebanyakan perbadanan awam mempunyai cawangan di peringkat negeri, daerah dan kadangkala mukim serta kampung.

Perbadanan-perbadanan awam mempunyai *personel sendiri* dalam semua kumpulan. Segala aspek perkhidmatan (termasuk pengambilan, kenaikan pangkat dan pemberhentian kerja) dilaksanakan sendiri oleh agensi-agensi tersebut. Namun demikian, badan-badan berkanun perlu merujuk perkara-perkara perjawatan tertentu seperti pengwujudan skim perkhidmatan dan penambahan jawatan kepada Jabatan Perkhidmatan

1. Sistem Penerbangan Malaysia (MAS)
2. Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC)
3. Syarikat Malaysia Explosives Sendirian Berhad
4. Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM)
5. Malaysia Shipyard and Engineering Sendirian Berhad (MSE)
6. Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
7. Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sendirian Berhad
8. Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad
9. Bank Islam Malaysia Berhad
10. Bank Bumiputera Malaysia Berhad
11. Bank Pembangunan Malaysia Berhad
12. Malaysia Export Credit Insurance Berhad
13. Sports Toto Malaysia Berhad
14. Gula Padang Terap Berhad
15. Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad
16. Kumpulan Fima Berhad
17. Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)
18. Aerospace Industries Malaysia Sendirian Berhad
19. Syarikat Telekom Malaysia Berhad

Rajah 12 : Senarai Badan-badan Tidak Berkanun  
(Syarikat-syarikat Kerajaan)



**Nota :**

- Menunjukkan Kawalan
- Menunjukkan Pertalian

Rajah 13: Carta Organisasi KEJORA

Awam (JPA) dan Perbendaharaan bagi kelulusan.<sup>9</sup> Personel badan-badan tidak berkanun pula adalah dilantik secara bebas tanpa tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Badan-badan tidak berkanun boleh juga mengadakan skim-skim perkhidmatan sendiri.

### Kawalan Kementerian dan Agensi Pusat

Perbadanan-perbadanan awam diletakkan di bawah portfolio seseorang menteri. Tidak seperti jabatan-jabatan kerajaan, kawalan menteri ke atas perbadanan-perbadanan awam adalah longgar dan tertumpu kepada soal-soal dasar penting. Namun demikian, menteri mempunyai kawalan secara tidak langsung ke atas sesbuah perbadanan awam melalui perlantikan seorang pegawai kanan kementeriannya sebagai ahli Lembaga Pengarah agensi berkenaan. Malahan ahli-ahli Lembaga Pengarah dilantik oleh menteri dan adalah bertanggungjawab kepada beliau.

Badan-badan berkanun perlu mengemukakan anggaran belanjawan serta rancangan pembangunan tahunan dan lima tahun masing-masing kepada Agensi-agensi Pusat (Perbendaharaan, JPA dan EPU) untuk kelulusan. Badan-badan tidak berkanun pula tidak perlu mengemukakan anggaran belanjawan tahunan kepada Perbendaharaan kecuali sekiranya untuk memohon pinjaman atau pemberian (*grant*).

### Penyelarasian Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

Penyelarasian di antara berbagai-bagai agensi kerajaan diperlukan bagi memastikan negara mempunyai satu jentera pentadbiran yang cekap dan berkesan. Secara umum, penyelarasian merupakan *proses integrasi* berbagai-bagai komponen untuk mencapai tujuan-tujuan tertentu tanpa sebarang *pertindihan kerja atau konflik*. Penyelarasian pentadbiran di peringkat Kerajaan Persekutuan dibuat menerusi beberapa majlis dan jawatankuasa tertentu.

### Cara-cara Penyelarasian Antara Kementerian

#### ● Kabinet

Kabinet merupakan *cara penyelarasan yang penting sekali* di antara kementerian-kementerian. Menerusi *Kertas Kabinet*, dasar-dasar utama

sesebuah kementerian dibincangkan dan dipersetujui oleh Kabinet sebelum dilaksanakan. Kerajaan telah menubuhkan tiga buah *majlis* untuk membantu Kabinet menyelaraskan kegiatan-kegiatan kementerian iaitu: (a) Majlis Perancang Negara (dahulu dikenali sebagai Majlis Ekonomi Negara); (b) Majlis Tindakan Negara; dan (c) Majlis Keselamatan Negara. Ketiga-tiga buah majlis tersebut dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh menteri-menteri kanan. Majlis Perancang Negara menimbang segala dasar penting dalam bidang *ekonomi* yang mempengaruhi corak dan arah pembangunan negara. Majlis Tindakan Negara merupakan badan yang tertinggi bagi menyelaraskan pelaksanaan *projek-projek pembangunan*. Majlis Keselamatan Negara adalah bertanggungjawab ke atas aspek *keselamatan*.

#### ● Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet

Satu lagi cara penyelaras di peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan secara *tetap* atau *sementara* (*ad hoc*). Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ditubuhkan oleh Kabinet untuk mengkaji secara mendalam sesuatu masalah negara yang rumit dan membuat perakuan bagi mengatasinya. Contoh-contoh jawatankuasa ini ialah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang-barang Perlu dan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perpaduan Negara.

#### ● Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha

Di peringkat pegawai, Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara merupakan cara penyelaras di antara kementerian yang penting. Mesyuarat tersebut membincangkan soal-soal dasar penting sesebuah kementerian sebelum dilaksanakan oleh kementerian atau dikemukakan kepada Kabinet.

#### ● Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara

Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) merupakan satu lagi cara penyelaras di peringkat pegawai yang penting. Penggerusi JPPN ialah Ketua Setiausaha Negara dan ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai kanan kementerian-kementerian yang penting. JPPN bertanggungjawab meneliti dan menyelaras semua rancangan bagi pembangunan negara sebelum dikemukakan bagi pertimbangan Majlis Perancang Negara dan Kabinet.<sup>10</sup>

### Penyelarasan Dalam Kementerian

Cara penyelarasan utama di antara agensi-agensi di bawah sesuatu kementerian ialah Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian dan Jabatan. Mesyuarat tersebut yang lazimnya dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha bertanggungjawab menyelaraskan perkara-perkara dasar yang terletak di bawah bidang kuasa kementerian.

### RINGKASAN

1. Kabinet atau Jemaah Menteri merupakan organisasi tertinggi yang menjalankan kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan atas nama Yang di-Pertuan Agong.
2. Kabinet diketuai oleh Perdana Menteri dengan menteri-menteri sebagai ahlinya. Perdana Menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada orang yang menjadi ahli Dewan Rakyat dan mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan tersebut.
3. Kabinet merupakan organisasi pembentukan dasar negara yang tertinggi. Ia bertanggungjawab secara kolektif kepada Parlimen. Setiausaha Kabinet ialah Ketua Setiausaha Negara.
4. Kementerian yang diketuai oleh menteri merupakan agensi tertinggi kerajaan. Ia melaksanakan portfolio yang menjadi tanggungjawab seseorang menteri.
5. Sesebuah kementerian terdiri daripada Ibu Pejabat Kementerian dan semua agensi pelaksana (jabatan-jabatan dan perbadanan-perbadanan awam) di bawah jagaannya.
6. Pegawai pentadbir utama sesebuah kementerian ialah Ketua Setiausaha yang merupakan penasihat utama kepada menteri.
7. Jabatan Perdana Menteri (JPM) merupakan kementerian utama. Ia bertanggungjawab untuk merancang, merumus dan menyelaras segala dasar negara.

8. Pegawai pentadbir utama JPM ialah Ketua Setiausaha Negara yang juga merupakan Ketua bagi seluruh perkhidmatan awam.
9. Jabatan merupakan agensi kerajaan yang terletak di bawah sesebuah kementerian. Secara am, jabatan-jabatan mempunyai cawangan-cawangan di peringkat negeri dan daerah.
10. Peranan jabatan ialah untuk melaksanakan kebanyakan daripada perkara yang terletak di bawah sesebuah kementerian. Kebanyakan jabatan bertanggungjawab bagi perkara-perkara ikhtisas dan teknikal.
11. Pegawai pentadbir utama bagi kebanyakan jabatan ialah Ketua Pengarah.
12. Suruhanjaya merupakan sebuah organisasi yang dapat bergerak dengan bebas dalam menjalankan tugas-tugas tertentu secara objektif, adil dan saksama.
13. Terdapat dua jenis suruhanjaya yang tetap dalam Kerajaan Persekutuan iaitu Suruhanjaya Pilihanraya dan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan.
14. Kerajaan juga boleh menujuhkan suruhanjaya-suruhanjaya khas yang lazimnya berbentuk sementara untuk mengkaji sesuatu masalah dan membuat perakuan bagi menyelesaiannya.
15. Pegawai Pentadbir utama sesebuah suruhanjaya ialah Setiausaha.
16. Terdapat dua jenis perbadanan awam di Malaysia iaitu badan-badan berkanun dan badan-badan tidak berkanun.
17. Badan-badan berkanun merupakan organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen atau Enakmen Negeri. Contoh-contoh badan berkanun Persekutuan ialah FELDA, RISDA, MARA, UDA, LPN dan Bank Negara Malaysia.
18. Badan-badan tidak berkanun pula merupakan organisasi-organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan ekuiti. Contoh-contoh badan tidak berkanun ialah MAS, PERNAS, MISC, PETRONAS, HICOM dan Kumpulan FIMA.

19. Cara penyelarasan pentadbiran yang terpenting di antara kementerian ialah Kabinet. Tiga buah majlis yang membantu Kabinet menyelaraskan kegiatan-kegiatan kementerian ialah: (a) Majlis Perancang Negara; (b) Majlis Tindakan Negara; dan (c) Majlis Keselamatan Negara.
20. Cara penyelarasan utama di antara agensi-agensi di bawah sesuatu kementerian ialah Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian dan Jabatan.

### **NOTA KAKI**

1. Sila lihat *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 43(2).
2. Datuk Abdul Aziz Zakaria, *Pengenalan Kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, m.s. 23.
3. *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 43(3).
4. *Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1982*, m.s. 1.
5. Lihat Institut Tadbiran Awam Negara, *Negara Kita: Sejarah, Pendtabiran dan Dasar-dasar Pembangunan*, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1982, m.s.190.
6. *Pekeliling Am Bil.2 Tahun 1982*, m.s. 1-2.
7. Sila lihat Kementerian Kewangan Malaysia, *Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1986*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1985, m.s. 303.
8. Ekuiti Kerajaan lazimnya dipegang atas nama, "Minister of Finance Inc."
9. Institut Tadbiran Awam Negara, *Negara Kita*, m.s.195.
10. Ranjit Singh Malhi, *Panduan Jawapan Peperiksaan Am Kerajaan*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1985, m.s. 119.

## CADANGAN BACAAN TAMBAHAN

Datuk Abdul Aziz Zakaria, *Pengenalan Kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.

Institut Tadbiran Awam Negara, *Negara Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1980.

## SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Organisasi tertinggi yang menjalankan kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan ialah  
A. Majlis Raja-Raja  
 B. Kabinet  
C. Majlis Tertinggi Negara  
D. Yang di-Pertuan Agong  
E. Majlis Tindakan Negara
  
2. Setiausaha Kabinet Persekutuan ialah  
A. Setiausaha Bahagian Kabinet, Jabatan Perdana Menteri  
 B. Ketua Setiausaha Negara  
C. Menteri Penerangan  
D. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri  
E. Setiausaha Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri
  
3. Semua pernyataan berikut mengenai Perdana Menteri adalah benar kecuali  
A.  Perdana Menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada orang yang menjadi ahli Dewan Rakyat dan mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan tersebut  
B.  Perdana Menteri merupakan Ketua Eksekutif sebenar  
 C. Perdana Menteri mempengerusi Kabinet  
D. Perdana Menteri memimpin Kerajaan dalam hal-hal berkaitan

- dengan dasar-dasar negara
- E. Orang yang menjadi warganegara Persekutuan melalui pendaftaran atau permohonan boleh dilantik menjadi Perdana Menteri.
4. Organisasi pembentukan dasar negara yang tertinggi ialah
- Kabinet
  - Majlis Dasar Negara
  - Majlis Tindakan Negara
  - Majlis Tertinggi Negara
  - Yang di-Pertuan Agong
5. Agensi tertinggi dalam jentera pentadbiran Persekutuan ialah
- Jabatan
  - Kementerian
  - Badan Berkanun
  - Majlis Perbandaran
  - Suruhanjaya
6. Semua pernyataan berikut mengenai kementerian adalah benar kecuali
- Pegawai pentadbir utama sesebuah kementerian ialah Ketua Setiausaha
  - Kementerian dikehendaki mengawal perbelanjaan agensi-agensi di bawahnya.
  - Kementerian melaksanakan sesuatu portfolio yang menjadi tanggungjawab seseorang menteri
  - Dari segi penyimpanan akaun, terdapat tiga jenis kementerian
  - Setiap kementerian berperanan membentuk dan melaksanakan dasar-dasar yang terletak di bawah portfolio menteri
7. Fungsi utama Jabatan Perdana Menteri ialah untuk
- meluluskan dasar-dasar yang dirangka oleh agensi-agensi kerajaan
  - merancang, merumus dan menyelaras segala dasar negara di samping menentukan pelaksanaan dasar-dasar tersebut oleh kementerian-kementerian lain secara cekap dan berkesan
  - merancang dan meluluskan rancangan pembangunan kebangsaan lima tahun
  - menasihatkan Perdana Menteri dalam pelaksanaan tugas-

tugasnya

- E. memberi khidmat sokongan kepada Kabinet
8. Semua pernyataan berikut mengenai jabatan adalah benar kecuali
- A. Jabatan merupakan agensi kerajaan yang terletak di bawah sesebuah kementerian ✓✓
  - B. Secara am semua jabatan mempunyai cawangan di peringkat negeri dan daerah ✓✓
  - C. Pegawai pentadbir utama kebanyakannya jabatan ialah Ketua · Setiausaha ✓✓
  - D. Kebanyakannya jabatan kerajaan bertanggungjawab bagi perkara iktisasi dan teknikal ✓✓
  - E. Peranan jabatan ialah untuk melaksanakan kebanyakannya perkara dan dasar-dasar yang terletak di bawah sesebuah kementerian. ✓✓
9. Semua pernyataan berikut mengenai suruhanjaya adalah benar kecuali
- A. Terdapat suruhanjaya yang tetap dan sementara ✓✓
  - B. Ahli-ahli suruhanjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ✓✓
  - C. Suruhanjaya tertakluk kepada arahan menteri ✓✓
  - D. Suruhanjaya-suruhanjaya perkhidmatan ditubuhkan bagi memastikan layanan yang saksama dalam urusan perlantikan dan kenaikan pangkat kakitangan awam ✓✓
  - E. Suruhanjaya adalah bebas dari campur tangan kementerian ✓✓
10. Semua pernyataan berikut mengenai badan berkanun adalah benar kecuali
- A. Badan berkanun diletakkan di bawah portfolio seseorang menteri ✓✓
  - B. Kebanyakannya badan berkanun mempunyai peranan ekonomi atau sosial ✓✓
  - C. Kakitangan badan berkanun dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ✓✓
  - D. Badan-badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Parlimen atau Enakmen Negeri ✓✓
  - E. Kerja pentadbiran seharian sesebuah badan berkanun berada di bawah kawalan Pengurus Besar ✓✓

- (i) Menambah hakmilik harta Bumiputera yang berkekalan di bandar-bandar dari segi bilangan dan nilai.  
 (ii) Menyediakan ruang niaga untuk Bumiputera di kawasan-kawasan yang strategik dari segi perniagaan di bandar-bandar.

11. Yang manakah di antara yang berikut bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas di atas?  
 A. Majlis Amanah Rakyat  
 B. Perbadanan Pembangunan Bandar  
 C. Pusat Daya Pengeluaran Negara  
 D. Lembaga Pembangunan Bandar  
 E. Pusat Pembangunan Bandar
12. Yang manakah di antara yang berikut merupakan cara penyelarasan di antara kementerian?  
 I. Kabinet ✓  
 II. Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet ✓  
 III. Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha  
 IV. Majlis Kewangan Negara  
 V. Majlis Tanah Negara  
  
 A. ✓ I, II dan III  
 B. I dan II  
 C. IV dan V  
 D. II, III dan IV  
 E. I dan IV
13. Badan pengawasan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang tertinggi di Malaysia ialah  
 A. Majlis Tindakan Negara  
 B. Majlis Perancang Negara  
 C. Kabinet  
 D. Unit Perancang Ekonomi  
 E. Unit Penyelarasaran Pelaksanaan
14. Pengerusi Majlis Perancang Negara ialah  
 A. Perdana Menteri  
 B. Timbalan Perdana Menteri  
 C. Ketua Setiausaha Negara

- D. Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi  
 E. Menteri Kewangan
15. Pengurus Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara ialah  
 A. Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi  
 B. Ketua Setiausaha Negara  
 C. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
 D. Perdana Menteri  
 E. Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi

### **SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Apakah fungsi utama Kabinet?
2. "Kabinet adalah bertanggungjawab secara kolektif kepada Parlimen." Bincangkan pernyataan ini.
3. Huraikan peranan dan struktur sesebuah kementerian.
4. Jelaskan tujuan penubuhan dan keahlian sesebuah suruhanjaya.
5. Apakah yang diertikan dengan badan berkanun? Mengapakah badan-badan berkanun ditubuhkan?
6. Apakah cara-cara penyelarasan utama di antara kementerian-kementerian?

### **GERAKERJA**

1. Buat satu kajian mengenai persamaan dan perbezaan di antara sesebuah agensi kerajaan dengan syarikat swasta.
2. Dapatkan maklumat tambahan mengenai perbadanan awam berikut:
  - (i) Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA);
  - (ii) Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA);
  - (iii) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA);
  - (iv) Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN); dan
  - (v) Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP)

**BAB** **5**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	kerajaan tempatan (pihak berkuasa tempatan).
<b>Mengenalpasti</b>	fungsi utama Majlis Mesyuarat Kerajaan dan kerajaan tempatan.
<b>Membandingkan</b>	peringkat pentadbiran negeri di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak.
<b>Membandingkan</b>	cara-cara penyelarasan pentadbiran Kerajaan Negeri di peringkat negeri dan daerah.
<b>Menghuralkan</b>	cara-cara penyelarasan pentadbiran di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

## **STRUKTUR PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN TEMPATAN**

*Tanpa penyelarasan, tangan kiri tidak akan mengetahui apa yang dibuat oleh tangan kanan.*

- George J. Gordon

Setiap Kerajaan Negeri di Malaysia mempunyai struktur pentadbiran masing-masing. Struktur pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia adalah lebih kurang sama. Namun demikian, ia berbeza sedikit di negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Kerajaan Tempatan (di luar Wilayah Persekutuan) pula merupakan satu perkara yang berada di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Akan tetapi Kerajaan Tempatan merupakan peringkat kerajaan yang berasingan memandangkan ia mempunyai kuasa dan autonomi dalam berbagai-bagai perkara. Dalam bab ini, kita akan membincangkan struktur pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri dan Tempatan serta penyelarasannya pentadbiran di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

### **Majlis Mesyuarat Kerajaan**

Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 3, kuasa eksekutif Kerajaan Negeri terletak pada Raja atau Yang Dipertua Negeri mengikut perlembagaan masing-masing. Di Semenanjung Malaysia, kuasa eksekutif ini dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (*Exco*) atas nama Raja atau Yang Dipertua Negeri. Di Sarawak badan tersebut digelar *Majlis Tertinggi* dan di Sabah ia digelar *Kabinet*. *Majlis Mesyuarat Kerajaan* menyerupai Kabinet di peringkat Persekutuan. Ia merupakan organisasi pembentukan dasar negeri yang tertinggi. Bagi kebanyakan perkara, Raja atau Yang Dipertua Negeri harus bertindak atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan.<sup>1</sup>

Majlis Mesyuarat Kerajaan diketuai oleh *Menteri Besar* atau *Ketua Menteri* (di negeri-negeri yang tidak beraja). Beliau merupakan *Ketua Eksekutif* di peringkat Kerajaan Negeri. Menteri Besar atau Ketua Menteri

dilantik oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri daripada orang yang menjadi ahli Dewan Negeri dan mendapat kepercayaan majoriti ahli-ahli Dewan tersebut. Raja atau Yang Dipertua Negeri seterusnya mestilah, atas nasihat Menteri Besar atau Yang Dipertua Negeri, melantik tidak lebih daripada lapan atau tidak kurang daripada empat orang ahli lain dari kalangan ahli-ahli Dewan Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah *bersama bertanggungjawab* kepada Dewan Negeri. Ia juga mengandungi tiga ahli pegawai (*ex-officio*), iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri.

Di kebanyakan negeri, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bukan pegawai diberi tanggungjawab ke atas perkara-perkara tertentu seperti pertanian, hal-ehwal Islam, perumahan dan kerajaan tempatan. Mereka mengetuai jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan khas untuk mengelolakan perkara-perkara tersebut. Setiausaha-setiausaha jawatankuasa pula terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan. Sistem ini dikenali sebagai *sistem pentadbiran berjawatankuasa*. Berbeza daripada negeri-negeri lain, Sarawak dan Sabah mengamalkan *Sistem Menteri* (sama seperti Kabinet Persekutuan) iaitu terdapat menteri-menteri yang bertanggungjawab ke atas kementerian-kementerian tertentu.

### Jabatan

Terdapat dua jenis jabatan di peringkat negeri iaitu: (a) Jabatan Negeri; dan (b) Cawangan Jabatan Persekutuan. Jabatan-jabatan Negeri pula boleh dibahagikan kepada Jabatan Negeri yang bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri dan Jabatan Negeri yang bertanggungjawab kepada kedua-dua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

### Jabatan Negeri

Di antara jabatan-jabatan negeri yang penting ialah: (a) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri; (b) Pejabat Kewangan Negeri; (c) Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri; dan (d) Unit Perancang Ekonomi Negeri.

*Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri* merupakan Jabatan Negeri yang utama. Ia diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang merupakan pegawai pentadbir utama negeri dan penasihat pentadbir utama kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Jabatan utama negeri di Sabah dikenali sebagai Jabatan Ketua

Menteri. Fungsi umum Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ialah untuk merancang dan menyelaras segala dasar negeri di samping menentukan pelaksanaan dasar-dasar tersebut oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain (termasuk Pejabat-pejabat Daerah).

Peranan *Pejabat Kewangan Negeri* secara umum ialah untuk merancang dan mengurus hal-hal kewangan negeri. Ia diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri. *Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri* bertanggungjawab untuk memberi nasihat mengenai berbagai-bagai perkara yang berkaitan dengan *undang-undang* kepada Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan. *Unit Perancang Ekonomi Negeri* pula bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaras usaha-usaha *pembangunan ekonomi* negeri.

Di antara Jabatan-jabatan Negeri yang bertanggungjawab kepada kedua-dua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ialah *Jabatan Kebajikan Masyarakat* dan *Jabatan Parit dan Taliair*. Jabatan-jabatan sedemikian bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Bersama.

### Cawangan Jabatan Persekutuan

Terdapat beberapa cawangan Jabatan Persekutuan di negeri seperti Jabatan Imigresen Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri. Cawangan-cawangan tersebut adalah bertanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan. Namun demikian, cawangan-cawangan ini tertakluk kepada usaha-usaha penyelarasan oleh Kerajaan Negeri.

### Pejabat Setiausaha Persekutuan dan Pejabat Kewangan Persekutuan

Di Sabah dan Sarawak, terdapat Pejabat Setiausaha Persekutuan dan Pejabat Kewangan Persekutuan. Tugas utama *Pejabat Setiausaha Persekutuan* ialah untuk menyelaras dan menjalankan pentadbiran aktiviti-aktiviti jabatan-jabatan dan perbadanan awam Persekutuan di negeri. Ia juga bertanggungjawab untuk mengeratkan perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Pejabat berkenaan diketuai oleh Setiausaha Persekutuan.<sup>2</sup>

*Pejabat Kewangan Persekutuan* pula adalah bertanggungjawab kepada Kementerian Kewangan Persekutuan dalam menjalankan tugas-tugas kewangan seperti pemeriksaan anggaran belanjawan agensi-

agensi Persekutuan di Sabah dan Sarawak. Tujuan penubuhannya ialah untuk mempercepatkan *proses membuat keputusan* tanpa perlu merujuk kepada pihak berkuasa di Kuala Lumpur.

### **Suruhanjaya**

Seperti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri boleh juga menubuhkan suruhanjaya-suruhanjaya berbentuk tetap atau khas. Perlantikan ahli-ahli Suruhanjaya dilakukan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri, atas nasihat Menteri Besar atau Ketua Menteri. Semua negeri (kecuali Negeri Sembilan, Perlis, Melaka dan Pulau Pinang) mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang bertanggungjawab bagi perlantikan jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri. Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, perlantikan ke jawatan-jawatan negeri dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan.

### **Perbadanan Awam**

Kerajaan-kerajaan Negeri juga mempunyai perbadanan-perbadanan awam yang merangkumi badan-badan berkanun dan tidak berkanun (syarikat kepunyaan Kerajaan). Contoh badan berkanun yang terdapat di setiap negeri ialah *Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri*. Contoh badan-badan tidak berkanun negeri ialah Amanah Saham Pahang Berhad dan Labuan Wood Products Sdn. Bhd. Perhubungan antara perbadanan-perbadanan awam tersebut dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri ialah lebih kurang sama dengan apa yang terdapat antara perbadanan-perbadanan awam Persekutuan dengan agensi-agensi utama Kerajaan Persekutuan.

### **Peringkat Pentadbiran Negeri Semenanjung Malaysia**

Terdapat tiga peringkat pentadbiran negeri di Semenanjung Malaysia iaitu:

- (i) Daerah;
- (ii) Mukim; dan
- (iii) Kampung

### **Daerah**

Pentadbiran daerah (jajahan di Kelantan) adalah amat penting memandangkan kebanyakan projek kerajaan dilaksanakan di peringkat tersebut. Pejabat utama di peringkat daerah ialah *Pejabat Daerah*. Di setengah-setengah negeri (seperti Johor), pejabat tersebut dipecah kepada dua iaitu *Pejabat Daerah* dan *Pejabat Tanah*. Secara umum, peranan Pejabat Daerah ialah untuk *merancang, melaksana dan menyelaras* usaha-usaha pembangunan daerah dengan kerjasama cawangan agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di peringkat tersebut. Pegawai pentadbir utama di peringkat daerah ialah *Pegawai Daerah*. Beliau merupakan perancang serta penyelaras utama pembangunan daerah dan adalah bertanggungjawab secara langsung kepada Setiausaha Kerajaan Negeri.

### **Mukim**

Sesuatu daerah pula dibahagikan kepada beberapa *mukim* (daerah di Kelantan) di mana terdapat *Pejabat Penghulu* yang diketuai oleh seorang penjawat awam, Penghulu (Penggawa di Kelantan). Peranan utama Penghulu ialah untuk *membantu* Pejabat Daerah dan agensi-agensi kerajaan melaksanakan projek-projek pembangunan serta *menyelarasakan* kegiatan-kegiatan sosioekonomi di kampung-kampung yang berada di bawah jagaannya.

### **Kampung**

Kampung merupakan peringkat pentadbiran negeri yang paling rendah. Ketua pentadbir di peringkat kampung ialah *Ketua Kampung* (Penghulu di Kelantan) yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Peranan utama Ketua Kampung ialah untuk *membantu* agensi-agensi Kerajaan (termasuk Pejabat Daerah) melaksanakan projek-projek pembangunan. Sebagai contoh, ketua kampung menolong agensi-agensi kerajaan mendapatkan tapak yang sesuai bagi sesuatu projek di kampungnya. Ketua Kampung juga merupakan *penghubung* antara kerajaan dengan rakyat jelata. Beliau menjalankan tugas-tugas melalui *Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung* (JKKK) yang dipengerusikan olehnya. Ketua-ketua Jabatan di peringkat daerah dijemput hadir ke mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa tersebut. Pembentukan JKKK bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk kampung mengambil bahagian

dalam proses perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

### Sabah

Terdapat dua peringkat pentadbiran di negeri Sabah iaitu: (a) *Daerah*; dan (b) *Kampung*. Ketua pentadbir di peringkat daerah ialah Pegawai Daerah. Setiap suku kaum diketuai oleh *Ketua Anak Negeri* (*Native Chief*) yang bertanggungjawab kepada Ketua Daerah. Ketua-ketua Anak Negeri merupakan *personel awam*. Kampung pula diketuai oleh *Ketua Kampung* yang tidak merupakan *personel awam*.<sup>3</sup>

### Sarawak

Pentadbiran negeri Sarawak pula boleh dibahagikan kepada empat peringkat iaitu: (a) *Bahagian*; (b) *Daerah*; (c) *Daerah Kecil*; dan (d) *Kampung*. Terdapat 9 Bahagian di negeri Sarawak dan tiap-tiap satu diketuai oleh *Residen*. Sesuatu Bahagian dibahagikan kepada Daerah-daerah yang diketuai oleh *Pegawai Daerah*. Setiap suku kaum diketuai oleh Ketua Masyarakat yang digelar *Pemanca*. Beliau bertanggungjawab kepada Pegawai Daerah. Sesuatu Daerah pula dipecahkan kepada Daerah-daerah Kecil yang diketuai oleh *Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir Sarawak*. Ketua pentadbir di peringkat kampung ialah *Penghulu*.

### Kerajaan Tempatan Peringkat Kerajaan yang Berasingan

Kerajaan Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan) di luar Wilayah Persekutuan merupakan suatu perkara di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Namun demikian, Kerajaan Tempatan merupakan satu peringkat kerajaan yang berasingan memandangkan ia mempunyai kuasa-kuasa tertentu seperti: (a) membuat undang-undang kecil (*by-laws*); (b) mengutip cukai dan sewa; dan (c) menubuhkan Kumpulanwang Pihak Berkuasa Tempatan yang berada di bawah kawalannya sendiri (*autonomi kewangan*).

### Tujuan Penubuhan

Tujuan utama penubuhan Kerajaan Tempatan ialah untuk *memberi peluang* kepada penduduk tempatan *mengambil bahagian* dalam pengurusan kawasan-kawasan yang diduduki oleh mereka. Ini bukan sahaja dapat merapatkan kerjasama antara rakyat dengan kerajaan tetapi juga memastikan bahawa keputusan-keputusan dibuat dengan cepat dan selaras dengan keperluan atau kehendak penduduk tempatan.

### Jenis Kerajaan Tempatan

Pada masa ini terdapat hanya dua jenis kerajaan tempatan iaitu: (a) *Majlis Perbandaran*; dan (b) *Majlis Daerah*. Majlis Perbandaran terdapat di kawasan bandar dengan jumlah penduduk yang melebihi 100,000 orang. Contoh yang baik ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Majlis Daerah terdapat di kawasan luar bandar dengan jumlah penduduk yang kurang daripada 100,000 orang. Contoh-contoh ialah Majlis Daerah Tapah dan Majlis Daerah Sabak Bernam.<sup>4</sup>

### Susunan Organisasi dan Kakitangan

Ketua eksekutif Majlis Perbandaran ialah *Datuk Bandaratau Yang Dipertua*. Di bawahnya terdapat beberapa jawatankuasa yang biasanya diketuai oleh seorang ahli Majlis. Yang Dipertua dan ahli-ahli Majlis dilantik oleh pihak berkuasa negeri bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Bilangan ahli Majlis Perbandaran tidak kurang daripada 8 orang dan tidak melebihi 24 orang. Sesebuah majlis Daerah pula mengandungi Yang Dipertua dan bilangan ahli yang tidak kurang daripada 8 dan tidak melebihi 12 orang. Jawatan Yang Dipertua bagi Majlis-majlis Daerah lazimnya diisi oleh Pegawai Daerah.

Pegawai pentadbir utama sesuatu pihak berkuasa tempatan ialah Setiausaha. Kakitangan pihak berkuasa tempatan bagi semua kumpulan dilantik sendiri.

### Tugas-tugas Pihak Berkuasa Tempatan

Tugas-tugas Pihak Berkuasa Tempatan, di antara lain, adalah seperti berikut:

- memberi perkhidmatan mengangkat sampah,
- mencuci longkang dan membersih kawasan yang berada di bawah bidang kuasanya;
- mengurus pasar dan gerai-gerai; dan
- menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi seperti taman bunga dan kolam renang.

*Punca-punca kewangan* Pihak Berkusa Tempatan ialah cukai harta benda, bayaran perkhidmatan dan lesen-lesen, pinjaman serta pemberian (*grant*) daripada Kerajaan Negeri.

### **Hubungan Kerajaan Tempatan - Kerajaan Negeri**


Kerajaan Negeri mempunyai beberapa kuasa ke atas Kerajaan tempatan. Kerajaan Negeri boleh memberi *arahan-arahan am* mengenai dasar-dasar kepada Pihak Berkusa Tempatan. Belanjawan Tahunan sesuatu Pihak Berkusa Tempatan perlu mendapat *kelulusan* Kerajaan Negeri. Tiap-tiap *undang-undang kecil* yang dibuat atau dipinda oleh Pihak Berkusa Tempatan tidak boleh dikuatkuasakan sehingga disahkan oleh Kerajaan Negeri.

### **Hubungan Kerajaan Tempatan - Kerajaan Persekutuan**

Seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh meluluskan undang-undang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan bagi tujuan-tujuan *keseragaman dasar*.<sup>5</sup> Selaras dengan peruntukan ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Terdapat juga Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab membentuk dari semasa ke semasa dasar negara untuk menggalak, memajukan dan mengawal kerajaan tempatan di seluruh Persekutuan. Majlis ini dipengerusikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ahli-ahlinya yang lain terdiri daripada seorang wakil dari setiap negeri dan wakil-wakil Kerajaan Persekutuan yang tidak melebihi 10 orang.

### **Penyelarasian Pentadbiran Kerajaan Negeri Peringkat Negeri**

Seperti digambarkan dalam Rajah 14, cara penyelarasian pentadbiran



**Nota:**

- Menunjukkan Kawalan
- Menunjukkan Pertalian
- [ ] Menunjukkan bahawa tidak semua negeri mempunyainya

Rajah 14: Struktur Pentadbiran Kerajaan Negeri Bagi Semenanjung Malaysia

tertinggi di peringkat negeri ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan di Semenanjung Malaysia, Kabinet Negeri di Sabah dan Majlis Tertinggi di Sarawak. Dasar-dasar utama sesebuah negeri dibincangkan dan dipersetujui oleh badan-badan tersebut sebelum dilaksanakan.

Penyelarasian di peringkat negeri juga dilakukan melalui *sistem jawatankuasa*. Jawatankuasa induk di peringkat negeri ialah Jawatankuasa Tindakan Negeri (JTN). Di setengah-setengah negeri seperti Melaka, jawatankuasa ini dikenali sebagai Majlis Tindakan Negeri. JTN bertanggungjawab bagi menyelaraskan pelaksanaan projek-projek pembangunan di dalam negeri. Ia dipengerusikan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri dan dianggotai oleh semua ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ketua-ketua Jabatan. JTN diurussetiakan oleh Pegawai Kemajuan Negeri. Ia mempunyai pertalian dengan Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah dan melalui Jawatankuasa itu dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Mukim serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Di peringkat negeri, terdapat juga Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri dan bertanggungjawab bagi menyelaraskan segala hal-ehwal keselamatan dalam negeri.

Dalam menjalankan tugas-tugasnya, Jawatankuasa Tindakan Negeri dibantu oleh satu jawatankuasa pegawai, iaitu Jawatankuasa Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh Pegawai Kemajuan Negeri. Di setengah-setengah negeri ia dikenali sebagai Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negeri. Jawatankuasa ini dianggotai oleh semua ketua jabatan di peringkat negeri yang terlibat dalam bidang pembangunan sosioekonomi. Perlu diambil perhatian bahawa terdapat lain-lain jawatankuasa, yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri, bagi menyelaraskan kegiatan agensi-agensi negeri.

Penyelarasian antara agensi-agensi Kerajaan Negeri dengan Persekutuan di peringkat daerah dilaksanakan menerusi dua jawatankuasa penting iaitu Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah (JPTD) dan Jawatankuasa Keselamatan Daerah.<sup>6</sup> JPTD bertindak sebagai badan penyelaras yang utama kepada semua agensi Kerajaan di dalam merancang dan menentukan pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat daerah. Pengerusi JPTD ialah Pegawai Daerah dn ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil rakyat daerah dan ketua-ketua agensi kerajaan yang berkenaan. JPTD dibantu oleh dua jawatankuasa kerja iaitu Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah dan Jawatankuasa Kerja Perancangan. Jawatankuasa Keselamatan Daerah yang dipengerusikan

oleh Pegawai Daerah adalah bertanggungjawab bagi menyelaraskan hal-hal keselamatan dalam daerah.

### **Penyelarasan Pentadbiran Antara Kerajaan Negeri Dengan Kerajaan Persekutuan**

Seperti yang telah dihuraikan dalam Bab 3, Perlembagaan Malaysia (Jadual 9) memperuntukkan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Terdapat Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama. *Penyelarasan pentadbiran* antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri adalah perlu bagi *menyeragamkan dasar mengenai beberapa perkara seperti tanah, kerajaan tempatan dan agama Islam serta mengelakkan pertindihan kerja*.

#### **Cara-cara Penyelarasan**

##### **Majlis-majlis yang Ditubuhkan Di bawah Kuasa Perlembagaan Persekutuan**

Di bawah kuasa Perlembagaan Persekutuan beberapa *majlis* bagi menyelaraskan pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri ditubuhkan, iaitu Majlis Raja-Raja, Majlis Kewangan Negara, Majlis Tanah Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.

Majlis Raja-Raja merupakan *cara penyelarasan* yang *penting* antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Majlis ini boleh membincangkan apa-apa soal mengenai dasar negara. Perkara *agama* dan *adat resam orang Melayu* diselesaikan oleh Majlis Raja-Raja. Sebarang *perubahan* dalam Perlembagaan dan *sempadan negeri* perlu mendapat kelulusan Majlis berkenaan. Semasa Majlis Raja-Raja membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan dasar negara, Yang di-Pertuan Agong diiringi oleh Perdana Menteri manakala raja-raja serta Yang Dipertua Negeri diiringi pula oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing.

Majlis Tanah Negara, Majlis Kewangan Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dipengerusikan oleh menteri yang berkenaan dan mengandungi wakil-wakil Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Majlis-majlis tersebut bertanggungjawab bagi *menggubal dasar kebangsaan* serta *menyelaraskan semua perkara yang terletak di bawah kuasa masing-masing*. Sebagai contoh, Majlis Kewangan Negara bertanggungjawab menyelaraskan hal-ehwal kewangan antara Kerajaan

Persekutuan dengan Kerajaan Negeri seperti pemberian *grant* dan pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan.

### **Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri**

Satu lagi cara penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri ialah melalui *Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri*. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri biasanya membincangkan perkara-perkara dasar dan *masalah-masalah pelaksanaan*.

### **Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan-kerajaan Negeri**

Satu cara penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri pada peringkat pegawai ialah *Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan-kerajaan Negeri*. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan mengandungi Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri. Tujuan utamanya ialah untuk *membincangkan isu-isu* dan *menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri*.<sup>8</sup>

### **Majlis dan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan**

Penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri juga terdapat *menerusi perhubungan* antara Majlis Tindakan Negara (MTN) dengan Jawatankuasa Tindakan Negeri (JTN), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan Majlis Perancang Negara (MPN) dengan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negeri. MTN, MKN, dan MPN dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Jawatankuasa Tindakan Negeri pula dipengerusikan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

### **Lain-lain Jawatankuasa di Peringkat Pegawai**

Beberapa *jawatankuasa* di peringkat pegawai sama ada berbentuk tetap atau sementara ditubuhkan dari semasa ke semasa bagi melaksanakan sesuatu program yang melibatkan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Contoh-contoh jawatankuasa berkenaan ialah Jawatankuasa Buku Hijau dan Jawatankuasa Banjir.

## RINGKASAN

1. Di Semenanjung Malaysia, Majlis Mesyuarat Kerajaan merupakan organisasi tertinggi yang menjalankan kuasa eksekutif Kerajaan Negeri atas nama Raja atau Yang Dipertua Negeri. Ia digelar Kabinet di Sabah dan Majlis Tertinggi di Sarawak.
2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri merupakan organisasi pembentukan dasar negeri yang tertinggi. Ia bertanggungjawab secara kolektif kepada Dewan Negeri.
3. Terdapat dua jenis jabatan di peringkat negeri iaitu: (a) Jabatan Negeri; dan (b) Cawangan Jabatan Persekutuan.
4. Jabatan negeri yang utama ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Ia diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang merupakan pegawai pentadbir utama negeri.
5. Seperti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga mempunyai suruhanjaya-suruhanjaya berbentuk tetap atau sementara.
6. Kerajaan Negeri juga mempunyai perbadanan-perbadanan awam yang merangkumi badan-badan berkanun dan tidak berkanun (syarikat kepunyaan Kerajaan).
7. Terdapat 3 peringkat pentadbiran negeri di Semenanjung Malaysia iaitu: (a) Daerah; (b) Mukim; dan (c) Kampung.
8. Pejabat utama di peringkat daerah ialah Pejabat Daerah yang diketuai oleh Pegawai Daerah. Secara umum, peranan Pejabat Daerah ialah untuk merancang, melaksana dan menyelaras usaha-usaha pembangunan di peringkat daerah.
9. Pegawai pentadbir utama di peringkat mukim ialah Penghulu yang bertanggungjawab membantu Pejabat Daerah melaksanakan projek-projek pembangunan.
10. Ketua pentadbir di peringkat kampung ialah Ketua Kampung yang merupakan penghubung antara kerajaan dengan rakyat.

11. Ketua Kampung merupakan pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk kampung mengambil bahagian dalam proses perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.
12. Di Sabah terdapat dua peringkat pentadbiran iaitu: (a) Daerah; dan (b) Kampung.
13. Pentadbiran negeri Sarawak pula dibahagikan kepada empat peringkat iaitu: (a) Bahagian; (b) Daerah; (c) Daerah Kecil; dan (d) Kampung. Pegawai pentadbir utama di peringkat Bahagian ialah Residen.
14. Kerajaan Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan) merupakan suatu peringkat kerajaan yang berasingan. Tujuan utama penubuhannya ialah untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan mengambil bahagian dalam pengurusan kawasan-kawasan yang diduduki oleh mereka.
15. Pada masa ini terdapat dua jenis kerajaan tempatan iaitu: (a) Majlis Perbandaran; dan (b) Majlis Daerah. Majlis Perbandaran terdapat di kawasan bandar manakala Majlis Daerah di kawasan luar bandar.
16. Pegawai pentadbir utama sesuatu pihak berkuasa tempatan ialah Setiausaha.
17. Terdapat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab membentuk dari semasa ke semasa dasar negara untuk menggalak, memajukan dan mengawal kerajaan tempatan di seluruh Persekutuan.
18. Bagi Semenanjung Malaysia, cara penyelarasian pentadbiran yang tertinggi di peringkat negeri ialah Majlis Mesyuarat Kerajaan.
19. Jawatankuasa Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri bertanggungjawab bagi menyelaraskan pelaksanaan projek-projek pembangunan di dalam negeri.

20. Penyelarasaran pentadbiran di peringkat daerah dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Tindakan Daerah (JPTD) dan Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKD).
21. Penyelarasaran pentadbiran antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dilaksanakan melalui beberapa cara iaitu: (a) Majlis-majlis yang ditubuhkan di bawah kuasa Perlembagaan Persekutuan; (b) Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri; (c) Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan-kerajaan Negeri; (d) Majlis dan Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan (e) Lain-lain Jawatankuasa di peringkat pegawai.

### **NOTA KAKI**

1. Lihat *Perlembagaan Persekutuan*, Jadual Kelapan.
2. Institut Tadbiran Awam Negara, *Negara Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1980, m.s. 200.
3. Ibid., m.s. 202.
4. Lihat Thean Lip Shien dan Abdul Hanan Alang Endut, "The Restructured Local Government System in Peninsular Malaysia: An Overview," kertas yang dibentangkan dalam *Kursus Kewangan dan Pengurusan Bandar* di Sri Lanka, Februari 10 - Mac 21 1986.
5. *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 76(1)(b).
6. Sistem jawatankuasa di peringkat daerah telah dirombak semula pada tahun 1987 dengan pelancaran Buku Merah II. Sebelum ini, terdapat tiga jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan Jawatankuasa Keselamatan Daerah. Sila lihat Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (Jabatan Perdana Menteri), *Buku Panduan Pembangunan Daerah*, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 215 - 221.
7. Lihat *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 108.
8. Ranjit Singh Malhi, *Panduan Jawapan Peperiksaan Am Kerajaan*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1985, m.s. 123.

**SOALAN-SOALAN OBJEKTIF**

1. Kuasa eksekutif Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia dilaksanakan oleh
  - A. Kabinet Negeri
  - B. ✓ Majlis Mesyuarat Kerajaan
  - C. Majlis Tertinggi Negeri.
  - D. Majlis Eksekutif Negeri
  - E. Raja atau Yang Dipertua Negeri
2. Organisasi pembentukan dasar negeri yang tertinggi di Sarawak ialah
  - A. Kabinet Negeri
  - B. Majlis Mesyuarat Kerajaan
  - C. ✓ Majlis Tertinggi
  - D. Majlis Tertinggi Tetap
  - E. Majlis Eksekutif Negeri
3. Semua pernyataan berikut mengenai Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah benar kecuali
  - A. Majlis Mesyuarat Kerajaan diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri
  - B. Majlis Mesyuarat Kerajaan bersesama bertanggungjawab kepada Dewan Negeri
  - C. Majlis Mesyuarat Kerajaan mengandungi tiga orang ahli pegawai (*ex-officio*).
  - D. Majlis Mesyuarat Kerajaan merupakan organisasi pembentukan dasar negeri yang tertinggi
  - E. ✓ Majlis Mesyuarat Kerajaan digelar Majlis Tertinggi di Sabah
4. Agensi di peringkat negeri yang menjalankan peranan yang lebih kurang sama dengan Jabatan Perdana Menteri ialah
  - A. Pejabat Kemajuan Negeri
  - B. ✓ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
  - C. Pejabat Kewangan Negeri
  - D. Majlis Eksekutif Negeri
  - E. Unit Peranggang Ekonomi Negeri

5. Pegawai pentadbir utama negeri ialah
- A. Ketua Setiausaha Negeri
  - B. ✓Setiausaha Kerajaan Negeri
  - C. Residen-Jeneral
  - D. Menteri Besar
  - E. Ketua Pengarah Negeri
- (i) Menyelaras dan mengawal pentadbiran aktiviti-aktiviti jabatan dan perbadanan awam Persekutuan di negeri.
- (ii) Menggerakkan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
6. Yang manakah di antara yang berikut yang bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas di atas?
- A. ✓Pejabat Setiausaha Persekutuan
  - B. ✓Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan-kerajaan Negeri
  - C. Pejabat Perhubungan Persekutuan
  - D. Pejabat Kewangan Persekutuan
  - E. Pejabat Penyelarasan Persekutuan
7. Peringkat pentadbiran negeri yang paling rendah sekali ialah
- A. Daerah
  - B. ✓Kampung
  - C. Mukim
  - D. Kerajaan Tempatan
  - E. Daerah Kecil
8. Peranan utama Pejabat Daerah ialah untuk
- A. menyatukan penduduk berbilang kaum yang tinggal di dalam sesuatu daerah
  - B. ✓merancang, melaksana dan menyelaras usaha-usaha pembangunan daerah
  - C. menyediakan kemudahan-kemudahan awam di peringkat daerah
  - D. mengawal pelaksanaan projek-projek pembangunan daerah
  - E. mempercepatkan pembangunan sektor pertanian di peringkat daerah
9. Tujuan utama penubuhan kerajaan tempatan ialah untuk
- A. memberi perkhidmatan-perkhidmatan seperti mengangkat

- sampah dan mencuci longkang
- B. ✓ memberi peluang kepada penduduk tempatan mengambil bahagian dalam pengurusan kawasan yang diduduki oleh mereka
- C. memberi pengalaman pentadbiran kepada penduduk tempatan
- D. mengutip cukai dan sewa daripada penduduk sesuatu kawasan
- E. melaksanakan undang-undang kecil di sesuatu kawasan
10. Pada masa ini terdapat hanya dua jenis kerajaan tempatan iaitu
- Majlis Daerah dan Majlis Tempatan
  - Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan
  - Majlis Daerah dan Majlis Daerah Luar Bandar
  - Majlis Bandaraya dan Majlis Luar Bandar
  - Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah
11. Jawatankuasa induk di peringkat negeri ialah
- Jawatankuasa Tindakan Negeri
  - Jawatankuasa Keselamatan Negeri
  - Jawatankuasa Pembangunan Negeri
  - Jawatankuasa Ekonomi Negeri
  - Jawatankuasa Penyelaras Negeri
12. Tujuan utama penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ialah untuk
- ✓ memberi peluang kepada penduduk kampung mengambil bahagian dalam proses perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan
  - menjadi "mata dan telinga" kerajaan di kampung
  - menyelaraskan kerja-kerja gotong-royong
  - menjaga kebersihan kampung
  - membantu membenteryas ancaman komunis
13. Di antara berikut manakah Majlis-majlis yang telah ditubuhkan bagi mengadakan pertalian dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?
- I. ✓ Majlis Tanah Negara ✓
  - II. Majlis Pengangkutan Negara
  - III. ✓ Majlis Kewangan Negara
  - IV. ✓ Majlis Perhutanan Negara ✓
  - V. Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan

- A. I, III dan V
- B. I dan II
- C. III, IV dan V
- D.  I, IV dan V
- E. III dan V

### SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Apakah fungsi utama Majlis Mesyuarat Kerajaan?
2. Bandingkan peringkat pentadbiran negeri di Semenanjung Malaysia dengan apa yang terdapat di Sabah dan Sarawak.
3. Bincangkan fungsi umum Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Penasihat undang-undang Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negeri.
4. Mengapakah kerajaan tempatan ditubuhkan? Apakah tugas-tugas utama pihak berkuasa tempatan?
5. Jelaskan cara-cara penyelarasan pentadbiran Kerajaan Negeri di peringkat negeri dan daerah.
6. Apakah cara-cara penyelarasan utama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

### GERAKERJA

1. Kelas mengaturkan lawatan ke Pejabat Daerah yang berhampiran untuk mendengar taklimat mengenai:
  - (i) tugas-tugas utama yang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah ;
  - (ii) struktur Pejabat Daerah; dan
  - (iii) cara-cara penyelarasan pentadbiran di peringkat daerah.

2. Buat satu kajian mengenai cara-cara penyelarasan pentadbiran Kerajaan Negeri (peringkat negeri sahaja) yang terdapat di negeri anda. Untuk tujuan ini, anda boleh menghubungi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.



**BAB****6**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	agensi pusat dan agensi pelaksana.
<b>Mengenalpasti</b>	enam agensi pusat yang penting di negara kita.
<b>Membandingkan</b>	peranan agensi pusat dengan agensi pelaksana.
<b>Membincangkan</b>	peranan umum keenam-enam agensi pusat.
<b>Menghuralkan</b>	proses penyediaan rancangan pembangunan kebangsaan lima tahun.

## AGENSI-AGENSI PUSAT

*Fungsi pengurusan kawalan ialah untuk memastikan pencapaian objektif-objektif.*

- George L Morrissey

Dari segi peranan, agensi-agensi kerajaan dapat dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu: (a) Agensi Pusat; dan (b) Agensi Pelaksana (Agensi Mengurus). Agensi-agensi Pusat merupakan agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab bagi membantu, menyelaras dan mengawal perjalanan Agensi-agensi Pelaksana. Agensi-agensi Pelaksana merupakan kebanyakan agensi kerajaan (kementerian dan jabatan) yang melaksanakan kerja-kerja pembangunan serta memberi berbagai-bagi perkhidmatan kepada orang ramai. Contoh-contoh ialah Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kerja Raya. Agensi-agensi Pusat membekalkan dua keperluan asas kepada Agensi-agensi Pelaksana iaitu personnel dan kewangan.

Pada masa sekarang terdapat enam Agensi Pusat yang penting iaitu:

- (i) Perbendaharaan;
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Awam;
- (iii) Unit Perancang Ekonomi;
- (iv) Unit Penyelarasan Pelaksanaan;
- (v) Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia; dan
- (vi) Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi.

Semua Agensi Pusat tersebut (kecuali Perbendaharaan yang terletak di bawah Kementerian Kewangan) berada di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**Perbendaharaan** - Wang (kurus, stok, latihan dsb lengkap)

Peranan Perbendaharaan secara umum ialah untuk merumus, merancang dan melaksanakan dasar-dasar kewangan dan belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat

serta pembahagian pendapatan yang seimbang.

Fungsi-fungsi Perbendaharaan secara lebih terperinci ialah:

- (i) Menganalisa kedudukan ekonomi negara dan antarabangsa serta membuat unjuran ekonomi bagi tujuan perancangan;
- (ii) Mendapatkan wang untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan melalui berbagai-bagai cukai serta pinjaman-pinjaman dari dalam dan luar negeri;
- (iii) Mengagihkan sumber-sumber kewangan kepada agensi-agensi kerajaan dengan cara yang cekap dan berkesan melalui pemeriksaan belanjawan tahunan;
- (iv) Menentukan sistem perolehan, penggunaan, pengurusan dan pelupusan barang-barang kepunyaan kerajaan yang paling cekap dan berkesan;
- (v) Merumus, melaksana dan mentadbir dasar-dasar cukai;
- (vi) Memberi berbagai-bagai perkhidmatan seperti kontrak pusat, pinjaman perumahan dan pinjaman kepada agensi-agensi kerajaan dan kerajaan-kerajaan negeri; dan
- (vii) Menyelia dan mengatur industri insurans di Malaysia.<sup>1</sup>

Perbendaharaan Malaysia mempunyai sebelas (11) Bahagian iaitu:

- (a) Bahagian Pentadbiran; (b) Bahagian Pengurusan Belanjawan; (c) Unit Sistem Pengurusan Kewangan; (d) Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan; (e) Bahagian Pinjaman Perumahan; (f) Jawatankuasa Terbitan Modal; (g) Bahagian Perakaunan; (h) Bahagian Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pelaburan; (i) Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa; (j) Bahagian Analisa Cukai; dan (k) Bahagian Pertadbiran Insurans.

### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Peranan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara umum ialah untuk menggubal dan melaksanakan dasar-dasar personel bagi memastikan perkhidmatan awam mempunyai kakitangan yang cekap dan berdisiplin.

Fungsi-fungsi JPA secara lebih terperinci ialah:

- (i) Menggubal dasar-dasar pengambilan dan penamatkan kerja, perlantikan, kenaikan pangkat dan disiplin dalam perkhidmatan awam;
- (ii) Menggubal dasar gaji, elauan dan pencen bagi pekerja-pekerja sektor awam;
- (iii) Bersama-sama dengan Perbendaharaan mewujukan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam;
- (iv) Menyelesaikan melalui rundingan sebarang ketidakpuasan kakitangan kerajaan mengenai skim gaji, elauan dan pencen dan anomalি-

- anomali yang timbul; dan
- (v) Menyediakan kemudahan latihan untuk kakitangan kerajaan menerusi Institut Tadbiran Awam Negara INTAN) dan pemberian biasiswa. INTAN merupakan institut latihan kerajaan yang utama di Malaysia.

Bagi melaksanakan fungsi-fungsi tersebut, JPA dibahagikan kepada lapan (8) bahagian iaitu: (a) Bahagian Pentadbiran; (b) Bahagian Perjawatan; (c) Bahagian Perkhidmatan; (d) Bahagian Gaji dan Elaun; (e) Bahagian Perundingan; (f) Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya; (g) Institut Tadbiran Awam Negara; dan (h) Bahagian Pencen.<sup>2</sup>

### **Unit Perancang Ekonomi**

Unit Perancang Ekonomi (*Economic Planning Unit - EPU*) merupakan agensi pusat kerajaan untuk *merancang pembangunan ekonomi* negara. EPU dibahagikan kepada dua bahagian yang utama, iaitu Bahagian Perancangan Makro dan Bahagian Perancangan Sektoral. EPU juga mempunyai Seksyen Bantuan Luar dan Perkhidmatan Am yang memberi perkhidmatan pentadbiran serta mengendalikan urusan bantuan terknikal.<sup>3</sup>

Fungsi-fungsi EPU adalah seperti berikut:

- Menyediakan rancangan-rancangan pembangunan kebangsaan lima tahun;
- Memeriksa belanjawan pembangunan tahunan bersama-sama dengan Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Menguruskan bantuan teknik dan kewangan untuk negara daripada kerajaan-kerajaan asing dan institusi-institusi antarabangsa;
- Menyelaraskan pelaksanaan berbagai-bagai projek pembangunan;
- Menganalisa kedudukan ekonomi negara dan antarabangsa untuk dijadikan asas perancangan pembangunan ekonomi;
- Memberi khidmat nasihat kepada kerajaan atas masalah-masalah ekonomi negara yang umum; dan
- Menjalankan penyelidikan sosial dan ekonomi yang difikirkan perlu.<sup>4</sup>

EPU adalah urusetia kepada Majlis Perancang Negara (MPN), Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN), Jawatankuasa Pelaburan Asing dan Panel Ekonomi. Fungsi serta keahlian MPN dan JPPN telah pun dihuraikan dalam Bab 4. Jawatankuasa Pelaburan Asing dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pada asasnya menimbalangkan permohonan-pemohonan daripada sektor swasta dan pelabur-pelabur asing yang ingin melabur melalui perolehan harta, per-


cantuman-percantuman dan pengambilan alih badan-badan perniagaan. Panel Ekonomi pula mempunyai keanggotaan yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin politik, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan ahli-ahli akademik yang pakar dalam bidang-bidang perdagangan, perindustrian, perniagaan, kewangan dan pelaburan. Panel ini mengkaji dan meneliti dasar-dasar, isu-isu dan masalah-masalah ekonomi negara.

### **Penyediaan Rancangan Pembangunan Kebangsaan Lima Tahun**

Seperti yang telah dinyatakan, EPU bertanggungjawab menyediakan rancangan-rancangan pembangunan kebangsaan lima tahun. Proses penyediaan rancangan ini adalah seperti digambarkan dalam Rajah 15. Sebagai langkah pertama, EPU bersama-sama dengan Perbadaharaan Malaysia, Bank Negara dan Jabatan Perangkaan akan membuat unjuran prestasi ekonomi negara buat beberapa tahun.. Dengan mengambil kira keupayaan dan aspirasi negara, matlamat-matlamat makro (seperti kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar, pendapatan per kapita dan hasil kewangan) ditentukan oleh Kumpulan Kerja Perancangan Antara Agensi (*Inter-Agency Planning Group - IAPG*). Dalam pada itu, dasar-dasar dan strategi Kerajaan untuk mencapai matlamat negara dikaji semula dan diperbaiki sekiranya perlu.

Selepas mendapat kelulusan JPPN, MPN atau Kabinet bagi perakuan dasar, strategi dan matlamat-matlamat makro, EPU akan mengeluarkan Pekeliling Am yang memberi panduan kepada agensi-agensi kerajaan untuk menyediakan dokumen projek-projek pembangunan. Di peringkat negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) adalah bertanggungjawab untuk menyelaraskan kerja-kerja perancangan dan menyediakan laporan bagi negeri berkenaan.

Dokumen projek-projek pembangunan yang dikemukakan oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dikaji oleh EPU dan Agensi-agensi Pusat yang lain seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbadaharaan. EPU akan menyediakan draf dokumen rancangan pembangunan yang seterusnya dikemukakan bagi pertimbangan JPPN, MPN dan Kabinet. Selepas diluluskan oleh Kabinet, dokumen rancangan pembangunan dibentangkan di Parlimen.



Rajah 15: Proses Penyediaan Rancangan Pembangunan Kebangsaan Lima Tahun

## Unit Penyelarasan Pelaksanaan

Secara am, peranan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (*Implementation Coordination Unit* - ICU) yang ditubuhkan pada tahun 1971 ialah untuk menentukan *penyelarasan* dan *pelaksanaan* dasar-dasar (seperti Dasar Ekonomi Baru) dan rancangan-rancangan pembangunan di peringkat persekutuan, negeri dan antara jabatan.

Di antara lain, fungsi-fungsi ICU ialah:

- (i) Menyelaras dan mengesan pelaksanaan projek-projek pembangunan;
- (ii) Mengawasi agensi-agensi dan perbadanan-perbadanan awam yang tertentu seperti MISC, HICOM, PETRONAS dan PERNAS supaya kegiatan mereka selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru;
- (iii) Membantu menyelesaikan masalah-masalah kontraktor Bumiputera;
- (iv) Menilai dan menyemak semula dasar dan program-program pembangunan kerajaan;
- (v) Merancang dan melaksanakan program atau projek khas kerajaan yang ditentukan seperti projek-projek kecil pembangunan luar bandar (bekalan elektrik, air dan jalan-jalan); dan
- (vi) Membantu mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian melalui skim latihan dan kaedah-kaedah lain.<sup>5</sup>

Ibu Pejabat ICU mempunyai lapan (8) bahagian iaitu: (a) Pusat Khidmat Kontraktor-kontraktor; (b) Bahagian Basmi Kemiskinan; (c) Bahagian Susun Semula Masyarakat; (d) Bahagian Maklumat Pengurusan; (e) Bahagian Kemajuan Petroleum; (f) Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam; (g) Bahagian Perhubungan; dan (h) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Bagi mengawasi pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia, ICU mempunyai Pejabat Kemajuan Negeri. Di Sabah dan Sarawak pula, terdapat Pejabat Pembangunan Negeri. Di samping itu terdapat Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera yang ditubuhkan di Pulau Pinang. Fungsi utamanya ialah untuk membantu bumiputera negeri tersebut memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup mereka.

ICU adalah urusetia kepada Majlis Tindakan Negera. ICU juga bertanggungjawab mengendalikan Bilik Gerakan Negara.

### **Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi**

Secara umum, peranan Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (*Socio-Economic Research Unit - SERU*) ialah untuk menilai kesan dasar dan program-program pembangunan negara ke atas rakyat bagi maksud membekalkan maklumat yang dapat menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan program-program yang lebih berkesan. SERU mempunyai tujuh (7) bahagian iaitu:

- » Bahagian Pembangunan Pertanian;
- » Bahagian Pembangunan Luar Bandar
- » Bahagian Sosial;
- » Bahagian Perindustrian;
- » Bahagian Dasar Ekonomi Baru;
- » Bahagian Perbandaran; dan
- » Bahagian Khidmat Sokongan.

### **Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia**

Secara am, peranan Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (*Malaysian Administrative Modernization Unit - MAMPU*) yang ditubuhkan pada tahun 1977 ialah untuk memodenkan sistem pentadbiran kerajaan serta memberi perkhidmatan perundingan pengurusan kepada organisasi-organisasi kerajaan.

Ibu Pejabat MAMPU mempunyai enam (6) bahagian iaitu:

- » Bahagian Pengurusan Kewangan;
- » Bahagian Teknologi Maklumat;
- » Bahagian Peningkatan Produktiviti;
- » Bahagian Pentadbiran dan Urusetia;
- » Bahagian Sistem Kerja; dan
- » Bahagian Kajian Organisasi yang mempunyai empat (4) pasukan.

MAMPU mempunyai cawangan di Sabah dan Sarawak. MAMPU juga merupakan urusetia kepada beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Pembangunan Pentadbiran Negara dan Jawatankuasa Prosesan Data Automatik.

Di antara projek-projek yang telah dilaksanakan oleh MAMPU ialah Kajian Pengurusan Organisasi Pelabuhan Kuantan, Pejabat Daerah Con-toh dan Sistem Pejabat Pelan Terbuka.

## RINGKASAN

1. Terdapat dua jenis agensi kerajaan dari segi peranan iaitu Agensi Pusat dan Agensi Pelaksana (Agensi Mengurus).
2. Agensi-agensi Pusat merupakan agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab bagi membantu, menyelaras dan mengawal perjalanan Agensi-agensi Pelaksana.
3. Terdapat enam agensi pusat yang penting iaitu: (a) Perbendaharan; (b) Jabatan Perkhidmatan Awam; (c) Unit Perancang Ekonomi; (d) Unit Penyelarasan Pelaksanaan; (e) Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi; dan (f) Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia.
4. Agensi-agensi pelaksana merupakan kebanyakan agensi kerajaan yang melaksanakan kerja-kerja pembangunan serta memberi berbagai-bagai perkhidmatan kepada orang ramai. Contoh-contoh ialah Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kerja Raya.
5. Peranan Perberdaharaan secara umum ialah untuk merumus, merancang dan melaksanakan dasar-dasar kewangan dan belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat serta pembahagian pendapatan yang seimbang.
6. Peranan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara umum ialah untuk menggubal dan melaksanakan dasar-dasar personel bagi memastikan perkhidmatan awam mempunyai kakitangan yang cekap dan berdisiplin.
7. Fungsi umum Unit Perancang Ekonomi (EPU) ialah untuk merancang pembangunan ekonomi negara. Ia adalah urusetia kepada Majlis Perancang Negara.
8. Secara am, peranan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) ialah untuk menentukan penyelarasan dan pelaksanaan dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan di peringkat persekutuan, negeri dan antara jabatan.

9. Secara umum, peranan Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERU) ialah untuk menilai kesan dasar-dasar dan program-program pembangunan negara ke atas rakyat.
10. Peranan Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU) secara umum ialah untuk memodenkan sistem pentadbiran kerajaan serta memberi perkhidmatan perundingan pengurusan kepada organisasi-organisasi kerajaan.

### **NOTA KAKI**

1. Lihat Ranjit Singh Malhi, *Panduan Jawapan Peperiksaan Am Kerajaan*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1985, m.s 112 - 113.
2. *Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia: Organisasi dan Fungsi*, Unit Penerangan dan Dokumentasi JPA, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 2.
3. *Unit Perancang Ekonomi: Organisasi dan Fungsi-fungsi*, Jabatan-Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1983, m.s. 1.
4. Ibid., m.s. 2.
5. Ranjit Singh Malhi, op.cit., m.s. 111 - 112.
6. Lihat Institut Tadbiran Awam Negara, *Negara Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1980, m.s. 229.

### **CADANGAN BACAAN TAMBAHAN**

Abdul Aziz bin Zakaria (Datuk), *Pengenalan Kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.

Institut Tadbiran Awam Negara, *Negara Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur 1980.

## SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Manakah di antara yang berikut bukan merupakan Agensi Pusat?
  - A. Jabatan Perkhidmatan Awam
  - B. Perbendaharaan
  - C. ✓ Jabatan Kerja Raya
  - D. Unit Perancang Ekonomi
  - E. Unit Penyelarasan Pelaksanaan

Fungsi secara umum ialah untuk menilai kesan dasar dan program-program pembangunan negara ke atas rakyat bagi maksud membekalkan maklumat yang dapat menyumbang kepada perancang dan pelaksanaan program-program yang lebih berkesan.

2. Organisasi yang melaksanakan fungsi di atas ialah
  - A. ✓ Unit Penyelarasan Pelaksanaan
  - B. Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia
  - C. Unit Penyelidikan Sosioekonomi
  - D. Unit Perancang Ekonomi
  - E. Jabatan Perkhidmatan Awam
3. Semua yang berikut merupakan fungsi Perbendaharaan **kecuali**
  - A. menganalisa kedudukan ekonomi negara dan antarabangsa
  - B. mendapatkan wang untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan
  - C. mengawal pertubuhan industri insurans di Malaysia
  - D. meluluskan Anggaran Belanjawan Tahunan Persekutuan
  - E. memberi berbagai-bagai perkhidmatan seperti kontrek pusat dan penilaian bangunan-bangunan
4. Semua yang berikut merupakan fungsi Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU) **kecuali**
  - A. memperbaiki dan memodenkan organasasi, sistem dan prosedur kerajaan
  - B. memperkenalkan teknik dan inovasi-inovasi baru dalam jentera kerajaan
  - C. ✓ mengawal dan menyelaraskan pembelian alat-alat komputer oleh agensi-agensi kerajaan

- D. bersama-sama dengan Perbendaharaan mewujudkan jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam
  - E. memberi perkhidmatan perundingan pengurusan kepada organisasi-organisasi kerajaan
5. Urusetia bagi Majlis Perancang Negara ialah
- A. Perbendaharaan
  - B. Unit Perancang Ekonomi
  - C. Unit Penyelarasaran Pelaksanaan
  - D. MAMPU
  - E. SERU
6. Urusetia bagi Majlis Tindakan Negara ialah
- A. Unit Perancang Ekonomi
  - B. ✓MAMPU
  - C. SERU
  - D. Unit Penyelarasaran Pelaksanaan
  - E. Jabatan Perkhidmatan Awam
7. Semua yang berikut merupakan fungsi Unit Perancang Ekonomi kecuali
- A. menyediakan rancangan pembangunan kebangsaan lima tahun ✓
  - B. menguruskan bantuan teknik dan kewangan untuk negara daripada kerajaan-kerajaan asing dan institusi-institusi antarabangsa
  - C. ✓meluluskan belanjawan pembangunan tahunan
  - D. menyelaraskan pelaksanaan projek pembangunan
  - E. menjalankan penyelidikan sosial dan ekonomi yang difikirkan perlu
8. Semua yang berikut merupakan fungsi Jabatan Perkhidmatan Awam kecuali
- A. menyediakan skim gaji, elauan dan pencen.✓
  - B. menyimpan rekod mengenai setiap orang kakitangan kerajaan ✓
  - C. melaksanakan polisi berkaitan dengan aspek perkhidmatan. ✓
  - D. ✓mengkaji semula struktur organisasi jabatan-jabatan kerajaan.
  - E. mengeluarkan Waran Perjawatan bagi jawatan-jawatan baru dalam perkhidmatan awam

9. Semua yang berikut merupakan fungsi Unit Penyelarasan Pelaksanaan kecuali
- menyelaras dan mengesan pelaksanaan projek-projek pembangunan
  - mengawasi agensi-agensi tertentu supaya kegiatan mereka selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru
  - menjalankan penyelidikan untuk menilai kesan program-program pembangunan ke atas rakyat
  - menilai semula program-program pembangunan kerajaan
  - membantu menyelesaikan masalah kontrektor Bumiputera
10. Yang manakah di antara yang berikut merupakan urutan yang betul dalam proses penyediaan rancangan pembangunan kebangsaan lima tahun?
- Rancangan dibentangkan di Parlimen
  - Pertimbangan draf dokumen rancangan pembangunan oleh Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara
  - Rancangan dikemukakan kepada Majlis Perancang Negara
  - Rancangan dikemukakan kepada Kabinet
  - Penyediaan dokumen projek-projek pembangunan oleh agensi-agensi pelaksana
- A, II, III, IV dan I
  - I, III, II, IV dan V
  - II, III, IV, V dan I
  - V, II, IV, III dan I
  - V, III, II, IV dan I

### SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

- Apakah yang dertiakan dengan agensi pusat dan agensi pelaksana?
- Bandingkan peranan agensi pusat dan agensi pelaksana.
- Bincangkan peranan umum Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbadanan, Unit Perancang Ekonomi, Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia, Unit Penyelaras Pelaksanaan dan Unit Penyelidikan Sosioekonomi.
- Huraikan proses penyediaan rancangan pembangunan kebangsaan lima tahun.

### **GERAKERJA**

1. Dapatkan maklumat mengenai matlamat pembangunan negara, strategi-strategi pertumbuhan ekonomi serta sektor-sektor yang diberi tumpuan utama dalam Rancangan Malaysia Kelima 1986 - 1990.
2. "Agensi-agensi Pusat memainkan peranan yang penting dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan." Bincangkan pernyataan ini.

---

**Perundangan**

**BAB****7**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	undang-undang.
<b>Mengenalpasti</b>	sumber undang-undang Malaysia.
<b>Membandingkan</b>	Adat Perpatih dan Adat Temenggung.
<b>Membincangkan</b>	undang-undang Islam dari segi pentadbiran, aplikasi dan bidang kuasa.
<b>Menghuralkan</b>	keperluan undang-undang dalam sesuatu masyarakat.

## SEJARAH DAN SUMBER UNDANG-UNDANG MALAYSIA

*Asal usul undang-undang Malaysia adalah pelbagai seperti juga dengan penduduknya.*

- R. H. Hickling

Malaysia mempunyai sistem undang-undangnya yang tersendiri sebelum kedatangan orang barat. Undang-undang adat Melayu berkuatkuasa di negeri-negeri Semenanjung Malaysia manakala pelbagai undang-undang adat bumiputera pula berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak. Undang-undang adat Melayu dipengaruhi oleh undang-undang Hindu serta ajaran agama Islam. Orang Cina dan orang India juga mempunyai undang-undang adat masing-masing. Namun demikian, pada masa ini undang-undang Inggerislah yang pada praktiknya menjadi hukim asas di Malaysia.

### Definisi dan Keperluan Undang-undang

Tiada terdapat persetujuan umum mengenai definisi undang-undang. Setengah pakar undang-undang (*The Historical School of Jurisprudence*) menganggap peraturan-peraturan adat yang dipersetujui secara umum oleh sesuatu masyarakat tradisional sebagai undang-undang.<sup>1</sup> Pakarpakar yang lain pula menganggap undang-undang sebagai peraturan-peraturan tingkah laku yang dibuat oleh sesebuah badan perundangan. Dalam Perlembagaan Persekutuan, tafsiran "undang-undang" adalah seperti berikut:

"Undang-undang" termasuklah undang-undang ber tulis, *common law* setakat mana ia berkuatkuasa dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai kuatkuasa undang-undang dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.<sup>2</sup>

Keperluan undang-undang dalam sesuatu masyarakat tidak dapat dinafikan. Tiada masyarakat yang dapat hidup tanpa peraturan-

peraturan. Peraturan-peraturan diperlukan bagi melindungi, mengatur dan memelihara masyarakat. Dengan lain perkataan, undang-undang adalah perlu bagi memastikan ahli-ahli masyarakat dapat hidup dan bekerja bersama-sama secara aman dan teratur.

## Perkembangan Undang-undang di Semenanjung Malaysia

### Undang-undang Masyarakat Melayu Tradisional

Sebelum perluasan pengaruh British di Semenanjung Malaysia, terdapat dua jenis undang-undang dalam masyarakat Melayu tradisional iaitu *Undang-undang adat* (*Customary Law*) dan *Undang-undang Islam*. Undang-undang Adat yang telah dikumpulkan dalam bentuk tulisan (seperti Undang-undang Melaka) dikenali sebagai *Hukum Kanun*.<sup>3</sup> Pentadbiran-pentadbiran kehakiman ialah Penghulu, Orang-orang Besar Daerah dan Sultan yang kesemuanya juga mempunyai kuasa politik. Penghulu bertanggungjawab memelihara undang-undang dan ketenteraman di peringkat kampung. Kesalahan-kesalahan yang lebih berat dibicarakan oleh Orang Besar Daerah. Secara teori, sebarang denda yang melebihi \$25.00 hendaklah diserahkan kepada Sultan yang juga mempunyai kuasa mutlak dalam menjatuhkan hukuman bunuh.<sup>4</sup>

#### ● Undang-undang Adat

Undang-undang atau *Hukum Adat* terdiri daripada adat bangsa Melayu yang memperolehi sifat undang-undang secara beransur-ansur.<sup>5</sup> Pada umumnya, ada dua jenis undang-undang adat iaitu *Adat Perpatih* bersifat *matriarchal* yang dianuti oleh orang Minangkabau di Negeri Sembilan dan *Adat Temenggung* bersifat *patriarchal* di negeri-negeri Melayu yang lain. Sayugia diingatkan bahawa undang-undang adat dari segi amalan adalah berbeza dari tempat ke setempat.

**Adat Perpatih:** Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan merupakan sekumpulan pepatah yang diwariskan secara lisan. Adat ini bersifat *matriarchal* yakni kaum wanita mempunyai kedudukan yang penting dalam masyarakat. Cuma wanita sahaja yang mewarisi harta dan keturunan anak adalah mengikut suku ibu (nasab ibu). Adat Perpatih juga bercorak demokrasi. Orang ramai dilindungi oleh undang-undang dan pemerintah sendiri mesti menghormati undang-undang. Undang-undang

jenayah Adat Perpatih adalah bertimbang rasa dan berperikemanusiaan. Hukuman bunuh hanya dikenakan bagi kesalahan yang sangat besar seperti penderhakaan.

**Adat Temenggung:** Semua negeri-negeri Melayu (kecuali Negeri Sembilan) mengamalkan Adat Temenggung yang telah disebarluaskan oleh Kerajaan Palembang dan Melaka. Adat ini mula-mula dipengaruhi oleh *undang-undang Hindu* dan kemudiannya oleh *ajaran Islam*. Masyarakat Hindu mengamalkan sistem *patriarchal* dan undang-undang jenayah Hindu adalah berasaskan *prinsip pembalasan*. Adat Temenggung bersifat *patriarchal/yakni kaum lelaki lebih dipentingkan*. Anak lelaki mewarisi harta ayahnya. Adat ini juga menekankan *kuasa dan kedudukan istimewa pemerintah* serta kaum bangsawan. Undang-undang jenayah Adat Temenggung adalah keras dan berpegang kepada prinsip pembalasan (umpamanya pembunuhan mesti dihukum bunuh). Contoh-contoh Adat Temenggung yang telah disusun dalam bentuk tulisan ialah Undang-undang Melaka (*Risalat Hukum Kanun*), Undang-undang Laut Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Johor dan Undang-undang 99 Perak. Perlu diambil perhatian bahawa Adat Temenggung ini berbeza sedikit dari negeri ke negeri.

#### ● Undang-undang Islam

Selepas agama Islam bertapak di Tanah Melayu pada abad kelima belas, undang-undang Islam (*Hukum Syarak*) telah diterima oleh orang Melayu sesudah diubahsuai dengan adat tempatan. *Sumber utama* undang-undang Islam ialah Al-Quran dan Hadis atau Sunnah (segala kata-kata dan perbuatan Nabi Muhammad s.a.w.). Mazhab yang diikuti oleh orang Melayu ialah Mazhab Shafie. Undang-undang Islam meliputi berbagai-bagi perkara seperti perkahwinan, perceraian, jual beli, pembayaran bagi buruh, fitnah, pemberian dan wakaf.

#### Undang-undang Adat Cina dan Hindu

Seperti orang Melayu, orang-orang Cina dan India juga mempunyai undang-undang adat yang tersendiri. Sebelum perluasan pengaruh British, orang Cina menguruskan ketenteraman dan undang-undang melalui ketua-ketua mereka sendiri. Orang Cina mengikut adat mereka sendiri dalam hal-hal pembahagian harta dan kekeluargaan. *Undang-undang*

*adat Cina* seterusnya diberi pengiktirafan rasmi oleh Kerajaan British. Orang Hindu juga mempunyai *undang-undang adat* tersendiri dalam hal-hal perkahwinan, perceraian dan warisan harta pusaka. Adat-adat tersebut juga telah diberi pengiktirafan kehakiman oleh Kerajaan British.

### Pengenalan Undang-undang Inggeris

Undang-undang Inggeris mula-mula sekali diperkenalkan di Negeri-negeri Selat yang terdiri daripada Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Piagam Keadilan 1807 yang menubuhkan "Mahkamah Keadilan Pulau Prince of Wales" (Pulau Pinang) menandakan detik permulaan pengenalan undang-undang Inggeris di Malaysia. Secara umum, undang-undang Inggeris yang dikuatkuasakan di Negeri-Negeri Selat telah *diubah-suai* mengikut keadaan dan suasana tempatan.

Pengenalan undang-undang Inggeris di Negeri-negeri Melayu Bersekutu melalui *statut* dibuat dalam tahun 1937 melalui Enakmen Undang-undang Sivil dan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dalam tahun 1951 melalui Ordinan Undang-undang Sivil (Perluasan). Sebelum ini, undang-undang Inggeris telah diperluaskan secara tidak rasmi melalui pengenalan perundangan seperti Kanun Aturcara Jenayah dan Kanun Keseksaan yang diperkenalkan pada tahun 1902 dan 1905.<sup>6</sup>

### Perkembangan Undang-undang di Sabah dan Sarawak

#### ● Undang-undang Adat Bumiputera

Undang-undang adat bumiputera memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan masyarakat tradisional di Sabah dan Sarawak. Di Sabah terdapat berbagai-bagai kaum seperti Kadazan, Murut, Dusun dan Bajau yang masing-masing mempunyai *undang-undang adat*. Di Sarawak, undang-undang adat orang Melayu merupakan campuran adat Melayu dan undang-undang Islam. Dengan perluasan kuasa British, banyak adat bumiputera di Sarawak telah dikanunkan melalui Ordinan Undang-undang Bumiputera.

#### ● Pengenalan Undang-undang Inggeris

Antara tahun-tahun 1841-1946, Sarawak berada di bawah Dinasti Brooke. Kanun Jenayah India telah digunakan bagi kes-kes jenayah

manakala bagi kes-kes lain pegawai-pegawai kehakiman menggunakan *budi bicara* mereka dengan mengambil kira *adat tempatan*.<sup>7</sup> Selepas tahun 1946, undang-undang Inggeris diperkenalkan secara meluas apabila Sarawak diperintah oleh Kerajaan British. *Common Law Inggeris, prinsip-prinsip ekuiti dan statut pemakaian am* dikuatkuasakan pada tahun 1949 sejauh yang diizinkan oleh adat dan keadaan tempatan.

Sabah ditadbirkan oleh Syarikat (Berpiagam) Borneo Utara British antara tahun-tahun 1881-1946. Bagi menguruskan keadilan jenayah, Kanun Kesejahteraan India, Kanun Acara Jenayah India dan Akta Keterangan India telah diperkenalkan. Semasa Sabah berada di bawah pemerintahan Kerajaan British, penerimaan undang-undang Inggeris telah disahkan oleh statut dalam tahun 1951 melalui Ordinan Pemakaian Undang-undang Sabah. *Common Law Inggeris, prinsip-prinsip ekuiti dan statut pemakaian am* dikuatkuasakan setakat yang diizinkan oleh adat dan keadaan tempatan.


### Sumber Undang-undang Malaysia

Seerti diperlihatkan dalam Rajah 16, *sumber undang-undang* Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu *undang-undang bertulis* dan *undang-undang tidak bertulis*. Undang-undang bertulis terdiri daripada: (a) *Akta-akta* yang diluluskan oleh Parlimen; (b) *Enakmen* dan *Ordinan* yang diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri; dan (c) *Perundangan subsidiari (subsidiary legislation)* yang diperbuat oleh seseorang atau badan-badan di bawah kuasa yang diberikan kepada mereka oleh Akta Parlimen atau Enakmen Dewan-dewan Negeri. Undang-undang bertulis akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab 8. Undang-undang tidak bertulis pula mengandungi perkara-perkara yang berikut:

- (i) undang-undang adat;
- (ii) undang-undang Islam;
- (iii) undang-undang Inggeris; dan
- (iv) keputusan-keputusan mahkamah.

#### ● Undang-undang Adat

Secara umum, *adat penduduk tempatan* mengenai hal-hal perkahwinan, perceraian dan warisan harta pusaka telah *diberikan kuatkuasa undang-undang* oleh mahkamah. Pada hari ini Adat Perpatih masih dikuat-



**Rajah 16 : Sumber-sumber Undang-undang Malaysia**

kuasakan dalam perkara-perkara seperti hakmilik tanah, warisan dan pemilihan berbagai lapis pemimpin tradisional seperti Lembaga, Undang dan Yang Dipertuan Besar.<sup>8</sup> Sebelum berkuatkuasanya Akta Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, undang-undang adat orang Cina dan Hindu mengenai perkahwinan dan perceraian adalah

diiktiraf. Di Sarawak, *adat bumiputera bukan Melayu* diberi status undang-undang melalui Ordinan Undang-undang Adat Bumiputera. Di Sabah dan Sarawak, undang-undang adat ditadbirkan oleh Mahkamah Bumiputera.

### ● Undang-undang Islam

Seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, kuasa *mentadbir* undang-undang Islam yang utama berada di tangan pihak berkuasa negeri. *Ketua agama Islam* di sesebuah negeri (kecuali Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak) ialah Sultan. Bagi Wilayah Persekutuan dan keempat-empat buah negeri yang terkecuali itu, Yang di-Pertuan Agong ialah ketuanya. Dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai Ketua Agama Islam, Sultan dinasihatkan oleh Majlis Agama Islam. *Majlis Agama Islam* mempunyai kuasa untuk mengeluarkan *fatwa* mengenai perkara-perkara berkaitan dengan undang-undang Islam yang dirujukkan kepada dan juga untuk mentadbir wakaf-wakaf. Majlis ini dibantu oleh Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam dalam menjalankan tugas-tugas eksekutif seperti pentadbiran undang-undang harta, pemungutan zakat dan fitrah dan pengurusan bait-ul-mal.<sup>9</sup>

Undang-undang Islam bagi semua negeri di Malaysia ditadbirkan mengikut Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam masing-masing. Enakmen-enakmen tersebut tidak banyak berbeza di antara satu sama lain dari segi kandungannya. Pada masa sekarang undang-undang Islam hanya dikenakan kepada orang-orang Islam melalui suatu sistem *Mahkamah Islam* (*Mahkamah Syariah*). Dari segi hierarki, Mahkamah Syariah terdiri daripada *Mahkamah Kadi*, *Mahkamah Kadi Besar* dan *Lembaga Rayuan*. Mahkamah-mahkamah ini mempunyai bidang kuasa dalam kes-kes sivil dan jenayah. *Bidang kuasa sivil* meliputi perkara-perkara seperti perkahwinan, perceraian, nafkah, hak atas kanak-kanak dan warisan harta pusaka. *Bidang kuasa jenayah* meliputi perkara-perkara seperti khalwat, persetubuhan haram, minuman keras dan pembayaran zakat dan fitrah.<sup>10</sup> Lazimnya, kesalahan yang membawa *hukuman ringan* dibicarakan oleh Mahkamah Kadi sementara kesalahan yang membawa *hukuman yang berat* dibicarakan oleh Mahkamah Kadi Besar. *Rayuan* terhadap keputusan kedua-kedua mahkamah tersebut didengar oleh Lembaga Rayuan. Harus diambil perhatian bahawa kadi dilantik oleh Sultan negeri yang berkenaan atau Yang di-Pertuan Agong

bagi Wilayah Persekutuan serta negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

### ● Undang-undang Inggeris

Pemakaian undang-undang Inggeris pada hari ini di seluruh Malaysia adalah dengan kuatkuasa *Akta Undang-undang Sivil 1956*. Mengikut Akta ini sekiranya tidak ada peruntukan lain dibuat oleh mana-mana undang-undang bertulis, mahkamah di Malaysia Barat hendaklah memakai *Common Law*<sup>11</sup> Inggeris dan kaedah-kaedah ekuiti<sup>12</sup> seperti yang ditadbirkan di England pada 7 April 1956. Sementara itu, *Common Law* Inggeris dan kaedah-kaedah ekuiti berserta statut-statut bagi kegunaan umum hendaklah dipakai di Sabah seperti yang berkuatkuasa di England pada 1 Disember 1951 manakala untuk Sarawak seperti yang berkuatkuasa pada 12 Disember 1949.

Perlu diambil perhatian bahawa pemakaian undang-undang Inggeris di negara kita adalah tertakluk kepada dua perkara. Pertama, ia hanya boleh digunakan jika tiada terdapat statut tempatan mengenai perkara yang tertentu itu. Keutamaan diberi kepada undang-undang tempatan oleh kerana undang-undang Inggeris hanya dipakai bagi tujuan mengisi kekosongan dalam sistem undang-undang tempatan. Kedua, hanya bahagian undang-undang Inggeris yang sesuai bagi kegunaan tempatan dapat dipakai.

### ● Keputusan-keputusan Mahkamah

Keputusan-keputusan mahkamah merupakan satu lagi sumber undang-undang Malaysia. Keputusan-keputusan yang dimaksudkan adalah keputusan Mahkamah-mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung (sebelum 1983, dikenali sebagai Mahkamah Persekutuan). Keputusan-keputusan ini dibuat secara sistematik dengan menggunakan *doktrin duluan kehakiman yang mengikat* (*doctrine of binding judicial precedent*). Menurut doktrin ini, sekiranya tidak ada peruntukan undang-undang bertulis mengenai sesuatu perkara, mahkamah hendaklah memakai prinsip-prinsip undang-undang yang terdapat dalam keputusan mahkamah yang lebih tinggi daripadanya bagi kes yang serupa. Ada juga mahkamah (seperti Mahkamah Agung) yang bukan sahaja terikat dengan keputusan mahkamah yang lebih tinggi daripadanya tetapi juga terikat dengan keputusan-keputusannya sendiri.<sup>13</sup> *Sistem duluan kehakiman yang dinamakan stare decisis dalam undang-undang Inggeris ini diamalkan di England, Malaysia dan negeri-negeri Common Law.*

**RINGKASAN**

1. Tiada terdapat persetujuan umum mengenai definisi undang-undang. Undang-undang seringkali dilihat sebagai peraturan-peraturan tingkah laku yang dibuat oleh sebuah badan perundangan.
2. Undang-undang adalah perlu bagi memastikan ahli-ahli masyarakat dapat hidup dan bekerja bersama-sama secara aman dan teratur.
3. Masyarakat Melayu tradisional mempunyai dua jenis undang-undang iaitu Undang-undang Adat dan Undang-undang Islam.
4. Secara umum, terdapat dua jenis undang-undang adat iaitu Adat Perpatih yang bersifat *matriarchal* dan Adat Temenggung yang bersifat *patriarchal*.
5. Undang-undang Islam (Hukum Syarak) telah diterima oleh orang Melayu sesudah diubahsuai dengan adat tempatan.
6. Orang-orang Cina dan India juga mempunyai undang-undang adat yang tersendiri.
7. Pada masa ini undang-undang Inggerislah yang pada praktiknya menjadi hukum asas di Malaysia.
8. Undang-undang adat mermainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak.
9. Sumber undang-undang Malaysia terdiri daripada dua kategori utama iaitu undang-undang bertulis dan tidak bertulis.
10. Undang-undang bertulis pula terdiri daripada (a) Akta-akta yang diluluskan oleh Parlimen; (b) enakmen dan ordinan yang diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri; dan (c) perundangan subsidiari.
11. Undang-undang tidak bertulis mengandungi perkara-perkara yang berikut: (a) undang-undang adat; (b) undang-undang Islam; (c) undang-undang Inggeris, dan (d) keputusan-keputusan mahkamah.

12. Secara umum, adat penduduk tempatan mengenai hal-hal perkahwinan, perceraian dan warisan harta pusaka telah diberi kuatkuasa undang-undang oleh mahkamah.
13. Di Sabah dan Sarawak, undang-undang adat ditadbirkan oleh Mahkamah Bumiputera.
14. Undang-undang Islam bagi semua negeri di Malaysia ditadbirkan mengikut Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam masing-masing.
15. Pada hari ini undang-undang Islam hanya dikenakan kepada orang Islam melalui Sistem Mahkamah Islam (Mahkamah Syariah).
16. Dari segi hierarki, Mahkamah Syariah terdiri daripada Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Lembaga Rayuan.
17. Pemakaian undang-undang Inggeris pada hari ini di seluruh Malaysia adalah dengan kuatkuasa Akta Undang-undang Sivil 1956.
18. Menurut doktrin duluan kehakiman yang mengikat, sekiranya tidak ada peruntukan undang-undang bertulis mengenai sesuatu perkara, mahkamah hendaklah memakai prinsip-prinsip undang-undang yang terdapat dalam keputusan mahkamah yang lebih tinggi daripadanya bagi kes yang senupa.

#### NOTA KAKI

1. A.C. Kapur, *Principles of Political Science*, S. Chand and Company Ltd., New Delhi, 1984, m.s. 238.
2. *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 160(2).
3. Lihat R.H. Hickling, *Malaysian Law*, Professional (Law) Books Publishers, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 62.
4. Wu Min Aun, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, m.s. 11-12.

5. Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, m.s. 27.
6. Wu Min Aun, op.cit., m.s. 16.
7. Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, op.cit., m.s. 80.
8. Wu Min Aun, op.cit., m.s. 51.
9. Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, op.cit., m.s. 54.
10. Ibid., m.s. 56.
11. Common Law Inggeris merupakan undang-undang yang berasaskan kepada adat penduduk England dan keputusan hakim-hakim. Lihat Glanville Williams, *Learning the Law*, Stevens and Sons, London 1982, m.s. 25.
12. Istilah "ekuiti" bermakna keadilan atau berpatutan. Prinsip-prinsip ekuiti digunakan untuk menyelesaikan sebarang pertikaian apabila undang-undang yang sedia ada tidak dapat berbuat demikian dengan memberi tebus rugi (*redress*) yang berpatutan. Lihat Colin F. Padfield, *Law Made Simple*, The English Language Book Society, London, 1983, m.s. 13 - 16.
13. Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, op.cit m.s. 91.

#### CADANGAN BACAAN TAMBAHAN

Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.

Hickling, R.H., *Malaysian Law*, Professional (Law) Books Publishers, Kuala Lumpur, 1987.

Kapur, A.C., *Principles of Political Science*, S. Chand & Company Ltd., New Delhi, 1984.

Wu Min Aun, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986.

### **SOALAN-SOALAN OBJEKTIF**

1. Pada masa ini undang-undang yang pada praktiknya menjadi hukum asas di Malaysia ialah
  - A. Undang-undang Adat.
  - B. Undang-undang Inggeris.
  - C. Undang-undang Islam.
  - D. Undang-undang Hindu.
  - E. Keputusan-keputusan mahkamah.
2. Semua pernyataan berikut mengenai Adat Perpatih adalah benar **kecuali**
  - A. ia diamalkan di Negeri Sembilan.
  - B. ia adalah bersifat *patriarchal*.
  - C. ia bercorak demokrasi.
  - D. ia diwariskan secara lisan.
  - E. keturunan anak adalah mengikut nasab ibu.
3. Semua pernyataan berikut mengenai Adat Temenggung adalah benar **kecuali**
  - A. Adat Temenggung dipengaruhi oleh undang-undang Hindu dan ajaran Islam.
  - B. Adat Temenggung adalah bersifat *matriarchal*.
  - C. Adat Temenggung menekankan kuasa dan kedudukan istimewa pemerintah.
  - D. Adat Temenggung diamalkan oleh semua negeri Melayu (kecuali Negeri Sembilan).
  - E. Adat Temenggung lebih menentingkan kedudukan kaum lelaki
4. Sumber undang-undang Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu
  - A. undang-undang Inggeris dan undang-undang bukan Inggeris.
  - B. undang-undang bertulis dan undang-undang tidak bertulis.

- C. undang-undang Inggeris dan undang-undang adat
  - D. undang-undang Inggeris dan keputusan-keputusan mahkamah.
  - E. akta dan enakmen.
5. Semua pernyataan berikut mengenai undang-undang Islam adalah benar **kecuali**
- A. Undang-undang Islam bagi semua negeri ditadbirkan mengikut Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Agama Islam.
  - B. Undang-undang Islam pada masa ini hanya dikenakan kepada orang-orang Islam.
  - C. Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam kes-kes sivil saja.
  - D. Mahkamah Syariah terdiri daripada Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Lembaga Rayuan.
  - E. Kuasa mentadbir undang-undang Islam yang utama berada di tangan pihak berkuasa negeri.
6. Pemakaian undang-undang Inggeris pada hari ini di seluruh Malaysia adalah dengan kuatkuasa
- A. Akta Undang-undang Sivil 1956.
  - B. Ordinan Undang-undang Sivil 1956.
  - C. Akta Pemakaian Undang-undang Inggeris 1963.
  - D. Akta *Common Law* Inggeris 1963.
  - E. Akta Pemakaian Undang-undang Inggeris 1957.
7. Yang manakah di antara yang berikut merupakan sumber undang-undang Malaysia?
- I. Akta-akta Parlimen.
  - II. Perundangan Subsidiari.
  - III. Undang-undang Inggeris.
  - IV. Keputusan-keputusan Mahkamah.
  - V. Undang-undang Islam.
- A. III dan V.
  - B. II, III dan V.
  - C. Semua yang di atas.
  - D. II, III, I dan V.
  - E. I, III IV dan V.
8. Semua pernyataan berikut mengenai Undang-undang Adat Cina dan Hindu adalah benar **kecuali**

- A. Orang Cina mengikut adat mereka sendiri dalam hal-hal pembahagian harta dan kekeluargaan
- B. Orang Hindu mempunyai Undang-undang Adat tersendiri dalam hal-hal perkahwinan dan warisan harta.
- C. Undang-undang Adat Cina diberi pengiktirafan rasmi oleh Kerajaan British.
- D. Undang-undang Adat Hindu diberi pengiktirafan rasmi oleh Kerajaan British.
- E. Undang-undang Adat Cina dan Hindu masih dikuatkuasakan secara meluas di negara kita pada hari ini.
9. Semua pernyataan berikut mengenai undang-undang adat bumi-putera di Sabah dan Sarawak adalah benar kecuali
- A. Undang-undang adat bumiputra di Sabah dan Sarawak ditadbirkan oleh Mahkamah Bumiputra.
- B. Banyak adat bumiputra bukan Melayu di Sarawak telah dikanunkan melalui Ordinan Undang-undang Adat Bumi-putera
- C. Undang-undang adat bumiputra memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan masyarakat tradisional di Sabah dan Sarawak.
- D. Undang-undang adat bumiputra tidak lagi berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak pada hari ini.
- E. Di Sarawak, adat bumiputra bukan Melayu diberi status undang-undang
10. Yang manakah di antara berikut yang merupakan contoh Adat Temenggung?
- I. Undang-undang Melaka.
- II. Undang-undang Laut Melaka.
- III. Undang-undang Pahang.
- IV. Undang-undang 99 Perak.
- V. Undang-undang Johor.
- A. Semua yang di atas.
- B. I, III dan V.
- C. I dan II.
- D. II, III dan V.
- E. III dan V.

**SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Apakah yang dertiakan dengan undang-undang?
2. Jelaskan keperluan undang-undang dalam sesuatu masyarakat.
3. Bandingkan ciri-ciri utama Adat Perpatih dengan Adat Temenggung.
4. Apakah sumber undang-undang Malaysia?
5. Bincangkan Undang-undang Islam dari segi pentadbiran, aplikasi dan bidang kuasa.
6. Apakah yang dertiakan dengan doktrin duluan kehakiman yang mengikat?

**GERAKERJA**

1. Buat satu kajian mengenai Undang-undang Melaka dengan menumpukan perhatian kepada:
  - (i) pengaruh Hindu;
  - (ii) pengaruh Islam;
  - (iii) undang-undang berkaitan dengan perkahwinan, urusan jual-beli, hutang, harta dan penggunaan alat-alat diraja; dan
  - (iv) hukuman atas kesalahan-kesalahan jenayah dan sivil.
2. "Peraturan-peraturan adat merupakan satu sumber penting undang-undang Malaysia yang terdapat pada hari ini."  
Bincangkan pernyataan ini.

**BAB****8**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	akta, enakmen, ordinan dan perundangan subsidiari.
<b>Mengenalpasti</b>	komposisi dan fungsi-fungsi Parlimen serta Badan Perundangan Negeri.
<b>Membandingkan</b>	Dewan Rakyat dengan Dewan Negara dari segi fungsi dan keahlian.
<b>Membincangkan</b>	tugas-tugas utama Suruhanjaya Pilihanraya.
<b>Menghuraikan</b>	proses penggubalan undang-undang kerajaan.

## BADAN-BADAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

*Peranan utama Parlimen ialah membuat undang-undang.*

-Nik Abdul Rashid

### Perundangan

Perundangan (*legislation*) merangkumi *segala undang-undang* yang diluluskan oleh sesuatu badan yang ditubuhkan bagi maksud tersebut. Badan Perundangan Persekutuan ialah *Parlimen* dan bagi negeri-negeri ialah *Dewan Negeri*. Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen mulai 11 September 1959 hingga masa sekarang disebut sebagai *Akta*. Undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan Persekutuan antara 1 Februari 1948 dan 10 September 1959 dinamakan *Ordinan*.<sup>1</sup> Undang-undang yang dibuat oleh Dewan Negeri pula (kecuali bagi Sabah dan Sarawak) dinamakan *Enakmen*. Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak, undang-undang yang dibuat oleh Dewan Negeri disebut sebagai *Ordinan*. Terdapat juga *perundangan subsidiari* (*subsidiary legislation*) seperti peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat oleh seseorang atau badan di bawah kuasa yang diwakilkan atau diberikan oleh Akta Parlimen atau Enakmen Dewan-dewan Negeri.<sup>2</sup>

Seperti yang dinyatakan dalam Bab 3, *kuasa perundangan* Parlimen dan Dewan Negeri adalah ditentukan oleh Perlembagaan-perlembagaan Persekutuan dan Negeri. Kuasa perundangan dibahagikan kepada *Senarai Persekutuan*, *Senarai Negeri* dan *Senarai Bersama*. Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama. Dewan Negeri pula mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi perkara-perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Apa-apa perkara yang tidak terdapat dalam senarai-senarai tersebut berada di bawah bidang kuasa negeri. Sayugia diingatkan bahawa undang-undang yang telah diluluskan sebelum merdeka terus mengikat sehingga dipinda atau dimansuhkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

## Parlimen

Parlimen yang merupakan Badan Perundangan Persekutuan mempunyai tiga komponen iaitu Yang di-Pertuan Agong dan dua buah Majlis Parlimen, yakni Dewan Negara dan Dewan Rakyat. *Fungsi Parlimen* yang utama ialah untuk membuat undang-undang bagi seluruh Persekutuan. Fungsi-fungsinya yang lain ialah untuk mengenakan cukai, mengawal badan eksekutif melalui kelulusan anggaran belanjawan tahunan dan membolehkan rakyat menyampaikan tindakan-tindakan kerajaan melalui wakil-wakil mereka.

### *Yang di-Pertuan Agong*

Yang di-Pertuan Agong boleh *memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen*. Baginda boleh memberi titah ucapan dalam mana-mana satu Majlis Parlimen atau dalam kedua-dua Majlis Parlimen bersesama. Rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara perlu mendapat *persetujuan* (kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam Perkara 66) Yang di-Pertuan Agong sebelum dijadikan undang-undang. Perkara ini akan dihuraikan secara lebih terperinci dalam bab ini apabila kita membincang cara membuat undang-undang.

### Dewan Negara

Dewan Negara mempunyai 69 orang ahli. 26 orang ahli dipilih oleh Dewan Negeri tiga belas buah negeri, iaitu 2 orang bagi setiap negeri. Terdapat dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang ahli bagi Wilayah Persekutuan Labuan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. 40 orang ahli lagi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada warganegara Malaysia yang pada pendapat baginda telah berbakti dengan cemerlangnya dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesion, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum minoriti atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang Asli.

Ahli-ahli Dewan Negara (*Senator*) biasanya memegang jawatan selama tiga tahun dan boleh dilantik semula bagi tempoh tiga tahun lagi. Keanggotaan Dewan Negara dibataskan kepada warganegara yang

berumur 30 tahun ke atas. Yang Dipertua Dewan Negara dan Timbalannya dilantik daripada kalangan ahli-ahli Dewan tersebut. Pengurus Dewan Negara dipanggil Yang Dipertua. Dia mempengerusikan mesyuarat Dewan Negara. Semasa ketiadaan Yang Dipertua, tugas-tugasnya dilaksanakan oleh Timbalan Yang Dipertua. Dewan Negara mempunyai seorang Setiausaha yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Peranan utama Dewan Negara ialah untuk *membahaskan* sesuatu Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih mendalam dan teliti.<sup>3</sup> Ini bererti Dewan Negara dapat *memperbaiki* Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat. Dewan Negara juga merupakan *forum* bagi pegawai-pegawai awam dan ahli politik yang berpengalaman (senator-senator) untuk membincangkan perkara-perkara yang menjadi kepentingan umum.

### Dewan Rakyat

Dewan Rakyat pula mengandungi 180 orang ahli yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya.<sup>4</sup> Seramai 125 orang dipilih oleh rakyat di negeri-negeri Semenanjung Malaysia, 20 orang di Sabah, 27 orang di Sarawak, 7 orang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang di Wilayah Persekutuan Labuan. Keanggotaan Dewan Rakyat dibataskan kepada warganegara yang berumur 21 tahun ke atas. Ahli Dewan Rakyat memegang jawatan selama lima tahun. Namun demikian, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk membubarkan Parlimen sebelum tempoh tersebut.

Dewan Rakyat diketuai oleh Yang Dipertua (Speaker). Dia *mempengerusikan mesyuarat* Dewan Rakyat serta menentukan bahawa tataatirib dan peraturan Dewan tersebut diikuti. Yang Dipertua Dewan Rakyat dipilih oleh Dewan Rakyat daripada kalangan ahlinya atau bukan ahli. Sekiranya Yang Dipertua dipilih daripada luar Dewan Rakyat, dia dianggap sebagai ahli tambahan Dewan berkenaan. Terdapat dua orang Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat yang dilantik daripada kalangan ahli-ahli Dewan tersebut. Dewan Rakyat mempunyai seorang Setiausaha yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Perlu diambil perhatian bahawa seseorang tidak boleh menjadi ahli kedua-dua Majlis Parlimen pada masa yang sama. Seseorang juga tidak boleh dipilih bagi Dewan Rakyat untuk mewakili lebih daripada satu bahagian (atau kawasan) pilihanraya atau bagi Dewan Negara untuk mewakili lebih daripada satu negeri.

Tugas utama Dewan Rakyat ialah untuk *membuat undang-undang*

dengan cara membincang dan *meluluskan Rang Undang-undang*. Rang Undang-undang yang diluluskan kemudian dikemukakan bagi kelulusan Dewan Negara dan seterusnya untuk diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong (kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Perkara 66). Dewan Rakyat juga menyediakan suatu *forum* di mana dasar-dasar Kerajaan boleh dipersoalkan dan diperdebatkan oleh ahli-ahli.

### Mesyuarat Parlimen

Parlimen akan bersidang apabila dibuka oleh Yang di-Pertuan Agong, dan tidak boleh dibiarkan jarak enam bulan (tempoh) antara mesyuarat akhir bagi satu persidangan dengan mesyuarat pertama bagi persidangan yang akan datang.<sup>5</sup> Parlimen hanya kekal selama lima tahun mulai dari tarikh mesyuaratnya yang pertama melainkan sebelum cukup tempoh ini ia telah dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Apabila Parlimen dibubarkan suatu *pilihanraya umum* hendaklah diadakan dalam *tempoh 60 hari* dari tarikh pembubarannya. Parlimen hendaklah dipanggil bersidang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh pembubarannya.

Semua mesyuarat Parlimen disusun dalam kalender yang dipanggil *Takwim Parlimen*. Ia dibahagikan kepada lima penggal dan tiap-tiap penggal adalah selama hampir setahun. Parlimen mengadakan mesyuaratnya tiga atau empat kali sepenggal. Tempoh satu mesyuarat biasanya ialah dua minggu bagi Dewan Rakyat dan satu minggu bagi Dewan Negara. Apabila Parlimen mengadakan mesyuaratnya, setiap hari mesyuarat itu disebut *persidangan*.<sup>6</sup>

Dua mesyuarat atau persidangan Parlimen yang sangat penting ialah mesyuarat untuk *membahaskan titah ucapan diraja* dan *Mesyuarat Belanjawan*. Titah ucapan diraja dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong semasa mesyuarat pertama Parlimen bagi setiap tahun (lazimnya pada awal tahun). Titah ucapan diraja ini meliputi dasar-dasar kerajaan yang akan dilaksanakan dalam tahun berkenaan. Semua ahli Parlimen boleh membahaskan isi atau kandungan ucapan tersebut.

Mesyuarat Belanjawan pula mengambil masa kira-kira enam minggu untuk berlangsung dan diadakan pada akhir setiap tahun (biasanya bulan Oktober). Dalam mesyuarat ini Menteri Kewangan akan membuat *ucapan belanjawan* (*budget speech*) yang, di antara lain, merangkumi anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun hadapan atau tahun baru. Setiap ucapan belanjawan juga mengandungi beberapa cadangan untuk menaikkan cukai yang sedia ada atau mengenakan

cukai-cukai baru. Semasa Mesyuarat Belanjawan, ahli-ahli Parlimen boleh mengemukakan kepada Kerajaan soalan-soalan mengenai *dasar-dasar kewangan*. Perlu diambil perhatian bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (*Supply Bill*) dan Anggaran Pembangunan yang menyediakan perbelanjaan Kerajaan bagi tahun baru adalah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut. Anggaran Belanjawan Pembangunan dikemukakan di Parlimen melalui satu *usul*. Setelah diluluskan oleh Parlimen dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, perbelanjaan tersebut menjadi sah di sisi undang-undang.

### Kelistimewaan Parlimen

Parlimen mempunyai beberapa keistimewaan tertentu yang adalah perlu bagi *menjamin kebebasan bercakap dan berbahas*. Keistimewaan-keistimewaan ini, di antara lain, adalah seperti berikut:

- » Keesahan apa-apa prosiding dalam mana-mana Majlis Parlimen atau jawatankuasanya tidak boleh dipersoal dalam mahkamah;
- » Seseorang tidak boleh didakwa dalam mahkamah mengenai apa-apa jua yang dikatakan semasa mengambil bahagian dalam prosiding mana-mana Majlis Parlimen atau jawatankuasa. Namun demikian, ahli-ahli Parlimen tidak boleh mempersoalkan kewujudan perkara-perkara sensitif seperti hak istimewa orang Melayu, kerakyatan, bahasa kebangsaan dan kedaulatan raja-raja Melayu; dan
- » Seseorang tidak boleh didakwa dalam mahkamah mengenai apa-apa jua yang disiarkan dengan atau di bawah kuasa mana-mana Majlis Parlimen.<sup>7</sup>

### Cara Membuat Undang-undang

Di negara kita, sesuatu *Rang Undang-undang (Bill)* akan menjadi undang-undang apabila ia telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta (kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Perkara 66) dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong. Perlu diambil perhatian bahawa Rang Undang-undang Kewangan hanya perlu diluluskan oleh Dewan Rakyat sebelum dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Sesuatu Rang Undang-undang bolehlah berasal daripada salah satu Majlis Parlimen, tetapi jarang sekali ia dikemukakan pada asalnya

dalam Dewan Negara. Namun demikian, Rang Undang-undang yang berkaitan dengan kewangan hendaklah dimulakan dalam Dewan Rakyat oleh kerana ia berkuasa dalam hal-ehwal kewangan.


Terdapat empat jenis Rang Undang-undang yang boleh dikemukakan iaitu:

- (i) (Rang Undang-undang Persendirian) yang hanya mempunyai kesan ke atas orang-orang tertentu, persatuan atau perbadanan;
- (ii) (Rang Undang-undang Ahli Persendirian) yang diusulkan oleh mana-mana ahli dewan perundangan selain dari Menteri-menteri;
- (iii) (Rang Undang-undang Hibrid) yang pada pendapat Speaker Dewan Rakyat atau Yang Dipertua Dewan Negara menyentuh hak atau kepentingan seseorang secara prasangka; dan
- (iv) (Rang Undang-undang Kerajaan) yang berkaitan dengan dasar kerajaan dan untuk kegunaan umum. Ia dibentangkan oleh seorang menteri.<sup>8</sup>

Hampir kesemua Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Parlimen adalah Rang Undang-undang Kerajaan. Seperti ditunjukkan dalam Rajah 17, terdapat beberapa peringkat atau *proses dalam penggubalan undang-undang* (berkaitan dengan Rang Undang-undang Kerajaan). Sesuatu Rang Undang-undang lazimnya dibentangkan dalam Parlimen oleh Menteri yang bertangungjawab bagi portfolio yang berkenaan. Sebagai langkah pertama, dasar-dasar berhubung dengan Rang Undang-undang itu *dirangka* oleh Menteri dengan nasihat pegawai-pegawai kementeriannya dan pandangan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan. *Draf Rang Undang-undang* disediakan oleh Jabatan Peguam Negara dan seterusnya *dikemukakan* oleh Menteri yang berkenaan kepada Kabinet untuk kelulusan. Selepas dipersetujui oleh Kabinet, Menteri akan memberi *notis pemberitahu* kepada Setiausaha kedua-kedua Majlis Parlimen mengenai hasratnya untuk membentangkan Rang undang-undang tersebut. Selepas itu Rang Undang-undang *dicetak* oleh Jabatan Percetakan Negara dan dibahagi-bahagikan kepada semua ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Tiap-tiap Rang Undang-undang yang diluluskan oleh sebuah Majlis Parlimen itu melalui empat peringkat iaitu:

- » bacaan pertama;
- » bacaan kedua;
- » peringkat jawatankuasa; dan
- » bacaan ketiga.



Rajah 17: Proses Penggubalan Undang-undang

- **Bacaan Pertama**

Bacaan pertama hanya merupakan *suatu formaliti* di mana tajuk Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri dibaca buat pertama kalinya. Seterusnya Menteri akan memberitahu secara lisan bila bacaan yang kedua akan dibuat.

- **Bacaan Kedua**

Bacaan kedua merupakan *peringkat yang paling mustahak* di mana prinsip-prinsip am Rang Undang-undang itu dibahaskan. Perbincangan mengenai butir-butir Rang Undang-undang itu tidak dibenarkan pada peringkat ini. Sesuatu Rang Undang-undang tidak boleh dibaca buat kali kedua sehingga ia telah dicetak dan diedarkan kepada semua ahli.

- **Peringkat Jawatankuasa**

Selepas tamat Bacaan Kedua, Dewan dengan sendirinya (iaitu tidak perlu diusulkan) berubah menjadi *Jawatankuasa Seluruh Dewan*. Tujuan peringkat jawatankuasa ialah untuk membolehkan ahli-ahli *membincangkan butir-butir* Rang Undang-undang atau *mencadangkan pindaan* dalam suasana yang kurang formal. Kadangkala Rang Undang-undang itu tidak dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Seluruh Dewan tetapi oleh suatu *Jawatankuasa Pilihan Khas* (jawatankuasa *ad hoc*). Sekiranya Dewan bersetuju untuk berbuat demikian, bilangan dan ahli bagi jawatankuasa ini akan ditentukan oleh suatu *Jawatankuasa Pemilihan*. Setelah selesai perbincangan di peringkat jawatankuasa, Menteri akan mengusulkan supaya Rang Undang-undang itu dilaporkan kepada Dewan. Sekiranya usul ini diterima, Dewan akan bersidang semula seperti biasa.

- **Bacaan Ketiga**

Apabila Dewan bersidang semula, Menteri akan melaporkan bahawa Rang Undang-undang itu telah *dipertimbangkan* pada peringkat jawatankuasa dan *dipersetujui* dengan atau tanpa pindaan. Menteri seterusnya mengusulkan supaya Rang Undang-undang itu dibaca untuk kali ketiga dan *diluluskan*. Jika usul ini diterima, Rang Undang-undang itu dianggap sudah diluluskan.

Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh mana-mana Dewan akan dihantar seterusnya ke Dewan yang satu lagi untuk dipertim-

bangkan. Apabila Rang Undang-undang diluluskan oleh Dewan ini barulah ia disembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan persetujuannya. Perlu diambil perhatian bahawa Dewan Negara tidak mempunyai kuasa untuk menolak Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Ia hanya mempunyai kuasa melambatkan kelulusan Rang Undang-undang Kewangan selama satu bulan setelah ia diluluskan oleh Dewan Rakyat dan bagi Rang Undang-undang lain pula selama satu tahun.<sup>9</sup>

### Persetujuan Yang di-Pertuan Agong

Menurut Perkara 66(4), Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-undang dipersembahkan kepada baginda memperkenankannya. Tetapi sekiranya ia bukan Rang Undang-undang Kewangan, baginda boleh mengembalikannya kepada Dewan di mana Rang Undang-undang itu dikemukakan pada asalnya bersama-sama dengan suatu pernyataan mengenai *sebab-sebab bantahannya* terhadap Rang Undang-undang itu. Jika Rang Undang-undang itu sekali lagi diluluskan oleh kedua-kedua Majlis Parlimen, ia hendaklah dikemukakan sekali lagi bagi persetujuan Yang di-Pertuan Agong. Baginda hendaklah memperkenankan Rang Undang-undang itu dalam tempoh tiga puluh hari selepas ia dipersembahkan kepadanya. Sekiranya baginda tidak berbuat demikian, Rang Undang-undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas tamat tempoh tersebut seolah-olah ia telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.<sup>10</sup>

Sesuatu undang-undang (Akta Parlimen) tidak akan mula berkuatkuasa sehingga ia disiarkan. Namun demikian, Parlimen mempunyai kuasa untuk *menangguhkan kuatkuasa* sesuatu undang-undang atau membuat undang-undang yang *berkuatkuasa kebelakangan*.

### Badan Perundangan Negeri

Tiap-tiap Badan Perundangan Negeri terdiri daripada Raja atau Yang Dipertua Negeri dan satu Majlis iaitu Dewan Negeri.<sup>11</sup> Fungsinya yang utama ialah untuk membuat undang-undang yang berkuatkuasa di negeri itu sahaja.

### Raja atau Yang Dipertua Negeri

Raja atau Yang Dipertua Negeri mempunyai kuasa untuk *memanggil*,

*menangguh dan membubarkan Dewan Negeri.* Raja atau Yang Dipertua Negeri tidak boleh membiarkan jarak enam bulan (tempoh masa) antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal yang seterusnya. Sesuatu Rang Undang-undang menjadi undang-undang apabila ia diluluskan oleh Dewan Negeri dan diperkenankan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri.<sup>12</sup> Namun demikian, undang-undang tersebut hanya berkuatkuasa apabila ia telah disiarkan.

### Dewan Negeri

Dewan Negeri terdiri daripada sebilangan ahli yang dipilih secara langsung oleh rakyat negeri yang berkenaan. Bilangan ahli Dewan Negeri berbeza mengikut Perlembagaan masing-masing. Di Negeri-negeri Melayu, tiga orang pegawai kerajaan iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri boleh mengambil bahagian dalam prosiding Dewan Negeri tetapi *tidak berhak mengundi*. Di Melaka dan Pulau Pinang, Penasihat Undang-undang boleh mengambil bahagian dalam prosiding Dewan Negeri tetapi tidak berhak mengundi. Di Sabah dan Sarawak pula, ketiga-tiga pegawai berkenaan tidak berhak menjadi ahli atau mengambil bahagian dalam prosiding Dewan Negeri.<sup>13</sup>

Keanggotaan Dewan Negeri dibataskan kepada warganegara berumur 21 tahun ke atas yang *bermastautin dalam negeri itu*. Ahli Dewan Negeri memegang jawatan selama lima tahun (kecuali Dewan Negeri dibubarkan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri sebelum tempoh tersebut). Seseorang tidak boleh menjadi ahli Dewan Negeri pada suatu masa untuk lebih daripada satu bahagian pilihanraya. Dewan Negeri dipengerusikan oleh seorang Yang Dipertua yang dipilih daripada kalan-gan ahli Dewan itu sendiri. Keistimewaan ahli Dewan Negeri adalah sama dengan apa yang terdapat bagi ahli Parlimen Persekutuan.

### Mesyuarat Dewan Negeri

Dewan Negeri akan bersidang apabila *dibuka secara rasmi* oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri. Raja atau Yang Dipertua Negeri tidak boleh membiarkan jarak enam bulan (tempoh masa) antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal yang kemudiannya. Dewan Negeri kekal

selama lima tahun dari tarikh mesyuaratnya yang pertama kecuali ia dibubarkan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri sebelum cukup tempoh tersebut. Apabila Dewan Negeri dibubarkan, suatu *pilihanraya umum* hendaklah diadakan dalam *tempoh 60 hari* dari tarikh pembubarannya.<sup>14</sup> Dewan Negeri yang baru itu hendaklah dipanggil *bermesyuarat* pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh pembubarannya.

### Pilihanraya

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negeri dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya umum. Pilihanraya diadakan setiap lima tahun kecuali Parlimen atau Dewan Negeri telah dibubarkan sebelum tempoh tersebut. Pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam masa 60 hari selepas pembubarannya Parlimen atau Dewan Negeri.<sup>15</sup>

### Suruhanjaya Pilihanraya

Bagi memastikan supaya pilihanraya dijalankan dengan adil, Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113) telah memperuntukkan penubuhan Suruhanjaya Pilihanraya yang *bebas dari kawalan Kerajaan*. Pengurus, Timbalan Pengurus dan tiga orang ahlinya yang lain dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Di antara tugas-tugas utama Suruhanjaya Pilihanraya ialah:

- (i) Menjalankan pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri;
- (ii) Menyiapkan dan menyemak daftar pengundi bagi semua bahagian (kawasan) pilihanraya, dan
- (iii) Menyemak dan mengubah bahagian-bahagian pilihanraya.

### Bahagian Pilihanraya dan Calon

Tiap-tiap satu bahagian pilihanraya diwakili oleh seorang wakil sahaja. Seseorang wakil bahagian pilihanraya Parlimen boleh mewakili bahagian pilihanraya negeri. Calon pilihanraya mestilah warganegara Malaysia dan berumur sekurang-kurangnya 21 tahun. Seseorang tidak boleh menjadi

calon sekiranya dia: (a) disahkan tidak sempura akal; (b) seorang bankrap; (c) memegang sesuatu jawatan berpendapatan; (d) disabitkan suatu kesalahan dan dihukum penjara untuk tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan masih belum menerima pengampunan; dan (e) sudah memperolehi kewarganegaraan negara lain.<sup>16</sup>

### Pemilih

Orang-orang yang layak mengundi ialah warganegara yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun pada tarikh kelayakan dan bermastautin dalam sesuatu bahagian pilihanraya atau jika tidak bermastautin adalah dianggap sebagai seorang pengundi yang tidak hadir. Tidak sesiapa pun boleh mengundi dalam lebih daripada satu bahagian pilihanraya. Walau bagaimanapun, seseorang tidak berhak mengundi sekiranya dia: (a) ditahan pada tarikh kelayakan kerana tidak sempura akal atau menjalani hukuman penjara; (b) sebelum tarikh kelayakan telah disabitkan suatu kesalahan di mana-mana bahagian Komanwel dan dijatuhkan hukuman bunuh atau hukuman penjara untuk tempoh lebih daripada dua belas bulan dan pada tarikh kelayakan masih menjalani apa-apa hukuman bagi kesalahan itu. "Tarikh kelayakan" bermakna tarikh yang menurutnya *daftar pemilih* disediakan atau disemak.

### Daftar Pemilih

Seseorang pemilih (pengundi) yang berkelayakan boleh mengundi hanya jika namanya telah didaftarkan dalam *daftar pemilih*.<sup>17</sup> Seseorang itu tidak boleh mengundi di mana-mana tempat mengundi melainkan di tempat mengundi yang mana namanya ada dalam daftar mengundi. Peraturan ini adalah perlu bagi memastikan supaya tidak ada orang yang mengundi lebih daripada satu kali bagi sesuatu bahagian pilihanraya atau lebih daripada satu bahagian pilihanraya.

**RINGKASAN**

1. Perundangan merangkumi segala undang-undang yang diluluskan oleh sesuatu badan yang ditubuhkan bagi maksud tersebut.
2. Badan Perundangan Persekutuan ialah Parlimen dan bagi negeri-negeri ialah Dewan Negeri.
3. Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen mulai 11 September 1959 hingga masa sekarang disebut sebagai Akta.
4. Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri (kecuali bagi Sabah dan Sarawak) dinamakan Enakmen. Bagi Sabah dan Sarawak pula, undang-undang berkenaan disebut sebagai Ordinan.
5. Perundangan subsidiari merangkumi peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat oleh seseorang atau badan di bawah kuasa yang diwakilkan oleh Akta Parlimen atau Enakmen Dewan-dewan Negeri.
6. Parlimen Persekutuan terdiri daripada tiga komponen iaitu: (a) Dewan Rakyat; (b) Dewan Negara; dan (c) Yang di-Pertuan Agong.
7. Fungsi Parlimen yang utama ialah untuk membuat undang-undang bagi seluruh Persekutuan.
8. Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara perlu mendapat persetujuan (kecuali sebagaimana dipерuntukan dalam Perkara 66) Yang di-Pertuan Agong sebelum dijadikan undang-undang.
9. Dewan Negara mempunyai 69 orang ahli dan peranan utamanya ialah untuk membahaskan sesuatu Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih mendalam dan teliti.
10. Ahli-ahli Dewan Negara (Senator) biasanya memegang jawatan selama tiga tahun dan boleh dilantik semula bagi tempoh tiga tahun lagi.

11. Mesyuarat Dewan Negara dipengerusikan oleh Yang Dipertua Dewan Negara yang dilantik daripada kalangan ahli-ahli Dewan tersebut.
12. Dewan Rakyat pula mengandungi 180 orang ahli yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya. Ahli Dewan Rakyat lazimnya memegang jawatan selama lima tahun.
13. Dewan Rakyat diketuai oleh Yang Dipertua (Speaker) yang dipilih oleh Dewan tersebut daripada kalangan ahlinya atau bukan ahli.
14. Tugas utama Dewan Rakyat ialah untuk membuat undang-undang dengan cara membincang dan meluluskan Rang Undang-undang.
15. Parlimen hanya kekal selama lima tahun melainkan sebelum cukup tempoh ini ia dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Apabila Parlimen dibubarkan, suatu pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubarannya.
16. Setiap Rang Undang-undang yang diluluskan oleh ses sebuah Majlis Parlimen melalui empat peringkat iaitu: (a) Bacaan Pertama; (b) Bacaan Kedua; (c) Peringkat Jawatankuasa dan (d) Bacaan Ketiga.
17. Setiap Badan Perundangan Negeri terdiri daripada Raja atau Yang Dipertua Negeri dan satu Majlis iaitu Dewan Negeri. Fungsinya yang utama ialah untuk membuat undang-undang yang berkuatkuasa di negeri itu sahaja.
18. Pilihanraya diadakan setiap lima tahun kecuali Parlimen atau Dewan Negeri telah dibubarkan sebelum tempoh tersebut.
19. Badan bebas yang bertanggungjawab bagi memastikan pilihanraya dijalankan dengan adil ialah Suruhanjaya Pilihanraya.
20. Tiap-tiap satu bahagian atau kawasan pilihanraya diwakili oleh seorang wakil sahaja. Orang-orang yang layak mengundi ialah warganegara yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun.
21. Seseorang pemilih yang berkelayakan boleh mengundi hanya jika namanya telah didaftarkan dalam Daftar Pemilih.

**NOTA KAKI**

1. R.H. Hickling, *Malaysian Law*, Professional (Law) Books Publishers, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 78-79.
2. Perwakilan kuasa untuk membuat undang-undang biasanya tertumpu kepada perkara-perkara terperinci oleh kerana Badan Perundangan sama ada tidak mempunyai masa atau pengetahuan teknikal untuk membuat undang-undang tentang butir-butir yang khusus. Untuk penjelasan lanjut, sila lihat Wu Min Aun, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, m.s. 70-77.
3. Sila lihat Nik Abdul Rashid, "Parlimen Malaysia", dalam *Perlembagaan Malaysia*, (ed) Tun Mohamed Suffian, H.P. Lee dan F.A. Trindade, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1978, m.s. 161-162.
4. *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 46(1).
5. Ibid., Perkara 55(1).
6. Abdul Aziz bin Zakaria (Datuk), *Pengenalan Kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978, m.s. 18.
7. *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 63(3).
8. Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 195.
9. Sila lihat *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 68.
10. Ibid., Perkara 66 (4B).
11. Ibid., Jadual Kelapan, Bahagian 1, Seksyen 3.
12. Lihat Wu Min Aun, op. cit., m.s. 98.
13. Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, op. cit., m.s. 246.

14. *Perlembagaan Persekutuan*, Jadual Kelapan, Bahagian 1, Seksyen 9 (4).
15. Ibid., Perkara 55 (4) dan Jadual Kelapan, Bahagian 1, Seksyen 9 (4).
16. Ibid., Perkara 48.
17. Lihat Mohamed Suffian bin Hashim (Tun), *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, m.s. 129.

### **CADANGAN BACAAN TAMBAHAN**

Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987.

Hickling, R.H., *Malaysian Law*, Professional (Law) Book Publishers, Kuala Lumpur, 1987.

Wu Min Aun, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986.

### **SOALAN-SOALAN OBJEKTIF**

1. Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen mulai 11 September 1959 hingga masa sekarang adalah disebutkan sebagai
  - A. Enakmen
  - B. Akta
  - C. Ordinan
  - D. Peraturan
  - E. Perundangan
2. Undang-undang yang dibuat oleh Dewan Negeri (kecuali bagi Sabah dan Sarawak) dinamakan

- A. Enakmen  
B. Akta  
C. ✓ Ordinan  
D. Peraturan  
E. Perundangan Negeri
3. Tugas utama Parlimen Malaysia ialah untuk  
A. meluluskan dasar-dasar negara  
B. melantik ahli-ahli Kabinet  
C. ✓ meluluskan undang-undang  
D. memberi peluang rakyat bersuara  
E. meluluskan Anggaran Belanjawan Tahunan Negara
4. Parlimen Malaysia terdiri daripada  
I. ✓ Yang di-Pertuan Agong  
II. ✓ Ketua Hakim Negara  
III. ✓ Dewan Rakyat ✓  
IV. ✓ Ketua Setiausaha Negara  
V. ✓ Dewan Negara ✓  
  
A. III dan V ✗  
B. II, III dan V ✗  
C. ✓ I, III dan V  
D. I dan III  
E. IV dan V ✗
5. Semua pernyataan berikut mengenai Dewan Rakyat adalah benar kecuali  
A. ✓ Ahli Dewan Rakyat lazimnya memegang jawatan selama lima tahun  
B. Keanggotaan Dewan Rakyat dibataskan kepada warganegara yang berumur 21 tahun ke atas  
C. ✓ Dewan Rakyat diketuai oleh Perdana Menteri  
D. ✓ Tugas utama Dewan Rakyat ialah untuk membuat undang-undang  
E. ✓ Ahli Dewan Rakyat dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya ✓  
Semua pernyataan berikut mengenai Dewan Negara adalah benar kecuali  
A. ✓ Ahli Dewan Negara biasanya memegang jawatan selama tiga tahun  
B. Keanggotaan Dewan Negara dibataskan kepada warganegara

- yang berumur 21 tahun ke atas ✓
- C. Dewan Negara diketuai oleh Yang Dipertua ✓
- D. Peranan utama Dewan Negara ialah untuk membahaskan sesuatu Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat ✓
- E. Dewan Negara mempunyai seorang Setiausaha yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong
7. Apabila Parlimen dibubarkan suatu pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam tempoh
- A. ✓ 60 hari
- B. 90 hari
- C. ✓ 120 hari
- D. 30 hari
- E. 45 hari
8. Yang manakah di antara yang berikut merupakan urutan yang betul dalam proses penggubalan undang-undang kerajaan?
- I. Persetujuan Yang di-Pertuan Agong ✓
- II. ✓ Draf Rang Undang-undang disediakan oleh Jabatan ✓
- III. ✓ Menteri merangka dasar Rang Undang-undang dengan bantuan pegawai-pegawaiannya ✓
- IV. ✓ Kelulusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara ✓
- V. ✓ Menteri memperolehi kelulusan Kabinet ke atas Draf Rang Undang-undang ✓
- A. ✓ III, II, V, IV dan I
- B. I, III, II, V dan IV ✓
- C. III, V, II, IV dan I
- D. I, II, III, V dan IV ✓
- E. II, III, V, IV dan I ✗
9. Badan Perundangan Negeri terdiri daripada
- I. ✓ Raja atau Yang Dipertua Negeri
- II. ✓ Menteri Besar
- III. ✓ Dewan Negeri ✓
- IV. ✓ Dewan Rakyat ✓
- V. ✓ Majlis Mesyuarat Kerajaan ✓
- A. I, II dan III ✗
- B. I, II dan V ✗

- C. II, III dan V ✗  
 D. ✓ I dan III ✗  
 E. ✓ I, III dan IV

10. Semua pernyataan berikut mengenai Dewan Negeri adalah benar kecuali
- Dewan Negeri terdiri daripada sebilangan ahli yang dipilih secara langsung oleh rakyat negeri yang berkenaan ✓
  - Keanggotaan Dewan Negeri dibataskan kepada warganegara berumur 21 tahun ke atas ✓
  - ✓ Ahli Dewan Negeri lazimnya memegang jawatan selama tiga tahun ✓
  - Dewan Negeri dipengerusikan oleh seorang Yang Dipertua ✓
  - Keistimewaan ahli Dewan Negeri adalah sama dengan apa yang terdapat bagi ahli Parlimen
11. Tugas-tugas utama Suruhanjaya Pilihanraya ialah
- Menjalankan pilihanraya bagi Dewan Rakyat saja
  - Menjalankan pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri ✓
  - Menyiapkan dan menyemak Daftar Pengundi bagi semua kawasan pilihanraya ✓
  - Menyemak dan mengubah kawasan-kawasan pilihanraya ✓
  - Melantik Yang Dipertua Dewan Negara
- I, III dan IV ✗
  - ✓ I, III, IV dan V ✗
  - III dan IV ✗
  - ✓ II, III dan IV
  - ✓ Semua yang di atas ✗
12. Semua pernyataan berikut mengenai pilihanraya adalah betul kecuali
- Tiap-tiap satu bahagian (kawasan) pilihanraya diwakili oleh seorang wakil saja ✓
  - Orang-orang yang layak mengundi ialah warganegara yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun ✓
  - Seseorang pengundi yang berkelayakan boleh mengundi hanya jika namanya telah didaftarkan dalam Daftar Pengundi ✓
  - Dewan Pilihanraya adalah bebas daripada kawalan Kerajaan
  - ✓ Pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam masa 90 hari selepas pembubaran Parlimen atau Dewan Negeri

**SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Apakah yang dertiakan dengan akta, enakmen, ordinan dan perundangan subsidiari?
2. Nyatakan komposisi dan peranan utama Parlimen serta Badan Perundangan Negeri.
3. Huraikan proses penggubalan undang-undang kerajaan.
4. Bincangkan perbezaan di antara Parlimen Persekutuan dengan Badan Perundangan Negeri.
5. Bandingkan Dewan Rakyat dengan Dewan Negara dari segi keahlian dan fungsi
6. Apakah tugas-tugas utama Suruhanjaya Pilihanraya?

**GERAKERJA**

1. "Keahlian Dewan Negara tidak mencerminkan sistem pemerintahan berdemokratik memandangkan sebilangan besar daripada ahli-ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong."  
Bincangkan pernyataan ini.
2. Aturkan lawatan ke Parlimen untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai prosidingnya.

V

---

**Kehakiman**

**BAB****9**

**Objektif Pembelajaran** Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:

- |                      |  |
|----------------------|--|
| <b>Mentakrifkan</b>  | kebebasan kehakiman, kes sivil dan kes jenayah.  |
| <b>Mengenalpasti</b> | fungsi-fungsi kehakiman.   |
| <b>Membandingkan</b> | bidang kuasa Mahkamah Agung dengan Mahkamah-mahkamah Tinggi, Sesyen, Majistret dan Penghulu. |
| <b>Membingangkan</b> | hierarki mahkamah-mahkamah awam.   |
| <b>Menghuralkan</b>  | bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Juvenil, Tentera dan Bumiputera.                              |

## SISTEM KEHAKIMAN

*Tidak ada ujian kecermerlangan sesebuah kerajaan yang lebih baik daripada kecekapan sistem kehakimannya.*

- James Bryce

Seperi yang dinyatakan dalam Bab 1, kehakiman merupakan salah satu daripada tiga komponen kerajaan. Fungsi terpenting badan kehakiman ialah untuk mentadbir keadilan secara saksama. Badan kehakiman merupakan pelindung hak-hak asasi manusia daripada sebarang penyerobohan oleh pihak individu atau kerajaan. Bagi memastikan badan kehakiman dapat melaksanakan tugas-tugasnya secara adil, ia adalah agak bebas daripada kawalan badan-badan perundangan dan eksekutif. Dalam bab ini kita akan membincangkan, di antara lain, fungsi-fungsi kehakiman, kebebasan kehakiman, hierarki dan bidang kuasa mahkamah-mahkamah yang terdapat di Malaysia.

### Fungsi-fungsi Kehakiman

Pentadbiran keadilan merupakan fungsi terpenting badan kehakiman. Mahkamah merupakan *tempat penyelesaian pertikaian* antara individu-individu, dan di antara individu dengan pihak kerajaan serta perbicaraan orang-orang yang didakwa telah melakukan kesalahan. Terdapat dua jenis kes, iaitu *kes sivil*<sup>1</sup> dan *kes jenayah*.<sup>2</sup>

Fungsi-fungsi kehakiman yang lain adalah seperti berikut:

- » Mempunyai kewajiban untuk membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan;
- » Memelihara hak-hak warganegara daripada sebarang penyerobohan oleh pihak kerajaan; dan
- » Mempunyai kuasa mentsirikan sesuatu undang-undang.

### ( Sistem Kehakiman Malaysia )

Kuasa kehakiman di Malaysia terletak pada Mahkamah Agung, dua buah

Mahkamah Tinggi iaitu Mahkamah Tinggi di Malaya, dan Mahkamah Tinggi di Borneo serta Mahkamah-mahkamah Rendah. Ketua Kehakiman ialah Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung. Ketua pentadbiran mahkamah-mahkamah ialah Ketua Pendaftar. Selain dari *mahkamah-mahkamah awam* di atas, terdapat juga *mahkamah-mahkamah* yang mempunyai *bidang kuasa khas* seperti Mahkamah Juvenil, Mahkamah Syariah, Mahkamah Bumiputera dan Mahkamah Tentera.

### Perlantikan Hakim

Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung, Hakim-hakim Besar Mahkamah Tinggi dan hakim-hakim yang lain bagi Mahkamah Agung dan Mahkamah-mahkamah Tinggi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.<sup>3</sup> Sebelum memberi nasihatnya tentang perlantikan seseorang hakim, Perdana Menteri hendaklah meminta pandangan Ketua Hakim Negara. Sebelum menyembahkan nasihatnya tentang perlantikan seseorang Hakim Besar, Perdana Menteri dikehendaki berunding dengan Hakim-hakim Besar yang sedia ada, dan jika perlantikan itu ialah bagi Mahkamah Tinggi di Borneo, beliau hendaklah meminta pendapat Ketua-ketua Menteri Sabah dan Sarawak.

Untuk dilantik sebagai hakim, seseorang itu mestilah warganegara Malaysia dan dalam tempoh sepuluh tahun sebelum perlantikannya dia telah menjadi Peguam Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi, atau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang. Bilangan hakim ditetapkan oleh Perlembagaan. Namun begitu, bilangan ini boleh diubah oleh Yang di-Pertuan Agong. Perlu diambil perhatian bahawa ahli-ahli yang bersidang di Mahkamah-mahkamah Rendah lazimnya adalah dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang.

### Kebebasan Kehakiman

Kebebasan Kehakiman bererti bahawa para hakim dapat *mentafsirkan* undang-undang dan *mentadbirkan* keadilan mengikut pertimbangan sendiri *tanpa rasa takut* atau *pilih kasih*. Ini adalah perlu untuk *menjamin kedaulatan undang-undang (rule of law)* dan *melindungi hak-hak asasi manusia*. Terdapat beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan untuk menjamin *kebebasan kehakiman*.

Tidak seperti anggota perkhidmatan awam, para hakim tidak


memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Seseorang hakim boleh memegang jawatannya sehingga dia mencapai umur 65 tahun. Walau bagaimanapun sebelum mencapai umur tersebut, dia boleh meletakkan jawatannya. Namun demikian, seseorang hakim hanya boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor suatu *tribunal* yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang hakim atau bekas hakim.<sup>4</sup> Alasan-alasan yang boleh digunakan untuk memecat seseorang hakim daripada jawatannya ialah kelakuan tidak baik, tidak berkeupayaan, kelemahan tubuh atau otak atau apa-apa sebab lain. Maka adalah sukar untuk melucutkan jawatan seseorang hakim merandangkan tindakan tersebut bergantung kepada pendapat sebuah tribunal yang mana kesemua ahlinya terdiri daripada hakim-hakim. Malahan gaji seseorang hakim itu tidak boleh dikurangkan selagi dia memegang jawatannya.

### Hierarki Mahkamah-mahkamah Awam

Seerti ditunjukkan dalam Rajah 18, kuasa kehakiman di Malaysia terletak pada *Mahkamah-mahkamah Atasan (Superior Courts)* dan *Mahkamah-mahkamah Rendah (Subordinate Courts)*. Mahkamah-mahkamah Atasan terdiri daripada Mahkamah Agung (*Supreme Court*), Mahkamah Tinggi (*High Court*) di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Borneo. Mahkamah-mahkamah Rendah pula terdiri daripada Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret Kelas Pertama dan Kedua dan Mahkamah Penghulu.

#### Mahkamah Agung

Mahkamah Agung terdiri daripada seorang Yang Dipertua Mahkamah (yang digelar "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung"), Hakim-hakim Besar Mahkamah-mahkamah Tinggi, dan selain dari yang diperuntukkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, empat orang hakim lain dan beberapa orang hakim tambahan. Kes-kes Mahkamah Agung lazimnya dibicarakan oleh tiga orang hakim walaupun Ketua Hakim Negara mempunyai kuasa untuk menambahkan bilangan hakim bagi sesuatu kes.



Rajah 18: Hierarki Mahkamah-mahkamah Awam

### Bidang Kuasa

Mahkamah Agung mempunyai bidang kuasa (*jurisdiction*) dan kuasa-kuasa seperti berikut:

- (i) Bidang kuasa eksklusif untuk *menentukan keesahan undang-undang* yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan Negeri. Undang-undang boleh *terbatas* sekiranya ia beranggah dengan Perlombagaan atau berada di luar bidang kuasa sesebuah badan perundangan;
- (ii) Bidang kuasa eksklusif untuk *memutuskan sebarang pertikaian* di antara Negeri-negeri atau di antara Persekutuan dengan Negeri-negeri;
- (iii) Bidang kuasa untuk *mendengar* dan *menimbangkan rayuan-rayuan* terhadap keputusan atau perintah Mahkamah Tinggi bagi kes-kes sivil dan jenayah. Fungsi ini merupakan sebahagian besar daripada kerja Mahkamah Agung. Bagi kes-kes yang dikemukakan, jumlah atau nilai perkara yang terlibat mestilah tidak kurang daripada seratus ribu ringgit (kecuali dengan izin Mahkamah Agung atau seorang Hakim Mahkamah Tinggi). Bagi kes-kes jenayah, satu rayuan boleh dibuat terhadap pembebasan, atau sabitan berdasarkan persoalan undang-undang, atau fakta, atau terhadap hukuman; dan
- (iv) Bidang kuasa *memutuskan persoalan-persoalan perlombagaan* yang dirujukkan kepadanya oleh Mahkamah Tinggi atau Yang di-Pertuan Agong.<sup>5</sup>

### Mahkamah Tinggi

Di Malaysia terdapat dua Mahkamah Tinggi iaitu Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Borneo.<sup>6</sup> Tiap-tiap Mahkamah Tinggi hendaklah terdiri daripada seorang Hakim Besar (*Chief Justice*) dan tidak kurang daripada empat orang hakim yang lain. Kecuali bagi beberapa jenis jenayah berat, perbicaraan di Mahkamah Tinggi dijalankan oleh seorang hakim. Di Semenanjung Malaysia, orang yang dituduh dengan kesalahan membunuh dibicarakan oleh seorang hakim dan juri manakala di Sabah dan Sarawak oleh seorang hakim yang dibantu oleh pengapit-pengapit.

### Bidang Kuasa

Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa seperti berikut:

- (i) *Bidang kuasa asal (original jurisdiction)* yang tidak terhad bagi kes-kes sivil dan jenayah. Dari segi amalan , hanya kes-kes yang berada di luar bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Rendah dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Seseorang tidak boleh dibicarakan di Mahkamah Tinggi melainkan dia telah melalui pembicaraan selepas penyiasatan permulaan di Mahkamah Majistret. Peraturan ini tidak terpakai bagi kes-kes yang telah dipindahkan dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi serta kes-kes keselamatan atau kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya , 1952;
- (ii) Bidang kuasa untuk *mendengar dan menimbangkan rayuan-rayuan* terhadap keputusan Mahkamah-mahkamah Rendah bagi kes-kes sivil dan jenayah. Bagi kes-kes sivil yang dikemukakan, jumlah wang atau nilai perkara yang menjadi persoalan mestilah melebihi lima ratus ringgit (kecuali bagi perbicaraan mengenai nafkah isteri dan anak). Bagi kes-kes jenayah, rayuan tidak boleh dibuat bagi kesalahan yang hukumannya adalah denda yang tidak melebihi dua puluh lima ringgit;
- (iii) Bidang kuasa *menyemak keputusan Mahkamah-mahkamah Rendah* dalam kes-kes sivil dan jenayah. Ini adalah perlu untuk memastikan keesahan keputusan atau perjalanan pembicaraan sesebuah Mahkamah Rendah; dan
- (iv) Kuasa untuk *menasihati* Mahkamah-mahkamah Rendah mengenai soal-soal perlembagaan yang timbul dalam sebarang prosiding mahkamah-mahkamah tersebut.<sup>7</sup>

### Mahkamah Sesyen

Mahkamah Sesyen merupakan *mahkamah rendah* yang paling tinggi. Ia terletak di bawah jagaan Hakim Mahkamah Sesyen (dahulunya Yang Dipertua) dan mempunyai *bidang kuasa asal* dalam kes-kes sivil dan jenayah. Umumnya, Mahkamah Sesyen boleh membicarakan semua kesalahan selain dari kesalahan yang boleh dihukum mati.<sup>8</sup> Ia boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang

selain dari hukuman mati. Mahkamah Sesyen boleh juga *menjalankan siasatan permulaan* bagi kes-kes yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi.

Bagi kes-kes sivil, Mahkamah Sesyen (mulai 1 Ogos, 1987) mempunyai bidang kuasa apabila jumlah nilai yang dituntut tidak melebihi \$100,000.00.<sup>9</sup> Ia mempunyai bidang kuasa untuk *mendengar dan memutuskan sebarang tindakan atau tuntutan* untuk mendapat semula harta tak alih (*immovable property*) sekiranya wang dituntut tidak melebihi \$96,000.00 atau sewa yang sepatutnya dibayar bagi premis berkenaan tidak melebihi \$96,000.00 setahun atau \$8,000.00 sebulan. Mahkamah Sesyen juga mempunyai bidang kuasa untuk *mengeluarkan writ atau waran menahan harta* untuk mendapatkan sewa sekiranya yang dituntut itu tidak melebihi \$96,000.00.

Hakim Mahkamah Sesyen mempunyai *kuasa penyeliaan*. Beliau boleh meminta dan memeriksa rekod sesuatu perbicaraan sivil di hadapan mana-mana Mahkamah Majistret atau Penghulu untuk memastikan keesahan keputusan atau perjalanan perbicaraan berkenaan.

### Mahkamah Majistret

Mahkamah Majistret mempunyai bidang kuasa *membicarakan kes-kes sivil dan jenayah yang kecil serta mengeluarkan saman dan waran*. Bidang kuasa mahkamah ini bergantung sama ada ia disidangi oleh Majistret Kelas Pertama atau Majistret Kelas Kedua.

Bidang kuasa sivil Majistret Kelas Pertama ialah membicarakan kes-kes di mana jumlah atau nilai perkara yang dipertikaikan tidak melebihi \$25,000.00.<sup>10</sup> Ia mempunyai bidang kuasa untuk *mendengar dan memutuskan sebarang tindakan atau tuntutan* untuk mendapatkan semula harta tak alih sekiranya wang yang dituntut tidak melebihi \$24,000.00 atau sewa yang sepatutnya dibayar bagi premis berkenaan tidak melebihi \$24,000.00 setahun atau \$2,000.00 sebulan. Majistret Kelas Pertama juga mempunyai bidang kuasa untuk *mengeluarkan writ atau waran menahan harta* untuk mendapatkan sewa sekiranya sewa yang dituntut tidak melebihi \$24,000.00.

Majistret Kelas Kedua hanya mempunyai bidang kuasa membicarakan kes-kes sivil yang membabitkan tuntutan tidak melebihi \$3,000.00.<sup>11</sup> *baru 1910 h 5000*

Bidang kuasa jenayah Majistret Kelas Pertama ialah membicarakan kesalahan-kesalahan yang hukumannya tidak melebihi 10 tahun penjara atau yang hanya dapat dihukum dengan denda sahaja serta kesalahan-

kesalahan di bawah Seksyen 392 dan 457 Kanun Keseksaan. Majistret Kelas Pertama juga boleh *menyelenggarakan siasatan permulaan* atas tuduhan-tuduhan yang berat. Denda maksimum yang boleh dikenakan oleh Majistret Kelas Pertama pada umumnya ialah \$10,000.00.

Majistret Kelas Kedua pula boleh membicarakan kesalahan-kesalahan yang hukumannya tidak melebihi enam bulan penjara atau yang hanya dapat dihukum dengan denda sahaja.

### **Mahkamah Penghulu**

Mahkamah Penghulu yang hanya wujud di Semenanjung Malaysia merupakan *mahkamah awam* yang paling rendah. Ia disidangi oleh Penghulu yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi sesuatu mukim.

Penghulu berkuasa untuk membicarakan *kes-kes sivil* di mana jumlah atau nilai perkara yang dituntut tidak melebihi \$50.00. Beliau juga mempunyai kuasa untuk membicarakan *kes-kes jenayah* yang dinyatakan dalam surat kuasanya dan denda maksimum yang boleh dikenakan ialah \$25.00.<sup>12</sup>

Penghulu hanya boleh membicarakan orang-orang berbangsa Asia sahaja. Dalam kes-kes jenayah, seseorang yang dituduh boleh memilih untuk dibicarakan oleh Mahkamah Majistret. Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Penghulu boleh dibuat kepada Majistret Kelas Pertama.

### **Mahkamah-mahkamah Khas**

#### **• Mahkamah Juvenil**

Mahkamah Juvenil ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah Juvenil 1974 (Disemak 1972). Pada masa ini Akta tersebut hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Mahkamah Juvenil mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan *pesalah* budak-budak yang berumur *di bawah 18 tahun*. Ia terdiri daripada seorang Majistret Kelas Pertama yang memutuskan sama ada seseorang itu bersalah atau tidak. Beliau dibantu oleh dua orang pengapit (bukan ahli undang-undang) yang menasihatinya mengenai hukuman.<sup>13</sup>

Mahkamah Juvenil tidak terbuka kepada orang ramai. Jika didapati bersalah, seseorang budak itu tidak disabitkan ataupun dihantar ke penjara, tetapi biasanya dia dihantar ke sekolah pemulihan akhlak sehingga mencapai umur 21 tahun. Di sekolah ini dia diberi pendidikan dan latihan

yang sesuai untuk membolehkannya mendapat pekerjaan bila keluar nanti.

### ● Mahkamah Syariah

Setiap negeri di Malaysia mempunyai Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di bawah Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam masing-masing. Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa dalam *kes-kes sivil* dan *jenayah* (Sila lihat Bab 7 bagi keterangan lanjut). Baru-baru ini, Kerajaan telah bersetuju pada prinsipnya untuk meningkatkan taraf Mahkamah Syariah menjadi Mahkamah Majistret.

### ● Mahkamah Bumiputera

Undang-undang Adat di Sabah dan Sarawak ditadbirkan oleh Mahkamah Bumiputera yang ditubuhkan di bawah Ordinan Mahkamah Bumiputera. Mahkamah Bumiputera mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes yang timbul daripada *kesalahan melanggar undang-undang adat* dan pihak-pihak yang terlibat adalah *bumiputera*. Ia juga mempunyai bidang kuasa terhad untuk membicarakan kes-kes yang timbul akibat melanggar undang-undang adat bumiputera mengenai agama, perkahwinan, atau perkara seks dan salah seorang daripada pihak-pihak yang terlibat ialah bumiputera. Di Sarawak, Mahkamah Bumiputera mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes (tidak termasuk tanah) di mana nilai perkara yang berkaitan tidak melebihi \$50.00 dan kesemua pihak adalah tertakluk kepada undang-undang diri bumiputera yang sama.<sup>14</sup>

Rajah 19 menggambarkan hierarki Mahkamah Bumiputera di Sarawak. Terdapat tiga buah mahkamah yang melaksanakan bidang kuasa asal iaitu: (a) Mahkamah Ketua Kampung; (b) Mahkamah Pegawai atau Ketua Bumiputera; dan (c) Mahkamah Daerah Bumiputera. Mahkamah Ketua Kampung terdiri daripada seorang Ketua Kampung dan dua orang pengapit. Ia berkuasa mengenakan denda yang tidak melebihi \$50.00. Mahkamah Pegawai atau Ketua Bumiputera terdiri daripada Pegawai atau Ketua Bumiputera dengan dua orang pengapit. Ia berkuasa menjatuhkan hukuman penjara tidak melebihi enam bulan dan denda tidak melebihi \$100.00. Mahkamah Daerah Bumiputera terdiri daripada Majistret Kelas Pertama, seorang Pegawai Bumiputera dan dua orang pengapit. Ia boleh menjatuhkan hukuman penjara tidak melebihi dua



Rajah 19: Hierarki Mahkamah Bumiputera di Sarawak

tahun dan denda tidak melebihi \$200.00.<sup>15</sup>


Pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan mana-mana Mahkamah Bumiputera boleh merayu kepada mahkamah yang tertinggi daripadanya. Mahkamah Bumiputera Residen dan Mahkamah Rayuan Bumiputera hanya mengendalikan bidang kuasa rayuan. Mahkamah Bumiputera Residen terdiri daripada seorang Residen, berserta dengan Pegawai atau Ketua Bumiputera dan dua orang pengapit. Mahkamah Rayuan Bumiputera boleh mengandungi tiga, lima atau tujuh orang ahli termasuk ketuanya, iaitu seorang Hakim.

Rajah 20 pula menggambarkan hierarki Mahkamah Bumiputera di Sabah. Bidang kuasa asal dilaksanakan oleh Mahkamah Bumiputera yang terdiri daripada Ketua Bumiputera bagi wilayah yang berkenaan dan pemimpin (*headman*) yang mempunyai kuasa untuk menghukum. Ia harus mengandungi dua atau lebih orang ahli. Rayuan dari Mahkamah Bumiputera dibawa ke Mahkamah Pegawai Daerah yang diadili oleh Pegawai Daerah. Rayuan dari Mahkamah Pegawai Daerah pula dibawa ke Mahkamah Rayuan Bumiputera. Mahkamah ini diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi.<sup>16</sup>

### Mahkamah Tentera

Mahkamah Tentera mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan sesiapa juu yang tertakluk kepada *undang-undang perkhidmatan angkatan tentera* dan telah melakukan sebarang kesalahan yang boleh dibicarakan olehnya. Penubuhan, bidang kuasa dan acara Mahkamah Tentera diperuntukkan oleh Akta Angkatan Tentera 1972.

Mahkamah Tentera hendaklah terdiri daripada seorang Yang Dipertua dan tidak kurang daripada dua orang pegawai lain. Umumnya, perbicaraan dalam Mahkamah Tentera banyak menyerupai perbicaraan di mahkamah-mahkamah awam.



Rajah 20: Hierarki Mahkamah Bumiputera di Sabah

**RINGKASAN**

1. Fungsi-fungsi badan kehakiman ialah: (a) mentadbir keadilan secara saksama; (b) mempunyai kewajipan untuk membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan; (c) memelihara hak-hak warganegara; dan (d) mentafsirkan sesuatu undang-undang.
2. Kuasa kehakiman di Malaysia terletak pada Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi di Malaya, Mahkamah Tinggi di Borneo serta Mahkamah-mahkamah Rendah.
3. Ketua kehakiman ialah Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung.
4. Hakim-hakim bagi Mahkamah Agung dan Mahkamah-mahkamah Tinggi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.
5. Bagi menjamin kebebasan kehakiman, hakim-hakim tidak memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Seseorang hakim hanya boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor satu tribunal yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang hakim atau bekas hakim.
6. Dari segi hierarki, terdapat dua kategori mahkamah di Malaysia iaitu Mahkamah-mahkamah Atasan dan Mahkamah-mahkamah Rendah.
7. Mahkamah-mahkamah Atasan terdiri daripada Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Borneo.
8. Mahkamah-mahkamah Rendah terdiri daripada Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret Kelas Pertama dan Kedua dan Mahkamah Penghulu.
9. Mahkamah Agung mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk menentukan keesahan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan Negeri.
10. Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa yang tidak terhad bagi kes-kes sivil dan jenayah. Ia juga mempunyai kuasa untuk menimbangkan rayuan-rayuan terhadap keputusan Mahkamah-mahkamah Rendah bagi kes-kes sivil dan jenayah.

11. Mahkamah Sesyen merupakan mahkamah rendah yang paling tinggi. Umumnya, ia boleh membicarakan semua kesalahan selain dari kesalahan yang boleh dihukum mati dan kes-kes sivil di mana jumlah nilai yang dituntut tidak melebihi \$100,000.00.
12. Mahkamah Majistret disidangi oleh Majistret Kelas Pertama atau Majistret Kelas Kedua. Ia mempunyai bidang kuasa membicarakan kes-kes sivil dan jenayah yang kecil.
13. Bidang kuasa sivil Majistret Kelas Pertama ialah membicarakan kes-kes di mana jumlah atau nilai perkara yang dipertikaikan tidak melebihi \$25,000.00.
14. Majistret Kelas Kedua pula hanya mempunyai bidang kuasa membicarakan kes-kes sivil yang membabitkan tuntutan tidak melebihi \$3,000.00.
15. Mahkamah Penghulu merupakan mahkamah awam yang paling rendah. Penghulu berkuasa membicarakan kes-kes sivil di mana jumlah yang dituntut tidak melebihi \$50.00. Bagi kes-kes jenayah, denda maksimum yang boleh dikenakan ialah \$25.00.
16. Mahkamah-mahkamah yang mempunyai bidang kuasa khas di Malaysia ialah: (a) Mahkamah Juvenil; (b) Mahkamah Syariah; (c) Mahkamah Bumiputera; dan (d) Mahkamah Tentera.
17. Mahkamah Juvenil mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan pesalah budak-budak yang berumur di bawah 18 tahun.
18. Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mentadbir undang-undang Islam.
19. Mahkamah Bumiputera yang terdapat di Sabah dan Sarawak mempunyai bidang kuasa untuk mentadbirkan undang-undang adat.
20. Mahkamah Tentera berkuasa membicarakan sesiapa jua yang tertakluk kepada undang-undang perkhidmatan angkatan tentera dan telah melakukan sebarang kesalahan yang boleh dibicarakan olehnya.

**NOTA KAKI**

1. Kes-kes sivil merangkumi tindakan undang-undang yang diambil oleh seseorang individu (plaintif) untuk mendakwa orang lain (defendant) yang telah melanggar hak-haknya. Contoh-contoh ialah pencerobohan (trespass), kegagalan membayar balik hutang atau menepati janji, fitnah, kecuaian dan tuntutan pampasan.
2. Kes-kes jenayah melibatkan orang perseorangan yang telah melakukan kesalahan terhadap masyarakat atau melanggar undang-undang negara. Contoh-contoh ialah pembunuhan, pencurian, penderhakaan dan kesalahan-kesalahan seks.
3. *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 122B (1).
4. Ibid. Perkara 125 (3) dan 125 (4).
5. Lihat Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, m.s. 276-280.
6. *Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 121 (1).
7. Lihat Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, op. cit., m.s. 270-276.
8. Wu Min Aun, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, m.s. 135.
9. Selangor and Federal Territory Bar Committee, Pekeliling No: 15/87, m.s. 1.
10. Ibid., Pekeliling No: 16/87, m.s. 1.
11. Ibid., Pekeliling No: 17/87, m.s. 2.
12. Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, op. cit., m.s. 281.
13. Ibid. m.s. 331.

14. Wu Min Aun, op. cit., m.s. 138.
15. Ibid.
16. Lihat Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, op. cit., m.s. 50-51.
17. Ibid., m.s. 331.

### **CADANGAN BACAAN TAMBAHAN**

Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987.

Wu Min Aun, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986.

### **SOALAN-SOALAN OBJEKTIF**

1. Fungsi terpenting badan kehakiman ialah untuk
  - A. mengadili kes-kes sivil
  - B. mengadili kes-kes jenayah
  - C. menguatkuasakan undang-undang
  - D. mentadbir keadilan secara saksama
  - E. membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan
2. Ketua Kehakiman di Malaysia ialah
  - A. ✓Ketua Hakim Negara
  - B. Yang di-Pertuan Agong
  - C. Ketua Pendaftar
  - D. Peguamcara Negara
  - E. Hakim Besar Negara
3. Mahkamah-mahkamah Atasan terdiri daripada
  - I. Mahkamah Agung ✓
  - II. Mahkamah Tinggi di Malaya ✓

- III. ✓ Mahkamah Tinggi di Borneo  
 IV. Mahkamah Sesyen  
 V. Mahkamah Persekutuan
- A. ✓ I, II dan III  
 B. I, II, III dan V  
 C. I saja ✓  
 D. I dan V ✓  
 E. II, III dan V
4. Semua pernyataan berikut mengenai Mahkamah Agung adalah benar kecuali
- A. Kes-kes Mahkamah Agung lazimnya dibicarakan oleh dua orang hakim ✓  
 B. Mahkamah Agung mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk menentukan keesahan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan Negeri  
 C. Mahkamah Agung mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk memutuskan sebarang pertikaian di antara Negeri-negeri atau antara Persekutuan dengan Negeri-negeri  
 D. Mahkamah Agung mempunyai bidang kuasa untuk menimbangkan rayuan-rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bagi kes-kes sivil dan jenayah  
 E. Mahkamah Agung mempunyai bidang kuasa memutuskan persoalan-persoalan Perlembagaan yang dirujukkan kepadanya oleh Mahkamah Tinggi atau Yang di-Pertuan Agong
- |   |
|---|
| (i) Mempunyai bidang kuasa menyemak keputusan Mahkamah-mahkamah Rendah dalam kes-kes sivil dan jenayah. |
| (ii) Mempunyai bidang kuasa asal yang tidak terhad bagi kes-kes sivil dan jenayah.                      |
| (iii) Mempunyai bidang kuasa menimbangkan rayuan-rayuan terhadap keputusan Mahkamah-mahkamah Rendah.    |
5. Mahkamah yang berkaitan dengan bidang kuasa di atas ialah
- A. Mahkamah Agung  
 B. Mahkamah Tinggi  
 C. Mahkamah Persekutuan

- D. Mahkamah Sesyen
  - E. Mahkamah Majistret
6. Bagi kes-kes sivil, Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa apabila jumlah nilai yang dituntut tidak melebihi
- A. \$100,000.00
  - B. \$ 50,000.00
  - C. \$ 75,000.00
  - D. \$ 25,000.00
  - E. \$150,000.00
7. Yang manakah di antara yang berikut yang merupakan bidang kuasa Mahkamah Majistret Kelas Pertama?
- I. Membicarakan kes-kes sivil yang jumlah atau nilai perkara dipertikaikan tidak melebihi \$25,000.00
  - II. Membicarakan kes-kes sivil yang jumlah atau nilai perkara dipertikaikan tidak melebihi \$50,000.00
  - III. Membicarakan kes-kes jenayah yang hukumannya tidak melebihi 10 tahun penjara
  - IV. Membicarakan kes-kes jenayah yang hukumannya tidak melebihi 5 tahun penjara
  - V. Membicarakan pesalah budak-budak yang berumur di bawah 18 tahun
- A. I dan III
  - B. II dan IV
  - C. I dan IV
  - D. I, III dan V
  - E. II, IV dan V
8. Mahkamah rendah yang paling tinggi ialah
- A. Mahkamah Tinggi
  - B. Mahkamah Sesyen
  - C. Mahkamah Majistret Kelas Pertama
  - D. Mahkamah Majistret Kelas Kedua
  - E. Mahkamah Persekutuan
9. Denda maksimum yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Penghulu bagi kes-kes jenayah ialah
- A. \$25.00
  - B. \$30.00

- C. \$40.00
  - D. \$45.00
  - E. \$50.00
10. Pesalah budak-budak yang berumur di bawah 18 tahun boleh dibicarakan oleh
- A. Mahkamah Juvenil
  - B. Mahkamah Budak-budak
  - C. Mahkamah Penghulu
  - D. Mahkamah Majistret Kelas Kedua
  - E. Mahkamah Sesyen
11. Undang-undang Adat di Sabah dan Sarawak ditadbirkan oleh
- A. Mahkamah Syariah
  - B. Mahkamah Adat
  - C. Mahkamah Bumiputera
  - D. Mahkamah Penghulu
  - E. Mahkamah Adat Suku
12. Denda maksimum yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Majistret Kelas Kedua bagi kes-kes jenayah ialah
- A. \$1,000.00
  - B. \$7,000.00
  - C. \$10,000.00
  - D. \$20,000.00
  - E. \$25,000.00

### **SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kebebasan kehakiman?
2. Nyatakan fungsi-fungsi utama badan kehakiman.
3. Apakah yang diertikan dengan kes sivil dan kes jenayah? Berikan contoh.
4. Bandingkan bidang kuasa Mahkamah Agung dengan bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

5. Bandingkan bidang kuasa Mahkamah Sesyen dengan bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Majistret dan Penghulu.
6. Bincangkan hierarki mahkamah-mahkamah awam.
7. Huraikan bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Juvenil, Tentera dan Bumiputera.

### **GERAKERJA**

1. "Kebajikan rakyat sesebuah negara amat bergantung kepada sistem kehakiman yang adil dan saksama." Bincangkan pernyataan ini.
2. Dapatkan ertian istilah undang-undang berikut:
  - (i) habeas corpus
  - (ii) writ
  - (iii) affidavit
  - (iv) ex parte
  - (v) ultra vires
  - (vi) bona fide
  - (vii) locus standi
  - (viii) mutatis mutandis
  - (ix) alibi
  - (x) prima facie

---

**Pengetahuan Am**

**BAB****10**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	konsep-konsep perpaduan, integrasi dan asimilasi.
<b>Mengenalpasti</b>	faktor-faktor sejarah yang telah menyulitkan proses pencapaian perpaduan.
<b>Membandingkan</b>	proses pencapaian perpaduan melalui integrasi dengan asimilasi.
<b>Membandingkan</b>	matlamat dan prinsip-prinsip Rukunegara.
<b>Menghuralkan</b>	usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk perpaduan nasional seperti Dasar Ekonomi Baru, Rukunegara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

## PERPADUAN NEGARA

*Malaysia bukan hak milik mana-mana satu kaum, tetapi hak milik bersama semua kaum dan semua warganegara Malaysia.*

- Chew Hock Thye

Perpaduan nasional merupakan teras pembentukan sebuah negara Malaysia yang teguh, bersatu padu, stabil, adil dan progresif. Perpaduan juga amat penting bagi menjamin keutuhan dan keselamatan negara dalam jangka panjang. Tanpa perpaduan, negara kita akan terdedah kepada ancaman rusuhan kaum seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969 dan pencerobohan daripada luar. Justeru itu, adalah amat penting bagi setiap rakyat Malaysia untuk mengamalkan sikap bertolak ansur, harmoni dan saling memahami serta menanamkan rasa cinta dan taat setia terhadap negara. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Kebelakangan ini, isu polarisasi kaum telah mendapat perhatian umum akibat eksplorasi isu-isu perkauman oleh pihak-pihak tertentu. Kita, sebagai rakyat Malaysia, harus sama-sama membantu serta menyokong usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk memupuk perpaduan.

### Konsep Perpaduan

Perpaduan boleh dertiakan sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk *satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanahair*. Perpaduan boleh dicapai melalui dua cara utama, iaitu *integrasi* dan *asimilasi*.

Integrasi merupakan "satu proses bagi mewujudkan *satu identiti nasional* di kalangan kumpulan-kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik."<sup>1</sup> Terdapat beberapa unsur integrasi yang terdiri daripada:

- (i) Integrasi *Wilayah* yang bertujuan mengurangkan jurang perbezaan pembangunan ekonomi dan sosial di antara wilayah-wilayah yang maju dengan yang mundur;
- (ii) Integrasi *Ekonomi* yang boleh dertiakan sebagai usaha-usaha untuk

- mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di antara kumpulan-kumpulan etnik;
- (iii) Integrasi *Kebudayaan* melibatkan usaha membentuk satu kebudayaan kebangsaan;
  - (iv) Integrasi *Sosial* merangkumi usaha-usaha menyatupadukan rakyat melalui program-program sosial seperti sukan, pendidikan, perumahan dan kesihatan;
  - (v) Integrasi *Pendidikan* bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pendidikan yang bercorak kebangsaan dan sempurna dari segi intelek, jasmani dan rohani; dan
  - (vi) Integrasi *Politik* yang merangkumi usaha-usaha menyatukan rakyat melalui kerjasama dan pembahagian kuasa politik.

Asimilasi pula merupakan satu proses dalam mana kumpulan-kumpulan minoriti diasimilasikan (melalui perkahwinan campur dan sebagainya) ke dalam kumpulan etnik yang lebih besar. Menurut Vander Zanden, asimilasi adalah satu proses dalam mana kelompok-kelompok yang berfikir, berperasaan dan bertindak secara berlainan, menjadi satu dalam *kesatuan sosial* serta *budaya yang sama*.<sup>2</sup> Dalam konteks negara kita, asimilasi mutlak sukar dicapai merandangkan perbezaan agama merupakan halangan besar bagi perkahwinan campur dan terdapat keperibadian etnik yang kuat.

### Masalah Perpaduan

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh Kerajaan Malaysia ialah untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum, agama, bahasa, adat resam dan nilai hidup. Seperti dinyatakan oleh Chew Hock Thye, masalah perpaduan masyarakat majmuk Malaysia adalah bersifat *multidimensi (multidimensional)*.<sup>3</sup> Masalah perpaduan kita adalah disebabkan oleh faktor-faktor *politik* dan *ekonomi* serta perbezaan-perbezaan dalam *budaya* dan institusi masyarakat kumpulan-kumpulan etnik yang utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Dewasa ini, masalah polarisasi kaum semakin menular di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi. Pergaulan dan pemilihan teman lebih bertumpu kepada kumpulan etnik yang serupa. Terdapat beberapa faktor sejarah yang telah menyulitkan proses pencapaian perpaduan di Malaysia.<sup>4</sup>

#### ● Perbezaan Agama dan Kebudayaan

Setiap kumpulan etnik mempunyai agama dan kebudayaan yang ber-

lainan. Islam merupakan agama orang Melayu, agama Hindu dianuti oleh bilangan majoriti orang India manakala kebanyakannya orang Cina menganut agama yang merupakan campuran ajaran Buddha, Lao-tze dan Confucius. Terdapat juga ramai orang Cina dan India yang beragama Kristian. Orang Melayu mengamalkan sistem hidup yang berteraskan kebudayaan tradisi mereka manakala orang Cina dan India menganut nilai-nilai kebudayaan yang dibawa bersama dari negeri asal.

Setiap kumpulan etnik adalah jahil mengenai kebudayaan dan adat resam kumpulan-kumpulan etnik yang lain. Malahan masing-masing menganggap kebudayaan mereka sebagai yang terbaik. Perkahwinan campur adalah terhad. Perbezaan agama dan kebudayaan ini bukan saja menguatkan lagi sikap prasangka tetapi juga menghalang pergaulan antara kaum yang luas.

#### ● Dasar Memecah dan Memerintah British

Dasar memecah dan memerintah (*divide and rule*) British telah memburukkan lagi masalah perpaduan. Jarak sosial serta segregasi antara kumpulan-kumpulan etnik seolah-olah sengaja diwujudkan dan dikekalkan oleh British demi kepentingan dan keselamatan sendiri.<sup>5</sup> Tujuan British yang utama ialah untuk mengeksploitasi kekayaan semula jadi Tanah Melayu; perpaduan negara tidak pernah dititikberatkan. Bagi mencapai tujuan ini, Kerajaan British telah dengan sengaja menetapkan status dan peranan yang berlainan bagi kaum-kaum Melayu, Cina dan India. Sebagai contoh, golongan bangsawan Melayu diberikan jawatan yang lumayan dalam perkhidmatan awam, sementara orang Melayu kebanyakannya digalakkan supaya terus menetap di kawasan luar bandar. Orang Cina pula digalakkan tinggal di lombong-lombong dan di bandar-bandar manakala orang India di estet-estet. Interaksi antara kaum adalah terhad kepada pergaulan di pejabat dan pasar semasa jual-beli. Ini telah melahirkan sikap prasangka dan memperkuuhkan keperibadian etnik.

#### ● Sistem Pendidikan yang Berasingan

Sehingga Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Laporan Razak), tiada terdapat satu sistem pendidikan nasional di Tanah Melayu. Yang wujud ialah empat aliran pendidikan yang berlainan, iaitu Melayu, Cina, India dan Inggeris. Setiap golongan etnik umumnya menghantar anak-anak ke

sekolah rendah yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Murid-murid (kecuali di sekolah Inggeris) tidak berpeluang bercampur-gaul dengan murid dari kumpulan etnik lain. Kurikulum bagi setiap jenis sekolah tersebut adalah berlainan. Sekolah Melayu menitikberatkan kemahiran membaca, menulis dan mengira manakala kurikulum sekolah Cina dan India adalah berasaskan apa yang terdapat di negeri China dan India. Malahan buku-buku teks dan guru-guru dibawa dari negeri China dan India. Ini telah menghasilkan pandangan dunia yang berlainan serta memperkuatkukuhkan lagi keperibadian etnik di kalangan pelajar Cina dan India.

Tiada terdapat satu bahasa pengantar yang tunggal dalam sistem sekolah beraneka bahasa. Sekolah-sekolah Inggeris, Melayu, Cina dan India menggunakan bahasa tersendiri sebagai bahasa pengantar. Ketiadaan satu bahasa pengantar yang tunggal (sehingga tahun 1970) telah menjadikan persefahaman dan perhubungan yang erat antara kaum. Malahan, sistem pendidikan sebelum merdeka tidak menitikberatkan pencapaian objektif perpaduan. Kerajaan British tidak berusaha untuk memperkenalkan satu kurikulum yang dapat membentuk keperibadian dan perwatakan murid yang diingini bagi memupuk perpaduan.

#### ● Aktiviti Ekonomi yang Berlainan

Orang-orang Melayu, Cina dan India menjalankan aktiviti ekonomi yang berlainan. Kebanyakan orang Melayu di luar bandar merupakan petani, nelayan atau penoreh getah. Sebilangan besar pemuda-pemuda Melayu yang berhijrah ke bandar dalam tahun 1970-an pula memegang jawatan-jawatan yang bergaji rendah atau yang tidak memerlukan kemahiran. Kebanyakan orang Cina terlibat dalam sektor perniagaan dan perlombongan manakala sebilangan besar orang India merupakan buruh di estet-estet. Akibat daripada kegiatan ekonomi yang berlainan ini, wujud jurang pendapatan yang tidak seimbang di antara kaum, dengan majoriti golongan miskin terdiri daripada kaum Melayu. Ini telah menimbulkan persaingan ekonomi dan ketidakpuasan di kalangan kumpulan etnik tertentu yang boleh mengancam perpaduan negara.

#### ● Persatuan-persatuan Etnik

Kewujudan berbagai-bagai persatuan politik, sosial dan ekonomi yang

berasaskan kumpulan etnik telah juga memperkuatkan lagi identiti etnik dan syak wasangka. Ini adalah kerana persatuan-persatuan tersebut hanya memperjuangkan kepentingan kumpulan etnik yang diwakilinya. Parti-parti politik perkauman seringkali mengeksplorasi perbezaan-perbezaan yang wujud di kalangan kumpulan-kumpulan etnik atau isu-isu perkauman seperti bahasa, kebudayaan dan ekonomi bagi memajukan kepentingan politik masing-masing. Tindakan sedemikian memburukkan lagi masalah perpaduan negara.

#### ● Pendudukan Jepun

Pendudukan Jepun 1942-45 telah mengakibatkan permusuhan antara orang Melayu dengan orang Cina. Layanan Jepun yang lebih baik terhadap orang Melayu telah mengakibatkan kemarahan di kalangan orang Cina. Jepun telah mengambil orang Melayu untuk menjadi askar dan polis. Sebahagian daripada pasukan Jepun yang menyerang Tentera Anti-Jepun Rakyat Melayu (pertubuhan komunis yang dikuasai oleh orang Cina) terdiri daripada orang Melayu. Ini telah mengukuhkan lagi permusuhan perkauman Melayu-Cina.

#### Usaha-usaha Kerajaan untuk Memupuk Perpaduan Nasional

Secara umum, dasar-dasar kerajaan mengenai perpaduan nasional adalah bersifat integrasi iaitu melalui *penyesuaian bersama* berbagai-bagi kebudayaan dan ciri-ciri sosial yang dapat diterima oleh semua kumpulan etnik dalam negara kita. Selain memupuk perpaduan antara kaum, Kerajaan juga menitikberatkan integrasi antara wilayah, terutamanya di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Di antara usaha-usaha yang telah diambil untuk memupuk perpaduan nasional ialah: (a) Rukunegara (ideologi kebangsaan); (b) Dasar Ekonomi Baru; (c) Dasar Pendidikan Kebangsaan; (d) Dasar Kebudayaan Kebangsaan; (e) Bahasa Kebangsaan (Bahasa Malaysia); (f) penubuhan Jabatan Perpaduan Negara; (g) Barisan Nasional; dan (h) integrasi antara wilayah.

Dalam bulan November 1987, Kerajaan telah mengumumkan bahawa ia sedang menggubalkan satu konsep perpaduan yang baru dan menyeluruh, iaitu *Konsep Padu*. Konsep Padu akan merangkumi Rukunegara, Perlembagaan Persekutuan dan beberapa dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pertanian Negara.<sup>6</sup>

### Rukunegara

Rukunegara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1971 merupakan *ideologi kebangsaan* negara kita. Ideologi kebangsaan adalah perlu bagi menimbulkan satu semangat dan identiti yang sama. Ia dapat mengerakkan perpaduan negara memandangkan rakyat akan mempunyai fikiran, perasaan dan nilai-nilai yang sama. Prinsip-prinsip Rukunegara kita ialah:

- » Kepercayaan kepada Tuhan;
- » Kesetiaan kepada Raja dan Negara;
- » Keluhuran Perlembagaan;
- » Kedaulatan Undang-undang; dan
- » Kesopanan dan kesusilaan.

Kelima-lima prinsip ini bertujuan untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu serta sebuah masyarakat Malaysia yang adil, demokratik, liberal dan progresif.

### Maksud Prinsip-prinsip Rukunegara

Maksud *prinsip pertama* ialah semua rakyat Malaysia mengakui bahawa kuasa Tuhan melebihi sebarang kuasa lain. Islam merupakan agama rasmi negara tetapi agama-agama lain boleh dianuti oleh rakyat. Umumnya, orang-orang yang berpegang teguh kepada ajaran agama akan mempunyai peribadi dan sifat-sifat yang baik seperti menolong orang yang susah tanpa mengira kaum.

*Prinsip kedua* menekankan bahawa Yang di-Pertuan Agong adalah lambang perpaduan negara kita. Rakyat mestilah taat setia kepada baginda dan negara. *Kesetiaan* adalah suatu semangat kebangsaan yang boleh menyatupadukan rakyat.

*Prinsip ketiga* menghendaki rakyat menghormati dan mematuhi *Perlembagaan* yang merupakan undang-undang tertinggi dalam negara. Perlembagaan melindungi hak rakyat serta menjamin kemakmuran dan perpaduan negara.

*Prinsip keempat* menegaskan bahawa *keadilan* dalam masyarakat dijamin oleh undang-undang. Setiap rakyat tidak kira kaum atau agama adalah sama rata di sisi undang-undang. Rakyat mesti menghormati dan mematuhi undang-undang negara.

*Prinsip kelima* bermakna bahawa rakyat Malaysia harus bertolak ansur, bertimbang rasa dan berkelakuan baik. Seseorang rakyat tidak boleh menyoal kesetiaan rakyat yang lain berdasarkan keturunan kaum. Pematuhan prinsip ini boleh membawa kepada perhubungan yang har-

moni dalam masyarakat kita.

### **Dasar Ekonomi Baru**

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1970 bertujuan membentulkan *ketidakseimbangan ekonomi* yang wujud di antara kaum dan wilayah (termasuk kawasan-kawasan di wilayah yang sama) bagi mencapai perpaduan negara. Dengan lain perkataan, DEB bertujuan memupuk perpaduan negara melalui *pengagihan pendapatan* dan *peluang-peluang ekonomi* yang saksama di kalangan semua rakyat Malaysia. DEB dilaksanakan menerusi strategi serampang dua mata, iaitu *pembasmian kemiskinan* tanpa mengira kaum dan *penyusunan semula masyarakat* untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

### **Strategi dan Program-program Pembasmian Kemiskinan**

Kebanyakan keluarga yang menerima pendapatan di bawah garis kemiskinan tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Matlamat kerajaan ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 16.7% pada tahun 1990. Strategi pembasmian kemiskinan dirangka melalui program-program yang dapat *meningkatkan daya pengeluaran* dan *pendapatan* golongan yang berpendapatan rendah serta menyediakan berbagai-bagai kemudahan asas untuk meninggikan mutu kehidupan golongan berkenaan di kawasan-kawasan luar bandar dan bandar.

Berbagai-bagai program pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan golongan petani; pekebun-pekebun kecil getah, kelapa sawit dan kelapa; nelayan dan pekerja estet. Bagi meningkatkan daya pengeluaran golongan petani, Kerajaan telah menyediakan *kemudahan-kemudahan infrastruktur* seperti parit dan talair untuk membolehkan penanaman padi dua kali setahun, *perkhidmatan pemasaran*, *penanaman semula* dengan benih berhasil tinggi serta *subsidi* dan *kredit*. Kadar kemiskinan di kalangan penanam padi telah berkurang daripada 80.3% pada tahun 1976 kepada 57% pada tahun 1984.<sup>7</sup>

Bagi meningkatkan lagi daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil getah, Kerajaan telah menyediakan bantuan *penanaman semula* seperti bantuan kredit sara hidup sebanyak \$60 - \$100 sebulan, *subsidi baja* dan

*racun rumput dan infrastruktur asas* seperti jalan-jalan pertanian, pembentung dan jambatan. Di samping itu, kredit dan subsidi disediakan untuk pembiakan ikan dan pemeliharaan ternakan bagi menambahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil. Kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah telah berkurangan daripada 58.2% pada tahun 1976 kepada 43.4% pada tahun 1984.<sup>8</sup> Bagi menambahkan pendapatan golongan nelayan, beberapa program yang berfaedah telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Kerajaan memberi subsidi kepada nelayan untuk membolehkan mereka memperolehi kelengkapan menangkap ikan yang lebih baik. Melalui *Skim Pemilikan Bot*, nelayan diberi peluang memiliki bot-bot yang lebih besar dan baik secara sewa-beli untuk menangkap ikan di laut dalam.

Bagi menghapuskan kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar, Kerajaan telah juga *membuka dan memajukan tanah-tanah baru* melalui agensi-agensi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA). Kerajaan berjaya membuka tanah seluas 551,000 hektar dan menempatkan tidak kurang daripada 73,600 buah keluarga dalam tempoh masa 1971 - 85.<sup>9</sup> Program ini telah memberi peluang kepada rakyat luar bandar menyertai aktiviti pertanian moden yang memberikan hasil yang lebih tinggi berbanding dengan kegiatan pertanian tradisional. Di antara strategi-strategi baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan kaum petani dan pekerja-pekerja luar bandar termasuklah pengenalan *pengurusan ala-estet* dan *koperatif*, penubuhan perusahaan-perusahaan pertukangan tangan dan pengumpulan semula kampung-kampung ke dalam pusat-pusat pertumbuhan baru (*new growth centres*).

Kerajaan juga menyediakan berbagai-bagai kemudahan asas bagi meninggikan mutu kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah di kawasan luar bandar dan bandar. Kemudahan-kemudahan *kesihatan* diperluaskan dengan bertambahnya pusat-pusat kesihatan dan pusat kesihatan kecil luar bandar, klinik bidan dan klinik desa. Program-program *bekalan air* dan *elektrik* telah juga diperluaskan. Kerajaan juga menyediakan kemudahan-kemudahan *perumahan* dan *pendidikan*. Kanak-kanak miskin diberi bbiasiswa dan bantuan buku teks serta makanan tambahan.

Bagi mengurangkan kemiskinan di kawasan-kawasan bandar, Kerajaan telah menambahkan *peluang-peluang pekerjaan* dalam sektor pembuatan, perdagangan dan perkhidmatan Kerajaan. Kerajaan telah juga membuka kawasan-kawasan *perindustrian* yang baru, *menempatkan semula setinggan-setinggan* dan *membina rumah-rumah kos rendah*.

### Penyusunan Semula Masyarakat

Penyusunan semula masyarakat bertujuan memperbaiki keadaan tidak seimbang yang wujud di antara kumpulan-kumpulan etnik utama dari segi tingkat pendapatan, corak gunatenaga dan pemilikan saham dalam sektor syarikat. Kerajaan juga ingin mewujudkan sebuah *Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera* menerusi penyertaan yang giat dalam bidang-bidang tersebut. Matlamat Kerajaan ialah supaya kaum bumiputera dapat memiliki dan mengurus sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah kegiatan perdagangan dan perindustrian dalam negara.

### Program-program Penyusunan Semula Masyarakat

Program-program yang dilaksanakan untuk menyusun semula masyarakat ialah peningkatan taraf hidup golongan miskin, penyusunan semula corak gunatenaga, penyusunan semula hakmilik sektor syarikat dan pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan bumiputera.

Kerajaan telah berusaha untuk meninggikan daya pengeluaran dan taraf kehidupan golongan miskin di luar bandar melalui *proses memodenkan kawasan-kawasan luar bandar*. Kerajaan telah juga memperluaskan perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti pelajaran, kesihatan dan jalan-jalan raya di kawasan-kawasan luar bandar. Mengikut nilai sebenar, pendapatan purata isi rumah Bumiputera telah meningkat sebanyak kira-kira 30% dalam tempoh 1979 - 84 berbanding dengan 20% bagi orang Cina dan 90% bagi orang India.<sup>10</sup> Kerajaan telah berusaha untuk *menyusun semula corak gunatenaga* dalam negara di semua peringkat dan kategori menerusi pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh supaya dapat mencerminkan susunan penduduk mengikut kaum menjelang tahun 1990. Untuk mencapai objektif tersebut, Kerajaan telah menambahkan *peluang-peluang pelajaran* di dalam dan luar negeri bagi penuntut-penuntut bumiputera. Bilangan bumiputera dalam kumpulan iktisas dan teknik telah meningkat daripada kira-kira 155,000 orang pada tahun 1980 kepada 194,000 pada tahun 1985.<sup>11</sup> Kerajaan telah berusaha *menyusun semula hakmilik sektor syarikat* secara ber-peringkat-peringkat supaya pada keseluruhannya rakyat Malaysia akan memiliki dan menguasai sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah modal saham dengan sekurang-kurangnya 30% dimiliki dan dikuasai oleh kaum bumiputera menjelang tahun 1990. Agensi-agensi Kerajaan dan perbadanan-perbadanan awam yang terlibat dalam usaha menam-

bahkan penyertaan modal kaum bumiputera ialah Permodalan Nasional Berhad (PNB), Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN-PKEN) dan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Bagi menggalakkan pemilikan modal saham syarikat secara langsung dengan lebih luas oleh kaum bumiputera, Kerajaan telah melancarkan *Skim Amanah Saham Nasional* (ASN) pada bulan April 1981. Hakmilik bumiputera dalam sektor syarikat telah meningkat daripada 4.3% pada tahun 1971 kepada 17.8% menjelang akhir tahun 1985. Dalam tempoh yang sama, hakmilik bukan bumiputera telah juga meningkat daripada 30.4% kepada 56.7%. Bahagian yang dimiliki oleh orang asing telah berkurangan daripada 61.7% pada tahun 1971 kepada 25.5% pada tahun 1985.<sup>12</sup>

Bagi membentuk sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, Kerajaan telah menyediakan *program-program latihan* menerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB); mengutamakan *pemberian kontrak* oleh agensi-agensi Kerajaan kepada kaum bumiputera dan menetapkan nisbah minimum bagi pinjaman kepada masyarakat bumiputera daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank.

Agensi-agensi Kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), MARA dan PKEN-PKEN telah juga memberi sumbangan kepada pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan bumiputera. MARA memberi *bantuan modal* dan *khidmat nasihat*. UDA membantu kaum bumiputera mendapatkan ruang niaga di tempat-tempat yang strategik di bandar-bandar.

### Dasar Pendidikan Kebangsaan

Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 adalah berasaskan kepada Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Selain dari memenuhi keperluan tenaga rakyat, Dasar Pendidikan Kebangsaan mempunyai matlamat melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Kurikulum yang dilaksanakan pada hari ini di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah mempunyai matlamat melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani dan yang akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran negara.

### Bagaimana Dasar Pendidikan Kebangsaan Dapat Memupuk Perpaduan Negara

Dasar Pendidikan Kebangsaan dapat melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu melalui penggunaan *kurikulum, bahasa pengantar dan sistem periksaan yang sama* serta kegiatan *ko-kurikulum*.

Sekolah merupakan ejen sosialisasi politik yang penting. Kurikulum yang sesuai dapat membentuk keperibadian dan perwatakan murid yang diingini bagi memupuk perpaduan. Kurikulum berorientasikan Malaysia yang sama telah diperkenalkan untuk semua sekolah tanpa mengira bahasa pengantar. Terdapat Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). KBSR telah dilaksanakan di semua sekolah mulai tahun 1983. KBSM pula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1988 dengan pengenalan empat mata pelajaran iaitu bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Cina. Mata-mata pelajaran lain akan diperkenalkan mulai tahun 1989.

Bagi kedua-dua kurikulum tersebut, unsur-unsur *Pendidikan Kewarganegaraan* telah diterapkan ke dalam semua mata pelajaran (terutamanya mata pelajaran Alam dan Manusia bagi peringkat sekolah rendah dan mata pelajaran Sejarah bagi sekolah menengah). Pendidikan Kewarganegaraan dapat memupuk semangat kebangsaan dan taat setia kepada negara di kalangan murid sekolah. Ia juga dapat membentuk sifat-sifat toleransi, persefahaman dan tolak ansur yang memang perlu bagi melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Terdapat juga mata pelajaran Pendidikan Moral bagi murid-murid bukan Islam dan Pendidikan Islam bagi murid-murid Islam. Mata-mata pelajaran ini dapat menanamkan nilai-nilai dan sikap hidup yang baik serta membentuk kelakuan yang bersopan santun dan hormat-menghormati di antara satu sama lain.

Penggunaan satu bahasa kebangsaan dapat mengeratkan perhubungan dan persefahaman antara kaum. Mulai tahun 1970, Bahasa Malaysia secara berperingkat-peringkat telah menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Semua sekolah aliran bahasa Cina dan Tamil diwajibkan mengajar Bahasa Malaysia. Mulai tahun 1983 semua kursus tahun pertama di peringkat universiti menggunakan Bahasa Malaysia.<sup>13</sup>

Kerajaan telah juga memperkenalkan peperiksaan yang sama bagi membentuk satu identiti Malaysia. Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran bagi murid Tingkatan 3 telah diperkenalkan pada tahun 1956. Kerajaan seterusnya memperkenalkan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi

murid Tingkatan 5 dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia bagi murid Tingkatan 6.

Kerajaan telah juga menggalakkan *kegiatan ko-kurikulum* dan *sukan* di sekolah yang dapat menyatupadukan murid berbilang kaum. Kegiatan ko-kurikulum seperti Pasukan Pengakap, Pasukan Pandu Puteri, Pasukan Bulan Sabit Merah dan Pasukan Kadet Polis dapat memupuk semangat kekitaan, toleransi dan perpaduan di kalangan murid. Kegiatan sukan seperti permainan bola sepak, bola jaring, hoki dan olahraga memberi peluang kepada murid-murid untuk bercampur gaul dan memupuk persefahaman serta perpaduan.

### **Dasar Kebudayaan Kebangsaan**

Pembentukan satu *kebudayaan kebangsaan* dapat memupuk perpaduan menerusi satu gaya hidup dan nilai-nilai yang dipersekutui dan dihayati bersama oleh semua kaum. Ia juga dapat mewujudkan satu identiti negara yang dapat dikenali oleh negara-negara luar. Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia telah menitikberatkan pembentukan secara beransur-ansur satu kebudayaan nasional yang merangkumi unsur-unsur yang baik daripada berbagai-bagai kebudayaan yang terdapat di negara kita dengan berteraskan kebudayaan asli tempatan.

Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 telah menetapkan tiga prinsip sebagai Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu:

- (i) Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini;
- (ii) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan; dan
- (iii) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.<sup>14</sup>

Baru-baru ini Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabaruddin Chik telah menegaskan bahawa unsur-unsur kebudayaan kaum-kaum bukan Melayu yang sesuai boleh diterima sebagai sebahagian daripada kebudayaan kebangsaan asalkan ia tidak bertentangan dengan Islam.<sup>15</sup> Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya semua kaum di Malaysia menganggap kebudayaan kebangsaan sebagai satu identiti nasional yang dapat membangkitkan emosi dan rasa kebanggaan terhadap negara.

Sekatak ini, Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk mewujudkan satu kebudayaan kebangsaan. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan seringkali menganjurkan seminar kebudayaan,

tarian dan kursus muzik. Ia juga menjalankan penyelidikan mengenai tarian-tarian dan permainan-permainan tradisional serta nilai-nilai dan norma-norma yang sama bagi kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza. Kementerian berkenaan juga menganjurkan berbagai-bagai kegiatan kebudayaan di peringkat persekutuan dan negeri yang melibatkan kumpulan etnik yang berlainan. Dalam bulan Disember 1987, Kerajaan mengumumkan pembentukan satu tarian kebangsaan yang dikenali sebagai Tarian Pesta Persaudaraan. Ia melambangkan identiti negara kita dan konsep-konsep persahabatan, keperwiraan, dan masyarakat yang teguh dan bersatu padu.

Usaha-usaha juga diambil melalui perkhidmatan media massa dan sistem pendidikan untuk memupuk perasaan saling menghormati amalan-amalan kebudayaan yang berlainan. Muzium Negara pula seringkali mengadakan pameran-pameran yang bertujuan menyebarluaskan pengetahuan dan melahirkan rasa bangga terhadap warisan sejarah dan kebudayaan rakyat Malaysia.

### Bahasa Kebangsaan

Pepatah-pepatah yang berbunyi "Bahasa jiwa bangsa" dan "Bahasa perpaduan bangsa" dengan jelas menunjukkan kepentingan bahasa dalam proses memupuk perpaduan antara kaum.<sup>16</sup> Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah menjadikan Bahasa Malaysia (dahulunya bahasa Melayu) sebagai bahasa kebangsaan negara kita. Mulai tahun 1970, Bahasa Malaysia secara berperingkat-peringkat telah menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Dewan Bahasa dan Pustaka adalah bertanggungjawab untuk memaju dan memperkayakan bahasa Malaysia kita. Bagi menggalakkan penggunaan bahasa Malaysia, Kerajaan baru-baru ini telah melancarkan "Gerakan Cintailah Bahasa Kita".

### Jabatan Perpaduan Negara

Jabatan Perpaduan Negara yang ditubuhkan pada tahun 1969 memainkan peranan yang penting dalam menyatupadukan rakyat Malaysia. Ia menganjurkan *kelas-kelas perpaduan* (kini dikenali sebagai Pusat Pendidikan Tidak Formal) di seluruh negara yang mengajar Bahasa Malaysia, adat resam, nilai-nilai keagamaan masyarakat Malaysia dan pelajaran sivik. Melalui Skim Rukun Tetangga, Jabatan

Perpaduan Negara menggalakkan kegiatan-kegiatan yang bercorak muhibah atau kejiranan seperti kempen kebersihan, pertandingan sukan, rondaan-rondaan keselamatan dan kelas kejiranan. Ia juga menganjurkan khemah kerja kejiranan bagi mengeratkan persefahaman di kalangan belia serta menanamkan sifat-sifat kewarganegaraan, toleransi dan semangat perpaduan. Akhir sekali, Jabatan Perpaduan Negara juga menganjurkan Taman Bimbingan Kanak-Kanak Perpaduan (TABIKA) yang bertujuan, di antara lain, memupuk perpaduan di kalangan kanak-kanak peringkat pra-sekolah.<sup>17</sup>

### **Barisan Nasional**

Kerjasama dan *persefahaman politik* adalah amat penting bagi menjamin kestabilan dan perpaduan negara. Dalam tahun 1955, UMNO, MCA dan MIC telah bergabung untuk membentuk Parti Perekatan. Sejak tahun tersebut, Perikatan telah menujuhkan kerajaan, mula-mulanya di Malaya dan kemudian di Malaysia. Mulai tahun 1971, Perikatan telah diperbesarkan untuk menggabungkan parti-parti politik lain di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan dikenali sebagai Barisan Nasional. Tidak dapat dinafikan bahawa Barisan Nasional telah menyumbang kepada perpaduan politik dan negara. Menenusi Barisan Nasional, masalah-masalah masyarakat dan negara dapat diselesaikan melalui cara rundingan, persefahaman dan tolak ansur.

### **Integrasi Antara Wilayah**

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan perpaduan di kalangan negeri-negeri. Negeri-negeri yang kurang maju seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diberi *peruntukan pembelanjaan pembangunan* yang lebih berbanding dengan negeri-negeri lain yang dianggap maju bagi tujuan merapatkan lagi jurang perbezaan ekonomi wilayah.

Kerajaan juga menitikberatkan *integrasi* di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak telah disatukan secara beransur-ansur ke dalam sistem pendidikan kebangsaan. Perhubungan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak diperkuatkan melalui perkhidmatan telekomunikasi, pengangkutan udara dan laut (Feri Malaysia) serta perkhidmatan pos yang lebih baik. Rangkaian radio dan televisyen di Sabah dan Sarawak telah

disatukan dengan rangkaian radio dan televisyen nasional.<sup>18</sup> Jabatan Perpaduan Negara seringkali menganjurkan lawatan-lawatan muhibah untuk membolehkan pemimpin-pemimpin masyarakat Sabah dan Sarawak bertemu dan beramah mesra dengan pemimpin-pemimpin masyarakat Semenanjung Malaysia.

### RINGKASAN

1. Perpaduan merupakan matlamat utama pembangunan sosio-ekonomi negara kita.
2. Perpaduan merupakan satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggotanya dapat membentuk satu identiti bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air.
3. Masalah perpaduan kaum di negara kita adalah bersifat multidimensi. Faktor-faktor sejarah yang telah menyulitkan proses pencapaian perpaduan ialah: (a) perbezaan agama dan kebudayaan; (b) dasar memecah dan memerintah British; (c) sistem pendidikan yang berasingan sebelum tahun 1956; (d) jurang pendapatan yang tidak seimbang antara kaum; (e) persatuan-persatuan etnik; dan (f) Pendudukan Jepun.
4. Kerajaan Malaysia ingin memupuk perpaduan negara melalui konsep integrasi nasional. Integrasi merupakan satu proses bagi mewujudkan satu identiti nasional di kalangan kumpulan-kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik.
5. Di antara usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memupuk perpaduan ialah: (a) Rukunegara; (b) Dasar Ekonomi Baru; (c) Dasar Pendidikan Kebangsaan; (d) Dasar Kebudayaan Kebangsaan; (e) Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan; (f) penubuhan Jabatan Perpaduan Negara; (g) Barisan Nasional; dan (h) integrasi antara wilayah.
6. Rukunegara yang merupakan ideologi kebangsaan mempunyai

lima prinsip iaitu: (a) Kepercayaan kepada Tuhan; (b) Kesetiaan kepada Raja dan Negara; (c) Keluhuran Perlembagaan; (d) Kedaulatan Undang-undang; dan (e) Kesopanan dan Kesusilaan.

7. Dasar Ekonomi Baru (1970 - 1990) bertujuan membentulkan ketidakseimbangan ekonomi yang wujud di antara kaum dan wilayah bagi mencapai perpaduan negara.
8. Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan menerusi strategi serampang dua mata, iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat untuk mengurangkan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.
9. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 adalah berasaskan Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960.
10. Dasar Pendidikan Kebangsaan dapat melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu melalui penggunaan kurikulum, bahasa pengantar dan sistem peperiksaan yang sama serta kegiatan ko-kurikulum.
11. Dasar Kebudayaan Kebangsaan dapat memupuk perpaduan menerusi pembentukan satu gaya hidup dan nilai-nilai yang diper-setujui dan dihayati bersama oleh semua kaum.
12. Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah berasaskan tiga prinsip iaitu: (a) Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini; (b) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan; dan (c) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.
13. Bagi memupuk perpaduan, Kerajaan telah menjadikan bahasa Malaysia (dahulunya bahasa Melayu) sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar di sekolah-sekolah.
14. Jabatan Perpaduan Negara menganjurkan berbagai-bagai aktiviti untuk memupuk perpaduan seperti Kelas Perpaduan, Skim Rukun Tetangga, Khemah Kerja Kejiran dan Taman Bimbingan Kanak-kanak Perpaduan.

15. Bagi mewujudkan perpaduan politik, Kerajaan telah menubuhkan Barisan Nasional yang merupakan gabungan beberapa parti politik utama di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Melalui Barisan Nasional, masalah-masalah negara dapat diselesaikan melalui cara rundingan dan persefahaman.
16. Bagi tujuan merapatkan lagi jurang perbezaan ekonomi wilayah, Kerajaan memberi peruntukan perbelanjaan pembangunan yang lebih kepada negeri-negeri yang kurang maju.

### NOTA KAKI

1. Ahmad bin Haji Kambar, "Konsep Integrasi Nasional - Satu Pendekatan," *Balai Muhibah*, Julai/Ogos/September 1987, m.s. 9.
2. Lihat Chew Hock Thye, *Masalah Perpaduan Nasional*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975, m.s. 12.
3. Ibid., m.s. ix. Lihat juga Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., Kuala Lumpur, 1983.
4. Bagi keterangan lanjut, lihat Abd. Rahim Abdul Rashid, "Polarisasi Kaum Di Kalangan Mahasiswa Universiti Semakin Membimbangkan," *Utusan Malaysia*, 25 Ogos 1987.
5. Lihat Chew Hock Thye, op.cit., m.s. 194 - 95.
6. *The Malay Mail*, 4 November 1987.
7. *Rancangan Malaysia Kelima 1986 - 1990*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1986, m.s. 100.
8. Ibid., m.s. 105.
9. Ibid., m.s. 8.
10. Ibid., m.s. 116.
11. Ibid., m.s. 121.

12. Ibid., m.s. 10.
13. Ranjit Singh Malhi, *Panduan Jawapan Peperiksaan Am Kerajaan*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1985, m.s. 134.
14. Lihat Aziz Deraman, *Perancangan dan Pentadbiran Kebudayaan di Malaysia*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1983, m.s. 6.
15. *Sunday Mail*, 15 November 1987.
16. Lihat Chew Hock Thye, op.cit., m.s. 204.
17. *Laporan Tahunan Jabatan Perpaduan Negara* 1986, m.s. 38 - 39.
18. *Rancangan Malaysia Kelima*, op.cit., m.s. 7.

### **CADANGAN BACAAN TAMBAHAN**

Chew Hock Thye, *Masalah Perpaduan Nasional*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975.

Institut Tadbiran Awam Negara, *Negara Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1980.

Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., Kuala Lumpur, 1983.

### **SOALAN-SOALAN OBJEKTIF**

1. Matlamat utama pembangunan sosioekonomi negara kita ialah untuk
  - A. mencapai perpaduan nasional
  - B. mempercepatkan pembangunan negara
  - C. meningkatkan Keluaran Negara Kasar

- D. menyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum  
E. menghapuskan ancaman komunis
2. Matlamat Rukunegara adalah seperti berikut kecuali
- mencapai perpaduan nasional ✓
  - memelihara demokrasi
  - mencipta sebuah masyarakat yang progresif
  - mencipta sebuah masyarakat yang adil
  - mewujudkan suatu kebudayaan kebangsaan
3. Aturkan prinsip-prinsip Rukunegara di bawah ini mengikut susunan yang betul
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara ⑦
  - Kesopanan dan Kesusilaan ⑥
  - Keluhuran Perlembagaan ⑧
  - Kedaulatan Undang-undang ⑨
  - Kepercayaan kepada Tuhan ①
- A. I, V, IV, II dan III  
B. II, I, III, IV dan V  
C. ⑤, I, III, IV dan II  
D. III, II, I, V dan IV  
E. IV, V, III dan I
4. Semua yang berikut merupakan strategi dan program untuk membasmikan kemiskinan kecuali
- meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan golongan petani dan pekebun-pekebun kecil
  - pembukaan tanah-tanah baru
  - penyediaan perkhidmatan asas
  - menyusun semula corak gunatenaga
  - menambahkan peluang pekerjaan
5. Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam usaha meningkatkan penyertaan kaum Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian ialah
- UDA
  - MARA
  - Pusat Daya Pengeluaran Negara
  - Bank Pembangunan Malaysia

**V. PKEN-PKEN**

- A. II dan V
  - B. I, II dan III
  - C. II dan IV
  - D. III dan V
  - E. Semua yang di atas
6. Semua yang berikut merupakan strategi dan program penyusunan semula masyarakat kecuali
- A. meninggikan daya pengeluaran dan taraf kehidupan golongan miskin di luar bandar
  - B. penyusunan semula corak gunatenaga
  - C. penyusunan semula hakmilik sektor syarikat
  - D. membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan kaum Bumiputera
  - E. membuka dan memajukan tanah baru bagi pertanian
7. Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan pada tahun 1971 telah mengemukakan tiga prinsip bagi membentuk kebudayaan nasional iaitu
- I. Kebudayaan penduduk asli seharusnya dijadikan asas kebudayaan nasional
  - II. Ciri-ciri kebudayaan lain yang sesuai boleh diterima dan diterapkan ke dalam kebudayaan nasional
  - III. Islam adalah unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan nasional
  - IV. Kebudayaan nasional harus berasaskan kebudayaan penduduk asli sahaja
  - V. Ciri-ciri kebudayaan Jepun dan Korea Selatan yang sesuai boleh diterapkan ke dalam kebudayaan nasional
- A. I dan III
  - B. I, II dan III
  - C. IV dan V
  - D. III, IV dan V
  - E. I, III dan V
8. Matlamat Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 ialah untuk
- A. melahirkan satu dasar pendidikan kebangsaan yang dapat

- memupuk perpaduan negara
- B. merangka satu bentuk kebudayaan nasional bagi Tanah Melayu
  - C. meningkatkan pendapatan penduduk di kawasan-kawasan luar bandar
  - D. memperluaskan penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah
  - E. mempelbagaikan ekonomi Tanah Melayu
9. Dasar Pendidikan Kebangsaan dapat melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu melalui
- I. penggunaan kurikulum yang sama
  - II. penggunaan bahasa pengantar yang sama
  - III. kegiatan ko-kurikulum
  - IV. skim bantuan buku teks yang sama
  - V. pendidikan percuma
- A. I, II dan V
  - B. I, II, IV dan V
  - C. II, III dan V
  - D. I, II dan III
  - E. II dan III
10. Jabatan Perpaduan Negara memainkan peranan penting dalam menyatupadukan rakyat Malaysia melalui aktiviti-aktiviti
- I. Skim Rukun Tetangga
  - II. Kelas Perpaduan
  - III. Taman Bimbingan Kanak-kanak Perpaduan (TABIKA)
  - IV. Khemah Kerja Kejiranran
  - V. Feri Malaysia
- A. I, II dan IV
  - B. I, IV dan V
  - C. I, II dan V
  - D. I, II, III dan IV
  - E. II, III dan IV

**SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan perpaduan?

2. Bandingkan konsep-konsep integrasi dan asimilasi kaum.
3. Apakah matlamat dan prinsip-prinsip Rukunegara?
4. Apakah faktor-faktor sejarah yang telah menyulitkan proses pencapaian perpaduan negara?
5. Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru dapat memupuk perpaduan nasional?
6. Huraikan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan integrasi antara wilayah.

### **GERAKERJA**

1. Dapatkan maklumat tambahan mengenai perkara-perkara berikut:
  - (i) Laporan Razak 1956;
  - (ii) Laporan Rahman Talib 1960; dan
  - (iii) Konsep Padu
2. Buat satu kajian mengenai persamaan-persamaan kebudayaan yang wujud di kalangan orang-orang Melayu, Cina dan India.

**BAB****11**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	masalah keselamatan dalam konteks negara Malaysia.
<b>Mengenalpasti</b>	perkaitan erat antara pembangunan dan keselamatan negara.
<b>Membandingkan</b>	sifat-sifat ancaman komunis dengan ancaman penyalahgunaan dadah.
<b>Membincangkan</b>	langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi ancaman komunis.
<b>Menghuralkan</b>	langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi ancaman penyalahgunaan dadah.

## KESELAMATAN NEGARA

*Program keselamatan dalam negeri adalah sebagai pelengkap kepada arah pencapaian dan kemakmuran negara.*

- Rancangan Malaysia Kelima

Pembangunan dan keselamatan negara mempunyai perkaitan erat dan hubungan timbal-balik. Tanpa jaminan keselamatan, pembangunan negara akan terbantut. Sebaliknya, pembangunan sosioekonomi yang tidak seimbang dari segi penikmatannya oleh sebilangan besar rakyat boleh menjadikan keselamatan negara. Memandangkan Malaysia ialah sebuah negara membangun, soal keselamatan kita lebih merupakan soal dalam negeri iaitu terdapat anasir-anasir dalam negeri yang mengancam keamanan negara atau berhasrat menggulingkan kerajaan yang berkuasa. Dua anasir utama yang mengancam keselamatan negara ialah pergerakan komunis dan penyalahgunaan dadah.

### Ancaman Komunis

Ancaman komunis di Semenanjung Malaysia berkisar di sekitar kegiatan-kegiatan Parti Komunis Malaya (PKM). Di Sarawak, terdapat ancaman daripada Parti Komunis Kalimantan Utara.<sup>1</sup>

### Sebab-sebab Pergerakan Komunis Mengancam Keselamatan Negara

PKM tidak mengiktiraf kewujudan Kerajaan serta entiti Malaysia. Menurut propaganda PKM, ia memperjuangkan keadilan dan kemerdekaan penuh tanahair. Kebanyakan ahli PKM terdiri daripada kaum Cina manakala anggota keselamatan negara pula terdiri daripada orang Melayu. Ini menyulitkan proses pembentukan masyarakat yang bersatu padu di Malaysia.

PKM mempunyai hubungan dengan parti-parti komunis di luar

negeri seperti China. Dengan adanya bantuan moral dan material dari luar negeri, PKM terus menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

PKM sedang giat berusaha untuk *menyebarluaskan ideologi komunis* dan mendapat sokongan orang ramai terutamanya melalui *sekolah-sekolah* dan *kesatuan sekjera*. PKM melalui organisasi-organisasi seperti Parti Persaudaraan Islam dan Parti Kebangsaan Melayu Revolusioner Malaya berusaha mendapatkan sokongan orang Melayu dengan memperjuangkan Islam.<sup>2</sup> PKM mendakwa bahawa komunisme bukan anti-Islam manakala dasar-dasar Kerajaan Malaysia adalah anti-Islam. PKM juga menggunakan perkhidmatan radio yang dikenali sebagai 'Suara Demokratik Malaya' bagi menyebarluaskan ideologi dan propaganda komunis.

Anasir-anasir komunis telah mengganggu pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan dengan tujuan melumpuhkan ekonomi negara. Sebagai contoh, anasir-anasir komunis telah menyerang dan memusnahkan alat-alat jentera yang digunakan bagi membina Lebuhraya Timur-Barat.

### Langkah-langkah Kerajaan Bagi Mengatasinya Ancaman Komunis

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya ancaman komunis ialah *perang saraf*, *langkah-langkah ketenteraan* dan *Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960*.

Kerajaan menggunakan perang saraf bagi menawan "hati dan fikiran" rakyat. Kerajaan amat sedar bahawa sokongan rakyat adalah perlu bagi menghapuskan ancaman komunis. Kerajaan telah mempergiatkan *usaha-usaha meningkatkan taraf hidup* dan *ekonomi* rakyat terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman. Kerajaan juga berusaha *mengeratkan perpaduan* antara kaum serta menghapuskan kemiskinan. Dengan cara ini rakyat tidak mudah terpengaruh dengan propaganda komunis. Kerajaan seringkali menganjurkan kursus-kursus sivik untuk menerangkan dasar-dasar serta usaha-usaha pembangunan Kerajaan. Kerajaan telah juga membentuk *pertubuhan sukarela* seperti Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) yang bertindak sebagai "mata dan telinga" Kerajaan. RELA juga merupakan pelapis ketiga benteng pertahanan negara.

Mengenai langkah-langkah ketenteraan, Kerajaan dari semasa ke semasa *melancarkan serangan* terhadap komunis-komunis di hutan. Kerajaan telah *menambahkan bilangan polis* dan *angkatan tentera* serta

melengkapkan mereka dengan senjata moden. Perlu diambil ingatan bahawa Malaysia mempunyai *perjanjian sempadan* dengan negara Thai yang membernarkan tentera kita menyeberangi sempadan Thai sekiranya sedang melakukan gerakan "memburu" gerila komunis.

Kerajaan telah juga mengadakan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 bagi mengatasi ancaman komunis. Di bawah akta tersebut, sesiapa yang disyaki mungkin mengancam ketenteraman negara, boleh dipenjarakan tanpa soal atau *habeas corpus* bagi tempoh masa tertentu.

### **Penyalahgunaan Dadah**

Mulai tahun-tahun 1970-an penyalahgunaan dadah (terutamanya heroin, ganja dan morfin) telah merebak dengan meluasnya di negara kita. Jumlah penagih dadah yang dikesan telah meningkat daripada 711 orang pada tahun 1970 kepada 113,816 orang pada tahun 1985.<sup>3</sup> Faktor-faktor yang bertanggungjawab bagi perkembangan ini, di antara lain, termasuklah: (a) *pengeluaran dadah* secara besar-besaran di negara-negara jiran sejak akhir tahun-tahun 1960-an; (b) *pengaruh kebudayaan hippie* di negara-negara barat; dan (c) tambahan dalam bilangan pelancong luar negeri yang membawa masuk tabiat menagih dadah ke pusat-pusat pelancongan tempatan. Malahan *kedudukan Malaysia* yang berhampiran dengan kawasan pengeluaran dadah "*Golden Triangle*" yang terletak di sempadan bersama negara Thai, Laos dan Burma telah menjadikannya satu "*exit point*" atau negara perantaraan yang baik dengan negara-negara pengguna (terutamanya negara-negara barat). Garisan laut negara kita yang panjang telah juga memudahkan kemasukan dadah secara haram. Pada tahun 1983 Kerajaan telah mengisyiharkan penyalahgunaan dadah sebagai satu ancaman terhadap keselamatan negara. Masalah dadah merupakan masalah negara. Setiap anggota masyarakat perlu membantu Kerajaan dalam usaha-usaha memerangi wabak dadah ini. Matlamat kita ialah untuk mewujudkan satu generasi masa depan yang bebas daripada dadah.

### **Sebab-sebab Dadah Mengancam Keselamatan Negara**

Penagihan dadah secara meluas akan *meruntuhkan masyarakat dan negara*. Sehingga bulan April 1987, jumlah penagih dadah yang dikesan

ialah 123,613 orang.<sup>4</sup> 60% - 70% daripada penagih dadah terdiri daripada golongan belia (20 hingga 29 tahun) yang merupakan tulang belakang negara. Penagihan dadah secara meluas akan melahirkan sebuah masyarakat yang malas dan tidak progresif serta melemahkan ketahanan nasional. Justeru itu, pembangunan negara pada masa hadapan terancam.

Penagihan dadah juga *meruntuhkan moral masyarakat* serta *menghancurkan jalinan sosial negara*. Adalah dianggarkan bahawa kira-kira \$600 juta dibelanjakan oleh penagih-penagih dadah setiap tahun untuk membeli dadah.<sup>5</sup>

Penyalahgunaan dadah boleh membuat seseorang terjerumus ke dalam kegiatan-kegiatan anti-sosial dan perbuatan jenayah. Penagih-penagih dadah selalunya terpaksa melakukan kegiatan-kegiatan jenayah seperti merompak dan membunuh untuk mendapatkan wang bagi memenuhi tabiat mereka. Kira-kira 60-70% daripada jumlah kejadian jenayah adalah dilakukan oleh penagih-penagih dadah.

Akhir sekali, musuh-musuh negara seperti pergerakan komunis dan anasir-anasir subversif yang lain boleh mengambil kesempatan penyalahgunaan dadah ini untuk menggulingkan Kerajaan Malaysia. Musuh-musuh negara boleh juga menggunakan dadah untuk meracuni fikiran anggota pasukan keselamatan negara.

### **Langkah-langkah Kerajaan bagi Mengatasi Ancaman Dadah**

- **Memperketatkan Undang-undang mengenai Dadah**

Kerajaan telah memperketatkan Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi membentras penyalahgunaan dadah. Di bawah akta tersebut, *hukuman mati* dikenakan ke atas pengedar-pengedar dadah. Melalui Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984, Kerajaan mempunyai kuasa untuk menahan mereka yang disyaki mengedar dadah tanpa perbicaraan sehingga dua tahun.

- **Penubuhan Pasukan Petugas Anti-Dadah**

Pada tahun 1983 Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Anti-Dadah yang bertanggungjawab untuk *menggerak, menyelaras* dan

*mengawasi semua aktiviti berkaitan dengan usaha-usaha memerangi wabak dadah di seluruh negara. Pihak polis pula telah menubuhkan Cawangan Anti-Dadah untuk mempergiatkan usaha-usaha mengancurkan sindiket-sindiket dadah. Pada peringkat negeri dan daerah, Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan Jawatankuasa Keselamatan Daerah telah dipertanggungjawabkan untuk mengendali gerakan anti-dadah pada peringkat masing-masing.*

- **Mengadakan Pusat-pusat Pemulihan Dadah**

Sehingga akhir tahun 1985, Kerajaan telah menubuhkan tujuh buah *pusat rawatan dadah*, iaitu tiga buah pusat serenti di Tampin, Sungai Petani dan Sungai Siput dan empat buah pusat pemulihan dadah di Besut, Bukit Mertajam, Sungai Mercung dan Tampoi.<sup>6</sup> Pusat-pusat ini berusaha menghilangkan ketagihan dadah dan mengembalikan penagih-penagih dadah ke pangkuhan masyarakat. Rawatan melibatkan berbagai-bagai kegiatan jasmani dan rohani, latihan vokasional, dan rawatan susulan.

- **Kempen Anti-Dadah**

Kerajaan mengadakan kempen anti-dadah *melalui media massa* seperti akhbar, radio dan televisyen. Kerajaan juga mengadakan ceramah-ceramah dan pameran-pameran bagi menginsafkan orang ramai mengenai bahaya penyalahgunaan dadah.

- **Menggalakkan Kegiatan-kegiatan Sosial**

Kerajaan sentiasa menggalakkan *kegiatan-kegiatan sosial* di kalangan belia seperti pertubuhan-pertubuhan kebudayaan dan sukan. Penglibatkan belia-belia dalam kegiatan sosial akan mengurangkan kemungkinan penyalahgunaan dadah di kalangan mereka.

- **Memperketatkan Pemeriksaan Kastam**

Kerajaan telah memperkuatkan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia bagi membenteras penyeludupan dadah. Alat-alat elektronik digunakan untuk mengesan kemasukan dadah secara haram. Unit An-

jing Pengesan Dadah telah juga diperbesarkan dan dikemaskini.

#### ● Mengadakan Kerjasama Antarabangsa

Kerajaan juga mengadakan *kerjasama antarabangsa* seperti dengan negara-negara ASEAN dan Amerika Syarikat bagi membentera penyalahgunaan dadah. Pada masa ini Kerajaan sedang berusaha mengadakan *kerjasama undang-undang* dengan beberapa negara bagi membolehkan rampasan harta pengedar-pengedar dadah serta menghadapkan mereka ke mahkamah. Malaysia telah juga menyertai dengan giatnya perbahasan dan mesyuarat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pengawalan dadah.

Sebagai menghargai usaha-usaha Malaysia untuk mengatasi ancaman dadah, Perdana Menteri kita (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) telah dilantik sebagai Pengurus Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah yang diadakan di Vienna pada 17 - 26 Jun 1987.

### RINGKASAN

1. Pembangunan dan keselamatan negara mempunyai perkaitan erat dan hubungan timbal-balik.
2. Tanpa jaminan keselamatan, pembangunan negara akan terbantut. Sebaliknya, pembangunan sosioekonomi yang tidak seimbang dari segi penikmatannya oleh sebilangan besar rakyat boleh menjadikan keselamatan negara.
3. Dua anasir utama yang mengancam keselamatan negara ialah pergerakan komunis dan penyalahgunaan dadah.
4. Ancaman komunis di Semenanjung Malaysia berkisar di sekitar kegiatan-kegiatan Parti Komunis Malaya (PKM). Di Sarawak terdapat ancaman daripada Parti Komunis Kalimantan Utara.
5. Sebab-sebab pergerakan komunis mengancam keselamatan negara kita ialah: (a) PKM tidak mengiktiraf entiti Malaysia; (b) PKM

bercorak perkauman; (c) hubungan PKM dengan parti komunis luar negeri; (d) penyebaran ideologi komunis; dan (e) anasir-anasir komunis mengganggu pelaksanaan projek-projek pembangunan.

6. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi ancaman komunis ialah: (a) perang saraf bagi menawan "hati dan fikiran" rakyat; (b) melancarkan serangan terhadap komunis di hutan; dan (c) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.
7. Mulai tahun-tahun 1970-an, penggunaan dadah telah merebak dengan meluasnya di negara kita.
8. Jumlah penagih dadah yang dikesan telah meningkat daripada 711 orang pada tahun 1970 kepada 113,816 orang pada tahun 1985.
9. Pada tahun 1983 Kerajaan telah mengisyiharkan masalah dadah sebagai satu ancaman terhadap keselamatan negara.
10. Sebab-sebab dadah mengancam keselamatan negara ialah: (a) penagihan dadah secara meluas akan meruntuhkan masyarakat dan negara memandangkan 60 - 70% daripada penagih dadah terdiri daripada golongan belia; (b) kira-kira 60 - 70% daripada jumlah kejadian jenayah dilakukan oleh penagih-penagih dadah; dan (c) ia memberi kesempatan kepada musuh negara untuk menggulingkan Kerajaan.
11. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi ancaman dadah ialah: (a) memperketatkan undang-undang mengenai dadah; (b) penubuhan Pasukan Petugas Anti-Dadah; (c) mengadakan pusat-pusat pemulihan dadah; (d) kempen anti-dadah; (e) menggalakkan kegiatan-kegiatan sosial; dan (f) mengadakan kerjasama antarabangsa bagi membentras penyalahgunaan dadah.
12. Masalah dadah merupakan masalah negara. Justeru itu, setiap anggota masyarakat harus membantu Kerajaan untuk memerangi dadah.

### **NOTA KAKI**

1. Ranjit Singh Malhi, *Panduan Jawapan Peperiksaan Am Kerajaan*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1985, m.s. 71.
2. Ibid., m.s. 72.
3. Pasukan Petugas Anti-Dadah, *Masalah Penagihan Dadah dan Pencaapaian Tindakan Anti-Dadah Sehingga Kini*, Jabatan Perdana Menteri, 1987, m.s. 3.
4. Ibid.
5. Ranjit Singh Malhi, op.cit., m.s. 73.
6. *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Jabatan Percetakan Negara, m.s. 611.

### **SOALAN-SOALAN OBJEKTIF**

1. Dua anasir utama yang mengancam keselamatan negara ialah
  - I. anasir-anasir subversif
  - II. parti-parti pembangkang
  - III. ✓penyalahgunaan dadah
  - IV. ✓komunis
  - V. ✓pelampau agama
  - A. I dan IV
  - B. II dan IV
  - C. ✓VIII dan IV
  - D. I dan IV
  - E. II dan IV'
2. Ancaman komunis di Semenanjung Malaysia berkisar di sekitar kegiatan
  - A. Parti Komunis Malaysia

- B. ✓Parti Komunis Malaya  
C. Parti Komunis Marxist-Leninist  
D. Parti Komunis Revolusioner  
E. Parti Komunis Revolutionary Front
3. Yang manakah di antara yang berikut merupakan sebab-sebab pergerakan komunis mengancam keselamatan negara?
- I. Parti Komunis Malaya tidak mengiktiraf kewujudan Kerajaan Malaysia
  - II. Parti Komunis Malaya mempunyai hubungan dengan parti-parti komunis di luar negeri
  - III. Parti Komunis Malaya menyebarkan ideologi komunis untuk mendapat sokongan orang ramai
  - IV. Ahli Parti Komunis Malaya berjumlah kira-kira 40,000 orang ✓
- A. ✓I, II dan III ✗
  - B. Semua yang di atas
  - C. ✓I dan IV
  - D. ✓II, III dan IV ✗
  - E. ✓III dan IV ✗

Sesiapa yang disyaki mungkin mengancam ketenteraman negara, boleh dipenjarakan tanpa soal bagi tempoh masa tertentu.

4. Kuasa tersebut diperuntukkan dalam
- A. ✓Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960
  - B. Akta Keselamatan Negara
  - C. Akta Ketenteraman Negara
  - D. Akta Rahsia Rasmi
  - E. Akta Darurat
- (i) ia bertindak sebagai "mata dan telinga" kerajaan
  - (ii) ia merupakan pelapis ketiga benteng pertahanan negara
5. Organisasi yang berkaitan dengan fungsi di atas ialah

- A. Jabatan Polis  
 B. Unit Pencegahan Penyeludupan  
 C. ✓ Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)  
 D. Cawangan Khas Jabatan Polis  
 E. Pasukan Pertahanan Awam
6. 60-70 % daripada penagih dadah di Malaysia terdiri daripada golongan  
 A. murid-murid sekolah menengah atas  
 B. ✓ belia (20 hingga 29 tahun)  
 C. penuntut institusi-institusi tinggi  
 D. tentera dan kakitangan kerajaan  
 E. murid-murid sekolah menengah rendah
7. Yang manakah di antara yang berikut merupakan sebab-sebab penyalahgunaan dadah mengancam keselamatan negara?  
 I. 60-70 % daripada penagih dadah terdiri daripada golongan belia yang merupakan tulang belakang negara ✓  
 II. 60-70 % daripada jumlah kejadian jenayah adalah dilakukan oleh penagih-penagih dadah ✓  
 III. Musuh-musuh negara boleh mengambil kesempatan penyalahgunaan dadah untuk menggulingkan Kerajaan  
 IV. Penagihan dadah oleh sebilangan besar rakyat akan melemahkan ketahanan nasional  
 A. ✓ I, II dan IV  
 B. I, III dan IV ✗  
 C. III dan IV ✗  
 D. ✗ II, III dan IV ✗  
 ✓ E. Semua yang di atas

### SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Apakah masalah keselamatan yang dihadapi oleh negara kita?
2. Terangkan perkaitan erat dan hubungan timbal-balik antara keselamatan dengan pembangunan.
3. Bandingkan sifat-sifat ancaman komunis dengan ancaman penya-

lahgunaan dadah.

4. Bincangkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi ancaman komunis.
5. Mengapakah penyalahgunaan dadah merupakan satu ancaman terhadap keselamatan negara?
6. Huraikan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi ancaman penyalahgunaan dadah.

### **GERAKERJA**

1. Aturkan satu perbahasan mengenai tajuk berikut:  
"Ancaman penyalahgunaan dadah terhadap keselamatan negara adalah lebih besar berbanding dengan ancaman komunis."
2. Bincangkan cara-cara untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah yang kian bertambah buruk di kalangan murid sekolah.

**BAB** **12**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat
<b>Mentakrifkan</b>	dasar luar negeri dan dasar berkecuali.
<b>Mengenalpasti</b>	faktor-faktor yang diambil kira dalam penentuan Dasar Luar Malaysia.
<b>Membandingkan</b>	Dasar Luar Malaysia di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.
<b>Membandingkan</b>	kerjasama politik, ekonomi dan sosial di kalangan negara-negara ASEAN.
<b>Menghuralkan</b>	pendirian Malaysia dalam isu-isu antarabangsa seperti Masalah Kampuchea, Antartika, Apartheid dan Zon Ekonomi Eksklusif.

## DASAR LUAR MALAYSIA DAN KERJASAMA SERANTAU

Kemakmuran ASEAN bergantung kepada kerelaan negara-negara ahli untuk bekerjasama dengan melampaui batas kepentingan ekonomi sendiri.

- Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad

Sebagai sebuah negara yang berdaulat, Malaysia tidak dapat mengelakkan diri daripada mengadakan hubungan dengan negara-negara lain dalam dunia yang semakin saling bergantungan (*increasingly inter-dependent world*) dari aspek-aspek ekonomi, politik, teknologi dan ekologi. Kerjasama antarabangsa adalah genting bagi memastikan kemakmuran dan keamanan dunia. Dasar luar sesebuah negara lazimnya bertujuan untuk melindungi dan memajukan kepentingan-kepentingan nasional, iaitu keselamatan dan kesejahteraan ekonomi.

Bab ini, di antara lain, akan membincangkan faktor-faktor yang diambil kira dalam penentuan Dasar Luar Malaysia; perkembangan Dasar Luar Malaysia sejak tahun 1957; pendirian Malaysia dalam isu-isu antarabangsa seperti Masalah Kampuchea, Antartika, Aparteid, dan Zon Ekonomi Eksklusif; dan kerjasama serantau (ASEAN, ZOPFAN dan MABBIM).

### Definisi Dasar Luar Negeri

Dalam pengertian yang luas, dasar luar negeri merangkumi matlamat, rancangan dan tindakan yang diambil oleh sesebuah negara sehubungan dengan negara-negara lain. Dalam pengertian yang terhad, dasar luar negeri hanya mengutamakan aspek *tindakan* yang diambil oleh sesebuah negara untuk mempengaruhi keadaan-keadaan di luar bidang kuasanya. Dasar luar sesebuah negara bukan merupakan satu perkara yang statik; ia sentiasa berubah mengikut perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam dan luar negeri.

### **Dasar Luar Malaysia**

Malaysia mengamalkan *dasar berkecuali*, iaitu ia ingin mengadakan hubungan yang baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi. Keutamaan dalam Dasar Luar Malaysia adalah berdasarkan kepada hubungan erat dengan negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), negara-negara Islam (Pertubuhan Persidangan Islam), negara-negara berkecuali dan negara-negara Komanwel. Buat masa ini, *aspek ekonomi* diberi keutamaan yang lebih berbanding dengan aspek-aspek politik dan keselamatan.<sup>1</sup> Malaysia ingin *mempeluaskan pasaran* bagi eksport-eksportnya serta meningkatkan penanaman modal dalam negeri oleh pelabur-pelabur asing. Dasar luar negara kita lazimnya ditentukan oleh Perdana Menteri dengan bantuan Kabinet dan dilaksanakan oleh Wisma Putra (Kementerian Luar Negeri). Wisma Putra juga menasihati Kerajaan dalam penentuan dasar luar negara.

#### **Faktor-faktor yang Diambil Kira dalam Penentuan Dasar Luar Malaysia**

- **Kepentingan Nasional**

Dari aspek keselamatan, Malaysia ingin mengelakkan sebarang ancaman atau serangan dari negara-negara luar. Malaysia merupakan negara yang kecil dan tiada mempunyai kekuatan tentera yang besar. Malaysia tidak boleh menggunakan kekerasan dalam dasar luarnya. Justeru itu, Malaysia ingin mengadakan dan sentiasa mahu mengekalkan hubungan baik dengan semua negara.

Dari aspek ekonomi, Malaysia bergantung kepada *perdagangan antarabangsa* oleh kerana ekonomi Malaysia adalah berorientasikan eksport. Justeru itu, Malaysia mengadakan hubungan baik dengan semua negara termasuk negara-negara komunis seperti Soviet Union, China dan negara-negara Eropah Timur.

- **Plagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu**

Malaysia merupakan penyokong kuat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang dianggap sebagai pelindung negara-negara kecil serta penggalak keamanan dan kemakmuran dunia. Malaysia berpegang teguh kepada *prinsip-prinsip PBB* seperti memelihara keamanan dunia,

melindungi hak asasi manusia, menegakkan keadilan dan kewibawaan undang-undang dan menggalakkan perkembangan ekonomi dan sosial. Malaysia menyertai beberapa agensi PBB seperti UNESCO dan UNCTAD. Malaysia pernah menyertai Pasukan Pendamai PBB di Congo dalam tahun-tahun 1960-63.

#### ● Kedudukan Geografi

Malaysia terletak di rantau Asia Tenggara yang mengalami *masalah ketidakstabilan politik* sejak Perang Dunia Kedua. Pergolakan politik di Indo-China serta Pendudukan Vietnam di Kampuchea membimbangkan negara-negara ASEAN memandangkan ia mungkin merebak di rantau tersebut. Kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat ber-gantung kepada kejadian-kejadian yang berlaku di Asia Tenggara.

Malaysia juga terletak di persimpangan dua jalan laut yang penting, iaitu Lautan India dan Lautan Pasifik. Ini menarik minat kuasa-kuasa luar untuk menegakkan pengaruh masing-masing di rantau Asia Tenggara. Justeru itu, Malaysia mengutamakan hubungan yang baik dengan negara-negara Asia Tenggara.

#### ● Islam

Memandangkan Islam merupakan agama rasmi negara, Malaysia menitikberatkan hubungan baik dengan negara-negara Islam. Malaysia menyertai Pertubuhan Persidangan Islam serta menyokong projek-projek tertentu seperti Bank Pembangunan Islam. Malaysia juga terlibat dalam usaha-usaha perantaraan untuk menyelesaikan konflik Iran-Iraq. Hubungan Malaysia dengan negara-negara Islam akan dibincangkan selanjutnya dalam bab ini.

#### ● Bekas Jajahan British

Malaysia sebagai bekas jajahan British menganggap dirinya sebagai anggota Komanwel British. Malaysia meneruskan hubungan dengan Britain dan lain-lain kerajaan Komanwel seperti Australia dan New Zealand.

### ● Dasar Berkecuall

Malaysia *tidak ingin memihak* kepada Blok Barat atau Blok Komunis. Ini bertujuan mengelakkan penglibatan dalam pertikaian antara kuasa-kuasa besar. Justeru itu, Malaysia mengadakan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

### ● Prinsip Hidup Bersama

Malaysia berpegang teguh kepada *prinsip hidup bersama* secara aman dan damai. Malaysia berpendapat bahawa rakyat sesebuah negara hendaklah menentukan nasib mereka sendiri. Malaysia juga berpendapat bahawa negara-negara luar tidak boleh campur tangan dalam hal-hal sesebuah negara. Justeru itu, Malaysia menyokong perjuangan-perjuangan Pertubuhan Pembebasan Palestin, Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dan pejuang-pejuang Mujahidin Afghanistan.

## Perkembangan Dasar Luar Malaysia

Dalam tempoh masa tiga puluh tahun sejak kemerdekaan, Dasar Luar Malaysia telah melalui beberapa perubahan selaras dengan perkembangan-perkembangan di dalam dan luar negeri. Sejarah perkembangan Dasar Luar Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga tahap iaitu: (a) 1957 - 1969, (b) 1970 - 1980; dan (c) 1980-an di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

### ● 1957 - 1969

Dasar Luar Tanah Melayu (kemudian Malaysia) di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman adalah bercorak *pro-barat*, *pro-negara-negara Komanwel* dan *anti-komunis*.<sup>2</sup> Dunia pada masa itu sedang mengalami *Perang Dingin (Cold War)* antara Blok Barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat dengan Blok Komunis pimpinan Soviet Union. Tanah Melayu pula masih berada dalam keadaan darurat akibat pemberontakan komunis yang bertujuan mengambil alih kuasa kerajaan secara kekerasan. Lantas tidaklah memerlukan jika negara kita yang baru mencapai kemerdekaan daripada Britain (sebuah kuasa barat) dan yang sedang mengalami pemberontakan komunis mengamalkan dasar luar

negeri yang pro-barat dan anti-komunis. Pada masa itu kita tiada mempunyai pilihan lain kecuali bergantung kepada sahabat-sahabat yang boleh dipercayai seperti Britain.

Sejajar dengan dasar pro-barat, Tunku Abdul Rahman telah menandatangani Perjanjian Pertahanan Anglo-Malaya 1957 (Anglo-Malaya Defence Agreement - AMDA) di mana Kerajaan British *menjaminkan bantuan tentera sekiranya Tanah Melayu diserang oleh mana-mana negara*. AMDA merupakan tulang belakang dasar keselamatan Tanah Melayu. Pendirian anti-komunis kita jelas kelihatan apabila Tunku Abdul Rahman memberikan sokongan penuh kepada Amerika Syarikat untuk membendung perluasan pengaruh komunis di Vietnam Selatan. Malahan beliau telah melawat Vietnam Selatan dalam tahun 1958 dan memberi jaminan persahabatan kepada Presiden Ngo Dinh Diem. Tanah Melayu tidak mengiktiraf Republik Rakyat China yang mempunyai Kerajaan komunis. Tanah Melayu juga mengutuk pencerobohan China ke atas Tibet pada tahun 1959.

Dalam konteks Asia Tenggara pula, Tanah Melayu telah memainkan peranan aktif dalam penubuhan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (*Association of Southeast Asia* - ASA) pada tahun 1961 bersama-sama dengan negara Thai dan Filipina.<sup>3</sup> ASA akan dibincang dengan lebih mendalam selanjutnya dalam bab ini di bawah perkara kerjasama serantau.

Berkaitan dengan kepentingan ekonomi, Tanah Melayu mengamalkan sikap *laissez-faire (perdagangan bebas)*. Perjanjian-perjanjian pelaburan ditandatangani dengan beberapa negara bukan komunis seperti Jerman Barat, Amerika Syarikat dan Jepun. Tanah Melayu telah menyokong usaha-usaha di peringkat antarabangsa untuk mengawal harga bahan-bahan mentah. Sebagai contoh, ia menyertai Perjanjian Antarabangsa Bijih Timah.

Di antara tahun-tahun 1963 - 69, dasar luar negara kita berkisar di sekitar *peristiwa konfrontasi* dengan Indonesia. Penubuhan Malaysia pada tahun 1963 ditentang oleh Indonesia yang menjalankan dasar konfrontasi hingga bulan Ogos 1966. Presiden Sukarno telah dipengaruhi oleh Parti Komunis Indonesia untuk menentang Malaysia yang bersikap anti-komunis. Konfrontasi ini telah mempengaruhi perkembangan Dasar Luar Malaysia dari segi jangka panjang. Semasa konfrontasi meletus, Indonesia telah menggunakan hubungan baiknya dengan negara-negara Afro-Asia untuk mendapat sokongan bagi dasar konfrontasinya terhadap Malaysia. Justeru itu, terdapat tekanan bagi Malaysia untuk *mengamalkan dasar luar yang berkecuali* sekiranya ia ingin mendapat sokongan dalam forum-forum antarabangsa. Satu lagi

perkembangan yang merintis jalan bagi Malaysia mengubah dasar luar yang pro-barat ialah keputusan Britain untuk *mengurangkan komitment angkatan bersenjata*nya di Timur Suez selepas tahun 1965.

### ● 1970 - 1980

Beberapa perubahan dalam dasar luar Malaysia telah berlaku apabila Tun Abdul Razak mengambil alih teraju pemerintahan negara daripada Tunku Abdul Rahman pada tahun 1970. Dalam tahun tersebut, Malaysia telah menghadiri Persidangan Negara-negara Berkecuali di Lusaka, Zambia di mana Tun Razak mengisyiharkan bahawa Malaysia *tidak akan memihak mana-mana blok*.<sup>4</sup> Dalam tahun 1971, Malaysia telah mengundi supaya negeri China diterima memasuki PBB.

Buat pertama kalinya, Malaysia mula mengadakan hubungan dengan negara-negara komunis. Dalam tahun-tahun 1972-73, Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan Vietnam Utara, Korea Utara dan Jerman Timur. Pada tahun 1974 pula, Tun Abdul Razak melawat negeri China dengan tujuan mengasaskan hubungan diplomatik.

Tun Abdul Razak telah juga mengeratkan lagi kerjasama serantau dan hubungan Malaysia dengan negara-negara Islam dan Afrika. Malaysia memainkan peranan aktif dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (*Association of Southeast Asian Nations - ASEAN*) yang ditubuhkan dalam tahun 1967. ASEAN akan dibincang secara lebih mendalam selanjutnya dalam bab ini di bawah perkara kerjasama serantau.

Tun Abdul Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976. Penggantinya, Tun Hussein Onn tidak melakukan sebarang perubahan radikal terhadap Dasar Luar Malaysia. Beliau telah mengeratkan lagi kerjasama serantau dan hubungan dengan negara-negara Islam serta Dunia Ketiga (negara-negara membangun).

### ● 1980-an di bawah Pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

Dr. Mahathir Mohamad menggantikan Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai 1981. Dasar Luar Malaysia tidak berubah pada asasnya sejak peralihan kuasa ini; perubahan hanya berlaku dari segi keutamaan dan cara pengurusan hubungan luar.

Sebaik saja selepas mengambil alih kuasa kerajaan, Dr. Mahathir mengumumkan bahawa Dasar Luar Malaysia yang *bersifat berkecuali*

akan memberi keutamaan kepada kerjasama serantau, hubungan dengan negara-negara Islam, Dunia Ketiga dan akhir sekali negara-negara Komanwel.<sup>5</sup> Dalam pada itu, Malaysia mula *memberi keutamaan yang lebih kepada hubungan ekonomi berbanding dengan hal-hal politik dan keselamatan*. Wisma Putra telah disusun semula untuk menjadi kementerian luar negeri yang berorientasikan ekonomi.

Dr. Mahathir tidak segan menunjukkan pendirian Malaysia yang tegas dalam isu-isu antarabangsa seperti *sekatan-sekatan perdagangan* yang dikenakan oleh negara-negara maju terhadap kemasukan barang Dunia Ketiga. Beliau telah muncul sebagai jurucakap Dunia Ketiga dalam forum-forum antarabangsa. Baru-baru ini dalam bulan Jun 1987, Dr. Mahathir dipilih mempengerusikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Penyeludupan Dadah yang diadakan di Vienna.

Dr. Mahathir telah juga mengambil inisiatif melawat negara-negara kecil Pasifik Selatan (seperti Fiji dan Tonga) serta Malta dan Sri Lanka bagi mengeratkan lagi hubungan ekonomi. Malaysia memberi bantuan teknik kepada negara-negara Pasifik Selatan, Afrika serta Asia Selatan dan Barat melalui Rancangan Kerjasama Tekniknya (*Malaysian Technical Cooperation Programme*). Malaysia menitikberatkan kerjasama Selatan-Selatan dan telah menganjurkan Persidangan Selatan-Selatan Kedua di Kuala Lumpur pada tahun 1986. Dr. Mahathir telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan yang diberi tugas memperincikan langkah-langkah bagi meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang di kalangan Dunia Ketiga. Kerjasama Selatan-Selatan dalam bidang ekonomi akan dibincangkan dalam Bab 13.

Satu lagi orientasi baru dalam dasar luar negara kita di bawah pimpinan Dr. Mahathir ialah *Dasar Pandang ke Timur* yang diisyiharkan pada tahun 1982. Ia bertujuan mempergiatkan lagi pembangunan Malaysia dengan mencontohi *etika kerja* dan *amalan-amalan pengurusan* yang baik dari Jepun dan Korea Selatan. Dasar ini akan dibincangkan secara lebih terperinci dalam Bab 14.

### Pendirian Malaysia dalam Masalah Kampuchea

Tentera Vietnam telah menduduki Kampuchea sejak tahun 1978. Vietnam menyokong rejim Heng Samrin. Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain menentang pencerobohan Vietnam di Kampuchea atas beberapa prinsip. Malaysia berpendapat bahawa negara-negara

luar tidak boleh campur tangan dalam hal-ehwal sesebuah negara. Malaysia juga berpendapat bahawa rakyat sesebuah negara harus menentukan nasib mereka sendiri. Malaysia berpegang teguh pada *prinsip penyelesaian sebarang pertikaian secara aman* dan bukan dengan menggunakan kekerasan.

Pergolakan politik di Kampuchea mengancam keamanan di rantau Asia Tenggara memandangkan terdapat *penglibatan kuasa-kuasa besar*. Soviet Union memihak Vietnam manakala negeri China memberi sokongan moral kepada Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea. Justeru itu, Malaysia memperjuangkan suatu penyelesaian politik secara aman di Kampuchea. Tentera Vietnam harus berundur dari Kampuchea dan rakyatnya diberi peluang untuk memilih kerajaan kesukaan mereka di bawah pengawasan PBB.

Malaysia memainkan peranan aktif dalam pembentukan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea. Perjanjian menukuhan kerajaan tersebut telah dirasmikan di Kuala Lumpur pada bulan Jun 1982. Malaysia juga memainkan peranan aktif dalam memperolehi pengiktirafan PBB bagi Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea sebagai kerajaan yang mewakili rakyat Kampuchea. Malaysia akan terus mempergiatkan usahanya untuk menyelesaikan masalah Kampuchea secara aman demi menjamin kestabilan politik di rantau Asia Tenggara.

### **Hubungan Malaysia dengan Negara-negara Islam**

Memandangkan Islam agama rasmi negara, Malaysia menitikberatkan *hubungan yang baik* dengan negara-negara Islam. Malaysia memainkan *peranan yang aktif* dalam Pertubuhan Persidangan Islam (*Organisation of Islamic Conference - OIC*) yang bertujuan memupuk perpaduan dan kemajuan umat Islam. Pertubuhan ini ditubuhkan pada tahun 1969 di Rabat, Morocco. Malaysia seringkali menganjurkan persidangan-persidangan negara-negara Islam dari semasa ke semasa serta menyokong projek-projek seperti Bank Pembangunan Islam. Malahan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman merupakan Setiausaha Agung Sekretariat Pertubuhan Persidangan Islam yang pertama. Sekretariat tersebut beribu pejabat di Jeddah. Pada masa ini Malaysia terlibat dalam usaha-usaha perantaraan bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq melalui Pertubuhan Persidangan Islam.

Malaysia memberi *sokongan kuat* kepada perjuangan rakyat Palestin dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (*Palestinian Liberation Organisation - PLO*) serta Mujahidin Afghanistan. Malaysia pernah men-

jadi tuan rumah kepada Persidangan Keserantauan Asia mengenai Persoalan Palestin di Kuala Lumpur pada bulan Mei 1983. Malaysia menyokong hak rakyat Palestin untuk menentukan nasib sendiri, termasuk hak mereka untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Malaysia juga memperjuangkan penyerahan tanah Arab yang diduduki oleh Israel.<sup>6</sup>

Mujahidin Afghanistan pula dibenarkan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada tahun 1984. Malaysia memperjuangkan penyelesaian politik secara aman di Afghanistan. Tentera Soviet Union harus berundur dari Afghanistan dan rakyatnya diberi peluang untuk memilih kerajaan kesukaan mereka.

### Pendirian Malaysia dalam Isu Antartika

Malaysia mula-mula menimbulkan isu Antartika melalui ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam bulan September 1982. Malaysia berpendapat bahawa *Antartika dan sumber-sumbernya* merupakan sebahagian daripada "warisan bersama manusia" (*common heritage of mankind*) dan ia harus diletakkan di bawah rejim antarabangsa yang lebih luas.<sup>7</sup> Pada ketika ini pengurusan hal-ehwal Antartika terletak di tangan sebilangan negara yang menjadi ahli Perjanjian Antartika 1959. Malaysia berpendapat bahawa sistem pengurusan tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan masyarakat seluruh dunia.

Antartika mempunyai *potensi bekalan bahan-bahan galian* seperti besi, arang batu, kobalt, uranium, nikel dan minyak serta *bahan-bahan makanan*. Malaysia berpendapat bahawa bahan-bahan tersebut harus digunakan untuk *faedah manusia sejagat*. Antartika adalah juga penting kerana ia mempengaruhi *ekologi dan cuaca dunia*. Justeru itu, Malaysia berpendapat bahawa ekologi dan alam sekitar harus dijaga. Kebanyakan negara yang bukan merupakan ahli Sistem Perjanjian Antartika menyokong pendirian Malaysia.

Pada tahun 1985 Malaysia berjaya mengemukakan draf ketetapan pertama dalam Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang meminta Setiausaha Agung badan dunia itu mengemaskini dan memperluaskan lagi kajian mengenai Antartika. Ia telah diterima tanpa sebarang undi yang menentang. Pada tahun 1987 PBB menerima resolusi anjuran Malaysia yang menyeru penyingkiran rejim Pretoria (Kerajaan Afrika Selatan) daripada menyertai mesyuarat antara pihak-pihak yang menandatangani Perjanjian Antartika.

### **Malaysia dan Isu Aparteid**

Malaysia menentang *Dasar Aparteid* (pengasingan kaum-kaum etnik) yang diamalkan oleh Kerajaan Afrika Selatan. Kerajaan Afrika Selatan telah *menafikan beberapa hak politik dan sosial* kepada orang kulit hitam. Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman telah menyuarakan tentang Malaysia (pada waktu itu Tanah Melayu) terhadap dasar ini di Persidangan Perdana-perdana Menteri Komanwel 1960. Pada tahun 1965 Malaysia telah mengenakan *sekaten eksport* ke Afrika Selatan.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengecam Dasar Aparteid Afrika Selatan di Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang diadakan di Vancouver pada bulan Oktober 1987. Beliau menegaskan bahawa tindakan konkret harus diambil untuk menghapuskan aparteid di negara tersebut.

### **Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif**

Berasaskan kepada Persidangan Ketiga Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut yang tamat pada 24 Ogos 1979, terdapat persetujuan umum bahawa setiap negara pantai (*coastal state*) mempunyai *hak eksklusif* ke atas zon ekonomi seluas 200 batu.<sup>8</sup> Zon Ekonomi Eksklusif (*Exclusive Economic Zone - EEZ*) merupakan kawasan berdampingan seluas 200 batu dari pantai di mana negara pantai mempunyak *hak kedaulatan* untuk mengeksploitasi dan menguruskan sumber-sumber alam seperti perikanan dan petroleum yang terdapat di kawasan tersebut, termasuk dasar laut (*sea-bed*).<sup>9</sup>

Malaysia telah menuntut haknya ke atas EEZ yang merangkumi kawasan laut sejauh 200 batu dari pantai di Laut China Selatan. Tunutan Malaysia ini ditentang oleh Brunei, Filipina, Vietnam dan negeri China.<sup>10</sup> Negara kita pada masa ini sedang memperluaskan *industri perikanan laut dalam*. Bagi memastikan keselamatan nelayan tempatan, rondaan-rondaan di dalam kawasan EEZ telah ditambahkan. Pada tahun 1987 Malaysia dan negeri Thai menandatangani satu perjanjian untuk meneroka bersama penangkapan ikan laut dalam.

### **Malaysia dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali**

Pergerakan Negara-negara Berkecuali merupakan satu gabungan longgar negara-negara membangun di Asia, Afrika dan Amerika Latin.

Prinsip-prinsip dan objektif-objektifnya seperti ditetapkan dalam Per-sidangan Afro-Asia 1955 di Bandung, Indonesia adalah seperti berikut:

- (i) Menghormati hak asasi manusia dan prinsip-prinsip Piagam Per-tubuhan Bangsa-bangsa Bersatu;
- (ii) Menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah (*territorial integrity*) semua negara;
- (iii) Mengakui persamaan semua ras dan negara;
- (iv) Mengelakkan campur tangan dalam hal-ehwal sesebuah negara;
- (v) Penyelesaian semua pertelingkahan antarabangsa secara aman seperti perundingan dan arbitrasi; dan
- (vi) Memajukan *kepentingan-kepentingan bersama*.

Malaysia menyokong kuat dasar-dasar Pergerakan Negara-negara Berkecuali. Malaysia telah menyertai mesyuarat-mesyuarat negara-negara berkecuali yang berlangsung di Algiers, Colombo, Havana, New Delhi dan Luanda. Malaysia mempunyai pejabat per-wakilan di beberapa negara berkecuali seperti Ethiopia, India, Nigeria, Sri Lanka, Yugoslavia dan Mesir.

### Kerjasama Serantau

Malaysia kini menitikberatkan *kerjasama serantau* di kalangan negara-negara Asia Tenggara. Ini adalah kerana kestabilan politik dan kemakmurannya amat bergantung kepada kejadian dan pergolakan yang berlaku di rantau tersebut.

Sejarah kerjasama serantau boleh dikesan kepada cadangan Tunku Abdul Rahman kepada Presiden Garcia (Filipina) dalam bulan Januari 1959 untuk menu buhkan sebuah *persatuan bukan politik* di kalangan negara-negara Asia Tenggara bagi meningkatkan *kerjasama ekonomi dan sosial*. Cadangan ini telah dipersetujui oleh Filipina dan negara Thai menjelang tahun 1960. Indonesia menolak jemputan untuk menyertai persatuan tersebut yang digelar Persatuan Asia Tenggara (*Association of Southeast Asia - ASA*) dan ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1961 di Bangkok. ASA tidak kekal lama kerana pertelingkahan telah meletus berikutan dengan hasrat Tanah Melayu untuk menu buhkan Malaysia pada tahun 1963. Filipina mengemukakan tuntutan ke atas Sabah dan seterusnya memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia.

Percubaan kedua untuk membentuk persatuan serantau ialah Maphilindo. Dalam bulan Julai 1963, Tunku Abdul Rahman, Presiden Sukarno (Indonesia) dan Presiden Macapagal (Filipina) telah men-

gadakan perjumpaan di Manila untuk menyelesaikan perselisihan yang muncul akibat pembentukan Malaysia. Persetujuan dicapai untuk menubuhkan sebuah persatuan serantau yang dinamakan Maphilindo. Ia wujud selama beberapa minggu sahaja kerana Indonesia telah melancarkan *dasar konfrontasi* terhadap pembentukan Malaysia pada bulan September 1963. Usaha-usaha yang lebih serius bagi memupuk kerjasama serantau telah dilaksanakan selepas tamatnya konfrontasi antara Malaysia dengan Indonesia pada bulan Ogos 1966.

## ASEAN

Persatuan Negara-negara Asia Tenggara yang lebih dikenali sebagai ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations*) telah ditubuhkan pada 8hb Ogos 1967 di Bangkok oleh kerajaan-kerajaan Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan negara Thal. Negara-negara tersebut diwakili oleh Menteri Luar masing-masing yang telah menandatangani Deklarasi Bangkok yang menandakan kelahiran ASEAN. Brunei Darussalam menyertai ASEAN pada 7 Januari 1984.

### Matlamat-matlamat ASEAN

ASEAN bukan merupakan suatu pakatan tentera. Matlamat-matlamat ASEAN adalah seperti berikut:-

- (i) Mempercepatkan *pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan kebudayaan* di rantau Asia Tenggara;
- (ii) Menggalakkan *keamanan dan kestabilan politik* di rantau Asia Tenggara dengan mematuhi prinsip-prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu;
- (iii) Menyediakan *bantuan* antara satu sama lain dalam bentuk kemudahan-kemudahan latihan dan penyelidikan;
- (iv) Meningkatkan *taraf hidup* penduduk negara-negara ahli melalui kerjasama dalam bidang pertanian, perusahaan dan perdagangan; dan
- (v) Mengadakan *hubungan yang erat* dan *menguntungkan* dengan persatuan-persatuan antarabangsa dan serantau yang lain.

### Struktur ASEAN

ASEAN mempunyai *peruntukan persidangan tetap* bagi Menteri-menteri

Luar dan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN. Mesyuarat tahunan Menteri-menteri Luar ASEAN yang dikenali sebagai *Annual Ministerial Meeting* (AMM) merupakan *badan pembuat keputusan* yang tertinggi bagi *kerjasama politik* dan *sosio-kebudayaan* untuk sidang biasa.<sup>11</sup> Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Ministers Meeting* - AEMM) yang lazimnya diadakan dua kali setahun merupakan *badan pembuat keputusan* yang tertinggi bagi *kerjasama ekonomi* untuk sidang biasa. Walaupun tidak diperuntukkan dalam mana-mana deklarasi ASEAN, menteri-menteri lain juga mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa. Perlu diambil perhatian bahawa Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan ASEAN (Sidang Kemuncak) diadakan dari semasa ke semasa untuk menggariskan haluan kerjasama baru dan mengesahkan program-program utama.<sup>12</sup> Mesyuarat yang pertama telah diadakan di Bali (1976), kedua di Kuala Lumpur (1977) dan ketiga di Manila (1987). Terdapat sekretariat tetap yang dikenali sebagai Sekretariat ASEAN yang terletak di Jakarta, Indonesia.

Dalam menjalankan tugas-tugasnya, AMM dan AEMM dibantu oleh beberapa jawatankuasa. Jawatankuasa Tetap (*Standing Committee*) yang dipengerusikan oleh Menteri Luar negara tuan rumah atau wakilnya dengan duta-duta negara ASEAN lain yang ditauliahkan sebagai ahli, menjalankan kerja persatuan di antara mesyuarat-mesyuarat AMM. AMM juga dibantu oleh sebuah jawatankuasa pegawai kanan yang dikenali sebagai Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (*Senior Officials Meeting* - SOM). AEMM dibantu oleh sebuah jawatankuasa pegawai kanan, iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai-pegawai Ekonomi Kanan (*Senior Economic Officials Meeting* - SEOM).

ASEAN juga mempunyai beberapa jawatankuasa tetap yang bertanggungjawab atas perkara-perkara tertentu. Pada masa ini terdapat lima jawatankuasa ekonomi iaitu: (a) Jawatankuasa Perdagangan dan Pelancongan (*Committee on Trade and Tourism* atau COTT); (b) Jawatankuasa Perindustrian, Galian dan Tenaga (*Committee on Industry, Minerals and Energy* atau COIME); (c) Jawatankuasa Makanan, Pertanian dan Perhutanan (*Committee on Food, Agriculture and Forestry* atau COFAF); (d) Jawatankuasa Pengangkutan dan Telekomunikasi (*Committee on Transportation and Communication* atau COTAC); dan (e) Jawatankuasa Kewangan dan Urusan Bank (*Committee on Finance and Banking* atau COFAB).

Terdapat juga tiga jawatankuasa tetap bukan ekonomi iaitu: (a) Jawatankuasa Sains dan Teknologi (*Committee on Science and Technology* atau COST); (b) Jawatankuasa Pembangunan Sosial (*Committee on Social Development* atau COSD); dan (c) Jawatankuasa Kebudayaan dan

Penerangan (*Committee on Culture and Information* atau COCI).

Jawatankuasa-jawatankuasa ekonomi melaporkan perkembangan-perkembangan kepada AEMM manakala jawatankuasa-jawatankuasa bukan ekonomi berbuat demikian kepada Jawatankuasa Tetap, dan melaluiinya, kepada AMM. Setiap jawatankuasa tersebut mempunyai beberapa jawatankuasa kecil serta kumpulan-kumpulan kerja dan pakar. Perlu diambil perhatian bahawa kerjasama di antara badan-badan bukan kerajaan ASEAN dibuat melalui Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN (*ASEAN Chamber of Commerce and Industry* atau ASEAN CCI).

### Kerjasama ASEAN dalam Bidang Politik

#### ZOPFAN

Konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (*Zone of Peace, Freedom and Neutrality* - ZOPFAN) telah diumumkan oleh Menteri-menteri Luar negara ASEAN melalui Deklarasi Kuala Lumpur pada 27hb. November, 1971. Konsep ZOPFAN meliputi seluruh kawasan Asia Tenggara dan ia mula-mula dicadangkan oleh Malaysia. Tujuan utama konsep ZOPFAN ialah untuk *menjamin keamanan dan kestabilan politik* di Asia Tenggara dengan mengelakkan campur tangan politik dan ketenteraan kuasa-kuasa besar seperti Soviet Union, China dan Amerika Syarikat dalam hal-ehwal rantau tersebut.

Selaras dengan konsep tersebut, setiap negara di rantau Asia Tenggara harus dibenarkan menentukan nasib sendiri tanpa campur tangan kuasa-kuasa luar. Ia juga melibatkan pengunduran tentera asing dari kawasan Asia Tenggara. Bagi mencapai keamanan, negara-negara di rantau Asia Tenggara tidak harus melibatkan diri dalam pertikaian di antara kuasa-kuasa besar. Hubungan dengan kuasa-kuasa luar harus berasaskan *Dasar Berkecuali*. Konsep ZOPFAN juga menggariskan bahawa sebarang pertikaian di Asia Tenggara harus diselesaikan secara aman dan bukan dengan kekerasan.

Konsep ZOPFAN telah mendapat sokongan moral negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (*European Economic Community*), Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Persidangan Komanwel serta beberapa negara lain seperti Jepun, Pakistan, Yugoslavia, Rumania dan Republik Demokratik Korea. Pencerobohan Vietnam di Kampuchea sejak tahun 1978 telah menjelaskan usaha pencapaian ZOPFAN. Namun demikian, ASEAN tetap berusaha untuk mencapai keamanan di Asia Tenggara melalui konsep ZOPFAN.<sup>13</sup>

### Pendirian Bersama atas Isu Politik

ASEAN telah mengambil pendirian bersama atas isu-isu politik seperti pencerobohan Vietnam di Kampuchea. ASEAN memperjuangkan penyelesaian politik di Kampuchea. Tentera Vietnam harus berundur dari Kampuchea dan rakyatnya diberi peluang menentukan nasib sendiri.

### Kerjasama Ekonomi

Kerjasama ekonomi antara tahun-tahun 1967 - 1976 adalah lembap. Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan ASEAN Pertama yang berlangsung di Bali, Indonesia pada 23 - 24 Februari 1976 telah merintis jalan bagi kerjasama ekonomi yang lebih erat di kalangan negara-negara ASEAN. Dua perjanjian yang penting telah ditandatangani, iaitu Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (*Treaty of Amity and Cooperation*) dan Perisyiharan Pakatan ASEAN (*Declaration of ASEAN Concord*). Persejukan dicapai untuk mengeratkan kerjasama ekonomi dan sosial serta menyelesaikan sebarang pertikaian di kalangan negara-negara anggota secara aman.

### Projek-projek Perindustrian ASEAN

ASEAN mencapai persejukan dalam tahun 1976 untuk melaksanakan lima buah projek perindustrian secara usahasama. Projek-projek tersebut ialah Projek Baja Urea ASEAN di Indonesia, Projek Baja Urea ASEAN di Malaysia, Projek Fabrikasi Tembaga ASEAN (*ASEAN Copper Fabrication Project*) di Filipina, Projek Vaksin Hepatitis B ASEAN di Singapura dan Projek Garam Batuan - Abu Soda ASEAN (*ASEAN Rock Salt Soda Ash Project*) di negara Thai.

Projek Baja Urea di Indonesia yang diberi nama P.T. ASEAN Aceh Fertilizer telah memulakan pengeluaran komersial pada 1hb. Januari 1984. Projek Baja Urea ASEAN di Malaysia yang diberi nama ASEAN Bintulu Fertilizer Sendirian Berhad pula telah memulakan pengeluaran komersial pada 22 September 1985. Projek Fabrikasi Tembaga ASEAN di Filipina masih belum memulakan pengeluaran. Projek Vaksin Hepatitis B ASEAN dan Projek Garam Batuan-Abu Soda akan digantikan dengan projek lain kerana kedua-duanya tidak lagi menguntungkan.<sup>14</sup>

### Usahasama Perindustrian ASEAN

Terdapat juga Skim Usahasama Perindustrian ASEAN (*ASEAN Industrial Joint Venture* - AIJV) bagi memupuk kerjasama perindustrian. Setakat ini, hanya tiga atau empat projek di bawah skim ini telah dilaksanakan. Projek-projek AIJV menikmati keistimewaan PTA sehingga 70% (lihat bahagian Peraturan Perdagangan Istimewa).

### Skim Pelengkapan Perindustrian ASEAN

Pada tahun 1980 Menteri-menteri Luar ASEAN telah menandatangani Perjanjian Asas bagi Pelengkapan Perindustrian ASEAN (*ASEAN Industrial Complementation* - AIC). Menurut perjanjian tersebut, sesebuah projek di bawah skim ini mesti disertai oleh sekurang-kurangnya empat buah negara anggota. Projek AIC juga menikmati keistimewaan PTA. Projek AIC yang telah dilaksanakan setakat ini ialah dalam industri automotif.<sup>15</sup>

### Peraturan Perdagangan Istimewa

Peraturan Perdagangan Istimewa (*Preferential Trading Arrangements* - PTA) yang ditandatangani pada 24 Februari 1977 bertujuan untuk menambahkan perdagangan intra-ASEAN. Ia merangkumi kontrak kuantiti jangka panjang, perolehan istimewa oleh entiti kerajaan, pelonggaran langkah-langkah bukan-tarif dan perluasan tarif istimewa (*tariff preferences*). Menjelang tahun 1984, sebanyak 18,933 barang telah dimasukkan ke dalam Senarai PTA.<sup>16</sup> Namun demikian, perkembangan perdagangan intra-ASEAN masih lebap.

### Pendirian Bersama atas Isu-Isu Ekonomi Antarabangsa

Kerjasama ekonomi ASEAN juga jelas kelihatan dalam pendirian bersama atas isu-isu ekonomi antarabangsa. Di antara lain, isu-isu tersebut ialah perluasan pasaran bagi barang eksport ASEAN, ke-stabilan harga komoditi dan masalah hutang luar negeri.

### Sektor Pengangkutan dan Komunikasi

Terdapat kerjasama dalam bidang komunikasi di antara negara-negara ASEAN dengan pemasangan kabel laut ASEAN yang menghubungkan semua negara anggota. ASEAN telah juga mengasaskan Skim Pertukaran Berita Televisyen (*ASEAN TV-News Exchange Scheme*) yang sekarang berada dalam peringkat pelaksanaan. Pada 9 Julai 1985, Menteri-menteri Luar ASEAN telah menandatangani satu perjanjian bagi mengiktirafkan lesen pemandu tempatan di rantau ASEAN.<sup>17</sup>

### Sektor Kewangan

ASEAN telah menubuhkan *ASEAN Banking Council* bagi menyelaraskan kegiatan bank-bank perdagangan di rantau ASEAN. Lain-lain kerjasama dalam sektor kewangan ialah penubuhan Syarikat Kewangan ASEAN (*ASEAN Finance Corporation* - AFC) di Singapura dalam tahun 1981 dengan modal sebanyak AS\$100 juta dan Majlis Urusan Bank ASEAN (*ASEAN Banking Council* - ABC). AFC memberi kemudahan kewangan kepada projek-projek usahasama ASEAN manakala ABC bertanggungjawab menggubal dasar-dasar berkaitan dengan urusan bank untuk mempercepatkan pembangunan di rantau ASEAN.<sup>18</sup>

### Sektor Makanan dan Pertanian

Pada 4 Oktober 1979, Menteri-menteri Luar ASEAN telah bersetuju untuk menubuhkan satu Simpanan Makanan Keselamatan ASEAN (*ASEAN Food Security Reserve*). Buat permulaan, simpanan makanan tersebut adalah dalam bentuk beras. Sehingga akhir tahun 1985, terdapat simpanan beras sebanyak 53,000 tan.<sup>19</sup>

Berkaitan dengan kerjasama pertanian, ASEAN telah menubuhkan Pusat Perancangan Pembangunan Pertanian ASEAN (*ASEAN Agricultural Development Centre*) pada tahun 1981. Ia merupakan bank data atau pusat maklumat mengenai masalah pertanian di negara-negara ASEAN. Lain-lain kerjasama dalam bidang pertanian meliputi penubuhan *Plant Quarantine Training Centre and Institute* (PLANTI) di Serdang, Malaysia dan *ASEAN Centre for Development of Agricultural Cooperative* di Indonesia.

### Kerjasama ASEAN dalam Bidang Sosial dan Kebudayaan

ASEAN mempunyai sebuah Tabung Kebudayaan ASEAN yang membiayai kegiatan-kegiatan kebudayaan. Pesta Filem ASEAN dan Pesta Lagu ASEAN seringkali diadakan. ASEAN juga menggalakkan pertukaran rancangan-rancangan radio dan televisyen. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, ASEAN mula mengadakan bengkel lukisan dan muzik bagi kaum belia.

### Pendidikan dan Kesihatan

Negara-negara ASEAN juga mempunyai kerjasama dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Beberapa seminar, program-program latihan dan penyelidikan dalam bidang-bidang tersebut telah dilaksanakan setakat ini.

### Kerjasama dalam Kawalan Dadah

Terdapat kerjasama ASEAN yang erat dalam kawalan dadah. Satu Seminar Bergerak (*Mobile Seminar*) mengenai Masalah-masalah Dadah Nasional telah diadakan pada bulan Januari - Februari 1984. ASEAN merancang untuk mengadakan beberapa bengkel dan kursus latihan berkaitan dengan penyalahgunaan dadah mulai tahun 1985. ASEAN juga mempunyai satu strategi yang dipersetujui bersama untuk memerangi penyalahgunaan dan pengedaran dadah di peringkat antarabangsa.

### Dialog dengan Negara-negara Ketiga

ASEAN seringkali mengadakan mesyuarat-mesyuarat dialog dengan Australia, Kanada, Jepun, Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC), New Zealand, Amerika Syarikat dan *United Nations Development Programme* (UNDP). Mesyuarat-mesyuarat dialog ini menitikberatkan kerjasama ekonomi. ASEAN menggunakan mesyuarat ini untuk memperluaskan pasaran bagi barang eksportnya, menstabilkan harga komoditi serta memperolehi bantuan pengurusan dan kewangan bagi projek-projek tertentu.

Dialog ASEAN dengan negara-negara ketiga ini telah mencapai

beberapa kejayaan. Kerajaan Jepun telah pun bersetuju untuk memberi pinjaman sebanyak AS\$1000 juta bagi membiayai Projek-projek Perindustrian ASEAN. Negara-negara tersebut telah memberi bantuan pengurusan dan kewangan untuk berbagai-bagai projek ASEAN dalam bidang pengeluaran makanan, perikanan, perhutanan, pertanian, penyelidikan, perdagangan, sains dan teknologi dan sebagainya. EEC pula telah menunjukkan minatnya untuk meningkatkan kerjasama dengan ASEAN melalui penubuhan pejabatnya di Bangkok. Malahan buat pertama kalinya, satu Mesyuarat Menteri ASEAN-EEC mengenai Hal-hal Ekonomi telah diadakan di Bangkok pada bulan Oktober 1985 untuk membuka lembaran baru dalam kerjasama ekonomi. Menteri-menteri Luar ASEAN pula telah bermesyuarat dengan Presiden Ronald Reagan pada 1 Mei 1986 di Bali, Indonesia. Perkembangan-perkembangan ini membayangkan pengiktirafan ASEAN sebagai satu persatuan serantau yang penting oleh negara-negara maju.

### Masa Depan ASEAN

Setakat ini, kejayaan ASEAN yang utama ialah dalam bidang kerjasama politik. ASEAN telah *berjaya menggerakkan hubungan persahabatan* dan menunjukkan solidariti dalam menghadapi isu-isu politik dan ekonomi antarabangsa. Namun demikian, kemajuan dalam bidang ekonomi tidak begitu membanggakan. Jumlah perdagangan intra-ASEAN masih kecil, iaitu hanya 21% daripada jumlah keseluruhan perdagangan ASEAN pada tahun 1985. Bilangan projek-projek usahasama adalah juga kecil. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh semangat nasionalisme ekonomi negara-negara anggota yang lebih mengutamakan kepentingan-kepentingan nasional daripada kepentingan bersama. Sebab yang lain ialah perbezaan dalam struktur dan tahap perkembangan ekonomi yang merupakan batu penghalang utama bagi perkembangan perdagangan intra-ASEAN. Masa depan ASEAN bergantung pada keupayaan politik (*political will*) pemimpin-pemimpin negara anggotanya untuk mengorbankan sebahagian daripada kepentingan-kepentingan nasional demi meningkatkan ke-makmuran bersama dalam jangka panjang.<sup>20</sup>

### Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia

Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang

ditubuhkan secara rasmi pada 4 November 1985 melambangkan *kerjasama kebahasaan serantau*. MABBIM menggantikan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) yang telah ditubuhkan pada 29 Disember 1972.<sup>21</sup> Kegiatan MABBIM di setiap negara diusahakan oleh sebuah Urusetia, iaitu Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia (di Malaysia), Panitia Kerjasama Kebahasaan (di Indonesia) dan Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (di Brunei Darussalam). Majlis ini bersidang dua kali setahun.

Tujuan utama penubuhan MABBIM ialah untuk *mengembangkan bahasa kebangsaan negara anggota supaya menjadi bahasa yang setaraf dengan bahasa moden yang lain*. Tujuan-tujuan yang lain ialah untuk *meningkatkan semangat persaudaraan antara negara anggota* dan *meningkatkan peranan bahasa kebangsaan negara anggota sebagai alat perhubungan yang lebih luas*.

Bidang usahasama untuk mengembangkan bahasa kebangsaan negara anggota meliputi masalah-masalah ejaan, tatabahasa dan istilah. MABBIM telah mencapai kejayaan yang membanggakan dalam usaha penyeragaman ejaan dan istilah. Daripada kira-kira 87,000 istilah yang dibincangkan setakat bulan April 1986, hampir 70 peratus digunakan sama sepenuhnya (iaitu istilah yang sama) oleh negara anggota; 20 peratus berbeza sedikit daripada segi ejaan dan 10 peratus berbeza daripada segi padanan<sup>22</sup> Salah satu projek besar yang sedang dilaksanakan oleh MABBIM (dijangka siap pada tahun 1989) ialah penerbitan kamus istilah sains asas - Kimia, Fizik, Matematik dan Biologi.

## RINGKASAN

1. Dasar luar negeri merangkumi matlamat, rancangan dan tindakan yang diambil oleh sesebuah negara sehubungan dengan negara-negara lain.
2. Dasar Luar Malaysia adalah berdasarkan dasar berkecuali, iaitu ia ingin mengadakan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi.
3. Dasar Luar Malaysia bertujuan untuk melindungi dan memajukan

kepentingan-kepentingan nasional dari aspek ekonomi, politik dan keselamatan.

4. Buat masa ini, aspek ekonomi diberi keutamaan yang lebih berbanding dengan aspek-aspek politik dan keselamatan.
5. Dasar luar negara kita lazimnya ditentukan oleh Perdana Menteri dengan bantuan Kabinet dan Wisma Putra (Kementerian Luar Negeri).
6. Faktor-faktor yang diambil kira dalam penentuan Dasar Luar Malaysia ialah: (a) kepentingan nasional; (b) Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu; (c) kedudukan geografi; (d) Islam; (e) bekas jajahan British; (f) dasar berkecuali; dan (g) prinsip hidup bersama.
7. Dasar Luar Malaysia antara tahun-tahun 1957-69 umumnya adalah bercorak pro-barat dan anti-komunis.
8. Pada tahun 1970 Malaysia secara rasmi mengamalkan dasar berkecuali apabila Perdana Menteri Tun Abdul Razak menghadiri Persidangan Negara-negara Berkecuali di Lusaka, Zambia dalam tahun tersebut.
9. Di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia tidak segan mengambil pendirian tegas dalam isu-isu antarabangsa. Beliau telah muncul sebagai jurucakap negara-negara Dunia Ketiga.
10. Malaysia menentang pencerobohan Vietnam di Kampuchea dan memperjuangkan satu penyelesaian politik di mana rakyat Kampuchea diberi peluang memilih kerajaan kesukaan mereka.
11. Malaysia menitikberatkan hubungan dengan negara-negara Islam dan memainkan peranan aktif dalam Pertubuhan Persidangan Islam.
12. Malaysia memberi sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin dan Mujahidin Afghanistan.
13. Malaysia berpendapat bahawa Antartika dan sumber-sumber alamnya merupakan sebahagian daripada "warisan bersama manusia" (*common heritage of mankind*).

14. Malaysia menentang Dasar Aparteid Kerajaan Afrika Selatan dan telah mengenakan sekatan eksport ke negara tersebut.
15. Malaysia telah menuntut haknya ke atas Zon Ekonomi Eksklusif yang merangkumi kawasan laut sejauh 200 batu dari pantai di Laut China Selatan.
16. ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 melalui Deklarasi Bangkok. Negara anggotanya terdiri daripada Malaysia, Singapura, Brunei, negara Thai, Filipina dan Indonesia.
17. ASEAN bukan merupakan suatu pakatan tentera. Tujuan-tujuannya yang utama ialah untuk mengekalkan keamanan di rantau Asia Tenggara serta mengeratkan kerjasama negara anggota dalam bidang ekonomi dan sosial.
18. Sekretariat ASEAN yang tetap terletak di Jakarta, Indonesia.
19. ASEAN memperjuangkan Konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) untuk menjamin kestabilan politik di Asia Tenggara. Ia telah diumumkan pada tahun 1971 melalui Deklarasi Kuala Lumpur.
20. Bidang-bidang utama bagi kerjasama ekonomi ASEAN ialah: (a) Projek-projek Perindustrian ASEAN; (b) Usahasama Perindustrian ASEAN; (c) Skim Pelengkapan Perindustrian ASEAN; (d) Peraturan Perdagangan Istimewa; dan (e) Dialog dengan negara-negara seperti ASEAN - EEC, ASEAN - Jepun, ASEAN - Amerika Syarikat dan ASEAN - Australia.
21. Bidang-bidang utama bagi kerjasama sosial ialah: (a) Tabung Kebudayaan ASEAN, (b) pendidikan dan kesihatan; dan (c) kerjasama dalam kawalan dadah.
22. Tujuan utama Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang ditubuhkan pada 4 November 1985 ialah untuk mengembangkan bahasa kebangsaan negara anggotanya.
23. MABBIM telah mencapai kejayaan yang membanggakan dalam usaha penyeragaman ejaan dan istilah.

**NOTA KAKI**

1. Lihat *The Star*, 8 Oktober 1987, m.s. 7.
2. Lihat Abdullah Ahmad (Dato'), *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy 1963 - 1970*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur 1985, ms. 26 - 34.
3. M. Rajendran, *ASEAN's Foreign Relations: The Shift to Collective Action*, Arenabuku Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, m.s. 15.
4. Lihat J. Saravananuttu, "Rupa bentuk dan Perkembangan Dasar Luar Malaysia Sejak 1957", dalam *Masyarakat Malaysia: Tinjauan dan Perbincangan Terhadap Beberapa Isu dan Topik Semasa*, (ed.) Zuraina Majid, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1982.
5. Lihat Chamil Wariya, "Dasar Luar Malaysia Berubah Menurut Perkembangan," *Utusan Malaysia*, 31 Ogos 1987.
6. Jabatan Penerangan Malaysia, *Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1986*, Kuala Lumpur, m.s. 107.
7. Ranjit Singh Malhi, *Panduan Jawapan Peperiksaan Am Kerajaan*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1985, m.s. 69.
8. Lee Yong Leng, *Southeast Asia and the Law of the Sea*, Singapore University Press, Singapura, 1980, m.s. 1.
9. Peter Polomka, *Ocean Politics in Southeast Asia*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, 1978, m.s. 5.
10. Dr. K.S. Nathan, "Masalah Kerjasama Politik dan Keselamatan," *Dewan Masyarakat*, Jld.25, November 1987, m.s. 25.
11. Muthiah Alagappa, "ASEAN Institutional Framework and Modus Operandi: Recommendations for Change," dalam *ASEAN at the Crossroads*, (ed.) Noordin Sopiee, Chew Lay See dan Lim Siang

- Jin, ISIS Malaysia, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 183.
12. Ibid., m.s. 192.
  13. Lihat Ranjit Singh Malhi, op.cit., m.s. 67 - 68.
  14. Kementerian Kewangan Malaysia, *Laporan Ekonomi 1987/1988*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, m.s. 43.
  15. Chee Peng Lim, "ASEAN Co-operation in Industry: Looking Back and Looking Forward," dalam *ASEAN at the Crossroads*, op.cit., ms. 99.
  16. Ibid., m.s. 92.
  17. ASEAN Secretariat, op.cit., m.s. 42.
  18. Andrew Sheng, "ASEAN Co-operation in Money and Banking" dalam *ASEAN at the Crossroads*, op.cit., m.s. 145.
  19. ASEAN Secretariat, op.cit., m.s. 23.
  20. Lihat Dr. K.S. Nathan, "Masalah Kerjasama Politik dan Keselamatan", *Dewan Masyarakat*, Jld. 25, November 1987, m.s. 25 - 27.
  21. Dewan Bahasa dan Pustaka, *Berita MABBIM*, Jun 1987, m.s. 1.
  22. Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka, *Berita Peristilahan*, Mei 1986, m.s. 16 - 17.

#### CADANGAN BACAAN TAMBAHAN

Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy 1963 - 1970*, Berita Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1985.

Lee Yong Leng, *Southeast Asia and the Law of the Sea*, Singapore University Press, Singapura, 1980.

Noordin Sopiee, Chew Lay See dan Lim Siang Jin, (ed.), ASEAN at the Crossroads, ISIS Malaysia, Kuala Lumpur 1987.

### SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Semua pernyataan berikut mengenai dasar luar Malaysia adalah benar kecuali
  - A. Malaysia mengamalkan dasar berkecuali ✓
  - B. Malaysia menentang Dasar Aparteid di Afrika Selatan ✓
  - C. Dasar luar negara kita lazimnya ditentukan oleh Wisma Putra
  - D. Keutamaan dalam dasar luar Malaysia adalah berdasarkan hubungan erat dengan negara-negara ASEAN, negara-negara Islam, negara-negara berkecuali dan negara-negara Komanwel
  - E. Malaysia merupakan penyokong kuat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ✓
2. Yang manakah di antara faktor-faktor berikut diambil kira dalam penentuan dasar luar Malaysia?
  - I. Kepentingan nasional ✓
  - II. Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ✓
  - III. Kedudukan geografi ✓
  - IV. Islam ✓
  - V. Bekas jajahan British ✓
  - A. I, II dan III
  - B. I, II, III dan IV
  - C. Semua yang di atas ✓
  - D. I, III, IV dan V
  - E. III dan IV ✓
3. Malaysia dan lain-lain negara ASEAN menentang pencerobohan Vietnam di Kampuchea atas beberapa prinsip, iaitu
  - I. negara-negara luar tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal sesebuah negara -
  - II. Rusia memihak Vietnam

- III. negara China memberi sokongan moral kepada Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea
  - IV. rakyat sesebuah negara harus menentukan nasib mereka sendiri
  - V. sebarang pertikaian harus diselesaikan secara aman
- A. I, II dan III
  - B. I, IV dan V
  - C. II dan V
  - D. II dan III
  - E. V sahaja
4. Pernyataan-pernyataan berikut mengenai hubungan Malaysia dengan negara-negara Islam adalah benar **kecuali**
- A. Malaysia memainkan peranan aktif dalam Pertubuhan Persidangan Islam
  - B. Malaysia memberi sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin
  - C. Mujahidin Afghanistan dibenarkan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada tahun 1984
  - D. Tunku Abdul Rahman merupakan setiausaha Agung Sekretariat Pertubuhan Persidangan Islam yang ketiga
  - E. Malaysia seringkali menganjurkan persidangan-persidangan negara-negara Islam
5. Prinsip-prinsip dan objektif-objektif negara-negara berkecuali adalah seperti berikut **kecuali**
- A. mengelakkan hubungan dengan negara-negara komunis
  - B. menghormati hak asasi manusia dan prinsip-prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
  - C. menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah semua negara
  - D. mengakui persamaan semua ras dan negara
  - E. memajukan kepentingan-kepentingan bersama
6. Berasaskan kepada Undang-undang Laut Antarabangsa, setiap negara pantai mempunyai hak eksklusif ke atas zon ekonomi seluas
- A. 200 meter
  - B. 200 batu

- C. 200 kilometer
  - D. 250 kilometer
  - E. 250 batu
7. Apakah pendirian Malaysia dalam isu Antartika?
- I. Antartika dan sumber-sumbernya merupakan sebahagian daripada "warisan bersama manusia"
  - II. Pengurusan hal ehwal Antartika harus berada di tangan sebilangan negara yang menjadi ahli Perjanjian Antartika 1959
  - III. Bahan-bahan galian dan makanan yang terdapat di Antartika harus digunakan untuk faedah manusia sejagat
  - IV. Ekologi dan alam sekitar Antartika harus dipertahankan
  - V. Kajian saintifik antarabangsa tidak harus dijalankan di kawasan Antartika
- A. I, III dan IV
  - B. I dan V
  - C. II dan III
  - D. II sahaja
  - E. I dan III
8. Tujuan utama penubuhan ASEAN pada tahun 1967 ialah untuk
- A. menyekat pengaruh komunis
  - B. mewujudkan keamanan dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan sosial
  - C. menghapuskan pengaruh Vietnam di Kampuchea
  - D. memperluaskan kerjasama ketenteraan
  - E. menggalakkan kerjasama politik
9. Pernyataan-pernyataan berikut mengenai ASEAN adalah benar kecuali
- A. ASEAN ditubuhkan pada 8hb. Ogos 1967 melalui Deklarasi Bangkok
  - B. ASEAN merupakan suatu pakatan tentera
  - C. Brunei menyertai ASEAN pada 7hb. Januari
  - D. ASEAN mencapai persetujuan untuk melaksanakan lima buah projek perindustrian secara usahasama
  - E. ASEAN memperjuangkan penyelesaian politik di Kampuchea

10. Konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) telah diumumkan oleh Menteri-menteri Luar negara ASEAN pada 27hb. November, 1971 melalui
  - A. Deklarasi Bangkok
  - B. Deklarasi Kuala Lumpur
  - C. Perisyiharan Jakarta
  - D. Perisyiharan Manila
  - E. Perisyiharan Singapura
11. Tujuan utama konsep ZOPFAN ialah untuk
  - A. mengatasi ancaman komunis di Asia Tenggara
  - B. menjamin keamanan dan kestabilan politik di Asia Tenggara
  - C. mewujudkan kerjasama ketenteraan antara negara-negara ASEAN
  - D. menggalakkan kerjasama ekonomi antara negara-negara ASEAN
  - E. mengatasi ancaman kuasa-kuasa besar
12. Pernyataan-pernyataan berikut mengenai ZOPFAN adalah benar kecuali
  - A. konsep ZOPFAN meliputi negara-negara ASEAN sahaja
  - B. tujuan utama ZOPFAN ialah untuk menjamin keamanan di Asia Tenggara
  - C. konsep ZOPFAN diumumkan melalui Deklarasi Kuala Lumpur
  - D. konsep ZOPFAN melibatkan pengunduran tentera asing dari kawasan Asia Tenggara
  - E. konsep ZOPFAN telah mendapat sokongan Pergerakan Negara-negara Berkecuali

### **SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Apakah yang dertiakan dengan dasar luar negeri dan dasar berkecuali?
2. Apakah faktor-faktor yang diambil kira dalam penentuan Dasar Luar Malaysia?

3. Bandingkan Dasar Luar Malaysia di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad
4. Huraikan pendirian Malaysia dalam isu-isu Masalah Kampuchea, Antartika, Aparteid dan Zon Ekonomi Eksklusif.
5. Apakah matlamat-matlamat ASEAN?
6. Bincangkan kerjasama negara-negara ASEAN dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.
7. Apakah faktor-faktor yang menghalang kerjasama ASEAN yang lebih erat dalam bidang ekonomi?

### **GERAKERJA**

1. Aturkan satu perbahasan mengenai tajuk berikut:  
"Dasar berkecuali merupakan strategi terbaik untuk menjamin keselamatan dan kemakmuran Malaysia dalam jangka panjang."
2. "Masa depan ASEAN bergantung atas keupayaan politik pemimpin-pemimpin negara anggotanya untuk mengorbankan sebahagian daripada kepentingan-kepentingan nasional untuk meningkatkan kemakmuran bersama dalam jangka panjang." Bincangkan pernyataan ini dalam suatu forum.

**BAB****13**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	Dunia Ketiga, Dialog Utara-Selatan, Dialog Selatan-Selatan dan Order Baru Ekonomi Dunia
<b>Mengenalpasti</b>	masalah-masalah perdagangan yang dihadapi oleh Malaysia dan negara-negara membangun yang lain.
<b>Membandingkan</b>	sekatan tarif dengan sekatan bukan tarif.
<b>Membingungkan</b>	kepentingan dan hasil Dialog Utara-Selatan.
<b>Menghuralkan</b>	kepentingan dan hasil Dialog Selatan-Selatan.

## MALAYSIA DAN ISU-ISU EKONOMI ANTARABANGSA

*Keperluan manusia harus dilihat dalam rangka global.*

- Komunikasi Sains Sosial Dunia Ketiga, 1974

Malaysia dan negara-negara membangun yang lain (Dunia Ketiga atau pihak "Selatan") menghadapi beberapa masalah ekonomi seperti harga komoditi utama yang rendah dan tidak stabil, dasar perlindungan negara-negara maju (pihak "Utara") dan beban hutang luar negeri yang tinggi. Kemelesetan ekonomi dunia pada masa ini pula telah membatutkan lagi pembangunan ekonomi di negara-negara Dunia Ketiga.

Bab ini, di antara lain, akan membincangkan ekonomi terbuka Malaysia; masalah-masalah perdagangan yang dihadapi oleh Dunia Ketiga (terutamanya yang berkaitan dengan eksport komoditi utama); Dialog Utara-Selatan; Dialog Selatan-Selatan dan Order Baru Ekonomi Dunia (*New International Economic Order - NIEO*). Dalam membincangkan masalah-masalah perdagangan yang dihadapi oleh negara-negara membangun, tumpuan khas akan diberi kepada Malaysia.

### Ekonomi Terbuka Malaysia

Seperti kebanyakan negara Dunia Ketiga, Malaysia mempunyai *ekonomi terbuka (open economy)*, iaitu negara kita amat bergantung kepada hasil eksport dan terdedah kepada perubahan-perubahan ekonomi dunia. Eksport merupakan kira-kira 50 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (*Gross Domestic Product*). Malaysia merupakan pengeluar dan pengeksport yang utama di dunia bagi bijih timah, minyak kelapa sawit dan getah. Malaysia juga merupakan salah satu daripada pengeluar utama dunia bagi kayu balak tropika, lada hitam, koko, nanas dalam tin dan tembaga. Eksport Malaysia yang utama ialah petroleum. Pada tahun 1985 nilai komoditi-komoditi utama ini (tidak termasuk petroleum) merupakan 39 peratus daripada jumlah eksport negara.<sup>1</sup> Maka adalah jelas bahawa ekonomi Malaysia amat bergantung kepada *eksport komoditi utama*.

Malaysia juga bergantung kepada eksport barang-barang perikilangan (terutamanya tekstil, keluaran elektronik, makanan yang diproses dan keluaran hasil getah). Sumbangannya kepada jumlah keseluruhan eksport pada tahun 1986 ialah 42.3 peratus.<sup>2</sup> Pasaran utama eksport Malaysia masih lagi Jepun, Amerika Syarikat, negara-negara ASEAN dan Kesatuan Ekonomi Eropah (*European Economic Community - EEC*). Walau bagaimanapun, pada masa ini negara kita sedang meningkatkan perdagangan dengan negara-negara membangun seperti India, Pakistan, China, Mesir dan Bangladesh.

### Isu-Isu Komoditi Utama Semasa

Kemelesetan ekonomi dunia kini yang bermula pada tahun 1980 telah menjelaskan ekonomi kebanyakan negara membangun yang bergantung kepada komoditi utama sebagai sumber pendapatan. Sebagai contoh, sumbangan pendapatan eksport komoditi utama di Malaysia telah merosot daripada 80.4 peratus pada tahun 1970 kepada hanya 39 peratus pada tahun 1985. Ini adalah disebabkan oleh *kejatuhan harga komoditi utama secara menyeluruh*. Sehubungan dengan ini, masalah-masalah utama yang dihadapi oleh negara-negara membangun dalam perdagangan komoditi utama ialah: (a) harga yang rendah dan tidak stabil; (b) pengeluaran lebihan; dan (c) sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif yang dikenakan oleh negara-negara maju.

#### ● Harga Komoditi Utama yang Rendah dan Tidak Stabil

Dalam tahun-tahun 1980-an, harga kebanyakan komoditi utama telah merosot akibat permintaan yang lemah daripada negara-negara perindustrian. Ini adalah disebabkan oleh *kemerosotan pertumbuhan ekonomi* negara-negara tersebut. Harga purata minyak kelapa sawit turun daripada \$1,611 setan pada tahun 1984 kepada \$578 setan pada tahun 1986; harga purata bijih timah merosot daripada \$29.67 sekilogram pada tahun 1985 kepada \$15.40 sekilogram pada tahun 1986; harga petroleum menurun daripada US\$29.34 setong pada tahun 1984 kepada US\$14.82 setong pada tahun 1986; dan harga purata getah RSS 1 telah merosot daripada 225 sen sekilogram pada tahun 1984 kepada 189 sen sekilogram pada tahun 1985.<sup>3</sup>

#### ● Pengeluaran Lebihan

Pada masa ini terdapat *lebihan pengeluaran* bagi beberapa komoditi

utama seperti bijih timah dan getah. Keadaan ini adalah disebabkan oleh tindakan negara-negara membangun untuk *meningkatkan pengeluaran bagi mengimbang kerugian pertukaran asing akibat kemererosotan harga barang-barang utama*. Sehingga bulan Julai 1987, terdapat lebihan bijih timah sebanyak 60,000 tan dalam pasaran dunia manakala bagi getah jumlahnya dianggarkan sebanyak 370,000 tan.<sup>4</sup> Lebihan ini telah menjelaskan pemulihan harga komoditi utama.

#### ● Sekatan Tarif dan Bukan Tarif

Kebanyakan negara perindustrian yang mengalami kemererosotan pertumbuhan ekonomi telah mengenakan sekatan tarif dan bukan tarif ke atas eksport komoditi utama negara-negara membangun, demi *melindungi industri atau kepentingan sendiri*. Sebagai contoh, eksport papan lapis Malaysia ke Jepun dikenakan tarif, iaitu duti sebanyak 20 peratus manakala eksport buah-buahan dikenakan sekatan bukan tarif seperti peraturan kuarantin dan undang-undang pengawalan makanan.<sup>5</sup> Kesatuan Ekonomi Eropah pula mengenakan duti sebanyak 12 peratus ke atas minyak kelapa sawit ditapis. Sekatan-sekatan ini telah *menjejaskan pertumbuhan perdagangan komoditi utama*. Malahan perdagangan dunia secara keseluruhan dijangka merosot daripada 4.9 peratus pada tahun 1986 kepada 3.6 peratus pada tahun 1987.<sup>6</sup>

#### Dialog Utara-Selatan

"Dialog Utara-Selatan" merupakan satu istilah umum yang melambangkan *proses perundingan yang berterusan* antara negara-negara Dunia Ketiga (Selatan) dengan negara-negara perindustrian (Utara) mengenai isu-isu ekonomi antarabangsa. Asal usul Dialog Utara-Selatan boleh dikesan kepada penubuhan Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (*United Nations Conference on Trade and Development - UNCTAD*) pada tahun 1964 atas inisiatif negara Dunia Ketiga.<sup>7</sup> Semasa penubuhannya, ia mempunyai 77 negara ahli (Kumpulan 77). Pada hari ini, UNCTAD mempunyai 147 negara ahli (126 negara Dunia Ketiga dan 21 negara perindustrian).

Objektif UNCTAD ialah untuk *menggalakkan perdagangan antarabangsa dengan tumpuan kepada masalah-masalah perdagangan dan imbalan pembayaran negara Dunia Ketiga*. Namun demikian, istilah "Dialog Utara-Selatan" menjadi popular dalam tahun-tahun 1970-an

akibat tuntutan negara Dunia Ketiga bagi satu "Order Baru Ekonomi Dunia". Kebanyakan Dialog Utara-Selatan berlangsung dalam Persidangan mengenai Kerjasama Ekonomi Antarabangsa (*Conference on International Economic Cooperation - CIEC*), UNCTAD, Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund - IMF*), Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (*General Agreement on Tariffs and Trade - GATT*).

### **Order Baru Ekonomi Dunia**

Persidangan Khas Ke-6 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1974 mengusulkan pembentukan suatu "Order Baru Ekonomi Dunia" (*New International Economic Order - NIEO*). Usul ini dibuat atas inisiatif negara-negara Dunia Ketiga yang ingin *membetulkan ketidaksamaan* dalam susunan ekonomi antarabangsa yang sedia ada serta *menghapuskan jurang perbezaan* yang semakin meluas antara negara-negara membangun dengan negara-negara perindustrian yang bergabung dalam Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*Organisation for Economic Cooperation and Development - OECD*).

Memang terdapat beberapa ketidaksamaan dalam order ekonomi antarabangsa kini. Negara-negara Dunia Ketiga yang mempunyai 75 peratus daripada penduduk dunia menerima kurang daripada 4 peratus rizab antarabangsa dalam bentuk *Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights - SDR)* di antara tahun-tahun 1970-74.<sup>8</sup> Ini adalah kerana negara-negara maju menguasai pengeluaran dan pengagihan rizab antarabangsa melalui penguasaan mereka ke atas Tabung Kewangan Antarabangsa.

Pandangan negara-negara membangun jarang diminta apabila keputusan-keputusan penting mengenai masa depan ekonomi dunia dibuat oleh negara-negara maju. *Peratus undian* yang dipegang oleh negara-negara maju dalam Tabung Kewangan Antarabangsa ialah 61.7 peratus manakala bagi Bank Dunia sebanyak 60.64 peratus.<sup>9</sup> Negara-negara maju juga mengenakan beberapa *sekatan perdagangan* ke atas eksport negara-negara membangun. Negara-negara membangun juga telah ditindas oleh syarikat-syarikat multinasional (*multinational corporations - MNC*) kepunyaan negara-negara maju.

Terdapat lima perkara penting dalam NIEO yang dituntut oleh negara-negara membangun iaitu: (a) rundingan semula beban hutang luar negara Dunia Ketiga; (b) penentuan semula syarat-syarat per-

dagangan; (c) perluasan pasaran negara-negara baru bagi eksport Dunia Ketiga; (d) pemindahan teknologi dari Utara ke Selatan; (e) penglibatan Dunia Ketiga yang lebih dalam dalam proses membuat keputusan IMF; dan (f) pemberian bantuan pembangunan oleh negara-negara maju.

### ● Beban Hutang Luar Negara Dunia Ketiga

Dalam tahun-tahun 1970-an, *beban hutang luar negara* Dunia Ketiga telah meningkat dengan pesat akibat *kenaikan kadar faedah, kejatuhan harga komoditi utama* dan *pengurangan dalam pinjaman* oleh bank-bank perdagangan kepada negara-negara mewujud. Jumlah hutang luar negara Dunia Ketiga telah meningkat daripada US\$130.1 billion pada tahun 1973 kepada US\$1 trillion pada tahun 1986.<sup>10</sup> Negara-negara Brazil, Peru dan Ecuador telah menggantungkan pembayaran faedah ke atas pinjaman akibat keadaan ekonomi yang buruk. Hutang luar Kerajaan Malaysia telah meningkat daripada \$13,158 juta pada tahun 1982 kepada \$28,310 juta pada tahun 1986. Negara Dunia Ketiga menuntut supaya hutang-hutang ini dibatalkan atau tempoh pembayarannya dilanjutkan dengan syarat-syarat yang lebih longgar (termasuk kadar faedah yang rendah).

### ● Penentuan Semula Syarat-syarat Perdagangan

Syarat-syarat perdagangan (*terms of trade*), iaitu *nisbah harga purata eksport dengan harga purata import*, bagi kebanyakan negara Dunia Ketiga telah merosot. Ini adalah kerana harga komoditi-komoditi utama (eksport utama negara-negara mewujud) telah merosot berbanding dengan harga barang pembuatan (eksport utama negara-negara maju). Antara tahun-tahun 1955 - 76, syarat-syarat perdagangan negara maju telah tidak berubah tetapi bagi negara Dunia Ketiga ia telah merosot sebanyak 23 peratus. Bagi Malaysia, syarat-syarat perdagangan telah merosot sebanyak 27.4 peratus dalam tempoh 1980-86.

Bagi memperbaiki syarat-syarat perdagangan, negara Dunia Ketiga ingin mengikat harga komoditi utama dengan harga barang pembuatan. Untuk memenuhi tujuan ini, negara Dunia Ketiga telah juga menuntut penubuhan sebuah "Tabung Bersama" (*Common Fund*) bernilai US\$6,000 juta dengan sumbangan daripada negara-negara perindustrian untuk menstabilkan harga komoditi utama melalui *kendalian stok penimbang* (*buffer stock operations*). Terdapat juga cadangan untuk menubuhkan pakatan antara negara-negara pengeluar komoditi utama

seperti Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (*Organisation of Petroleum Exporting Countries* - OPEC). Sehubungan dengan ini, Malaysia bersama-sama dengan enam buah negara pengeluar bijih timah telah menubuhkan Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah (*Association of Tin Producing Countries* - ATPC) untuk menstabilkan harga bijih timah.

- **Perluasan Pasaran bagi Eksport Dunia Ketiga**

Dunia Ketiga juga menuntut perluasan pasaran negara-negara maju bagi eksportnya melalui *pengurangan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif* (terutamanya ke atas barang yang diproses). Langkah ini akan membantu Dunia Ketiga meningkatkan eksport dan seerusnya memulihkan keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan. Nisbah barangan perkilangan yang tertakluk kepada sekatan-sekatan bukan tarif di negara-negara maju telah meningkat daripada 20 peratus pada tahun 1980 kepada 30 peratus pada tahun 1983.

- **Pemindahan Teknologi**

Teknologi moden memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pembangunan sesebuah negara. Justeru itu, Dunia Ketiga menuntut *pemindahan teknologi yang lebih serta cepat* dari Utara ke Selatan. Ini dapat dilakukan melalui *kajian semula paten-paten antarabangsa* dan tambahan dalam *bantuan penyelidikan* untuk negara-negara membangun. Sememangnya, soal pemindahan teknologi ini amat ditekankan oleh negara kita sendiri.

- **Penglibatan dalam Proses Membuat Keputusan IMF**

Negara-negara membangun juga menuntut *penglibatan yang lebih* dalam proses membuat keputusan IMF yang dikuasai oleh negara-negara maju. Dunia Ketiga ingin *meningkatkan bahagian pengundiannya* dalam IMF daripada 35 peratus kepada 45 peratus.<sup>11</sup> Negara-negara membangun juga ingin memperolehi bantuan pembangunan IMF yang stabil dan berterusan.

- **Bantuan Pembangunan**

Dunia Ketiga juga menuntut *bantuan pembangunan* daripada setiap negara maju yang berjumlah sekurang-kurangnya 0.7 peratus daripada

Keluaran Negara Kasar (KNK) negara berkenaan. Pada prinsipnya, bantuan ini tidak harus terikat serta diberi untuk jangka panjang dan secara berterusan.

### Hasil Dialog Utara-Selatan

Setakat ini, hasil Dialog Utara-Selatan secara umumnya boleh dikatakan sebagai mengecewakan; tiada terdapat sebarang perjanjian atau kemajuan yang besar. Namun demikian, terdapat beberapa perkembangan positif. Persetujuan dicapai dalam Persidangan UNCTAD 1968 untuk mengadakan Sistem Keistimewaan Am (*General System of Preferences* - GSP) di mana negara-negara maju secara berasingan akan membenarkan *import tanpa duti* beberapa barang pembuatan negara-negara membangun. Dialog Utara-Selatan juga telah menghasilkan beberapa *perjanjian komoditi antarabangsa* seperti Perjanjian Getah Asli Antarabangsa, Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa dan Perjanjian Koko Antarabangsa. Perjanjian-perjanjian ini bertujuan untuk *menstabilkan harga komoditi* berkenaan pada tahap yang berpatutan untuk kedua-dua negara pengeluar dan pengguna.

Pada tahun 1980 persetujuan dicapai untuk menubuhkan *Tabung Bersama* bagi menstabilkan harga komoditi utama dengan peruntukan sebanyak US\$750 juta. Jumlah ini adalah kecil berbanding dengan US\$6,000 juta yang dituntut oleh Dunia Ketiga. Tabung ini masih belum dikendalikan kerana sebilangan negara belum meratifikasinya. Akhir sekali, beberapa negara seperti Sweden, Jerman Barat dan Belanda telah memberi bantuan pembangunan yang berjumlah sekurang-kurangnya 0.7 peratus daripada KNK masing-masing.

Terdapat beberapa sebab bagi *kejayaan terhad* Dialog Utara-Selatan. Pihak Utara menyalahkan pihak Selatan kerana mengambil *pendirian yang tegas* dan *tidak mahu bertolak ansur* semasa perundingan. Pihak Selatan pula menyalahkan pihak Utara kerana *tiada mempunyai kemauan politik* (*political will*) untuk merintis jalan bagi perubahan-perubahan yang besar.

### Dialog Selatan-Selatan

Dialog Selatan-Selatan melambangkan *usaha-usaha kerjasama ekonomi* dan *teknikal* di kalangan negara Dunia Ketiga. Kerjasama yang erat bukan saja dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara-negara

membangun tetapi juga memperkuat kedudukan mereka dalam rundingan dengan pihak Utara. Kerjasama Selatan-Selatan juga dapat mengurangkan pergantungan pembangunan ekonomi Dunia Ketiga kepada pihak Utara. Dua organisasi utama (di samping sistem PBB) melalui mana kerjasama Selatan-Selatan dilaksanakan ialah Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan Kumpulan 77 yang kini mengandungi 126 negara ahli. Masa depan Dialog Utara-Selatan yang kurang cerah telah menyebabkan ramai negara membangun (termasuk Malaysia) untuk menyokong konsep kerjasama Selatan-Selatan.

Beberapa persidangan penting telah diadakan untuk mengasaskan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara membangun (*Economic Cooperation among Developing Countries - ECDC*). Di antaranya ialah Persidangan mengenai ECDC di Mexico, 1976; Mesyuarat Menteri-menteri Luar Kumpulan 77 di Arusha, 1979; dan Persidangan Kumpulan 77 mengenai ECDC di Caracas, Venezuela dalam bulan Mei, 1981. Persidangan di Caracas telah mengenalpasti kerjasama Selatan-Selatan dalam lapan bidang umum: kewangan, perindustrian, perdagangan, sains dan teknologi, makanan dan pertanian, tenaga, bahan-bahan mentah dan kerjasama teknikal.<sup>12</sup>

### **Hasil Dialog Selatan-Selatan**

Setakat ini, hasil Dialog Selatan-Selatan adalah *terhad dan tidak begitu menggalakkan*. Dalam bidang kewangan, negara-negara OPEC ada memberi *bantuan konsesi (concessional assistance)* kepada negara-negara membangun. Dalam bidang perdagangan, persetujuan dicapai pada tahun 1986 untuk melancarkan "Sistem Keistimewaan Perdagangan Global" (*Global System of Trade Preferences - GSTP*) yang bertujuan menggalakkan perdagangan di kalangan negara-negara membangun melalui *pengurangan sekatan tarif dan bukan tarif*. Satu cadangan penting yang sedang dikaji ialah *penubuhan "Bank Selatan"* yang dapat memberi bantuan pinjaman pembangunan serta membantu negara-negara membangun mengatasi masalah imbalan pembayaran.

### **Masa Depan Dialog Selatan-Selatan**

Dialog Selatan-Selatan memang mempunyai potensi untuk mengeratkan lagi kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara membangun. Dunia Ketiga mempunyai pasaran yang luas; bahan-bahan mentah

yang banyak; beberapa ekonomi yang berorientasikan perindustrian; dan negara-negara yang agak maju dalam bidang teknologi. Apa yang perlu untuk mengasaskan kerjasama yang erat ialah kerelaan setiap negara membangun atau "*political will*" untuk *menyertai secara aktif* dalam berbagai-bagai program yang sedang dirangka.<sup>13</sup>

## RINGKASAN

1. Seperti kebanyakan negara membangun (Dunia Ketiga), Malaysia mempunyai ekonomi terbuka, iaitu ia amat bergantung kepada hasil eksport dan terdedah kepada perubahan-perubahan ekonomi dunia.
2. Eksport Malaysia merupakan kira-kira 50 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Eksport terpenting ialah komoditi utama dan barang-barang perkilangan.
3. Pasaran utama eksport Malaysia ialah Jepun, Amerika Syarikat, negara-negara ASEAN, dan Kesatuan Ekonomi Eropah.
4. Isu-isu komoditi utama semasa ialah: (a) harga yang rendah dan tidak stabil; (b) pengeluaran lebihan; dan (c) sekatan tarif dan bukan tarif.
5. "Dialog Utara-Selatan" merupakan satu istilah umum yang melambangkan proses perundingan yang berterusan antara negara-negara Dunia Ketiga (Selatan) dengan negara-negara perindustrian (Utara).
6. Asal usul dialog tersebut boleh dikesan kepada penubuhan Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) pada tahun 1964.
7. Objektif UNCTAD ialah untuk menggalakkan perdagangan antarabangsa dengan tumpuan kepada masalah-masalah perdagangan dan imbalan pembayaran negara Dunia Ketiga.
8. Persidangan Khas Ke-6 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-

- bangsa Bersatu pada tahun 1974 mengusulkan pembentukan suatu "Order Baru Ekonomi Dunia" (NIEO).
9. Mengenai NIEO, negara Dunia Ketiga ingin membetulkan ketidaksamaan dalam susunan ekonomi antarabangsa yang sedia ada serta menghapuskan jurang perbezaan antara negara-negara membangun dengan negara-negara maju.
  10. Lima perkara penting dalam NIEO yang dituntut oleh Dunia Ketiga ialah: (a) rundingan semula beban hutang luar negara Dunia Ketiga; (b) penentuan semula syarat-syarat perdagangan; (c) perluasan pasaran bagi eksport Dunia Ketiga; (d) pemindahan teknologi dari Utara ke Selatan; (e) penglibatan Dunia Ketiga yang lebih dalam IMF dan Bank Dunia; dan (f) pemberian bantuan pembangunan oleh negara-negara maju.
  11. Setakat ini, hasil Dialog Utara-Selatan adalah mengecewakan; tiada terdapat sebarang perjanjian atau kemajuan yang besar.
  12. Dialog Selatan-Selatan melambangkan usaha-usaha kerjasama ekonomi dan teknikal antara negara-negara membangun (Dunia Ketiga).
  13. Hasil Dialog Selatan-Selatan adalah juga terhad dan tidak begitu menggalakkan. Namun demikian, ia mempunyai potensi untuk mencapai kejayaan pada masa hadapan.

### **NOTA KAKI**

1. Kementerian Perusahaan Utama Malaysia, *Profile of the Primary Commodity Sector in Malaysia*, Kuala Lumpur, 1986, m.s. 2.
2. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, *Intisari Dagang*, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 43.
3. *The Star*, 12 Oktober 1987.
4. *Ibid.*, 26 September 1987.

5. Kementerian Kewangan Malaysia, *Laporan Ekonomi 1987/1988*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 121.
6. Ibid., m.s. 27.
7. Lihat Charles A. Jones, *The North-South Dialogue: A Brief History*, St. Martin's Press, New York, 1983, m.s. 28 - 32.
8. Michael P. Todaro, *Economic Development in the Third World*, Longman, New York, 1983, m.s. 501.
9. Altaf Gauhar, ed., *Third World Strategy: Economic and Political Cohesion in the South*, Praeger Publishers, New York, 1986, m.s. xiii.
10. S. Jayasankaran, "Rational Way Out for the Indebted", *Malaysian Business*, 1 September 1987, m.s. 45.
11. Altaf Gauhar, op.cit., m.s. xiii.
12. Farooq Sobhan, *Opportunities for South-South Co-operation*, Institute of Strategic and International Studies Malaysia, Kuala Lumpur, 1987, m.s.3.
13. Lihat Kamal Hossain, "South-South Cooperation: Strategies for the Eighties", dalam *The Rich and the Poor*, (ed.) Altaf Gauhar, Third World Foundation, London, 1983, m.s. 187 - 204.

### CADANGAN BACAAN TAMBAHAN

Gauhar, Altaf, (ed.), *The Rich and the Poor*, Third World Foundation, London, 1983.

Todaro, Michael P., *Economic Development in the Third World*, Longman, New York, 1983.

**SOALAN-SOALAN OBJEKTIF**

1. Yang manakah di antara berikut yang benar mengenai ekonomi Malaysia?
  - I. Malaysia mempunyai ekonomi terbuka
  - II. Eksport merupakan kira-kira 50 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar
  - III. Ekonomi Malaysia amat bergantung kepada eksport komoditi utama dan barang-barang perkilangan
  - IV. Pasaran utama eksport Malaysia ialah Jepun, Amerika Syarikat, negara-negara ASEAN dan Kesatuan Ekonomi Eropah
  - A. I, II dan III
  - B. Semua yang di atas
  - C. I dan III
  - D. III dan IV
  - E. II, III dan IV
2. Masalah-masalah utama yang dihadapi oleh negara-negara membangun dalam perdagangan komoditi utama ialah
  - I. harga yang rendah dan tidak stabil
  - II. pengeluaran lebihan
  - III. sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif
  - IV. persaingan hebat daripada negara-negara maju
  - A. I, II dan IV
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. I, II dan III
  - E. Semua yang di atas
3. Dialog Utara-Selatan melambangkan
  - A. proses perundingan yang berterusan antara negara-negara membangun dengan negara-negara perindustrian atas isu-isu keselamatan dunia
  - B. proses perundingan yang berterusan antara negara-negara membangun dengan negara-negara perindustrian atas isu-isu

- ekonomi antarabangsa
- C. proses perundingan yang berterusan antara negara-negara Amerika Utara dengan Asia Selatan atas isu-isu kewangan antarabangsa
  - D. proses perundingan yang berterusan antara negara-negara Amerika Utara dengan Asia Selatan atas isu-isu perdagangan antarabangsa
  - E. perundingan tahunan antara negara-negara Amerika Utara dengan Asia Selatan atas isu-isu perdagangan antarabangsa
4. Matlamat "Order Baru Ekonomi Dunia" ialah untuk
- A. meningkatkan kerjasama ekonomi antara negara-negara membangun dengan negara-negara perindustrian
  - B. membentulkan ketidaksamaan dalam susunan ekonomi antarabangsa yang sedia ada
  - C. meningkatkan bantuan kewangan negara-negara perindustrian kepada negara-negara Dunia Ketiga
  - D. memperluaskan pasaran bagi eksport negara-negara Dunia Ketiga
  - E. mempercepatkan pemindahan teknologi moden dari Utara ke Selatan
5. Yang manakah di antara yang berikut merupakan tuntutan-tuntutan utama oleh negara-negara membangun dalam pembentukan "Order Baru Ekonomi Dunia"?
- I. Rundingan semula beban hutang luar negara Dunia Ketiga
  - II. Penentuan semula syarat-syarat perdagangan
  - III. Perluasan pasaran bagi eksport Dunia Ketiga
  - IV. Pemindahan teknologi dari Utara ke Selatan
  - V. Penglibatan Dunia Ketiga yang lebih dalam proses pembuatan keputusan IMF
- A. Semua yang di atas
  - B. I, II dan III
  - C. III, IV dan V
  - D. II dan IV
  - E. II dan III
6. Dialog Selatan-Selatan melambangkan
- A. usaha-usaha kerjasama ekonomi di kalangan negara Asia Selatan dengan Eropah Selatan
  - B. usaha-usaha kerjasama perdagangan di kalangan negara

- Dunia Ketiga.
- C. usaha-usaha kerjasama perdagangan di kalangan negara Asia Selatan dengan Eropah Selatan
  - D. usaha-usaha kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara Dunia Ketiga
  - E. usaha-usaha kerjasama kewangan di kalangan negara Asia Selatan dengan Eropah Selatan
7. Dua organisasi utama melalui mana kerjasama Selatan-Selatan dilaksanakan ialah Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan
- A. OECD
  - B. EEC
  - C. Kumpulan 77
  - D. GATT
  - E. OPEC
8. Sebab utama banyak negara membangun (termasuk Malaysia) menyokong Dialog Selatan-Selatan ialah kerana
- A. Dialog Utara-Selatan tidak banyak mendatangkan manfaat kepada negara-negara membangun
  - B. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu enggan menambahkan bantuan kewangan kepada negara-negara membangun
  - C. Masa depan Pertubuhan Komanwel yang kurang cerah
  - D. UNCTAD kurang berjaya dalam usaha-usaha menghapuskan sekatan-sekatan ke atas perdagangan antarabangsa
  - E. Kesatuan Ekonomi Eropah enggan memperluaskan pasaran anggota-anggotanya bagi eksport Dunia Ketiga

### **SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Apakah yang dertiikan dengan "Dunia Ketiga" dan "Order Baru Ekonomi Dunia"?
2. Huraikan perbezaan antara sekatan tarif dengan sekatan bukan tarif.
3. Apakah masalah-masalah perdagangan utama yang dihadapi oleh Malaysia dan negara-negara membangun yang lain?

4. Huraikan kepentingan Dialog Utara-Selatan. Mengapakah ia gagal mencapai sebarang kemajuan yang besar?
5. Apakah manfaat Dialog Selatan-Selatan kepada negara-negara membangun? Bincangkan pencapaianya setakat ini.

### **GERAKERJA**

1. "Dialog Utara-Selatan adalah sia-sia sahaja. Negara Dunia Ketiga harus menghentikannya dan menumpukan segala usaha terhadap Dialog Selatan-Selatan." Bincangkan pernyataan ini.
2. Dapatkan maklumat mengenai perkara-perkara berikut:
  - (i) perkembangan semasa dalam prestasi eksport Malaysia;
  - (ii) kemajuan Dialog Selatan-Selatan;
  - (iii) Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah; dan
  - (iv) isu-isu ekonomi antarabangsa semasa.

**BAB****14**

<b>Objektif Pembelajaran</b>	Selepas membaca bab ini, pelajar harus dapat:
<b>Mentakrifkan</b>	dasar awam.
<b>Mengenalpasti</b>	keperluan penggubalan dasar-dasar awam.
<b>Membandingkan</b>	ciri-ciri Dasar Penswastaan dengan Dasar Persyarikatan Malaysia.
<b>Membingungkan</b>	strategi dasar-dasar kerajaan yang penting.
<b>Menghuralkan</b>	matlamat dasar-dasar kerajaan yang penting.

## DASAR-DASAR KERAJAAN

*Dasar awam merupakan pernyataan matlamat-matlamat mengikut susunan keutamaan tertentu.*

- Grover Starling

Kerajaan kita mendukung cita-cita hendak mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu, kukuh dan makmur. Sehubungan dengan ini, beberapa dasar awam telah digubal untuk membimbing usaha-usaha kerajaan ke arah pencapaian cita-cita tersebut. Dalam bab ini, kita akan membincangkan matlamat dan strategi dasar-dasar Kerajaan yang penting.

### Definisi Dasar Awam

Dasar awam boleh didefinisikan sebagai *arah umum* yang ingin dituju oleh Kerajaan sehubungan dengan masalah tertentu. Dengan lain perkataan, dasar awam merupakan *pernyataan matlamat-matlamat dan penaakulan yang asas (rationale)* bagi program-program Kerajaan yang bertujuan mengatasi sesuatu masalah negara.<sup>1</sup>

### 1. Dasar Pandang Ke Timur

Dasar Pandang Ke Timur dipelopori oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad pada tahun 1982. Dasar Pandang Ke Timur melibatkan usaha-usaha Kerajaan untuk menerapkan *nilai-nilai dan amalan-amalan yang baik dari Jepun dan Korea Selatan* bagi tujuan membangunkan negara. Nilai-nilai dan amalan-amalan tersebut akan diubahsuaikan dengan keadaan di Malaysia.<sup>1</sup> Penggubalan Dasar Pandang Ke Timur adalah dipengaruhi oleh kemunculan Jepun dan Korea Selatan sebagai negara perindustrian yang maju serta kemerosotan pembangunan di kalangan negara barat. Bidang-bidang yang boleh dicontohi daripada negara Jepun dan Korea Selatan ialah *teknologi*

*moden, etika kerja dan sistem pengurusan.* Ciri-ciri yang diberi tumpuan ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara, keutamaan kepada kumpulan dan bukan diri sendiri, peningkatan daya pengeluaran serta pengurangan perbezaan antara eksekutif dengan pekerja. Namun demikian, Dasar Pandang Ke Timur tidak pula bererti kita akan mengabaikan teladan yang baik dari negara-negara barat. Ia juga tidak bererti kita akan hanya berdagang dengan negara-negara timur.

Selaras dengan Dasar Pandang Ke Timur, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa perubahan struktur seperti *konsep pejabat terbuka, penubuhan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (Quality Control Circles), kad perakam waktu kerja dan penggunaan tanda nama (name tag)*. Kerajaan juga memperkenalkan konsep-konsep "Bersih, Cekap dan Amanah" serta "Kepimpinan Melalui Teladan" bagi membentuk sikap yang positif dan membina di kalangan pegawai awam. Kerajaan telah menghantar pelatih-pelatih ke Jepun dan Korea Selatan untuk mempelajari teknologi dan sistem pengurusan di kedua-dua negara tersebut. Pelatih-pelatih ini *bekerja sambil belajar* di firma-firma swasta. Pelajar-pelajar Malaysia ditawarkan kursus-kursus sains dan teknologi di universiti-universiti Jepun dan Korea Selatan. Dalam jangka panjang, Dasar Pandang Ke Timur dapat membantu mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang dinamik dan progresif.

### Persyarikatan Malaysia

Dasar Persyarikatan Malaysia atau *Malaysia Incorporated* telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 25 Februari 1983, ia merupakan suatu contoh yang diperolehi dari negeri Jepun. Dasar Persyarikatan Malaysia melibatkan *kerjasama antara sektor swasta dengan sektor awam* bagi mempertingkatkan pembangunan negara. Di bawah dasar ini, Malaysia dianggap sebagai sebuah syarikat yang mana kakitangan kerajaan dan swasta merupakan pemilik-pemilik saham. Kedua-dua sektor harus mempunyai *persetujuan* dalam pencapaian matlamat pembangunan sosial dan ekonomi negara. Sektor swasta perlu *memahami dasar-dasar kerajaan* dan *bertindak selaras dengan kepentingan nasional* di samping memaksimumkan keuntungan. Sektor awam pula perlu *memberi perkhidmatan sokongan yang cekap tanpa "red-tape"* bagi memudahkan operasi sektor swasta. Kerjasama yang erat mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak. Keuntungan sektor swasta akan meningkat

dan ini akan menambahkan hasil cukai yang dipungut oleh Kerajaan.

Institut Tadbiran Awam Nagara (INTAN) telah mengendalikan beberapa forum bagi mewujudkan *persefahaman dan kerjasama* antara sektor swasta dengan sektor awam. Semua kementerian, jabatan dan badan berkanun telah diarah melalui surat Pekeliling Am Bil. 2 1984 untuk menubuhkan *Panel Perundingan* antara sektor swasta dengan sektor awam.<sup>3</sup> Ini membolehkan penglibatan sektor swasta dalam penggubalan dasar-dasar dan prosedur-prosedur kerajaan yang lebih berkesan. Pegawai-pegawai kerajaan telah ditempatkan di syarikat-syarikat swasta bagi mengeratkan hubungan dan mempelajari bagaimana sektor swasta beroperasi. Dasar Persyarikatan Malaysia dapat mempercepatkan pembangunan negara sekiranya ia dilaksanakan dengan cara yang betul.

### **Dasar Penswastaan**

Dasar Penswastaan diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad pada tahun 1983. Dasar Penswastaan melibatkan *pemindahan perkhidmatan atau perusahaan kerajaan kepada sektor swasta*. Ia adalah bertentangan dengan pemilikan negaraan (*nationalisation*). Tujuan utama Dasar Penswastaan ialah untuk *mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan*. Hasil kerajaan telah merosot dalam tahun 1980-an akibat kemelesetan ekonomi dunia manakala perbelanjaan sektor awam kian meningkat. Dasar Penswastaan juga bertujuan *meningkatkan mutu dan daya pengeluaran perkhidmatan-perkhidmatan* yang terlibat memandangkan sistem pengurusan sektor swasta adalah lebih cekap.<sup>4</sup> Dasar Penswastaan secara umum akan mempercepatkan pembangunan ekonomi negara menerusi pelaburan daripada pihak swasta. Penswastaan akan dilaksanakan dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Ia dapat menyumbangkan kepada usaha Kerajaan untuk membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan Bumiputera.

Sebuah *Jawatankuasa Penswastaan* yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi telah ditubuhkan bagi mempermudahkan penyediaan program penswastaan secara keseluruhan. Jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun boleh menswastakan sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada kepentingan mereka. Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang telah diswastakan ialah penyiaran (T.V.3), Jalan Raya Pelabuhan Kelang *By-Pass*, penyelenggaraan kapal terbang Tentera Udara Malaysia (Airod

Sendirian Berhad), beberapa tempat meletak kereta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Telekom, Sistem Peneranganan Malaysia (MAS) dan Pelabuhan Kelang (Dermaga Kontena).

### Kepimpinan Melalui Teladan

Kempen Kepimpinan Melalui Teladan telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 19 Mac 1983. Matlamat asal kempen tersebut ialah untuk *menanam dan memupuk ciri-ciri kepimpinan yang berkesan* yang boleh dicontohi dan dihayati oleh segenap lapisan anggota Kerajaan Malaysia sebagai satu amalan ke arah meningkatkan daya pengeluaran dan perkhidmatan yang bersih, cekap dan amanah. Kumpulan sasaran Kempen Kepimpinan Melalui Teladan seterusnya telah diperluaskan kepada orang ramai dan sektor swasta. Kerajaan berhasrat menjadikan kempen ini satu gerakan komuniti massa.

Kemajuan sesuatu organisasi serta negara umumnya bergantung kepada kepimpinan yang ditunjukkan oleh pemimpin. Seorang pemimpin harus mengamalkan ciri-ciri kepimpinan yang berhemah tinggi serta menunjukkan teladan yang baik untuk dicontohi oleh segenap lapisan masyarakat. Tiga teladan penting yang harus dicontohi ialah bersih, cekap dan amanah. Negara tidak akan maju atau dihormati oleh masyarakat dunia tanpa pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah pada semua peringkat. Kebersihan meliputi kedua-dua aspek moral dan fizikal. Aspek moral merangkumi sifat-sifat seperti menjalankan tugas tanpa niat jahat, tidak terlibat dalam kegiatan jenayah, berdisiplin, tidak korup, tidak sombong dan tidak mementingkan diri. Aspek fizikal merangkumi sifat-sifat seperti menjaga kebersihan pejabat dan kawasan rumah, mengelak dari mencemar alam sekeliling dan memakai pakaian yang tidak menjolok mata. Kecekapan pula merangkumi sifat-sifat seperti menjalankan tugas dengan cepat dan sempurna, proaktif dan mengurangkan kos kendalian. Amanah merangkumi sifat-sifat seperti seperti menjalankan tugas dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab, tidak menyalahgunakan kuasa dan jujur kepada organisasi.

Selaras dengan matlamat Kempen Kepimpinan Melalui Teladan, Kerajaan telah memperkenalkan kad perakam waktu, pemakaian tanda nama, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (QCC), kempen penegahan rasuah, pengisytiharan harta oleh kakitangan awam dan bilik khas untuk membolehkan orang awam berurus dengan pegawai.<sup>5</sup>

Mengikut penyelidikan yang dibuat oleh Institut Tadbiran Awam Negara, sebahagian besar rakyat mengakui bahawa perkhidmatan jabatan-jabatan Kerajaan lebih memuaskan selepas Kempen Kepimpinan Melalui Teladan dilancarkan.

### **Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran**

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran diisytiharkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1983. Pengenalan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam adalah selaras dengan status Islam dalam Perlembagaan Malaysia iaitu sebagai agama rasmi negara. Dasar tersebut bertujuan *mengakarkan syiar Islam*, melahirkan satu *masyarakat Malaysia yang bermaruah dan bermoral tinggi* dan mewujudkan *pentadbiran negara yang berdisiplin, adil, cekap dan berkesan*. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam tidak bertujuan untuk mengislamkan orang bukan Islam. Kerajaan berhasrat supaya semua kaum di Malaysia dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni Islam yang baik dan tidak bercanggah dengan ajaran agama lain. Ini adalah kerana Islam merupakan satu cara hidup (*a way of life*) yang dapat memastikan kesejahteraan manusia sejagat.

Nilai-nilai Islam yang dapat diserapkan kepada semua kaum ialah amanah, keadilan, disiplin, bersih, kejujuran, semangat kerjasama, semangat kejiranian, ketekunan bekerja, keharmonian antara kaum, bertimbang rasa dan tidak mementingkan diri. Penerapan nilai-nilai tersebut dapat menghapuskan amalan-amalan yang buruk seperti rasuah, penyelewengan, jenayah, penindasan dan penyalahgunaan kuasa. Kerajaan amat berhati-hati dalam melaksanakan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam ini. Penerapan di buat secara beransur-ansur supaya ia tidak menimbulkan perselisihan faham di kalangan masyarakat bukan Islam. Selaras dengan dasar tersebut, Kerajaan telah menukuhkan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Syarikat Insurans Islam serta meningkatkan kuasa dan taraf mahkamah syariah.

### **Dasar Pertanian Negara**

Dasar Pertanian Negara (DPN) yang diumumkan pada 12 Januari 1984 menggariskan strategi jangka panjang negara (sehingga tahun 2000) bagi mempertingkatkan pembangunan sektor pertanian. Matlamat utama DPN ialah untuk *meningkatkan pendapatan petani* menerusi pen-

gurusan sumber-sumber secara cekap dan berkesan. Tema utama DPN ialah *memoden dan mempergiatkan semula sektor pertanian.*<sup>6</sup>

Strategi-strategi yang diamalkan oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat DPN ialah: (a) pembangunan pertanian bersepadu; (b) penubuhan koperasi peladang; (c) penswastaan; (d) perkhidmatan sokongan pertanian; dan (e) pembangunan sosial dan institusi.

Melalui strategi pembangunan pertanian bersepadu, tanah-tanah yang tidak ekonomik dari segi saiz dapat dikerjakan secara berkelompok di bawah *konsep mini-estet*. Cara ini membolehkan penggunaan jentera yang dapat meningkatkan daya pengeluaran di samping mengatasi masalah kekurangan buruh. Koperasi Peladang pula dapat memberi berbagai-bagai kemudahan kepada ahli-ahli serta menggembeling *modal* bagi memajukan kepentingan bersama. Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta, Kementerian Pertanian telah *menswastakan beberapa projeknya*. Kerajaan juga memberi berbagai-bagai *perkhidmatan sokongan* seperti pemasaran, kredit, subsidi dan penyelidikan. Melalui Program Pembangunan Sosial dan Institusi, Kerajaan ingin *memupuk semangat berdikari* di kalangan petani serta mempergiatkan penyertaan mereka secara aktif dalam proses pembangunan pertanian.

### Dasar Perindustrian Berat

Tujuan utama Dasar Perindustrian Berat ialah untuk *memajukan industri berat* yang diharap dapat membentuk ekonomi negara yang lebih kukuh dalam jangka panjang. Dasar ini juga dapat mengembangkan industri-industri sokongan serta membuka peluang kepada sektor swasta untuk memainkan peranan yang lebih cergas dalam pembangunan ekonomi negara. Industri berat merangkumi industri yang memerlukan *modal yang besar, teknologi yang tinggi serta pekerja mahir*.

Bagi melaksanakan dasar tersebut, Kerajaan telah menujuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) pada tahun 1980. Peranan HICOM adalah untuk mengenalpasti, melaksana dan menguruskan projek-projek industri berat. Kerajaan dengan usahasama pelabur asing telah melancarkan beberapa projek industri berat seperti loji simen, pembuatan kereta nasional, loji enjin kecil, besi panas dan pancang keluli dan palpa dan kertas.

Kesemua projek tersebut memerlukan bahan-bahan atau komponen-komponen tertentu dalam pengeluarannya. Ini telah menggalakkan *perkembangan industri sokongan*. Adalah diharapkan usahasama

dengan pelabur-pelabur asing dapat mempercepatkan proses pemin-dahan teknologi moden ke negara kita.

### Pelan Induk Perindustrian

Pelan Induk Perindustrian bertujuan menyediakan matlamat pembangunan serta strategi-strategi bagi sektor perindustrian (terutamanya sektor perkilangan) bagi tempoh 1986-1995. Pelan ini menekankan *sektor perindustrian* sebagai "enjin pertumbuhan" ekonomi negara serta teras pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Industri-industri yang dikenalpasti sebagai mempunyai potensi yang luas dan patut diberi galakan ialah: (a) barangan getah; (b) barangan kelapa sawit; (c) makanan yang diproses; (d) kimia dan petrokimia; (e) keluaran berasaskan kayu; (f) barang elektronik dan elektrik; (g) keluaran galian bukan logam; (h) barangan keluaran logam bukan besi; (i) peralatan pengangkutan; (j) keluaran kejuruteraan (k) industri besikeluli dan (l) tekstil dan pakaian.

Untuk melaksanakan pelan ini, beberapa strategi telah dirangka iaitu:

- (i) menyusun semula *struktur insentif* perindustrian yang sedia ada;
- (ii) mempelbagaikan *eksport* dan menggalakkan *sektor gantian import*;
- (iii) menggalakkan *pembelian barangan buatan Malaysia* oleh pengguna-pengguna tempatan;
- (iv) mempelbagaikan pasaran eksport termasuk *mencari pasaran baru* di negara-negara sosialis dan negara-negara membangun yang lain;
- (v) menggalakkan *penyelidikan* oleh pihak awam dan swasta; dan
- (vi) menggalakkan pertumbuhan *perusahaan kecil*.

### Dasar Kependudukan

Matlamat Dasar Kependudukan negara ialah untuk mencapai jumlah penduduk sebanyak 70 juta orang menjelang tahun 2100. Dasar tersebut adalah berasaskan hakikat bahawa bilangan penduduk Malaysia secara relatif (iaitu berbanding dengan negara-negara lain seperti Indonesia, negara Thai, Filipina dan Britain) adalah kecil dan terdapat

beberapa faedah sekiranya populasi Malaysia diperbesarkan.

Pertumbuhan penduduk dalam jangka panjang boleh mendatangkan beberapa faedah seperti *bekalan tenaga buruh* yang mencukupi untuk pembangunan negara, *perluasan pasaran tempatan* dan *peningkatan produktiviti*. Ia juga dapat menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang kuat dari segi politik dan keselamatan. Selaras dengan dasar ini, Kerajaan telah memperkenalkan *dasar percuaiian* dan *faedah-faedah bersalin* yang lebih menguntungkan bagi keluarga beranak lima. Dalam melaksanakan Dasar Kependudukan, Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk memastikan bahawa pertambahan penduduk tidak menimbulkan masalah-masalah dari segi kemudahan pendidikan, perumahan dan kesihatan serta peluang pekerjaan.

### RINGKASAN

1. Dasar awam merupakan pernyataan matlamat-matlamat dan penaakulan yang asas (*rationale*) bagi program-program Kerajaan yang bertujuan mengatasi sesuatu masalah negara.
2. Dasar Pandang Ke Timur melibatkan usaha-usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai dan amalan yang baik dari Jepun dan Korea Selatan bagi tujuan membangunkan negara.
3. Bidang-bidang yang boleh dicontohi daripada kedua-kedua negara tersebut ialah teknologi moden, etika kerja dan sistem pengurusan.
4. Dasar Persyarikatan Malaysia melibatkan kerjasama antara sektor swasta dan sektor awam bagi mempertingkatkan pembangunan negara.
5. Di bawah dasar ini, Malaysia dianggap sebagai sebuah syarikat yang mana kakitangan kerajaan dan swasta merupakan pemilik-pemilik saham.
6. Dasar Penswastaan melibatkan pemindahan perkhidmatan atau perusahaan kerajaan kepada sektor swasta.

7. Tujuan-tujuan dasar ini ialah untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan, meningkatkan produktiviti perkhidmatan-perkhidmatan yang diswastakan dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.
8. Di antara perkhidmatan Kerajaan yang telah diswastakan ialah penyiaran (T.V.3), Jalan Raya Pelabuhan Kelang *By-Pass*, penyeleggaraan kapal terbang Tentera Udara Malaysia (Airod Sendirian Berhad), Jabatan Telekom, MAS dan Pelabuhan Kelang (Dermaga Kontena).
9. Matlamat asal Kempen Kepimpinan Melalui Teladan ialah untuk menanam dan memupuk ciri-ciri kepimpinan yang berkesan yang boleh dicontohi dan dihayati oleh segenap lapisan anggota kakitangan Kerajaan sebagai satu amalan ke arah peningkatan produktiviti negara.
10. Selaras dengan kempen ini, Kerajaan telah memperkenalkan kad perakam waktu, tanda nama, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja dan pengistiharan harta oleh anggota perkhidmatan awam.
11. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam bertujuan menegakkan Syiar Islam, melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bermaruah dan bermoral tinggi serta mewujudkan pentadbiran negara yang berdisiplin, adil, cekap, dan berkesan.
12. Selaras dengan dasar ini, Kerajaan telah menujuhkan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Syarikat Insurans Islam serta meningkatkan kuasa dan taraf mahkamah syariah.
13. Dasar Pertanian Negara menggariskan strategi jangka panjang (sehingga tahun 2000) bagi mempertingkatkan pembangunan sektor pertanian.
14. Strategi-strategi yang diamalkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan petani ialah: (a) pembangunan pertanian bersepada; (b) penubuhan koperasi peladang; (c) penswastaan; (d) perkhidmatan sokongan pertanian; dan (e) pembangunan sosial dan institusi.
15. Tujuan utama Dasar Perindustrian Berat ialah untuk memajukan in-

dustri berat yang diharap dapat membentuk ekonomi negara yang lebih kukuh dalam jangka panjang.

16. Bagi melaksanakan dasar ini, Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) pada tahun 1980.
17. Kerajaan dengan usahasama pelabur asing telah melancarkan beberapa projek industri berat seperti loji simen, pembuatan kereta nasional, loji enjin kecil dan palpa dan kertas.
18. Pelan Induk Perindustrian bertujuan menyediakan matlamat pembangunan serta strategi-strategi bagi sektor perindustrian (terutamanya sektor perkilangan) bagi tempoh 1986-1995.
19. Untuk melaksanakan pelan ini, beberapa strategi telah dirangka iaitu: (a) menyusun semula struktur insentif perindustrian; (b) mempelbagaikan eksport; (c) menggalakkan pembelian barang buatan Malaysia; (d) mempelbagaikan pasaran eksport; dan (e) menggalakkan pertumbuhan perusahaan kecil.
20. Matlamat Dasar Kependudukan negara ialah untuk mencapai jumlah penduduk sebanyak 70 juta orang menjelang tahun 2100.
21. Pertumbuhan penduduk dalam jangka panjang dapat menyediakan bekalan tenaga buruh yang mencukupi untuk pembangunan negara serta memperluaskan pasaran tempatan.

### NOTA KAKI

1. George J. Gordon, *Public Administration in America*, St. Martin's Press, New York, 1986, m.s. 445.
2. Ranjit Singh Malhi, *Panduan Jawapan Peperiksaan Am Kerajaan*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1985, m.s. 143.
3. Ibid., m.s. 144.
4. Lihat *Pekeliling Am Bil.2 Tahun 1985*, m.s. 1-2.

5. Ranjit Singh Malhi, op.cit., m.s. 149.
6. *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1986, m.s. 333.
7. Ibid., m.s. 156.

### SOALAN-SOALAN OBJEKTIF

1. Semua pernyataan berikut mengenai Dasar Pandang Ke Timur adalah benar kecuali  
A. Dasar Pandang Ke Timur dipelopori oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad  
B. Dasar Pandang Ke Timur melibatkan usaha-usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai dan amalan-amalan yang baik dari Jepun dan Korea Selatan bagi tujuan membangunkan negara  
C. Dasar Pandang Ke Timur bererti kita akan hanya berdagang dengan negara-negara timur  
D. Bidang-bidang yang boleh dicontohi dari Jepun dan Korea Selatan ialah teknologi moden dan etika kerja  
E. Dasar Pandang Ke Timur tidak bererti kita akan mengabaikan teladan yang baik dari negara-negara barat
2. Tujuan utama Dasar Penswastaan ialah untuk  
A. menambahkan penyertaan kaum bumiputera dalam bidang perniagaan  
B. mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan  
C. mempercepatkan pembangunan ekonomi negara  
D. menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan negara  
E. menambahkan keuntungan syarikat-syarikat swasta
3. Dasar Persyarikatan Malaysia (*Malaysia Incorporated*) yang diperkenalkan pada tahun 1983 bermakna  
A. Kerajaan akan memindahkan beberapa perkhidmatan kepada sektor swasta

- B. menganggap Malaysia sebagai sebuah syarikat yang mana kakitangan kerajaan dan swasta merupakan pemilik saham
- C. Kerajaan dan sektor swasta akan menubuhkan syarikat-syarikat usahasama
- D. jabatan-jabatan Kerajaan harus mengamalkan sistem pengurusan sektor swasta yang lebih cekap dan berkesan
- E. Kerajaan akan memberi bantuan subsidi kepada sektor swasta
4. Semua yang berikut merupakan objektif Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam kecuali
- A. menegakkan Syiar Islam
- B. mengislamkan orang bukan Islam
- C. menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan nilai-nilai yang murni
- D. menjadikan bangsa Malaysia satu bangsa yang bermoral tinggi dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa
- E. membantu mewujudkan satu perkhidmatan awam yang bersih, cekap dan amanah
5. Yang manakah di antara industri-industri berikut dikenalpasti sebagai mempunyai potensi yang luas di bawah Pelan Induk Perindustrian?
- I. Makanan yang diproses
- II. Kimia dan petrokimia
- III. Peralatan pengangkutan
- IV. Barang keluaran logam bukan besi
- V. Tekstil dan pakaian
- A. II, III, IV dan V
- B. II, III dan IV
- C. III, IV dan V
- D. I, III, IV dan V
- E. semua yang di atas
- (i) Mempelbagaikan eksport dan menggalakkan sektor gantian import.
- (ii) Menggalakkan pembelian barang buatan Malaysia oleh pengguna-pengguna tempatan.
- (iii) Menggalakkan pertumbuhan perusahaan kecil.
6. Strategi-strategi di atas adalah berkaitan dengan

- A. Pelan Induk Perindustrian
  - B. dasar Penswastaan
  - C. Dasar Persyarikatan Malaysia
  - D. Dasar Perindustrian Berat
  - E. Dasar Pandang Ke Timur
7. Langkah-langkah di bawah ini dapat menyumbangkan kepada pencapaian Dasar Persyarikatan Malaysia **kecuali**
- A. INTAN mengadakan beberapa forum untuk pegawai dan kakitangan sektor awam dan sektor swasta
  - B. pegawai sektor swasta bekerja untuk sektor awam
  - C. menubuhkan Panel Perundingan di antara sektor swasta dengan sektor awam .
  - D. sektor awam memberi perkhidmatan yang cekap bagi memudahkan operasi sektor swasta.
  - E. pegawai kerajaan ditempatkan di syarikat-syarikat swasta untuk mempelajari bagaimana sektor swasta beroperasi ✓
- (i) ia dapat mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan.
  - (ii) ia dapat meningkatkan mutu dan daya penge- luaran perkhidmatan yang terlibat.
  - (iii) ia dapat menyumbangkan kepada usaha Kera- jaan untuk membentuk sebuah Masyarakat Per- dagangan dan Perindustrian Bumiputera
8. Tujuan-tujuan di atas adalah berkaitan dengan
- A. Dasar Ekonomi Baru
  - B. Dasar Penswastaan
  - C. Dasar Persyarikatan Malaysia
  - D. Dasar Perindustrian Berat
  - E. Pelan Induk Perindustrian
9. Selaras dengan matlamat Kempen Kepimpinan Melalui Teladan, Kerajaan telah memperkenalkan semua yang berikut **kecuali**
- A. kad perakam waktu
  - B. Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja
  - C. pemakaian tanda nama
  - D. kempen pencegahan rasuah
  - E. Fail Meja

10. Matlamat utama Dasar Kependudukan Negara ialah untuk
  - A. mencapai jumlah penduduk sebanyak 70 juta orang menjelang tahun 2100
  - B. memastikan taburan penduduk yang seimbang di seluruh negara
  - C. memastikan tambahan penduduk tidak mengakibatkan masalah-masalah sosial dalam jangka panjang
  - D. meningkatkan taraf kesihatan penduduk Malaysia
  - E. meningkatkan peluang pekerjaan

### **SOALAN-SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan dasar awam?
2. Jelaskan keperluan penggubalan dasar-dasar awam.
3. Bandingkan ciri-ciri Dasar Penswastaan dengan Dasar Per-syarikatan Malaysia.
4. Huraikan matlamat Kempen Kepimpinan Melalui Teladan, Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Pertanian Negara, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran, Pelan Induk Perindustrian dan Dasar Perindustrian Berat.
5. Bincangkan strategi-strategi yang diamalkan oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara, Dasar Perindustrian dan Kempen Kepimpinan Melalui Teladan.
6. Bincangkan manfaat yang boleh diperolehi oleh negara melalui pelaksanaan Dasar Penswastaan.

### **GERAKERJA**

1. "Perlaksanaan Dasar Penswastaan tidak harus mengakibatkan apa-apa kesulitan kepada pengguna, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah." Aturkan satu forum untuk membincangkan pernyataan ini.

2. Dapatkan maklumat mengenai perkara-perkara berikut:
  - (i) perkhidmatan atau perusahaan kerajaan yang telah diswastakan;
  - (ii) kemajuan dalam pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia;
  - (iii) Projek-projek yang dilaksanakan selaras dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam; dan
  - (iv) kemajuan dalam pelaksanaan Dasar Perindustrian Berat

## GLOSARI

Adat Perpatih	Adat bersifat <i>matriarchal</i> (di mana kaum wanita mempunyai kedudukan yang penting) yang diamalkan di Negeri Sembilan.
Adat Temenggung	Adat bersifat <i>patriarchal</i> (di mana kaum lelaki lebih dipentingkan) yang diamalkan di kebanyakan negeri Melayu.
<i>Ad hoc</i>	Teristimewa untuk hal atau tujuan tertentu.
Alidavit	Suatu pernyataan bertulis dan sumpah yang dibuat di hadapan seseorang yang mempunyai kuasa untuk menguruskannya.
Agensi Pelaksana	Kebanyakan agensi kerajaan yang melaksanakan kerja-kerja pembangunan serta memberi berbagai-bagai perkhidmatan kepada orang ramai.
Agensi Pusat	Agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab bagi membantu, menyelaras dan mengawal perjalanan agensi-agensi pelaksana.
Akaun Dagangan	Nilai pasaran bersih bagi semua barang dagangan yang bertukar milik hasil daripada eksport dan import antara pemastautin dan bukan pemastautin.
Akaun Modal	Aliran keluar masuk modal bentuk pinjaman jangka panjang dan pelaburan asing.
Akta	Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.
<i>Alibi</i>	Rayuan yang menyatakan bahawa yang terdakwa berada di tempat lain semasa

Aparteid	sesuatu kejadian (jenayah) berlaku. Dasar segregasi kaum terhadap orang kulit hitam di Afrika Selatan.
ASA (Persatuan Asia Tenggara)	Persatuan bukan politik yang ditubuhkan oleh Filipina, negara Thai dan Malaysia pada tahun 1961 untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan sosial.
ASEAN (Persatuan Negara-negara Asia Tenggara)	Persatuan yang ditubuhkan oleh Filipina, Indonesia, negara Thai, Malaysia dan Singapura pada 8 Ogos 1967 di Bangkok untuk meningkatkan kerjasama sosioekonomi serta menggalakkan kestabilan politik di Asia Tenggara. Brunei menyertai ASEAN pada 7 Januari 1984.
ATPC (Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah)	Persatuan yang ditubuhkan pada 29 Mac 1983 oleh tujuh buah negara pengeluar bijih timah untuk menjamin harga bijih timah yang stabil dan berpatutan. Negara-negara ahli ialah Malaysia, Indonesia, Australia, Bolivia, Nigeria, negara Thai dan Zaire.
Asimilasi	Satu proses dalam mana kumpulan-kumpulan minoriti diserapkan (melalui perkahwinan campur dan sebagainya) ke dalam kumpulan etnik yang lebih besar.
Autonomi	Hak atau kuasa pemerintahan sendiri.
Badan Berkanun	Organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen atau Enakmen Negeri.
Bantuan Teknikal	Bantuan luar negeri yang melibatkan pemindahan perkhidmatan pakar-pakar (saintis, penasihat ekonomi dan sebagainya).
Belanjawan	Satu pernyataan terperinci mengenai anggaran perbelanjaan dan hasil bagi

Birokrasi	tempoh masa tertentu (lazimnya setahun). Susunan organisasi rasmi yang mempunyai ciri-ciri (a) pembahagian dan pengkhususan kerja; (b) hierarki; (c) peraturan dan prosedur rasmi; (d) penyelenggaraan fail dan rekod dan (e) pekerja-pekerja yang dilantik sepenuh masa. Seringkali digunakan untuk merujuk kepada perkhidmatan awam.
<i>Bona fide</i>	Jujur; boleh dipercayai; dengan niat baik.
Common Law Inggeris	Common Law Inggeris merupakan undang-undang berasaskan kepada adat penduduk England dan keputusan-keputusan hakim.
Dasar Awam	Pernyataan matlamat-matlamat dan taakulan yang asas bagi program-program Kerajaan yang bertujuan mengatasi sesuatu masalah negara.
Dasar Berkecuali	Dasar mengadakan hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi.
<i>De facto</i>	Pada hakikatnya; yang sebenarnya (walaupun mungkin tidak sah dari segi hak atau undang-undang).
Defendant	Orang yang didakwa atas sesuatu kesalahan.
<i>De jure</i>	Yang berhak atau sah mengikut undang-undang.
Demokrasi	Sistem pemerintahan di mana rakyat mempunyai suara mutlak dalam menentukan kerajaan melalui pilihanraya umum.
Dialog Selatan-Selatan	Melambangkan usaha-usaha kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara-negara Dunia Ketiga.

Dialog Utara-Selatan	Melambangkan proses perundingan yang berterusan antara negara-negara Dunia Ketiga(Selatan) dengan negara-negara perindustrian(Utara) atas isu-isu ekonomi antarabangsa.
Doktrin duluan kehakiman yang mengikat	Sekiranya tidak ada peruntukan undang-undang bertulis mengenai sesuatu perkara, mahkamah hendaklah memakai prinsip-prinsip undang-undang yang terdapat dalam keputusan mahkamah yang lebih tinggi daripadanya bagi kes yang serupa .
Doktrin Perasingan Kuasa	Pembahagian kuasa pemerintahan yang jelas di antara badan-badan perundungan, eksekutif dan kehakiman bagi mengelakkan pemuatan kuasa di dalam tangan mana-mana pihak.
Dunia Kedua	Negara-negara sosialis (Soviet Union dan Eropah Timur).
Dunia Ketiga	Negara-negara membangun di Asia, Afrika dan Amerika Latin.
Dunia Pertama	Negara-negara kapitalis Eropah Barat, Amerika Utara, Australia, New Zealand dan Jepun.
EEC (Kesatuan Ekonomi Eropah)	Pasaran bersama Eropah yang ditubuhkan tahun 1957 di bawah Perjanjian Rome. Negara-negara ahli ialah Britain, Perancis, Itali, Jerman Barat, Luxemburg, Denmark, Austria, Switzerland dan Belanda.
Ekonomi terbuka	Ekonomi yang berdasarkan perdagangan antarabangsa.
Eksekutif	Cabang kerajaan yang bertanggungjawab menguakuaskan undang-undang serta melaksanakan dasar-dasar awam.

Ekuiti	Keadilan atau berpatutan. Prinsip-prinsip ekuiti digunakan untuk menyelesaikan sebarang peritkaian apabila undang-undang yang sedia ada tidak dapat berbual demikian dengan memberi tebus rugi yang berpatutan.
Enakmen	Dalam konteks Malaysia, undang-undang yang dibuat oleh Dewan Negeri (kecuali bagi Sabah dan Sarawak).
<i>Ex parte</i>	Menyebelahi sesuatu pihak.
GATT (Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan)	Satu badan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1947 untuk mengurangkan sekatan-sekatan perdagangan dunia melalui tawar-menawar timbal balik (reciprocal bargaining). Ia dikuasai oleh negara-negara maju (perindustrian).
<i>Habeas corpus</i>	Perintah yang mengarahkan seseorang itu (biasanya dalam tahanan) di hadapkan ke mahkamah.
Hierarki	Satu rantaian perintah ( <i>chain of command</i> ) menegak di mana setiap unit mempunyai kuasa yang lebih tinggi daripada unit di bawahnya.
Hukum Syarak	Undang-undang Islam.
Hutang luar negeri	Tanggungan hutang negara kepada negara-negara atau institusi-institusi kewangan luar negeri.
Ideologi	Satu cara pemikiran atau hidup (terutamanya berkaitan dengan sistem pemerintahan).
Imbangan pembayaran	Rekod atau akaun urusniaga sesebuah negara dengan negara-negara lain.

IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa)	Satu institusi kewangan antarabangsa yang bertanggungjawab untuk mengawal ketidakstabilan kadar pertukaran wang asing.
Imuniti	Bebas daripada tanggungjawab; pengecualian.
Injunksi	Perintah bertulis mahkamah yang mencegah atau membenarkan sesuatu dilakukan.
<i>Input</i>	Bahan atau tenaga yang digunakan (seperti modal, tenaga manusia, teknologi, maklumat dan sebagainya) untuk menghasilkan sesuatu barang atau perkhidmatan.
Integrasi	Dalam konteks perpaduan, ia merupakan satu proses bagi mewujudkan suatu identiti nasional di kalangan kumpulan-kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesebuah unit politik.
Jabatan	Sebuah agensi kerajaan yang terletak di bawah sesebuah kementerian.
Kabinet	Badan tertinggi yang menjalankan kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan dan terdiri daripada menteri-menteri. Ia dibentuk oleh parti yang mendapat majoriti dalam Parlimen.
Kawalan	Proses pengukuran dan pengawasan prestasi aktiviti-aktiviti berbanding dengan matlamat-matlamat yang telah ditetapkan serta pengambilan tindakan pembetulan.
Keberkesanan	Tahap pencapaian objektif-objektif sesuatu program atau aktiviti tanpa mengira kos.

yang terlibat.

Kebudayaan	Keseluruhan cara hidup manusia (merangkumi pengetahuan, agama, kepercayaan, nilai-nilai, seni, adat dan sebagainya).
Kecekapan	Tahap penggunaan sumber-sumber untuk mengeluarkan barang-barang atau perkhidmatan. Ia adalah berkaitan dengan pengurangan kos bagi tahap pengeluaran tertentu.
Kedaulatan	Mempunyai kebebasan dan kuasa untuk memerintah serta mengadakan hubungan dengan negara-negara lain.
Kehakiman	Sistem mahkamah-mahkamah keadilan.
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh penduduk dalam negeri.
Keluaran Negara	Jumlah nilai keluaran di dalam dan luar negeri Kasar (KNK) yang dituntut oleh penduduk sesebuah negara.
Kemelesetan ekonomi	Kemerosotan ketara dalam kegiatan ekonomi yang mengakibatkan, di antara lain, pengangguran yang meluas.
Kementerian	Agenzi tertinggi kerajaan yang melaksanakan portfolio seseorang menteri.
Kerajaan	Fungsi-fungsi yang terlibat dalam pengurusan dan perjalanan hal ehwal sesebuah negara.
Kerajaan Beraja	Sistem kerajaan di mana ketua negara ialah seorang raja atau ratu.
Kerajaan Kesatuan atau Unitari	Satu penyusunan politik di mana Kerajaan Pusat mempunyai segala kuasa kerajaan

Kerajaan Konfederasi	Sistem kerajaan di mana kebanyakan kuasa kerajaan dikekalkan oleh negeri-negeri ahli.
Kerajaan Persekutuan	Satu penyusunan politik di mana kuasa kerajaan dibahagikan antara sebuah kerajaan pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri atau tempatan.
Kerajaan Republik	Sistem kerajaan di mana Ketua Negara lazimnya ialah seorang presiden.
Kerajaan Tempatan	Pihak berkuasa yang mempunyai kuasa mentadbirkan hal ehwal berkaitan dengan penduduk sesuatu kawasan.
Kes jenayah	Melibatkan orang perseorangan yang telah melakukan kesalahan terhadap masyarakat atau melanggar undang-undang negara.
Kes civil	Tindakan undang-undang yang diambil oleh seseorang individu untuk mendakwa orang lain yang telah melanggar hak-haknya.
Ketua eksekutif nominal	Ketua Negara dalam sistem kerajaan berparlimen yang umumnya menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan upacara-upacara.
Ketua eksekutif sebenar	Perdana Menteri dalam sistem berparlimen yang sebenarnya melaksanakan tugas-tugas eksekutif.
Komanwel	Kumpulan negara-negara yang pernah dijajah oleh Britain.
Kumpulan 77	Kumpulan negara-negara membangun (berjumlah 77) yang telah mengasaskan UNCTAD pada tahun 1974.
Kuota	Had bilangan sesuatu barang yang boleh dibawa masuk ke dalam sebuah negara.

<i>Laissez-faire</i>	Sistem perdagangan bebas.
Legislatif	Proses penggubalan undang-undang.
<i>Libel</i>	Membuat fitnah dengan tulisan.
<i>Locus standi</i>	Hak untuk didengar.
MABBIM (Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia)	Badan yang ditubuhkan untuk mengembangkan bahasa kebangsaan negara anggota supaya menjadi bahasa yang setaraf dengan bahasa moden yang lain
Majlis Keselamatan Negara	Majlis yang bertanggungjawab atas aspek keselamatan negara. Dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan menteri-menteri kanan sebagai ahli.
Majlis Kewangan Negara	Majlis yang bertanggungjawab menyelaraskan hal-ehwal kewangan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.
Majlis Mesyuarat Kerajaan	Badan tertinggi yang menjalankan kuasa eksekutif Kerajaan Negeri.
Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan	Majlis yang bertanggungjawab menyelaraskan hal-ehwal kerajaan tempatan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.
Majlis Perancang Negara	Majlis yang menimbangkan segala dasar penting ekonomi yang mempengaruhi pembangunan negara. Dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan menteri-menteri kanan sebagai ahli.
Majlis Raja-Raja	Majlis yang terdiri daripada semua raja Melayu dan Yang Dipertua Negeri dan mempunyai kuasa tertentu.

Majlis Tanah Negara	Majlis yang bertanggungjawab menyelaraskan hal ehwal tanah antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.
Majlis Tindakan Negara	Badan tertinggi Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan menteri-menteri kanan sebagai ahli.
Maphilindo	Persatuan kerjasama serantau yang ditubuhkan oleh Malaysia, Filipina dan Indonesia pada tahun 1963.
Matlamat	Tujuan-tujuan umum yang ingin dicapai.
<i>Mutatis mutandis</i>	Dengan pindaan-pindaan tertentu.
Negara	Sesuatu masyarakat politik yang mempunyai ciri-ciri (a) sempadan yang tertentu; (b) penduduk; (c) kerajaan yang teratur dan (d) kedaulatan.
OECD (Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi)	Pertubuhan negara-negara maju dunia barat yang bertujuan membantu pertumbuhan ekonomi negara-negara ahli.
OIC(Pertubuhan Persidangan Islam)	Pertubuhan negara-negara Islam yang bertujuan memupuk perpaduan dan kemajuan umat Islam.
OPEC (Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum)	Pertubuhan negara-negara pengeksport petroleum utama Dunia Ketiga yang bertujuan memajukan kepentingan bersama.
Order Baru Ekonomi Dunia	Melambangkan usaha-usaha negara Dunia Ketiga untuk membetulkan ketidaksamaan dalam susunan ekonomi antarabangsa yang sedia ada serta mengurangkan

jurang perbezaan antara negara-negara membangun dengan negara-negara maju.

Ordinan	Undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan Persekutuan antara 1 Februari 1948 dan 10 September 1959; undang-undang yang dibuat oleh Dewan Negeri Sabah dan Sarawak.
Organisasi	Unit sosial yang dibentuk sebegitu rupa untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu.
<i>Ouarti</i>	Barang-barang atau perkhidmatan yang dihasilkan.
Parlimen	Badan Perundangan Persekutuan.
Pentadbiran	Kerjasama manusia untuk mencapai objektif-objektif tertentu.
Pentadbiran awam	Segala proses dan aktiviti (termasuk personel) yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar awam.
Penyelarasian	Proses memastikan bahawa berbagai-bagai bahagian dan personel sesuatu organisasi bekerja bersama-sama secara cekap dan berkesan.
Perbadanan awam	Pertubuhan-pertubuhan perbadanan yang diperbadankan oleh Kerajaan melalui undang-undang atau di bawah Akta Syarikat untuk maksud-maksud tertentu.
Perang dingin	Ketegangan antara Amerika Syarikat dengan Soviet Union (termasuk negara-negara sekutu mereka) selepas Perang Dunia Kedua.
Perlembagaan	Sebuah dokumen atau dokumen-dokumen yang mengandungi undang-undang tertinggi bagi mewujudkan satu sistem kerajaan yang teratur.

Perpaduan	Proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta memiliki perasaan cinta dan banggakan tanahair.
Perundangan	Segala undang-undang yang diluluskan oleh sesuatu badan yang ditubuhkan bagi maksud tersebut.
Perundangan subsidiari	Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat oleh seseorang atau badan di bawah kuasa yang diwakilkan atau diberikan oleh Akta Parlimen atau Enakmen Dewan-dewan Negeri.
Portfolio	Tugas seseorang menteri atau sesebuah jabatan.
<i>Prima facie</i>	Pada zahirnya atau bukti yang mencukupi.
Produktiviti (Daya Pengeluaran)	Konsep yang merangkumi kedua-dua unsur kecekapan dan keberkesanan.
Rang undang-undang	Usul bertulis yang dibentangkan dalam Parlimen untuk diluluskan sebagai undang-undang.
<i>Red-tape</i>	Penekanan yang keterlaluan terhadap peraturan-peraturan dalam pentadbiran.
Referendum	Pemungutan suara rakyat mengenai sesuatu hal politik yang penting.
Senarai Bersama	Perkara-perkara bagi mana kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang.
Senarai Negeri	Perkara-perkara bagi mana Kerajaan Negeri

	mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang.
Senarai Persekutuan	Perkara-perkara bagi mana Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang.
<i>Sine die</i>	Tanpa tarikh, iaitu sesuatu majlis ditangguhkan tanpa menetapkan tarikh untuk bersidang semula.
Sistem	Satu set komponen-komponen yang saling berkait dan berfungsi bersama-sama untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu.
Statut	Undang-undang yang diluluskan oleh sesebuah badan perundangan.
Strategi	Cara-cara mencapai sesuatu matlamat.
Struktur	Meliputi unsur-unsur fungsi, kuasa, penyelarasian, perhubungan, kawalan dan tanggungjawab yang merupakan asas bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti organisasi.
Suruhanjaya	Badan bebas yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mentadbirkan hal ehwal awam tertentu dengan cara yang adil, saksama dan tanpa pengaruh politik.
Syarat-syarat	Nisbah harga purata eksport dengan harga purata perdagangan import.
Tarif	Cukai atau duti yang dikenakan ke atas barang yang diimport.
Teori Sistem	Teori yang menganggap organisasi sebagai satu sistem terbuka yang saling bertindak dengan alam sekitarnya.

UNCTAD (Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan)	Satu badan pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang bertujuan menggalakkan perdagangan antarabangsa dengan tumpuan kepada masalah-masalah perdagangan dan imbalan pembayaran negara Dunia Ketiga.
Undang-undang	Peraturan-peraturan tingkah laku yang dibuat oleh sesebuah badan perundungan atau dipersejui secara umum oleh sesuatu masyarakat.
Undang-undang Adat	Adat sesebuah masyarakat yang memperolehi sifat undang-undang secara beransur-ansur.
<i>Ultra vires</i>	Di luar kuasa undang-undang.
Writ	Perintah rasmi mahkamah yang bertulis.
Zon Ekonomi Ekskusif	Kawasan berdampingan seluas 200 batu dari pantai di mana negara pantai mempunyai kedaulatan untuk memgeksploitasi dan menguruskan sumber-sumber alam yang terdapat di kawasan tersebut.
ZOPFAN (Zon Aman, Bebas dan Berkecuali)	Konsep ASEAN yang bertujuan menjamin dan kestabilan politik di Asia Tenggara dengan mengelakkan campur tangan politik dan ketenteraan kuasa-kuasa besar dalam hal-hal rantau tersebut.

## JAWAPAN BAGI SOALAN OBJEKTIF

### BAB SATU

1. D 2. D 3. A 4. A 5. E 6. C  
7. B 8. C 9. B 10. C 11. B 12. A

### BAB DUA

1. C 2. A 3. C 4. C 5. C 6. B  
7. B 8. B 9. B 10. D 11. B 12. C

### BAB TIGA

1. A 2. C 3. C 4. A 5. D 6. D  
7. C 8. D 9. C 10. E 11. C 12. D

### BAB EMPAT

1. B 2. B 3. E 4. A 5. B  
6. D 7. B 8. C 9. C 10. C  
11. B 12. A 13. A 14. A 15. B

### BAB LIMA

1. B 2. C 3. E 4. B 5. B  
6. A 7. B 8. B 9. B 10. E  
11. A 12. A 13. A

### BAB ENAM

1. C 2. C 3. D 4. D 5. B 6. D  
7. C 8. E 9. C 10. A

### BAB TUJUH

1. B 2. B 3. B 4. B 5. C 6. A  
7. C 8. E 9. D 10. A

**BAB LAPAN**

1. B 2. A 3. C 4. C 5. C 6. B  
7. A 8. A 9. D 10. C 11. D 12. E

**BAB SEMBILAN**

1. D 2. A 3. A 4. A 5. B 6. A  
7. A 8. B 9. A 10. A 11. C 12. A

**BAB SEPULUH**

1. A 2. E 3. C 4. D 5. E 6. E  
7. B 8. A 9. D 10. D

**BAB SEBELAS**

1. C 2. B 3. A 4. A 5. C 6. B  
7. E

**BAB DUA BELAS**

1. C 2. C 3. B 4. D 5. A 6. B  
7. A 8. B 9. B 10. B 11. B 12. A

**BAB TIGA BELAS**

1. B 2. D 3. B 4. B 5. A 6. A  
7. C 8. A

**BAB EMPAT BELAS**

1. C 2. B 3. B 4. B 5. E 6. A  
7. B 8. B 9. E 10. A

## BIBLIOGRAFI TERPILIH

### A. BUKU-BUKU

- Abdullah Ahmad, *Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy 1963-1970*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1985.
- Abdullah Sanusi Ahmad, *Kerajaan dan Pentadbiran Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980.
- Abdul Aziz bin Zakaria (Datuk), *Pengenalan kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.
- Abu Zahari Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1980.
- Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987.
- Ahmad Mohamed Ibrahim (Prof) dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.
- Altaf Gauhar (ed.), *Third World Strategy. Economic and Political Cohesion in the South*, Praeger Publishers, New York, 1986.
- Amreshwar Avasthi dan Shriram Maheshawari, *Public Administration*, Lakshmi Warain Agarwal, Agra, 1974.
- Argyris, Chris, *Understanding Organizational Behavior*, Dorsey Press, Homewood (Illinois), 1960.
- Aziz Deraman, *Perancangan dan Pentadbiran Kebudayaan Di Malaysia*, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1983.
- Chang Ming Phang, *Perkembangan Pelajaran Dalam Masyarakat Berbilang Kaum*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974.
- Chew Hock Thye, *Masalah Perpaduan Nasiona*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975.

- Corson, John J. dan Harris, Joseph P., *Public Administration in Modern Society*, McGraw-Hill Book Co. Inc., New York, 1963.
- Emerson, Rupert, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964.
- Esman, Milton J., *Administration and Development in Malaysia*, Cornell University Press, Ithaca, 1972.
- Etzioni, Amitai, *Modern Organizations*, Prentice-Hall Inc., Englewood Cliffs (New Jersey), 1964.
- Farooq Sobhan, *Opportunities for South-South Cooperation*, Institute of Strategic and International Studies Malaysia, Kuala Lumpur, 1987.
- Gordon, George J., *Public Administration in America*, St. Martins Press, New York, 1986.
- Hickling, R.H., *Malaysian Law*, Professional (Law) Books Publishers, Kuala Lumpur, 1987.
- Institut Tadbiran Awam Negara, *Negara Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*, Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1982.
- Jones, Charles A., *The North-South Dialogue: A Brief History*, St. Martin's Press, New York, 1983.
- Kapoor, A C, *Principles of Political Science*, S. Chand and Co. Ltd., New Delhi, 1979.
- Kast, Fremont E. dan Rosenzweig, James E., *Organizations and Management: A Systems Approach*, McGraw-Hill Book Co., New York, 1970.
- Katz, Daniel dan Kahn, Robert L., *The Social Psychology of Organizations*, John Wiley and Sons, New York, 1978.
- Lee Yong Leng, *Southeast Asia and the Law of the Sea*, Singapore University Press, Singapore, 1980.
- Means, Gordon, P., *Malaysia Politics*, University of London Press, 1970.

- Milne, R.S. dan Mauzy, D.K., *Politik dan Kerajaan Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.
- Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union To Singapore Separation*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.
- Mohamed Suffian bin Hashim (Tun), *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.
- Mohamed Suffian (Tun), Lee, H.P. dan Trindade, F.A. (ed), *Perlembagaan Malaysia Perkembangannya: 1957-1977*, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd., Petaling Jaya, 1984.
- Noordin Sopiee, Chew Lay See dan Lim Siang Jin, *ASEAN at the Crossroads*, ISIS Malaysia, Kuala Lumpur, 1987.
- Polomka, Peter, *Ocean Politics in Southeast Asia*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, 1978.
- Rodee, C.C. et. al., *Introduction to Political Science*, McGraw- Hill Book Co., New York, 1967.
- Rajendran, M., *ASEAN'S Foreign Relations : The Shift to Collective Action*, Arena Buku Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1987.
- Ranjit Singh Malhi, *Panduan Jawapan Peperiksaan Am Kerajaan*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1985.
- Sahathevan Meyanathan, *Primary Commodities: Problems and Prospects*, Institute of Strategic and International Studies, Kuala Lumpur, 1986.
- Saunders, John, B., *Mozley and Whiteley's Law Dictionary*, Butterworth and Co. Ltd., London, 1977.
- Schein, Edgar, H., *Organizational Psychology*, Practice-Hall Inc., Englewood Cliffs, 1980.
- Steven, I.N., *Constitutional and Administrative Law*, Macdonald and Evans, London, 1984.

- Todaro, Michael, P., *Economic Development in the Third World*, Longman, New York, 1983.
- Wan Hashim, *Race Relation in Malaysia*, GHeinemann Educational Books (Asia) Ltd, Kuala Lumpur, 1983.
- Wheare, K.C., *Modern Constitutions*, University Press, New York, 1966.
- Wu Min Aun, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*, Heinemann (Malaysia) Sdn Bhd., Kuala Lumpur, 1986.
- Zuraina Majid (ed.), *Masyarakat Malaysia: Tinjauan dan Perbincangan Terhadap Beberapa Isu dan Topik Semasa*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1982.

#### B. BAHAN-BAHAN TERBITAN KERAJAAN

- Jabatan Perdana Menteri, *Garis Panduan Mengenai Penswastaan*, Kuala Lumpur, 1985.
- Jabatan Perdana Menteri, *Panduan Perkhidmatan Cemerlang*, Kuala Lumpur, 1979.
- Jabatan Perdana Menteri, *Buku Panduan Pembangunan Daerah*, Kuala Lumpur, 1987.
- Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia: *Organisasi dan Fungsi*, Kuala Lumpur, 1987.
- Kementerian Kewangan Malaysia, *Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1986*, Kuala Lumpur, 1985.
- Kementerian Kewangan Malaysia, *Laporan Ekonomi 1987/1988*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1987.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979*, Kuala Lumpur, 1982.
- Kementerian Penerangan Malaysia, *Buku Rasmi Malaysia 1986*, Kuala Lumpur.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, *Intisari Dagang*, Kuala Lumpur, 1987.

*Kepimpinan Melalui Teladan*, Jabatan Percetakan Negara, 1983.

*Pekeliling Am Bil.2*. Tahun 1982

*Pekeliling Am Bil.3*. Tahun 1984

*Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1986.

*Unit Perancang Ekonomi Organisasi dan Fungsi-fungsi*, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1983.

### C. ARTIKEL DAN KERTAS KERJA

Abdul Mues Jabal, "Persyarikatan Malaysia", *Dewan Masyarakat*, Jld. 21, 15 Mei 1983.

Abdul Rahim Abdul Rashid, "Polarisasi Kaum Di Kalangan Mahasiswa Universiti Semakin Membimbangkan," *Utusan Malaysia*, 25 Ogos 1987.

Ahmad bin Haji Kambar, "Konsep Integrasi Nasional - Satu Pendekatan," *Balai Muhibbah*, Julai/Ogos/September 1987.

Chamil Wariya, "Dasar Luar Malaysia Berubah Menurut Perkembangan," *Utusan Malaysia*, 31 Ogos 1987.

Ismail Awang, "Kepimpinan Yang Boleh DiTeladani;" *Dewan Masyarakat*, Jld. 21, 15 Jun 1983.

Nathan, K.S. (Dr.), "Masalah Kerjasama Politik dan Keselamatan," *Dewan Masyarakat*, Jld. 25, November, 1987.

Reduan Aslie, M., "Dadah Musuh Sosial Musuh Negara," *Dewan Masyarakat*, Jld.21, 15 Mac 1983.

Takiyuddin, S.A., "Kepimpinan Melalui Teladan," *Dewan Masyarakat*, Jld.21, 15 Mac 1983.

Thean Lip Shen dan Abdul Hanan Alang Endut, "The Restructured Local Government System in Peninsular Malaysia: An Overview," kertas yang dibentangkan dalam Kursus Kewangan dan Pengurusan Bandar di Sri Lanka, Februari 10-Mac 21 1986.

#### D. AKHBAR-AKHBAR

Berita Harian  
 New Straits Times  
 The Malay Mail  
 The Star  
 Utusan Malaysia

#### E. LAIN-LAIN

*Annual Report of the ASEAN Standing Committee 1985-1986*, ASEAN Secretariat, Jakarta.

Dewan Bahasa dan Pustaka, *Berita MABBIM*, Jun 1987.

Dewan Bahasa dan Pustaka, *Berita Peristilahan*, Mei 1986.

*Perlembagaan Persekutuan*, International Law Book Services, Kuala Lumpur, 1987.

*Selangor and Federal Territory Bar Committee, Pekeliling No: 15/87*, Kuala Lumpur, 1987.

Tan Sri Ghazali Shafie, "Malaysian Foreign Policy - Certain Aspect," Ucapan kepada Royal Commonwealth Society pada 25 Julai 1983.

Tengku Ahmad Rithauddean, "Malaysia in Regional and World Affairs," Ucapan di Malaysian International Affairs Forum, 29 Januari 1986.